

**PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA
DALAM ANTOLOGI CERPEN
BAHASA KOREA - BAHASA MELAYU
*PERJALANAN KE SAMP'Ō***

CHO MINSUNG

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

**PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA
DALAM ANTOLOGI CERPEN
BAHASA KOREA - BAHASA MELAYU
*PERJALANAN KE SAMP'Ō***

CHO MINSUNG

**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMPEROLEHI
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH**

**AKADEMI PENGAJIAN MELAYU
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR**

2016

UNIVERSITI MALAYA
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: CHO MINSUNG

No. Pendaftaran/Matrik: JHA120004

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis (“Hasil Kerja ini”):

PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA DALAM ANTOLOGI CERPEN
BAHASA KOREA - BAHASA MELAYU *PERJALANAN KE SAMP’O*

Bidang Penyelidikan: Penterjemahan

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

- (1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
- (2) Hasil Kerja ini adalah asli;
- (3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejasanya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
- (4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
- (5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya (“UM”) yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
- (6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan Calon

Tarikh:

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi

Tarikh:

Nama:

Jawatan

ABSTRAK

Kajian ini membincangkan strategi penterjemahan dan kebolehterjemahan yang digunakan dalam terjemahan teks antologi cerpen bahasa Korea dan bahasa Melayu. Proses menterjemah melibatkan dua bahasa dan budaya yang berbeza. Proses menterjemah bukan hanya melibatkan satu proses pemindahan antara bahasa, tetapi juga satu komunikasi antara budaya yang berbeza. Oleh itu, penterjemah yang tidak memahami kehidupan dan budaya masyarakat yang terlibat dalam teks terjemahannya, boleh mengakibatkan berlakunya kesilapan yang menimbulkan salah faham dan menyinggung perasaan, memberikan maklumat atau keterangan yang menyeleweng atau salah sama sekali, malah menimbulkan kesan yang tidak diinginkan. Pendekatan pertama yang digunakan adalah berdasarkan pandangan tiga orang sarjana iaitu, Keesing (1958), Newmark (1988) dan Katan (2012). Pendekatan kedua yang digunakan untuk menganalisis data berkaitan strategi terjemahan Venuti (1995), iaitu terjemahan berunsur tempatan dan terjemahan berunsur asing. Pengkaji akan menggunakan prosedur Newmark (1988) dan Aixelá (1996). Pengkaji akan menggunakan soal selidik untuk menghuraikan kebolehterjemahan untuk menjelaskan pendekatan penterjemahan berunsur tempatan dan penterjemahan berunsur asing. Kajian ini menganalisis tentang pengenalan tentang terjemahan, pendekatan literatur, strategi penterjemahan unsur budaya, kebolehterjemahan dan hasil perbandingan daripada teks sumber dan teks sasaran. Dalam kajian ini, pengkaji mendapat bahawa strategi penterjemahan unsur budaya ialah pelbagai dan tidak terikat pada satu pendekatan. Hasil pilihan strategi penterjemahan unsur budaya Korea dan Malaysia bergantung pada kewujudan unsur budaya bahasa sumber dalam bahasa sasaran. Kajian ini juga akan menyumbang pengetahuan baru kepada penterjemah dan juga membantu golongan yang terlibat dalam industri penterjemahan.

ABSTRACT

This research discusses the translation strategies and translatability in translating an anthology of Korean and Malay short stories. The process of translation involves two different languages and cultures. The translation process does not only involve a process of transference between languages, but it is also a communication between two different cultures. Therefore, a translator who does not understand the life and culture of the society involved in the translation texts would make mistakes that lead to misunderstanding and offended certain people, providing information or aberrant testimony or completely false information, and even caused an unwanted effect. The first approach used is based on three scholars, Keesing (1958), Newmark (1988) and Katan (2012). The second approach used to analyze the data is based on Venuti's (1995) translation strategies namely domestication and foreignization. The researcher applied Newmark (1988) and Aixelá (1996) procedures. The researcher used questionnaires parsing the translatability to explain the approach of domestication translation and foreignization translation. This research analyzed pertains the introduction of translation, literature approach, domestication translation strategy, translatability and comparison outcome from source texts and target texts. In this research, the researcher found that domestication translation strategy are varied and not only bound to one approach. The choice of Korean and Malaysian domestication translation depends on the existence of domesticated source language in the target language. This research will also contributes new knowledge to translators and also help the people involve in the translation industry.

PENGHARGAAN

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan sekalung penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga kepada penyelia, iaitu Prof. Madya Dr. Puteri Roslina Abd Wahid yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan bimbingan dengan penuh dedikasi. Terima kasih atas komentar yang membina sehingga saya dapat menyempurnakan tesis ini.

Ucapan terima kasih turut ingin saya huluskan kepada pensyarah-pensyarah dari Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang memperkenankan nilai profesionalisme dan komitmen yang tinggi dalam perkongsian ilmu. Ucapan terima kasih juga kepada pensyarah-pensyarah di Jabatan Bahasa Melayu-Indonesia, Hankuk Universiti of Foreign Studies dan pelajar-pelajar kemahiran bahasa Melayu, Hankuk Universiti of Foreign Studies yang telah memberikan kerjasama sepenuhnya semasa proses pengumpulan data.

Saya juga ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Chung Young Rhim, Dr. Kim Keum Hyun, Prof. Madya Rou Seung Yoan, Dr. Kim Hyung Jong, Korean Association of Southeast Asian Studies, Psoco TJ Park Foundation, dan rakan-rakan Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya yang turut sama memberikan panduan dan nasihat kepada saya sehingga selesainya penulisan saya ini.

Akhir sekali, ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada ibu bapa, serta kakak saya yang sanggup memberikan pelbagai pengorbanan serta berdiri di belakang saya sepanjang kajian ini dijalankan. Kepada semua rakan lain yang tidak dapat saya namakan satu persatu, terima kasih atas segala bantuan, sokongan dan galakan.

CHO MINSUNG

Akademi Pengajian Mealyu

Universiti Malaya

2016

ISI KANDUNGAN

Abstrak.....	iii
Abstract.....	iv
Penghargaan.....	v
Isi Kandungan.....	vi
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah.....	xi
Senarai Singkatan.....	xiv
BAB 1 : PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	3
1.2.1 Hubungan antara Korea dan Malaysia	4
1.2.1.1 Sejarah Perkembangan Penterjemahan Bahasa Melayu di Korea.....	5
1.2.1.2 Sejarah Perkembangan Penterjemahan Bahasa Korea di Malaysia.....	11
1.2.2 Konsep Budaya	15
1.2.2.1 Perbandingan Budaya Material Antara Korea dan Malaysia.	17
1.2.2.2 Perbandingan Budaya Bukan Material Antara Korea dan Malaysia	18
1.3 Permasalahan Kajian.....	21
1.4 Persoalan Kajian.....	23
1.5 Objektif Kajian.....	24
1.6 Kepentingan Kajian.....	24
1.7 Bahan Kajian.....	26
1.8 Batasan Kajian.....	31
1.9 Definisi Operasional.....	32
1.9.1 Penterjemahan.....	32
1.9.2 Strategi Penterjemahan.....	33
1.9.3 Prosedur Penterjemahan.....	38
1.9.4 Kebolehterjemahan	44
1.9.5 Budaya.....	46
1.10 Rumusan	47

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.1	Pendahuluan.....	48
2.2	Kajian Tentang Penterjemahan.....	48
2.3	Kajian Penterjemahan Teks Berkaitan Unsur Budaya.....	60
2.4	Kajian Penterjemahan Teks Berkaitan Kebolehterjemahan.....	81
2.5	Analisis Sorotan Kajian.....	88
2.5.1	Aspek Unsur Budaya.....	89
2.5.2	Aspek Strategi Penterjemahan.....	92
2.5.3	Aspek Kebolehterjemahan.....	94
2.6	Rumusan.....	95

BAB 3 : PENDEKATAN DAN METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pendahuluan.....	96
3.2	Kerangka Pendekatan.....	96
3.2.1	Kerangka Pendekatan Penterjemahan Unsur Budaya	97
3.2.1.1	Ekologi.....	101
3.2.1.2	Budaya Material.....	101
3.2.1.3	Kepercayaan.....	102
3.2.1.4	Kawalan Sosial.....	102
3.2.1.5	Organisasi Sosial.....	103
3.2.1.6	Gerak Isyarat dan Tabiat.....	104
3.2.2	Kerangka Strategi dan Prosedur Penterjemahan.....	104
3.3	Metdologi Kajian	110
3.4	Kajian Awal.....	117
3.5	Rumusan	123

BAB 4 : KLASIFIKASI UNSUR BUDAYA DALAM TERJEMAHAN BAHASA KOREA-BAHASA MELAYU

4.1	Pendahuluan.....	124
4.2	Penterjemahan Budaya.....	124
4.3	Ekologi.....	126
4.4	Budaya Material.....	132
4.5	Kepercayaan dalam Penterjemahan.....	137
4.6	Kawalan Sosial.....	141
4.7	Organisasi Sosial.....	144
4.8	Gerak Isyarat dan Tabiat.....	148
4.9	Rumusan.....	150

**BAB 5 : ANALISIS STRATEGI PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA
BAHASA KOREA-BAHASA MELAYU**

5.1	Pendahuluan.....	151
5.2	Penterjemahan Berunsur Tempatan.....	152
5.2.1	Prosedur Penyejagatan Mutlak.....	152
5.2.2	Prosedur Penyejagatan Terbatas.....	175
5.2.3	Prosedur Penyejagatan Pencairan.....	188
5.2.4	Prosedur Penyejagatan Naturalisasi.....	193
5.2.5	Prosedur Penyejagatan Pengguguran.....	197
5.2.6	Prosedur Penyejagatan Sinonim.....	198
5.3	Penterjemahan Berunsur Asing.....	200
5.3.1	Prosedur Gloss Intrateks.....	200
5.3.2	Prosedur Pemindahan.....	213
5.3.3	Prosedur Gloss Ekstrateks.....	219
5.3.4	Prosedur Pinjam Terjemah (<i>Calque</i>).....	221
5.4	Rumusan.....	222

**BAB 6 : KEBOLEHTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA BAHASA KOREA
KE DALAM BAHASA MELAYU**

6.1	Pendahuluan.....	224
6.2	Kebolehterjemahan Budaya Ekologi.....	225
6.2.1	Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Budaya Ekologi.....	228
6.2.2	Pandangan Kebolehterjemahan Budaya Ekologi.....	232
6.3	Kebolehterjemahan Budaya Material.....	242
6.3.1	Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Budaya Material.....	245
6.3.2	Pandangan Kebolehterjemahan Budaya Material.....	250
6.4	Kebolehterjemahan Budaya Kepercayaan.....	261
6.4.1	Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Budaya Kepercayaan.....	264
6.4.2	Pandangan Kebolehterjemahan Budaya Kepercayaan.....	270
6.5	Kebolehterjemahan Budaya Kawalan Sosial.....	281
6.5.1	Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Budaya Kawalan Sosial.....	285
6.5.2	Pandangan Kebolehterjemahan Budaya Kawalan Sosial.....	290
6.6	Kebolehterjemahan Budaya Organisasi Sosial.....	302
6.6.1	Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Budaya Organisasi.....	

Sosial.....	306
6.6.2 Pandangan Kebolehterjemahan Budaya Organisasi Sosial.....	311
6.7 Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat.....	322
6.7.1 Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat.....	325
6.7.2 Pandangan Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat.....	330
6.8 Rumusan.....	342
BAB 7 : KESIMPULAN	
7.1 Pengenalan.....	344
7.2 Implikasi Dapatan Kajian.....	344
7.2.1 Jenis Unsur Budaya dalam Teks BK (삼포 가는 길) dan Terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Sampo).....	345
7.2.2 Strategi Penterjemahan Unsur Budaya yang Digunakan dalam Teks BK (삼포 가는 길) dan Terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Sampo).....	346
7.2.3 Huraian Kebolehterjemahan Unsur Budaya dalam Teks BK (삼포가는 길) dan Terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Sampo).....	349
7.3 Cadangan Kajian Selanjutnya.....	351
7.4 Rumusan.....	355
RUJUKAN.....	356
LAMPIRAN I.....	365
LAMPIRAN II.....	366
LAMPIRAN III.....	379

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1 :	Kerangka Pendekatan.....	97
Rajah 3.2 :	Klasifikasi Budaya yang diubah suai daripada Keesing (1958), Newmark(1988) dan Katan (2012).....	100
Rajah 3.3 :	Kerangka Strategi oleh Venuti (1996).....	105
Rajah 3.4 :	Taksonomi Prosedur Penterjemahan diubah suai daripada Newmark (1988) dan Aixelá (1996)	109
Rajah 3.5 :	Kerangka Strategi dan Prosedur Penterjemahan diubah suai daripada oleh Newmark (1988), Venuti (1995) dan Aixelá (1996)..	110
Rajah 3.6 :	Contoh Analisis Data.....	118
Rajah 3.7 :	Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Tempatan Menggunakan Prosedur Penyejagatan Mutlak.....	118
Rajah 3.8 :	Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Asing Menggunakan Prosedur Pemindahan.....	119
Rajah 3.9 :	Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Asing Menggunakan Prosedur Gloss Intrateks.....	120
Rajah 3.10 :	Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Asing Menggunakan Prosedur Calque.....	120
Rajah 3.11 :	Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Tempatan Menggunakan Prosedur Penyejagatan Terbatas.....	121
Rajah 3.12 :	Contoh Soal Selidik.....	123

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1:	Hasil Karya Terjemahan BK ke BM.....	7
Jadual 1.2 :	Hasil Karya Terjemahan BM ke BK.....	14
Jadual 1.3 :	Senarai Strategi Newmark (1988).....	35
Jadual 1.4 :	Definisi Prosedur oleh Aixelá (1996: p.61-65)	41
Jadual 1.5:	Definisi Prosedur oleh Hervey & Higgins (1992)	42
Jadual 1.6 :	Senarai Prosedur oleh Sager (1983), Graedler (2000) dan Harvey (2000).....	43
Jadual 2.1 :	Rumusan tentang Aspek Unsur Budaya.....	90
Jadual 2.2 :	Rumusan tentang Aspek Strategi Terjemahan.....	93
Jadual 2.3 :	Rumusan tentang Aspek Kebolehterjemahan.....	94
Jadual 3.1 :	Jumlah Data Daripada Teks.....	111
Jadual 4.1:	Unsur Budaya Ekologi untuk Kategori Flora.....	127
Jadual 4.2 :	Unsur Budaya Ekologi bagi Kategori Fauna.....	129
Jadual 4.3 :	Unsur Budaya Kategori bagi Ekologi Iklim.....	130
Jadual 4.4 :	Unsur Budaya Ekologi bagi Kategori Muka Bumi.....	131
Jadual 4.5 :	Unsur Budaya Material bagi Kategori Artifak.....	133
Jadual 4.6 :	Unsur Budaya Material bagi Kategori Alat Muzik.....	134
Jadual 4.7 :	Unsur Budaya Material bagi Kategori Kediaman.....	135
Jadual 4.8 :	Unsur Budaya Material bagi Kategori Makanan.....	137
Jadual 4.9 :	Unsur Budaya Kepercayaan bagi Kategori Kepercayaan Karut.....	138
Jadual 4.10 :	Unsur Budaya Kepercayaan bagi Kategori Peribahasa.....	140
Jadual 4.11 :	Unsur Budaya Kawalan Sosial bagi Kategori Ideologi.....	141
Jadual 4.12 :	Unsur Budaya Kawalan Sosial bagi Kategori Undang-Undang.....	143
Jadual 4.13:	Unsur Budaya Kawalan Sosial bagi Kategori Etika dan Moral.....	144
Jadual 4.14 :	Unsur Budaya Organisasi Sosial bagi Kategori Umur.....	145
Jadual 4.15 :	Unsur Budaya Organisasi Sosial bagi Kategori Perkahwinan.....	146
Jadual 4.16 :	Unsur Budaya Organisasi Sosial bagi Kategori Keluarga.....	147
Jadual 4.17 :	Unsur Budaya bagi Kategori Gerak Isyarat dan Tabiat.....	148
Jadual 5.1 :	Senarai Strategi Penterjemahan.....	151
Jadual 6.1 :	Pandangan responden Kebolehterjemahan Budaya Ekologi.....	225
Jadual 6.2 :	Alasan Orang Korea tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi.....	229

Jadual 6.3 :	Alasan Orang Malaysia tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi.....	230
Jadual 6.4 :	Alasan Orang Korea tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi.....	231
Jadual 6.5 :	Alasan Orang Malaysia tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi.....	232
Jadual 6.6 :	Pandangan Pengkaji tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi.....	241
Jadual 6.7 :	Pandangan Responden Kebolehterjemahan Unsur Budaya Material.....	242
Jadual 6.8 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Material yang Boleh Terjemah	246
Jadual 6.9 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Material yang Boleh Terjemah	247
Jadual 6.10 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Material yang Tidak Boleh Terjemah.....	249
Jadual 6.11 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Material yang Tidak Boleh Terjemah.....	250
Jadual 6.12 :	Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Material...	259
Jadual 6.13 :	Pandangan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kepercayaan.....	261
Jadual 6.14 :	Alasan Orang Korea tentang budaya kepercayaan yang Boleh Terjemah.....	266
Jadual 6.15 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Kepercayaan yang Boleh Terjemah.....	267
Jadual 6.16 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Kepercayaan yang Tidak Boleh Terjemah.....	269
Jadual 6.17 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Kepercayaan yang Tidak Boleh Terjemah.....	270
Jadual 6.18 :	Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kepercayaan.....	280
Jadual 6.19 :	Pandangan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kawalan Sosial.....	282
Jadual 6.20 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Kawalan Sosial yang Boleh Terjemah.....	286

Jadual 6.21 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Kawalan Sosial yang Boleh Terjemah.....	288
Jadual 6.22 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Kawalan Sosial yang Tidak Boleh Terjemah.....	289
Jadual 6.23 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Kawalan Sosial yang Tidak Boleh Terjemah.....	290
Jadual 6.24 :	Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kawalan Sosial.....	301
Jadual 6.25 :	Pandangan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Organisasi Sosial.....	303
Jadual 6.26 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Organisasi Sosial yang Boleh Terjemah.....	307
Jadual 6.27 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Organisasi Sosial yang Boleh Terjemah.....	308
Jadual 6.28 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Organisasi Sosial yang Tidak Boleh Terjemah.....	309
Jadual 6.29 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Organisasi Sosial yang Tidak Boleh Terjemah.....	310
Jadual 6.30 :	Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Organisasi Sosial.....	321
Jadual 6.31 :	Pandangan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat.....	322
Jadual 6.32 :	Alasan Orang Malaysia tentang budaya Gerak Isyarat dan Tabiat yang Boleh Terjemah.....	327
Jadual 6.33 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat yang Boleh Terjemah.....	328
Jadual 6.34 :	Alasan Orang Korea tentang Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat yang Tidak Boleh Terjemah.....	329
Jadual 6.35 :	Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat yang Tidak Boleh Terjemah.....	330
Jadual 6.36 :	Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat.....	341

SENARAI SINGKATAN

BK	Bahasa Korea
BM	Bahasa Melayu
OK	Orang Korea
OM	Orang Malaysia
UBE	Unsur Budaya Ekologi
UBM	Unsur Budaya Material
UBK	Unsur Budaya Kepercayaan
UBKS	Unsur Budaya Kawalan Sosial
UBOS	Unsur Budaya Organisasi Sosial
UBGT	Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat

University of Malaysia

BAB 1 : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Penterjemahan merupakan operasi yang dilakukan pada bahasa, iaitu satu proses menggantikan teks dalam satu bahasa kepada satu teks dalam bahasa lain (Catford, 1996, p.1). Oleh itu, penterjemahan diklasifikasikan sebagai salah satu cara manusia berkomunikasi. Penterjemah berperanan sebagai pembuka ruang lingkup komunikasi ke peringkat global dalam penyebaran ilmu. Bidang penterjemahan seterusnya menjadi lebih penting dalam dunia moden yang mengalami ledakan maklumat pada masa kini. Bidang penterjemahan kini bukan hanya mendapat perhatian ahli linguistik tetapi juga pakar dalam bidang agama, sastera, sains, dan falsafah. Bahan-bahan yang diterjemahkan kini pula meliputi keseluruhan khazanah pengetahuan manusia. Penekanan khusus telah diberikan kepada pembaharuan-pembaharuan teknologi yang terpenting dalam hubungan politik dan komersial antara satu negara dengan negara lain, serta bidang sastera kreatif. Oleh itu, secara tidak disedari kerja-kerja ini telah menyebabkan pakar dalam pelbagai bidang menceburi bidang penterjemahan. Dalam proses penterjemahan antara dua bahasa, lazimnya penterjemah akan menghadapi pelbagai kesukaran dan cabaran. Bahasa dan budaya saling berkaitan atau yang dikatakan oleh Vermeer (2000), "*language is a part of a culture*" (p.222). Pada masa ini, terjemahan dilihat bukan sahaja sebagai proses peralihan dua bahasa berbeza tetapi juga melibatkan peralihan dua budaya.

Boas (1858-1942), dipetik daripada Duranti (1997), telah menegaskan bahawa hubungan antara budaya dengan bahasa adalah rapat, malah sebenarnya budaya dan bahasa saling mempengaruhi (p.24). Seterusnya, pengasas ilmu antropologi Amerika Syarikat itu menegaskan bahawa seseorang itu tidak dapat benar-benar memahami

budaya asing sekiranya tidak memahami sesuatu bahasa itu. Hal ini bermakna setiap bahasa mempunyai istilah-istilah budaya yang menggambarkan keunikan pengamal bahasa itu sendiri dan istilah-istilah tersebut sukar untuk difahami oleh pengamal bahasa yang lain. Oleh itu, satu alat perantara diperlukan untuk membolehkan pengamal sesuatu bahasa memahami budaya pengamal bahasa yang lain, iaitu penterjemahan daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Sekiranya tidak ada usaha penterjemahan dilakukan, kefahaman terhadap budaya asing oleh pengamal bahasa lain adalah hampir mustahil.

Hubungan erat antara bahasa dengan budaya ini dinyatakan oleh Sapir (2000). Beliau menegaskan bahawa bahasa ialah panduan bagi 'realiti sosial' dan panduan 'simbolik kepada budaya' (p.396). Hal ini dikatakan kerana bahasa digunakan oleh masyarakat dan mempunyai pengaruh dalam menentukan budaya. Bahasa cuma satu perantara untuk menggambarkan budaya sesebuah masyarakat. Menurut beliau, "dunia hakiki" ini pada amnya secara tidak disedari terbina daripada kebiasaan bahasa sesuatu kumpulan. Pada hakikatnya, tidak pernah terdapat dua bahasa yang mempunyai persamaan seratus-peratus (Sapir, 2000, p.397).

Larson (1984) juga mengakui bahawa bahasa merupakan sebahagian daripada budaya (p.431). Maka penterjemahan kini dilihat bukan sahaja sebagai proses peralihan dua bahasa tetapi juga melibatkan peralihan dua budaya. Menurut House (2000) pula, tidak ada bahasa yang wujud tanpa merangkumi konteks budaya dan tidak ada budaya yang dapat wujud jika tidak berpaksikan struktur bahasa semula jadi (p.79). Selain itu, Bassnett (1980) pula menyimpulkan bahawa "*language is the heart within the body of culture*"(p.14). Interaksi antara bahasa dengan budaya membawa kepada kelangsungan hidup. Bahasa telah menjadi satu alat yang penting dalam mengkaji dan memahami budaya sesuatu masyarakat.

Levi-Strauss (2000) pula berpendapat bahawa bahasa sebagai akibat daripada budaya atau sebahagian daripada budaya kerana bahasa yang dipertuturkan oleh sesuatu populasi merupakan cerminan budaya populasi tersebut (p.402). Beliau juga mendapati bahawa bahasa juga boleh dikatakan sebagai syarat budaya. Hal ini demikian kerana kita dapat mempelajari budaya kita sendiri melalui bahasa dan dunia material yang ada di luar lingkungan bahasa dan budaya adalah sama. Menurut Hodge dan Louie (1998) pula, budaya itu sendiri sebagai bahasa atau set bahasa yang terbentuk daripada jenis teks berlainan berkisar dalam pelbagai kekangan (p.7). Dalam hubungan antara bahasa dengan budaya, Newmark (1988) tidak menganggap bahasa sebagai satu komponen budaya sebenar yang unik (p.95). Menurut beliau, jika hal tersebut benar, maka penterjemahan merupakan kerja yang mustahil. Beliau berpendapat bahawa bahasa sebenarnya mengandungi kesemua jenis elemen bahasa, termasuklah rumus tatabahasa, sistem panggilan, dan juga kata-kata yang tidak mengandungi unsur-unsur universal. Sebenarnya, pandangan beliau ini tidak banyak perbezaan daripada pandangan pakar-pakar lain, cuma Newmark menekankan daripada sudut yang berlainan.

Kajian yang dijalankan ini memperlihatkan pertalian yang erat antara budaya dan penterjemahan. Kajian ini juga ingin membuka jalan untuk meneroka dan mendapatkan gambaran yang jelas tentang unsur budaya dalam penterjemahan teks daripada bahasa Korea (BK) ke dalam bahasa Melayu (BM).

1.2 Latar Belakang Kajian

Bahagian ini akan membincangkan hubungan antara Korea dengan Malaysia, sejarah penterjemahan bahasa Melayu (BM) di Korea dan sejarah penterjemahan bahasa Korea (BK) di Malaysia.

1.2.1 Hubungan antara Korea dan Malaysia

Jalinan hubungan antara Korea dan Alam Melayu telah wujud sejak abad ke-7 hingga abad ke-9 Masihi, iaitu pada zaman pemerintahan kerajaan Silla. Zaman kegemilangan kerajaan Silla telah menyaksikan penyatuan Semenanjung Korea pada tahun 668 Masihi. Melalui beberapa catatan tokoh-tokoh Cina seperti I-Ting yang menunjukkan bahawa terdapatnya bukti kewujudan perhubungan kerajaan Silla-Melayu pada zaman Kerajaan Sriwijaya-Silla (Chun, 2003, p.256-258). Berdasarkan catatan-catatan tersebut juga menunjukkan bahawa sudah ada jalan lazim yang disebut 'Jalan Rempah' (*Spice Road*) sebagai jalur perdagangan antarabangsa yang menghubungkan kawasan Timur dan Barat, iaitu Teluk Parsi-Lautan Hindi-India Sri Lanka-Teluk Melaka-Vietnam-Lautan China.

Hubungan Korea Selatan-Malaysia bermula pada tahun 1980-an apabila Malaysia menekankan 'Dasar Pandang ke Timur' yang diilhamkan oleh bekas Perdana Menteri Malaysia, iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Melalui dasar ini, kerjasama yang ekonomi melibatkan Korea Selatan dan Jepun. Jalinan hubungan ini adalah untuk menjadikan negara-negara tersebut sebagai contoh terbaik daripada aspek nilai dan etika kerja yang positif untuk pembangunan Malaysia. Hubungan erat yang terjalin antara Korea Selatan – Malaysia bukan sahaja meliputi aspek ekonomi dan politik semata-mata, tetapi juga merangkumi aspek kebahasaan. Pada masa yang sama, kegiatan kebahasaan juga telah lama wujud di Korea Selatan apabila tertubuhnya Jabatan bahasa Malay-Indonesia pada tahun 1964, Jabatan Penterjemahan dan Interpretasi Jabatan bahasa Malay-Indonesia pada tahun 1982 di HUFS dan Jabatan Indonesia-Malaysia di Busan University of Foreign Studies (BUFS) pada tahun 1982. Selain itu, pengajaran BK bermula di Malaysia pada tahun 1980-an. Selaras dengan itu, universiti-universiti telah menawarkan kursus BK sebagai kursus pilihan, iaitu Universiti Malaya (UM), Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Usaha

ini telah diteruskan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan menawarkan program BK pada awal tahun 1990 dan diikuti oleh Universiti Sains Malaysia (USM) pada tahun 2006.

Bahasa, sastera, dan budaya adalah saling melengkapi sifatnya. Dalam aspek terjemahan pula, hasil penyelidikan ilmiah atau separa ilmiah yang diterbitkan merupakan usaha untuk mengerakkan dan menyemarakkan BM. Antara usaha yang dilakukan untuk menambahkan jumlah bahan-bahan kepustakaan adalah melalui kegiatan kebahasaan. Bahan-bahan tersebut diterbitkan dan diterjemah melalui kegiatan terjemahan. Karya-karya terjemahan pelbagai genre yang berfokus kepada ketiga-tiga unsur ini dapat mewujudkan dan memberikan gambaran persamaan, perbezaan, dan persefahaman yang dikongsi bersama. Kini, terdapat juga novel-novel dalam BK yang telah diterjemahkan ke dalam BM dan sebaliknya. Antara novel tersebut adalah seperti *Tamu Desa Terpencil : Antologi Cerpen Korea Sebelum Perang Dunia Kedua*, *Perjalanan ke Samp'o : Antologi Cerpen Korea Selepas Perang Dunia Kedua*, *Cerita Rakyat Korea*, dan *68 Soneta Pohon Ginkgo*. Demikian juga dengan novel yang berjudul *Nyawa di Hujung Pedang*. Karya tersebut adalah tulisan Ahmad Murad Nasaruddin yang diterbitkan semula pada tahun 2011 dalam dwibahasa, iaitu BK dan BM. Kegiatan terjemahan sentiasa dirancang untuk menyebarkan bahasa dan sastera Melayu ke Korea Selatan. Sebelum ini, banyak puisi Malaysia dan sastera Korea diterjemahkan oleh Chung Young-Rhim. Sebagai contoh, ITBM dengan kerjasama Persatuan Penulis Nasional (PENA) melancarkan antologi terjemahan puisi-puisi Malaysia ke BK pada tahun 1985.

1.2.1.1 Sejarah Perkembangan Penterjemahan BM di Korea

Penterjemahan moden di Korea pula telah dibahagikan kepada tiga tempoh. Pertama, tempoh awal (1900-1917) lebih merupakan percubaan awal bagi kerja penterjemahan.

Kedua, tempoh penggunaan pelbagai kaedah penterjemahan bagi menterjemahkan sesuatu karya (1918-1925). Ketiga, penterjemahan profesional (1926-1936) yang memperlihatkan kemajuan yang lebih baik dalam penterjemahan. Sebelum kemerdekaan negara Korea (1945), masyarakat di Korea Selatan sedikit sebanyak telah menghasilkan karya terjemahan dalam BK. Di samping itu, karya BK juga diperkenalkan kepada masyarakat luar. Pada abad ke-20 pula, buku akademik, buku sastera, dan lain-lain dari negara Barat mulai diterjemahkan ke dalam BK.

Pada tahun 1954 pula, Penclub, iaitu sebuah organisasi penterjemahan antarabangsa telah menubuhkan cawangan di Korea. Setahun kemudian, Korea telah menyertai 'Penclub' tersebut. Pada masa yang sama, *United Nations Educational, Scientific and Cultural Organization* (UNESCO) telah melancarkan 'perancangan penterjemahan bahasa sastera minoriti etnik' yang bertujuan sebagai pertukaran kebudayaan antarabangsa pada tahun 1960. Korea juga mendapat subsidi daripada UNESCO.

Sasterawan Korea juga telah menghasilkan banyak aktiviti terjemahan dalam pertubuhan tersebut. Pada tahun 1971, Persatuan Penterjemah Korea (PPK) telah ditubuhkan di Seoul, Korea. PPK telah memberikan impak yang lebih baik dalam bidang terjemahan, iaitu menaik taraf penterjemah profesional, terjemahan penyelidikan, dan pembangunan teknikal bagi meningkatkan kuantiti terjemahan. Pada tahun 1973, pemerintah Korea menubuhkan *Arts Council Korea* (ARKO) bagi memperkenalkan hasil terjemahan sastera Korea ke luar negara pada setiap tahun. Pada 1980-an, sastera Korea telah diperkenalkan kepada orang asing berikutan penubuhan ARKO (Kim, 2001).

Pada tahun 1996, *Korean Literature Translation Fund* (KLTF) telah ditubuhkan oleh kerajaan Korea. Pada tahun 2001, KLTF telah bertukar nama menjadi *Literature Translation Institute of Korea* (LTIK). LTIK berada di barisan hadapan dalam era globalisasi dan memberikan sokongan bagi penterjemahan dan penerbitan karya

kesusasteraan di Korea. Sehingga kini, LTIK juga berperanan sebagai badan perancangan bagi perkembangan kesusasteraan di Korea. Pertubuhan ini berfungsi untuk mempromosikan pertukaran antara bangsa, pertemuan pakar bidang, dan pembangunan bahasa kakitangan professional, di samping menjalankan penyelidikan terjemahan dan pembangunan dasar. Badan ini juga menyokong pelbagai usaha penerbitan karya kesusasteraan Korea di luar negara. Antara tahun 2001 hingga 2012, LTIK telah menghasilkan sebanyak 780 teks terdiri dalam 30 bahasa (Lee, 2013). Jadual 1.1 berikut menunjukkan beberapa hasil karya terjemahan BK dalam BM.

Jadual 1.1: Hasil Karya Terjemahan BK ke BM

	Teks Sumber	Teks Sasaran	Tahun
1	한국단편소설집 (<i>hangugdanpyeonsoseoljib</i>) 산골 나그네 (<i>sangol nageune</i>)	<i>Tamu desa terpencil : Antologi cerpen Korea sebelum perang dunia kedua</i> oleh Chung Young-Rhim Dewan Bahasa dan Pustaka	1985
2	한국단편소설집 (<i>hangugdanpyeonsoseoljib</i>) 삼포 가는 길 (<i>samp'o ganeun gil</i>)	<i>Perjalanan ke Samp'o : Antologi cerpen Korea selepas perang dunia kedua</i> oleh Chung Young-Rhim Dewan Bahasa dan Pustaka	1988
3	춘향전 (<i>chunhyangjeon</i>)	<i>Kisah Cinta Abadi Chunhayng</i> oleh Chung Young-Rhim Pustaka Cipta Sdn. Bhd.	1999
4	한국민담집 (<i>hangugmindamjib</i>)	<i>Cerita Rakyat Korea</i> Oleh Zubaidah Ibrahim Bell Insitut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	2009
5	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hageubmanhwa</i>)- Why? 별과별자리 (<i>byeolgwabyeoljali</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Bintang dan Buruj</i> oleh Noor Shahariza Nordin Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010
6	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hageubmanhwa</i>)	<i>Why? Haiwan</i> oleh Tan Hui Yang	2010

	Why? 동물 (<i>dongmul</i>) Yearimdang (예림당)	Orbit Buku Sdn. Bhd.	
7	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hagseubmanhwa</i>) – Why? 로봇 (<i>robot</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Robot</i> oleh Zarina Mohd Yasin Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010
8	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hagseubmanhwa</i>) – Why? 물리 (<i>mulli</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Tenaga dan Jirim</i> oleh Noor Shahariza Nordin Rahmad Amin Abdul Hamid Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010
9	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hagseubmanhwa</i>)- Why? 발명·발견 (<i>balmyeong•balgyeon</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Penciptaan dan Penemuan</i> oleh Noor Shahariza Nordin Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010
10	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hagseubmanhwa</i>) – Why? 식물 (<i>sigmul</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Tumbuh-Tumbuhan</i> oleh Nor Azlina Musa Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010
11	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hagseubmanhwa</i>) - Why? 컴퓨터 (<i>keompyuteo</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Komputer</i> oleh Nurefizan Sakoor Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010
12	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hagseubmanhwa</i>) – Why? 지구 (<i>jigu</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Bumi</i> oleh Mohd Safuan bin Ahmad Nawawi Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010
13	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hagseubmanhwa</i>) – Why? 생명과학 (<i>saengmyeonggwahag</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Sains Hayat</i> oleh Adila Rozamaria Ahmad Rosil Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010
14	초등과학 학습만화 (<i>chodeunggwahag hagseubmanhwa</i>) - Why? 인체 (<i>inche</i>) Yearimdang (예림당)	<i>Why? Tubuh Kita</i> oleh Nor Azlina Musa Orbit Buku Sdn. Bhd.	2010

Berdasarkan Jadual 1.1, hasil karya terjemahan daripada BK ke BM yang terawal ialah *Tamu Desa Terpencil: Antologi Cerpen Korea Sebelum Perang Dunia Kedua* yang diterjemah oleh Chung Young-Rhim. Beliau merupakan bekas profesor di *Hankuk University of Foreign Studies* (HUFS). Buku ini telah diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) pada tahun 1985. Antologi cerpen ini merupakan hasil usaha DBP untuk memperkayakan lagi buku terjemahan sastera asing ke dalam BM. Antologi ini ialah buku terjemahan sastera Korea yang pertama diterbitkan oleh DBP. Antologi cerpen ini mengandungi 11 buah cerpen Korea yang mewakili sastera Korea pada zamannya, iaitu *Ubi Kentang* oleh Kim Dong-In (1924), *Adada Si Dunggu* oleh Kye Yong-Muk (1935), *Ibuku dan Tamu Bilik Depan* oleh Chu Yo-Sop (1933), *Api* oleh Hyon Jin-Gon (1924), *Tamu Desa Terpencil* oleh Kim Yu-Jong (1933), *Kincir Air* oleh Na Do-Hyang (1914), *Bodohnya Pak Cik* oleh Chae Man-Sik (1933), *Musim Bunga Bakwit* oleh Yi Hyo-Suk (1936), *Sayap* oleh Yi Sang (1936), *Lukisan Seorang Pawang Wanita* oleh Kim Dong-In (1936), dan *Pudar* oleh Yi Kwang-Su (1940). Cerpen-cerpen dalam antologi ini diterjemahkan bagi memudahkan pembaca memahami adat istiadat dan tradisi Korea.

Hasil kedua karya terjemahan daripada BK ke dalam BM yang terawal ialah *Perjalanan Ke Samp'o : Antologi Cerpen Korea Selepas Perang Dunia Kedua* merupakan karya yang diterjemah oleh Chung Young-Rhim. Buku ini diterbitkan oleh DBP pada tahun 1988. *Perjalanan Ke Samp'o: Antologi Cerpen Korea Selepas Perang Dunia Kedua* ini merupakan kesinambungan daripada siri pertama, iaitu *Tamu Desa Terpencil : Antologi Cerpen Korea Sebelum Perang Dunia Kedua*. Antologi cerpen *Perjalanan Ke Samp'o* mengandungi 10 buah cerpen Korea yang mewakili sastera Korea pada zamannya, iaitu *Chom-nye* oleh Choi Jung-Hee (1947), *Terdedah* oleh Sunnu Hui (1971), *Perjalanan ke Samp'o* oleh Hwang Sok-Young (1973), *Awal Musim Bunga*, *Pertengahan Musim Panas* oleh Yi Mun-Yul (1979), *Kapitan Lee* oleh Chun

Kwang-Young (1962), *Sebuah Desa Di Pinggir Laut* oleh O Yong-Su (1953), *Sepanjang Musim Hujan* oleh Yun Heung-Gil (1973), *Catatan Perjalanan Ke Musim* oleh Kim Sung-Ok (1964), *Penghuni Desa Undan* oleh Yi Bum-Sun (1957), dan *Bayangan* oleh Han Mu-Suk (1976).

Hasil karya terjemahan daripada BK ke BM ketiga ialah *Kisah Cinta Abadi Chunhyang* yang diterjemah oleh Chung Young-Rhim. Buku ini telah diterbitkan oleh Pustaka Cipta Sdn. Bhd. pada tahun 1999. Karya *Kisah Cinta Abadi Chunyang* ini adalah sebuah karya percintaan klasik yang sangat popular dalam masyarakat Korea, sama ada dalam kalangan kaum lelaki atau perempuan, tanpa mengira peringkat umur. Karya ini dalam BK ialah 춘향전 (*Chunhyang Jeon* atau *Cerita Chunhyang*). Cerita ini sebenarnya dikarang pada zaman kerajaan Raja Young Jung, iaitu sekitar abad ke-18. Namun, karya asal ini tidak diketahui nama pengarangnya. Perkataan *Chunhyang* itu bererti 'keharuman musim bunga'. Pembaca dapat menghayati dan menyelami sebuah percintaan murni antara watak yang terdapat dalam cerita itu.

Seterusnya, *Cerita Rakyat Korea* pula telah diterjemah oleh Zubaidah Ibrahim Bell pada tahun 2009. Beliau pernah berkhidmat sebagai pensyarah pelawat yang mengajar BM di HUFS pada tahun 2005 hingga 2007. Buku ini telah diterbitkan oleh Insitut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM). *Cerita Rakyat Korea* mengandungi 13 buah cerpen Korea Rakyat yang mewakili sastera Korea, iaitu *Kapak Emas dan Kapak Perak*, *Tok Bonggol dengan Jembalang*, *Kasih Sayang Dua Bersaudara*, *Hungbu dan Nolbu*, *Kipas Merah dan Kipas Biru*, *Mata Air Ajaib*, *Cik Mentari dan Cik Bulan*, *Tukang Kayu dengan Bidadari*, *Mengapa Anjing dan Kucing Selalu Berkelahi*, *Burung Puyuh dengan Rubah*, *Harimau dengan Pengembara* dan *Kisah Harimau dengan Buah Pisang Kaki*. Koleksi *Cerita Rakyat Korea* ini menampilkan beberapa kategori cerita rakyat Korea yang memiliki persamaan dengan cerita rakyat Malaysia atau negara-negara lain di

Timur dan juga di Barat.

Selain itu, siri buku komik berasaskan sains yang diterjemahkan oleh lapan orang penterjemah pada tahun 2010 dan diterbitkan oleh Orbit Buku Bhd. Siri buku komik berasaskan sains ini terdiri daripada 10 buah buku, iaitu *Why? Bintang dan Buruj* oleh Noor Shahariza Nordin, *Why? Haiwan* oleh Tan Hui Yang, *Why? Robot* oleh Zarina Mohd Yasin, *Why? Tenaga dan Jirim* oleh Noor Shahariza Nordin Rahmad Amin Abdul Hamid, *Why? Penciptaan dan Penemuan* oleh Noor Shahariza Nordin, *Why? Tumbuh-Tumbuhan* oleh Nor Azlina Musa, *Why? Komputer* oleh Nurefizan Sakoor, *Why? Bumi* oleh Mohd Safuan bin Ahmad Nawawi, *Why? Sains Hayat* oleh Adila Rozamaria Ahmad Rosil dan *Why? Tubuh Kita* oleh Nor Azlina Musa.

1.2.1.2 Sejarah Perkembangan Penterjemahan BK di Malaysia

Kegiatan penterjemahan bermula dengan rasminya selepas penubuhan Pejabat Karang Mengarang Sultan Idris (SITC) di Tanjung Malim, Perak. Pada tahun 1924, O.T. Dusseck telah memohon kebenaran untuk menubuhkan 'Badan Menterjemah' yang kemudiannya ditukar nama menjadi Pejabat Karang Mengarang (PKM) (Norizah Ardi, 2000). Sehingga tahun 1936, PKM telah menghasilkan 32 buah buku teks yang terbahagi kepada lima kelompok, iaitu buku teks sekolah, buku teks sejarah, buku teks matematik, geometri dan congak, buku teks ilmu alam, dan buku teks kesihatan dan latihan tubuh (Institut Pendidikan Guru, 2011, p.180).

Penubuhan DBP pada tahun 1956 di Johor Bahru telah menjadi titik tolak kepada kesinambungan bidang penterjemahan. DBP kemudiannya telah berpindah ke Kuala Lumpur pada tahun 1957. Pada masa yang sama, PKM telah dipindahkan ke DBP dan diletakkan di bawah Jabatan Pelajaran. Kerja penterjemahan kemudiannya terus diambil alih oleh DBP. Selepas kemerdekaan, DBP telah menerbitkan majalah bulanan, iaitu *Dewan Bahasa*. Penerbitan majalah ini membolehkan banyak penulis menyumbang idea

mereka dalam majalah ini. Walau bagaimanapun, usaha penterjemahan Inggeris-Melayu ini tergendala sewaktu zaman penjajahan Jepun pada tahun 1940-an. Namun, bidang penterjemahan ini kembali berkembang pada tahun 1960-an apabila Oxford University Press telah menterjemahkan *Siri Sastera Timur dan Barat*. Urusan penterjemahan ini dikelolakan oleh Allahyarham Asraf Wahab. Usaha menterjemah ini diteruskan dengan sebuah terbitan makalah bertajuk '*Panduan Menterjemah*' yang ditulis oleh Suffian Sahuri. Kemudian, makalah ini dijadikan sisipan majalah *Dewan Bahasa* dan diterbitkan dari Jun 1962 hingga Februari 1964. Sisipan ini merupakan panduan yang diguna pakai oleh penterjemah pada waktu itu untuk menterjemah kebanyakan karya (Institut Pendidikan Guru, 2011, p.182).

Kegiatan menterjemah yang semakin berkembang maju memerlukan sebuah persatuan yang dapat membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan bidang penterjemahan. Oleh itu, Persatuan Penterjemah Malaysia (PPM) ditubuhkan pada 8 April 1978 dan didaftarkan sebagai sebuah persatuan pada 4 Oktober 1979. Dengan penubuhan persatuan ini, kegiatan penterjemahan telah dijalankan secara kolektif dan bersistematik. Pada masa yang sama, persatuan ini dapat memperkukuhkan kerjasama antara para penterjemah kerana keahlian PPM terdiri daripada pelbagai kaum dan latar akademik yang berbeza (Institut Pendidikan Guru, 2011, p.183).

Menurut Institut Pendidikan Guru (2011), permintaan terhadap buku-buku terjemahan amat tinggi apabila BM telah dijadikan bahasa pengantar di institusi pengajian tinggi pada tahun 1983. Bagi memenuhi keperluan itu, Majlis Tindakan Negara, Bahagian Penterjemahan kembali diwujudkan pada tahun 1986. Usaha penterjemahan dipertingkatkan lagi untuk memenuhi keperluan yang meningkat terhadap ilmu-ilmu dari Barat. Selain menjalankan kerja penterjemahan, bahagian ini juga mengendalikan kursus terjemahan secara usaha sama dengan Persatuan

Penterjemah Malaysia (p.183).

Biro Khidmat Terjemahan pula ditubuhkan pada Jun 1985 untuk mengendalikan kegiatan terjemahan. Biro ini ditubuhkan sebagai satu usaha membantu golongan yang memerlukan khidmat terjemahan. Perkhidmatan ini disediakan dalam pelbagai bahasa seperti BM, bahasa Perancis, bahasa Arab, bahasa Jepun, dan bahasa Mandarin. Biro ini juga telah membuat kerja-kerja terjemahan untuk badan kerajaan, sektor swasta, dan penerbit antarabangsa. Selain itu, biro ini ditubuhkan dengan matlamat untuk memberi perkhidmatan terjemahan dalam pelbagai bentuk teks, termasuk buku, laporan, skrip, dokumen, ucapan, perjanjian, surat, iklan, poster, sijil, dan sebagainya. Biro ini juga membantu pemindahan ilmu melalui terjemahan dan interpretasi. Melalui khidmat Biro Terjemahan juga, PPM mendapatkan peluang kerja-kerja terjemahan untuk ahlinya. Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa sejarah perkembangan penterjemahan bermula dengan PKM dan diteruskan oleh DBP dan dibantu oleh Persatuan Penterjemah Malaysia serta Biro Khidmat Terjemahan (Sharifah Haji Malek, 1995).

Akhir sekali, peristiwa bersejarah yang penting sekali dalam dunia terjemahan adalah cadangan untuk menubuhkan Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM) (dahulunya dikenali sebagai Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM)) telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 28 April 1993. Penubuhan ini telah menyediakan prasarana bagi mengembangkan kerja-kerja penterjemahan di Malaysia. ITBM ditubuhkan secara rasminya pada 14 September 1993. ITBM berperanan mengambil alih kerja-kerja terjemahan secara rasmi yang dijalankan oleh Bahagian Penterjemahan, DBP. Pada masa yang sama, ITBM juga menjadi badan tunggal di Malaysia yang merancang, melaksana, mengurus, dan menyelaras hal ehwal terjemahan, kejurubahasaan, dan pemindahan maklumat berbilang bangsa pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Peranan yang dimainkan oleh ITBM merangkumi dua

aspek, iaitu sebagai sebuah badan korporat yang dilambangkan dengan perkataan Berhad di hujung namanya, dan sebagai sebuah badan sosial seperti yang dilambangkan dengan perkataan institut pada awal namanya. Strategi awal yang dilaksanakan oleh ITBM pada awal penubuhannya adalah untuk memenuhi keperluan pendidikan, ekonomi, perdagangan, perindustrian, diplomatik, kesukanan, dan pelancongan (Institut Pendidikan Guru, 2011, p.183-184). Jadual berikut menunjukkan karya-karya berBK yang telah diterjemahkan dalam BM oleh ITBM, iaitu :

Jadual 1.2 : Hasil Karya Terjemahan BM ke BK

	Teks Sumber	Teks Sasaran	Tahun
1	Nyawa di Hujung Pedang oleh Ahmad Murad Nasaruddin. Dewan Bahasa dan Pustaka	칼끝에 놓인 목숨 (<i>kalkkeute nohin mogsum</i>) oleh 정영림 (Chung Young-Rhim) Institut Terjemahan Negara Malaysia. (ITNM) 문학마을사 (<i>munhagmaeulsa</i>)	2009
2	Kuala Lumpur : Sebuah Fragmen Cinta Institut Terjemahan Negara Malaysia. (ITNM)	쿠알라 룸푸르 사랑의 단상, 말레이시아 시선집 (<i>kualla lumpuleu salang-ui dansang, Malaysia siseonjib</i>) oleh 정영림 (Chung Young-Rhim) Institut Terjemahan Negara Malaysia. (ITNM) 문학마을사 (<i>munhagmaeulsa</i>)	2009
3	68 Soneta Pohon Ginkgo oleh A. Samad Said Wira Bukit Sdn. Bhd.	68 은행나무 소네트 (<i>68eunhaengnamu soneteu</i>) oleh 전태현 (Chun Tai-Hyun) Institut Terjemahan Negara Malaysia. (ITNM)	2011

Berdasarkan Jadual 1.2, hasil karya terjemahan daripada BM ke BK yang terawal ialah *칼끝에 놓인 목숨 (kalkkeute nohin mogsum)*. Karya ini telah diterjemahkan oleh Chung Young-Rhim. Beliau merupakan bekas profesor di HUFSS. Buku ini telah diterbitkan pada tahun 2009 oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia (ITNM) dan 문학마을사 (*munhagmaeulsa*) Buku *칼끝에 놓인 목숨 (kalkkeute nohin mogsum)* ini ialah hasil daripada usaha ITNM untuk memperbanyakkan lagi buku terjemahan sastera Malaysia ke dalam BK.

Selain itu, hasil karya terjemahan daripada BM ke BK yang kedua ialah *쿠알라룸푸르 사랑의 단상, 말레이시아 시선집 (kualla lumpuleu salangui dansang, malleisia siseonjib)* yang diterjemah oleh Chung Young-Rhim. Beliau merupakan bekas profesor di HUFSS. Buku ini juga diterbitkan oleh Institut Terjemahan Negara Malaysia. (ITNM) dan 문학마을사 (*munhagmaeulsa*) pada tahun 2009. Buku *쿠알라룸푸르 사랑의 단상, 말레이시아 시선집 (kualla lumpuleu salang-ui dansang, Malaysia siseonjib)* ini ialah hasil daripada usaha ITNM untuk memperbanyakkan lagi buku terjemahan sastera Malaysia ke dalam BK dan buku ini terdiri daripada hasil karya 20 orang penyair yang telah menciptakan sebanyak 50 buah puisi.

Di samping itu, buku *68 은행나무 소네트 (68 eunhaengnamu soneteu)* telah diterjemah oleh ChUn Tai-Hyun. Seperti kedua buah buku tadi, buku ini juga telah ditulis oleh seorang bekas profesor di HUFSS pada tahun 2011 yang terdiri daripada 158 buah puisi.

1.2.2 Konsep Budaya

Taylor (1974) merupakan tokoh pertama yang mengemukakan konsep budaya secara komprehensif. Beliau mentakrifkan budaya sebagai “ *That complex whole which includes knowledge, belief, art, morals, law, custom and any other capabilities and habits by man as a member of a society*” (p.1). Hal ini bermaksud bahawa keseluruhan

aspek kehidupan dan perlakuan manusia juga termasuk dalam takrif ini, kecuali yang bersifat biologikal. Definisi yang diberikan oleh Taylor ini menjadi perintis kepada perbezaan makna budaya dengan tamadun. Budaya didefinisikan sebagai satu keseluruhan yang bersifat kompleks, manakala tamadun pula merupakan keseluruhan kemajuan yang dicapai oleh manusia ke arah penyempurnaan etika individu dan komuniti.

Nida (1963) membahagikan budaya kepada material dan bukan material menjelaskan bahawa budaya adalah seperti berikut:

“We should be fully aware that in a sense ‘culture’ is an abstraction, even as the divisions of culture into material, social, religious, linguistic, and esthetic are abstractions. Culture is a way of behaving, thinking, and reacting, but we do not see culture”.

(Nida, 1963, p.29)

Menurut Haviland (1996), secara keseluruhannya budaya dapat ditakrifkan sebagai satu himpunan peraturan dan standard yang dimiliki dan dikongsi bersama oleh anggota sebuah masyarakat. Anggota masyarakat itu pula dikatakan menghasilkan suatu bentuk perlakuan dalam lingkungan perlakuan yang dianggap betul dan sesuai dan boleh diterima oleh masyarakat. Oleh itu, budaya yang diamalkan oleh sesuatu masyarakat atau individu adalah yang berbeza daripada satu budaya dengan budaya lain.

Ahli-ahli bahasa juga mendefinisikan budaya dengan definisi yang hampir sama sebagaimana tokoh-tokoh di atas. McArthur (1992) dan Magdi Wahbah (1974), contohnya sepakat menyatakan bahawa budaya merujuk situasi sosial atau semua ciri istimewa yang terdapat ada sebuah tahap kemajuan tamadun manusia ataupun sebuah cara kehidupan. Menurut McArthur (1992), bahasa yang dirujuk dalam konsep ini

merupakan sebahagian daripada budaya (p.682).

1.2.2.1 Perbandingan Budaya Material Antara Korea dan Malaysia

Budaya material atau budaya kebendaan merupakan konsep budaya yang boleh ditanggapi oleh manusia. Konsep ini wujud secara rohaniah dan jasmaniah dalam kehidupan seharian seperti alatan, makanan, kain atau pakaian, tempat tinggal, binatang, makhluk, dan sebagainya. Budaya material ialah : “*A substance or substance from which something else is or can be made; a thing or thing with something is done, fabric : cloth; information, etc to be used in writing a book, as evidence, etc*” (Oxford Advanced Learner's Dictionary of Current English, 2010, p.722).

Salah satu daripada contoh budaya material ialah makanan. Makanan Korea biasanya terdiri daripada nasi dan lauk sampingan. Semenanjung Korea dikelilingi dengan laut dan 70% daripada daratan ialah gunung. Oleh itu, pelbagai sayuran dan makanan laut menjadi bahan makanan utama. Salah satu ciri makanan Korea adalah terdapat banyak jenis makanan yang diperam. Makanan Korea berbeza mengikut daerah dan ciri-ciri musim. Contohnya pada musim bunga, orang Korea selalu makan sayur-sayuran dan menggemari bau dan rasa yang segar. Salah satu makanan ini pasti akan ditemui ketika mereka makan pagi, tengah hari dan malam.

Sebaliknya, makanan di Malaysia melambangkan rakyatnya yang berbilang kaum. Makanan-makanan tersebut pada asalnya berasal dari pelbagai negeri dan suku kaum. Contohnya, ciri-ciri makanan Melayu tradisional ciri utama masakan tradisional Melayu adalah penggunaan rempah ratus yang banyak, serta santan yang penting untuk menghasilkan makanan berlemak dan pekat.

Selain itu, budaya material ialah pakaian. Pakaian tradisional yang dikenali sebagai Hanbok telah dipakai sejak zaman purba. Hanbok ini terdiri daripada baju (*jeogori*) dan

skirt (*chima*). Masyarakat Korea menggunakan pakaian yang berbeza untuk melambangkan status sosial seseorang. Contohnya, golongan diraja atau pemerintah menggunakan pakaian yang berbeza dengan golongan rakyat kebanyakan. Barang perhiasan yang dipakai oleh kelas pemerintah dan keluarga diraja seperti barang kemas juga berfungsi untuk membezakan mereka daripada orang biasa. Barang kemas tradisional untuk wanita seperti loket yang bermotifkan unsur-unsur tertentu seperti alam juga menggunakan batu permata yang berharga dan tinggi mutunya.

Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang terkenal dengan kepelbagaian kaum dan budaya. Kaum Melayu, Cina, India, dan lain-lain adalah antara kaum yang terdapat di Malaysia. Setiap kaum mempunyai pakaian tradisional mereka yang tersendiri untuk melambangkan imej dan identiti. Kaum lelaki yang berbangsa Melayu, misalnya memakai baju Melayu, manakala perempuan Melayu pula memakai baju kurung. Bagi kaum Cina pula, pakaian tradisional bagi lelaki ialah samfu, manakala kaum wanita pula memakai ceongsam dan jubah panjang. Pakaian yang digunakan oleh masyarakat di Malaysia telah digunakan untuk menentukan identiti sesuatu kaum. Wilayah budaya Melayu sebagai lingkaran budaya memperlihatkan ciri persamaan pola budaya itu. Hal ini penting kerana perbincangan tentang pakaian tradisional turut menjelaskan masyarakat dan etnik asal penduduk dalam lingkaran budaya yang turut sama mengalami proses perkembangan kebudayaan dalam tempoh tertentu.

1.2.2.2 Perbandingan Budaya Bukan Material Antara Korea dan Malaysia

Budaya bukan material adalah berlawanan sifatnya dengan budaya material kerana budaya bukan material merupakan konsep budaya yang dikenal pasti melalui pemikiran, idea, adat istiadat, pola keluarga, dan bahasa. Konsep budaya ini dijelaskan oleh Taylor (1974) yang mengatakan dalam bukunya *Primitive Culture* bahawa budaya itu bukan sahaja merangkumi kebendaan seperti bangunan, organisasi, dan lain-lain tetapi juga

lebih daripada itu, iaitu budaya merujuk kepada keseluruhan cara hidup sesebuah masyarakat.

Tradisi konfusianisme mendominasi kepercayaan dan pemikiran bangsa Korea. Budaya bukan material seperti kepercayaan Budhisme, Taoisme, dan Shamanisme. Agama Buddha menjadi agama rasmi Tiga Kerajaan dan dinasti Goryeo (935-1392). Faham konfusianisme mula mencapai masa keemasan pada zaman dinasti Joseon (1392-1910). Agama Kristian dibawa mubaligh dari Eropah menjelang akhir zaman Joseon dan pada abad ke-20 meningkat pesat. Agama Islam diperkenalkan di Korea sejak perang Korea oleh tentera Turki. Walau pun begitu sebanyak 46,5% populasi Korea Selatan tidak mengikuti suatu kepercayaan tertentu (Goh, 2011).

Jika dibandingkan dengan situasi di Malaysia, perkembangan agama dan umat Islam di Malaysia telah melalui sejarah yang sangat panjang. Sarjana tempatan mengandaikan kedatangan agama Islam ke alam Melayu sudahpun bermula sejak abad pertama Hijrah lagi. Agama Islam telah mengubah akidah masyarakat Melayu daripada dunia kekufuran kepada mempercayai dan menyembah Allah Yang Maha Esa (Abdul Rahman Haji Abdullah, 2006). Selain agama Islam, penduduk Malaysia juga ada yang menganut agama Buddha, Kristian dan Hindu. Di samping itu, terdapat kepercayaan-kepercayaan yang diamalkan golongan minoriti misalnya kepercayaan masyarakat peribumi tentang alam dan animisme, sikhisme dan kepercayaan lain.

Secara umumnya, adat didefinisikan sebagai satu aturan dan cara hidup yang mencerminkan segala perbuatan. Perbuatan tersebut adakalanya dilakukan setiap hari atau musim, sama ada berpandukan bulan atau tahun. Di Korea, adat istiadat konfusianisme yang sudah bertapak selama ratusan tahun memiliki sejarahnya tersendiri. Upacara memperingati orang tua yang telah meninggal, nenek moyang, dan upacara pemujaan pada hari cuti tertentu merupakan hal terpenting. Semasa upacara

memperingati si mati, seluruh anggota keluarga berkumpul bersama, menyiapkan makanan, dan berdoa untuk mereka. Biasanya, anak lelaki tertua dalam keluarga yang menjaga orang tuanya akan mengetuai upacara semacam itu setelah kematian mereka.

Selain itu, adat orang Korea lebih mengutamakan anak lelaki daripada anak perempuan. Hal ini demikian kerana orang Korea selalu percaya bahawa golongan lelaki lebih unggul daripada golongan wanita dan mempunyai status sosial yang lebih tinggi dalam masyarakat. Selain itu, ajaran Konfusianisme juga melarang golongan wanita untuk memikul banyak tanggungjawab, kecuali tugas-tugas yang berkaitan dengan urusan rumah tangga sahaja. Keadaan ini telah menyebabkan diskriminasi gender terhadap perempuan. Walaupun golongan ini didapati memainkan peranan penting dalam masyarakat, mereka masih tidak dapat layanan dan status sosial yang setara dengan lelaki.

Jika dibandingkan dengan situasi di Malaysia, masyarakat Malaysia merupakan sebuah masyarakat yang bersifat majmuk, iaitu mempunyai pelbagai bangsa dan budaya. Oleh sebab masyarakat Malaysia merupakan masyarakat pelbagai budaya, maka setiap bangsa atau ras dalam sistem sosial Malaysia pastinya berbeza antara satu sama lain dari segi latar belakangnya. Malah, perbezaan adat dan budaya juga tetap wujud dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana berbeza budaya dan kepercayaan.

Adat-adat Melayu yang awal dipengaruhi oleh unsur-unsur Hindu dan Buddha. Pengaruh unsur luar dalam masyarakat Melayu ialah Islam. Islam mempunyai pengaruh yang paling kuat sekali dalam kebudayaan dan adat Melayu. Bagi masyarakat Melayu, adat merupakan perkara kedua terpenting selepas agama Islam. Adat-adat Melayu yang bercirikan Islam meliputi pelbagai aspek kehidupan, contohnya adat ketika seseorang dilahirkan, seseorang meningkat remaja, dewasa, adat dalam kehidupan sehari-hari, dan adat ketika seseorang itu meninggal dunia. Menurut agama Islam, lelaki dan perempuan

memiliki persamaan hak dan taraf sosial, kecuali dalam kes-kes tertentu. Dalam ikatan perkahwinan misalnya, isteri perlu mentaati perintah suami dan perlu mengutamakan pandangan suami dalam membuat keputusan.

Secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa setiap manusia tinggal dalam kelompok masyarakat dan etnik yang masing-masing mengamalkan kelainan dalam kebudayaan mereka. Dengan erti kata lain, setiap kelompok etnik yang berbeza mengamalkan kepercayaan dan norma sosial yang berbeza.

1.3 Permasalahan Kajian

Unsur budaya merupakan isu yang sinonim dengan penterjemahan teks sastera. Rata-rata sarjana terdahulu memperkatakan kesukaran dalam menterjemahkan perkataan unsur budaya (Newmark, 1988; Venuti, 2000; Goh & Azman, 2009; Holzwarth, 2009; Kim, 2010; Katan, 2013). Oleh itu, kajian ini cuba untuk mengenal pasti strategi penterjemahan yang sesuai digunakan oleh penterjemah bagi menterjemahkan perkataan-perkataan yang terdapat dalam budaya, khususnya budaya Korea dalam konteks kajian ini.

Pengkaji mendapati bahawa kajian tentang penterjemahan unsur budaya bagi teks sastera daripada aspek pendekatan dan prosedur penterjemahan agak kurang dilakukan. Hal ini menyebabkan kebanyakan penterjemah mengalami kekeliruan menggunakan kaedah yang sesuai dalam menterjemah, terutamanya dalam teks-teks yang mempunyai banyak unsur budaya. Pada masa yang sama, sarjana-sarjana terjemahan seperti Newmark (1988), Nord (1997), Abdullah & Aionon (2001), dan Goh (2007) mencadangkan bahawa untuk menterjemahkan teks sastera, para penterjemah teks sastera pula menyenaraikan semula pengalaman menterjemah bentuk-bentuk teks tersebut. Oleh itu, isu pendekatan dan prosedur penterjemahan menarik untuk diulas dan dianalisis kesesuaiannya. Bersesuaian dengan genre novel dan cerpen yang kaya dengan

unsur-unsur budaya, bahasa, bahasa kiasan dan sebagainya, maka wajarlah teks ini dikupas dari segi strategi dan prosedur penterjemahan.

Selain itu, isu yang sering diperkatakan dalam penterjemahan novel atau teks sastera adalah tahap kesetiaan dan keupayaan penterjemah mengekalkan gaya bahasa pengarang teks sumber. Penstrukturan semula ayat perlu dilakukan dalam penterjemahan karya sastera agar gaya penulisan penulis asal tidak hilang dalam teks terjemahan. Oleh itu, satu kajian berkaitan penterjemahan gaya atau bentuk bahasa dalam teks sastera perlu dilakukan. Sehubungan dengan itu, satu bentuk kaedah dan metodologi yang boleh diguna pakai dalam mengekalkan gaya bahasa pengarang asal perlu dibangunkan supaya bahasa yang digunakan tidak terlalu kaku dan tidak menepati unsur budaya sesuatu teks itu. Oleh itu, kredibiliti seorang penterjemah dalam menguasai bahasa dan budaya teks sasaran sangat penting dan menjadi aspek penentu kejayaan terjemahan tersebut, terutamanya yang melibatkan penterjemahan dua bahasa daripada rumpun bahasa berbeza dan mengamalkan gaya hidup yang juga berbeza.

Kebolehterjemahan boleh ditafsirkan sebagai keupayaan menterjemah makna leksikal dan makna fungsi unsur budaya yang diungkapkan dalam bahasa sumber untuk diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran. Terdapat beberapa perkataan atau frasa dalam BK yang mendukung unsur budaya orang Korea yang tidak wujud sama sekali dalam kebudayaan Melayu. Terdapat juga amalan yang tidak terdapat dalam sosiolinguistik penutur-penutur BM, contohnya *고개를 숙이다* (*gogaerel sokida*). Amalan menundukkan kepala merupakan budaya yang dilakukan apabila orang muda berjumpa dengan orang yang tua. Konsep ini tidak digunakan dalam sosiobudaya BM. Oleh itu, nyatalah bahawa masalah kebolehterjemahan budaya wujud apabila menterjemah teks sumber kepada teks sasaran. Hal ini demikian terutamanya jika teks sumber yang mendukung unsur-unsur budaya sesuatu bangsa atau kaum itu mempunyai sosiobudaya

berbeza dengan sosiobudaya bangsa atau kaum menggunakan bahasa dalam teks sasaran.

Sekiranya penterjemah tidak memahami kehidupan dan budaya masyarakat yang terlibat dalam teks terjemahannya, maka akan berlakulah kesilapan yang menimbulkan salah faham dan menyinggung perasaan (sama ada dalam budaya bahasa sumber ataupun bahasa penerima), memberikan maklumat atau keterangan yang menyeleweng atau salah sama sekali, dan menimbulkan kesan yang tidak diinginkan. Hal ini berkait rapat dengan laras bahasa, teknik pengolahan, cara penyampaian, serta pemilihan perkataan merupakan aspek penting dalam menghasilkan sesuatu teks terjemahan. Penterjemah harus memahami budaya bahasa sumber dan bahasa penerima sebelum menterjemahkan sebarang teks kerana penterjemah bukan sekadar memindahkan kata, tetapi juga perasaan dan nilai budaya penulis ke dalam bahasa lain.

1.4 Persoalan Kajian

Persoalan kajian yang berhubung kait daripada permasalahan kajian adalah seperti berikut :

- i) Apakah jenis unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) (*samp'oganeungil*) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o) ?
- ii) Apakah strategi penterjemahan unsur budaya yang digunakan dalam teks BK (삼포 가는 길) (*samp'oganeungil*) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o)?
- iii) Bagaimanakah kebolehterjemahan unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) (*samp'oganeungil*) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o) dihuraikan?

1.5 Objektif Kajian

Objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut, iaitu:

- i) Mengenal pasti unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) (*samp'oganeungil*) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o);
- ii) Menganalisis strategi penterjemahan unsur budaya yang digunakan dalam teks BK (삼포 가는 길) (*samp'oganeungil*) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o); dan
- iii) Menghuraikan kebolehterjemahan unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) (*samp'oganeungil*) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o).

1.6 Kepentingan Kajian

Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan untuk menganalisis pendekatan terjemahan yang diaplikasikan oleh penterjemah teks sastera atau secara khususnya teks novel. Selain itu, prosedur menterjemah perkataan budaya yang disertakan dalam kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh penterjemah dan juga pelajar dalam bidang terjemahan. Berdasarkan analisis data yang akan dilakukan, kajian ini dapat menyarankan pandangan dan panduan bagi memantapkan lagi strategi penterjemahan teks sastera dan juga budaya. Dapatan kajian ini juga boleh dijadikan rujukan bagi mengenal pasti isu-isu dan kekangan sewaktu menterjemah teks sastera, justeru memudahkan kerja-kerja penterjemahan.

Kajian ini akan memperlihatkan kefahaman tersebut melalui karya terjemahan khususnya pemahaman budaya. Sejak terbitnya *Tamu Desa Terpencil*, iaitu sebuah antologi cerpen Korea sebelum Perang Dunia Kedua oleh DBP, tidak banyak sastera Korea yang diterjemahkan ke dalam BM. Penerbitan awal ini telah membawa pembaca di Malaysia mengenali sastera Korea. Malah, hubungan antara kedua-dua negara sudah menjadi kian erat, sama ada dalam bidang politik mahupun ekonomi. Namun demikian,

setiap negara masih mempunyai ciri-ciri tersendiri seperti cara berfikir, adat istiadat, tradisi, cara hidup, dan sebagainya. Perkara-perkara berkenaan telah melahirkan kefahaman dan perspektif yang berbeza dalam pemikiran rakyat dari kedua-dua negara.

Dari segi ilmu penterjemahan itu sendiri, kajian perbandingan terjemahan antara BK kepada BM tidak pernah dilaksanakan sejak mulanya pengajian BM di Korea. Oleh itu, kajian ini akan menghuraikan ciri BK yang dilingkungi budaya tersendiri. Penghuraian ini dapat membuktikan kepentingan budaya dalam BK dan menanam kesedaran kepada para penterjemah BK – BM terhadap pemahaman yang jitu terhadap budaya teks asal agar dapat memindahkan keseluruhan idea dalam teks kreatif BK dengan baik.

Kajian ini diharapkan dapat menampung kekurangan karya yang bersifat ilmiah khususnya bidang terjemahan BK-BM. Di universiti Korea kini, masih kurang rujukan dan kajian berkaitan terjemahan BK-BM. Kajian ini akan menyediakan satu lagi karya ilmiah yang dapat membantu penyelidik lain dan juga pelajar dalam memahami budaya Korea. Dari segi perkembangan bidang penterjemahan, sehingga kini, tiada kajian khusus mendalam atau tesis yang dihasilkan berkaitan terjemahan budaya BK ke dalam BM. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini merupakan perintis yang diharapkan dapat mempertingkatkan industri terjemahan di Malaysia.

Kajian ini diharapkan akan dapat membantu mereka yang melibatkan diri dalam penterjemahan daripada rumpun yang berbeza seperti BK dan BM. Penterjemahan sebegini merupakan suatu usaha serius dan tidak boleh dipandang ringan. Komitmen yang tinggi amatlah diperlukan, begitu juga dengan kemahiran dari segi bahasa, ilmu terjemahan, serta keperluan untuk memahami kebudayaan bagi kedua-dua bahasa. Kajian ini boleh dianggap sebagai permulaan bagi satu bentuk pendokumentasian yang selanjutnya dapat mencetuskan kajian-kajian lain. Para penyelidik boleh menggunakan dapatan kajian sebagai rujukan ilmu dalam bidang penterjemahan untuk menterjemah

teks sastera dan juga sebagai kerangka asas untuk kajian masa hadapan. Tenaga pengajar atau pensyarah bagi subjek terjemahan pula boleh menggunakan dapatan kajian dan sorotan kajian sebagai panduan dalam pengajaran kelas terjemahan. Di samping itu, pihak penerbit karya terjemahan seperti ITBM boleh menggunakan dapatan kajian dan beberapa saranan pengkaji sebagai rujukan umum dalam usaha untuk memajukan industri terjemahan di Malaysia.

1.7 Bahan Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan karya bertajuk *Perjalanan ke Samp'o* 삼포 가는 길 (*samp'oganeungil*) (Antologi Cerpen Korea Selepas Perang Dunia Kedua). Antologi cerpen ini mengandungi 10 buah cerpen Korea yang diterjemahkan ke dalam BM. Karya ini diterbitkan oleh DBP pada tahun 1988. Pengkaji hanya memilih sembilan buah cerpen daripada sepuluh buah cerpen dalam antologi ini, iaitu :

- 1) *Chom-nye* (점례) (*jeomlye*) oleh Choi Jung Hee (tahun 1947)
- 2) *Terdedah* (묵시) (*mugsi*) oleh Sunnu Hui (tahun 1971)
- 3) *Perjalanan ke Samp'o* (삼포 가는 길) (*samp'oganeungil*) oleh Hwang Sok Young (tahun 1973)
- 4) *Awal Musim Bunga, Pertengahan Musim Panas* (맹춘중하) (*maengchunjungha*) oleh Yi Mun Yul (tahun 1979)
- 5) *Kapitan Lee* (꺼삐딴 리) (*kkeoppittan li*) oleh Chun Kwang Young (tahun 1962)
- 6) *Sebuah Desa Di Pinggir Laut* (갯마을) (*gaesmaeul*) oleh O Yong Su (tahun 1953)
- 7) *Sepanjang Musim Hujan* (장마) (*jangma*) oleh Yun Heung Gil (tahun 1973)
- 8) *Catatan Perjalanan Ke Musim* (무진기행) (*mujingihaeng*) oleh Kim Sung Ok (tahun 1964)
- 9) *Penghuni Desa Undan* (학마을 사람들) (*hagmaeul salamdeul*) oleh Yi Bum

Sun. (tahun 1957)

Cerpen ke-10 tidak dipilih sebagai korpus kajian kerana teks asal tidak dapat dikesan.

Pengkaji telah memilih karya ini untuk dianalisis atas beberapa justifikasi pelbagai faktor. Antaranya ialah penulis-penulis tersebut mempunyai latar belakang pendidikan yang baik, iaitu mempunyai kelulusan seperti Sarjana Sastera dan Budaya Korea. Situasi ini menunjukkan bahawa terdapatnya kebolehpercayaan hasil terjemahan mereka berdasarkan latar belakang yang baik dalam pendidikan.

Cerpen *Perjalanan ke Samp'o* (삼포 가는 길) yang asli telah ditulis oleh Hwang SokYoung pada tahun 1973. Beliau dilahirkan di Manchuria pada tahun 1943 dan dibesarkan di Korea Selatan, iaitu selepas pembebasan Korea pada tahun 1945. Semasa berumur umur dua puluhan, beliau telah mengembara ke banyak negara dan pernah berkhidmat sebagai seorang tentera dalam Perang Vietnam. Beliau mula aktif dalam bidang penulisan pada tahun 70-an dan pada ketika itu Korea berada di bawah pemerintahan diktator tentera anti komunis. Impaknya, cerpen *Jauh dari Rumah* (객지) dan *Perjalanan ke Samp'o* (삼포 가는 길) merupakan karya-karya yang digunakan sebagai motivasi kepada pembaca untuk menangani kemiskinan selepas perang dunia kedua itu.

Cerpen ini menceritakan tentang seorang lelaki pekerja pembinaan bernama Young-Dal. Beliau bertemu dengan seorang lelaki berumur pertengahan tahun bernama Jeong yang sedang dalam perjalanan pulang ke kampungnya setelah menjalani hukuman penjara. Sudah sepuluh tahun Jeong tidak boleh melihat kampung halamannya di Samp'o. Jeong mengembara dari satu lokasi tapak pembinaan ke lokasi yang lain. Di suatu bandar, Young-dal dan Jeong menemui wanita bernama Baek-hwa yang melarikan diri dari restoran di tempat dia bekerja sebagai pelayan. Akhirnya, mereka bertiga

membuat keputusan memulakan perjalanan mereka bersama-sama.

Cerpen *Chom-nye* (점례) (*jeomlye*) telah ditulis oleh Choi Jung Hee pada tahun 1947. Pengarang wanita ini berasal dari Provinsi Ham Nam. Beliau menerima pendidikan di Sekolah Menengah Sukmyung, iaitu salah sebuah sekolah wanita yang tertua di Korea. Pada mulanya beliau bekerja sebagai wartawan. Pada tahun 1935 beliau menulis sebuah cerpen “*Rumah Berhantu*” untuk Majalah Cho Kwang. Pada tahun 1939 beliau telah menghasilkan “*Strata Petala*”, dan tahun berikutnya menghasilkan cerpen “*Orang Berkenalan*”. Beliau juga ialah seorang ahli akademi seni dan panitia Majalah Sastera Baru.

Cerpen *Terdedah* (묵시) (*mugsi*) ditulis oleh Sunnu Hui pada tahun 1971. Sunnu Hui dilahirkan di Provinsi Pyung Buk. Beliau menerima pendidikan di Universiti Kyung Sung dan melanjutkan pelajarannya di Graduate Universiti di Tokyo. Cerpen beliau yang pertama ialah “*Hantu*” disiarkan dalam Majalah Era Baru. Pada tahun 1955 dan tahun berikutnya beliau menulis “*One Way*” dan “*Terrorist*”. Pada tahun 1958 cerita panjangnya “*Api*” memenangi Hadiah Sastera Dong In. Beliau telah menghasilkan banyak karya, antaranya ialah cerpen “*Pembakaran*”, “*Realiti dan Orang Intelek*”, “*Pembalasan*” dan “*Tantangan*”. Nama beliau terkenal juga dalam kalangan wartawan kerana sebahagian besar masanya diisi dengan kerjaya sebagai wartawan, ketua penyunting dan sidang pengarang.

Cerpen *Awal Musim Bunga, Pertengahan Musim Panas* (맹춘중하) (*maengchunjungha*) telah ditulis oleh Yi Mun Yul pada tahun 1979. Yi Meun Yul dilahirkan di Seoul. Beliau ialah graduan sejarah dari Universiti Seoul. Pada tahun 1969, beliau menulis sebuah novel bertajuk “*Anak Orang*” dan karya ini mendapat anugerah Hadiah Pengarang Terkemuka pada waktu tersebut. Selain itu, cerpen beliau yang berjudul “*Burung Emas*” juga memenangi Hadiah Sastera Dong-In. Beliau ialah seorang

penulis yang sangat penting dan prolifik. Hasil karyanya yang lain termasuk “Gambaran Masa Muda”, “Untuk Raja”, “Musim Sejuk pada Tahun Itu” dan lain-lain.

Kapitan Lee(꺼삐딴 리) (*kkeoppittan li*) telah ditulis oleh Chun Kwang Young pada tahun 1962. Chun Kwang Young berasal dari Provinsi Ham Bam. Beliau belajar di Jabatan Pengajian Ekonomi dan Jabatan Pengajian Bahasa dan Sastera Korea di Universiti Seoul. Beliau memulakan kerjaya sebagai wartawan dan kemudian bertugas sebagai pensyarah di Universiti Seoul sehingga bersara. Selain itu, beliau juga pernah bertugas sebagai setiausaha Pen International, cawangan Korea. Hasil karyanya yang utama ialah “*Orang Telanjang*” dan novel “*Pulau Huk San*”.

Sebuah Desa Di Pinggir Laut (갯마을) (*gaesmaeul*) ditulis oleh O Yong Su pada tahun 1953. O Young Su dilahirkan di Provinsi Kyung-Nam. Beliau menerima pendidikan di Dewan Kesenian Rakyat. Pada mulanya beliau menulis puisi dan kemudian beralih kepada penulisan prosa. Kebanyakan hasil karyanya menceritakan kehidupan orang yang dalam kesempitan hidup berdasarkan pengamatan dan pengalaman beliau sendiri. Beliau meninggalkan lebih kurang 200 buah cerpen. Beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Asia. Hasil karyanya yang utama ialah “*Eho*”, dan “*Cahaya dan Bayangan*”.

Sepanjang Musim Hujan (장마) (*jangma*) telah ditulis oleh Yun Heung Gil pada tahun 1973. Yun Heung Gil dilahirkan pada tahun 1942 di Provinsi Chung Buk. Pada tahun 1968 novelnya telah memenangi Hadiah Sastera anjuran Akhbar Hankuk Ilbo. Cerita panjangnya “*Sepanjang Musim Hujan*” diterbitkan dalam Majalah Triwulan Sastera dan Intelek pada tahun 1973. Karya ini dianggap sebagai karya yang paling sempurna kerana dalam tempoh masa yang sama beliau telah dianugerahkan Hadiah Sasterawan Korea, Hadiah Sastera Kreatif dan Hadiah Sastera Moden.

Catatan Perjalanan Ke Musim (무진기행) (*mujinghaeng*) telah ditulis oleh Kim Sung Ok pada tahun 1964. Kim Sung Ok dilahirkan di Osaka, Jepun. Beliau mendapat pendidikan di Jabatan Pengajian Sastera Perancis di Universiti Seoul pada tahun 1963. Setahun sebelum beliau tamat dari universiti tersebut, beliau telah mendapat Hadiah Sastera dari Akhbar Hankuk Ilbo. Selain cerpen “*Untuk Adik Perempuan*”, “*Berbelanja dengan Harga Murah*”, “*Usia 30 Tahun*”, dan “*Seoul, Pada Musim Sejuk 1964*”, beliau juga menulis novel yang berjudul *Musim panas yang Saya Curi*.

Penghuni Desa Undan (학마을 사람들) (*hagmaeul salamdeul*) dihasilkan oleh Yi Bum Sun pada tahun 1957. Yi Bum Sun dilahirkan di Provinsi Pyung Nam. Beliau belajar di Sekolah Tinggi Ekonomi di Jin Nam Po di Pyung Nam. Cerpennya berjudul “*Hari Minggu*” disiarkan dalam Majalah Sastera Baru pada tahun 1955 dan telah mendapat sambutan yang sangat baik. Sejak daripada itu beliau menulis beberapa cerpen, antaranya “*Dosa Senja*”, “*Desa Undan*” dan “*Burung Laut*”. Pada tahun 1960 beliau memenangi Hadiah Majalah Sastera Baru dan dua tahun kemudian beliau menerima Hadiah Sastera untuk bulan Mei. Beliau juga ialah bekas pensyarah sastera modan Korea di Universiti Hankuk.

Cerpen-cerpen ini ialah karya yang dirindukan umat manusia yang ada dalam hati semua orang di sekeliling kita tetapi hilang perlahan-lahan akibat perkembangan perindustrian dan pemandaran.

Buku ini juga telah diselenggarakan oleh Chung Young-Rhim pada tahun 1988. Beliau adalah lulusan sarjana lulusan HUFSS yang juga merupakan Sarjana di Universitas Indonesia dan mendapat dapat Ijazah Doktor Falsafah di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Beliau telah memulakan kerjaya dalam bidang penulisan apabila mula menulis tesis ijazah kedoktorannya, iaitu *Umar Kayam Novel Esthetic* (1994) dan seterusnya seperti *Penyelidikan Cerita Pendek Indonesia pada Zaman Jepun* (2002),

Cerita Dongeng Haiwan Malaysia-Indonesia Penumpuan kepada Cerita Kancil (2004), serta penulisan seperti *Antologi Puisi Korea Yayasan Obor Indonesia* (2007). Buku-buku lain yang telah diselenggara oleh beliau adalah beberapa buku yang diterjemahkan seperti *Tamu Desa Terpencil: Antologi Cerpen Korea Sebelum Perang Dunia Kedua* (1985), *Perjalanan ke Samp'o: Antologi Cerpen Korea Selepas Perang Dunia Kedua* (1988), *Kisah Cinta Abadi Chunhayng* (1999), *칼끝에 놓인 목숨 (kalkkeute noh-in mogsum)* (2009), *쿠알라 룸푸르 사랑의 단상, 말레이시아 시선집 (kualla lumpuleu salang-ui dansang, malleisia siseonjib)* (2000), dan sebagainya. Beliau juga merupakan ahli tetap dan wakil Asia dalam *International Malay Council* dan mengajar BM di HUFS sehingga pada tahun 2009. Beliau juga pernah menyunting *Kamus BK-Bahasa Indonesia* (HUFS, 1998), menjadi jurubahasa untuk rombongan rasmi Kerajaan Malaysia ke Korea, dan menterjemah bahan sastera Malaysia ke dalam BK dan sastera Korea ke dalam BM.

1.8 Batasan Kajian

Kajian ini melibatkan teks asal dalam BK dan teks terjemahan dalam BM. Data yang diperoleh daripada terjemahan “Antologi Cerpen Korea Selepas Perang Dunia Kedua” merupakan koleksi teks terjemahan sastera Korea oleh beberapa penulis yang diterbitkan oleh DBP. Kajian ini tergolong dalam bidang penterjemahan teks kreatif. Kajian ini juga menggunakan pendekatan penterjemahan yang dikemukakan oleh Keesing (1958), Newmark (1988), Venuti (1995) dan Katan (2012). Selain itu, pengkaji hanya membataskan kajian kepada aspek budaya bagi kedua-dua negara, iaitu Malaysia dan Korea. Aspek-aspek lain tidak akan disentuh oleh pengkaji dalam kajian ini.

Dalam kajian ini, pengkaji hanya menggunakan karya *Perjalanan ke Samp'o* (삼포 가는 길) (Antologi Cerpen Korea Selepas Perang Dunia Kedua). Korpus yang dipilih terbatas kepada 9 cerpen sahaja.

1.9 Definisi Operasional

Pengkaji telah mengambil kira konsep penting bagi kajian ini, iaitu penterjemahan, strategi penterjemahan, prosedur penterjemahan dan kebolehterjemahan dalam budaya.

1.9.1 Penterjemahan

Bidang penterjemahan ialah satu cabang bidang kemanusiaan yang mempunyai hubungan rapat dengan kajian semantik, teori, dan huraian antara disiplin. Bidang ini juga meliputi aplikasi terjemahan, interpretasi, atau kedua-duanya sekali. Penterjemahan boleh dikategorikan sebagai bidang yang bersifat multidisiplin kerana banyak meminjam pengetahuan dalam bidang kesusasteraan komparatif, sains komputer, sejarah, linguistik, filologi, semiotik dan terminologi. Menurut Bassnett, “...*translation belongs most properly to semiotics, the science that studies sign systems or structures, sign processes and sign functions*” (Bassnett, 2005, p.22).

Berdasarkan pemahaman Bassnett, penterjemahan melibatkan pemindahan makna yang terkandung dalam satu set lambang bahasa kepada satu set lambang bahasa yang lain melalui “*competent use of the dictionary and grammar, the process involves a whole set of extra-linguistic criteria also*”. Menurut Sapir (2000), bahasa ialah panduan kepada realisasi sosial dan penggunaan bahasa ialah satu mekanisme dalam masyarakat manusia sebagai alat pengucapan. Beliau menegaskan bahawa pengalaman seseorang individu dalam sesebuah masyarakat ditentukan oleh kebiasaan penggunaan bahasa dalam masyarakat tersebut. Sapir (2000) telah menjelaskan bahawa “*No two language are ever sufficiently similar to be considered as representing the same social reality. The worlds in which different societies live are distinct worlds, not merely the same world with different labels attached*” (dipetik daripada Bassnett, 2005, p.22).

Seorang lagi sarjana barat, Catford (1965) telah mentakrifkan penterjemahan sebagai “*The replacement of textual material in one language (source language) by equivalent textual material in another language (target language)*” (p.21). Finlay (1971) telah mentakrifkan penterjemahan sebagai “*A translation may be defined as a presentation of a text in a language of a text in a language other than in which it was originally written*” (p.1).

Dalam kajian ini, penterjemahan ialah persembahan suatu teks kepada bahasa lain (BM) daripada bahasa teks asal (BK). Sesuatu teks yang diterjemahkan wajar memaparkan teks asal. Seandainya seseorang penterjemah itu menambah atau mengurangkan isi teks tersebut, teks tersebut tidak wajar diterima sebagai hasil terjemahan.

1.9.2 Strategi Penterjemahan

Beberapa sarjana penterjemahan menggunakan istilah yang berbeza dalam menamakan konsep strategi dalam penterjemahan. Vinay and Darbelnet dalam buku mereka yang bertajuk *Stylistique comparée du français et de l'anglais* (1958) menghuraikan konsep strategi berasaskan kaedah penterjemahan, iaitu penterjemahan langsung dan penterjemahan tidak langsung (oblik). Penterjemahan langsung membincangkan prosedur pinjaman (*borrowing*), pinjam terjemah (*calque*), dan terjemahan literal. Kedua, penterjemahan tidak langsung atau oblik yang meliputi prosedur transposisi, modulasi, kesepadanan, dan adaptasi. Penterjemahan oblik mula digunakan apabila terdapat jurang dalam bahasa sasaran yang perlu diisi oleh beberapa maksud sepadan supaya makna atau tanggapan adalah sama untuk bahasa sumber dan bahasa sasaran. Penterjemahan oblik juga perlu digunakan apabila bahasa tersebut mempunyai beberapa perbezaan struktur atau metalinguistik supaya kesan gaya tertentu boleh dipindahkan tanpa perubahan semantik atau leksikal yang radikal. Lebih tepat lagi,

penterjemah mesti beralih kepada penterjemahan oblik jika mesej yang diterjemahkan secara harfiah tersebut mempunyai maksud sama ada yang lain daripada bahasa sumber atau sepadan dengan sesuatu dalam metalinguistik bahasa sasaran tetapi bukan pada tahap linguistik yang sama.

Menurut Krings (1986), strategi penterjemahan didefinisikan sebagai “*translator's potentially conscious plans for solving concrete translation problems in the framework of a concrete translation task*” (p.18). Definisi ini memperlihatkan strategi penterjemahan sebagai pelan berpotensi secara sedar yang dipertimbangkan oleh penterjemah untuk menyelesaikan masalah terjemahan. Beliau mengklasifikasikan strategi kepada :1) Strategi pemahaman (penarikan kesimpulan dan referensi) (*Comprehension*), 2) Pencarian padanan (interlingual dan intralingual) (*Equivalent Retrieval*), 3) Pemeriksaan padanan (membandingkan teks sasaran dan bahasa sasaran) (*Equivalent Monitoring*), 4) Pengambilan keputusan (memilih dua yang sepadan) (*Decision-Making*) dan 5) Reduksi (*Reduction*).

Newmark (1988) pula menekankan kaedah yang dapat disamakan dengan pengertian strategi dalam konteks kajian ini. Namun begitu, beliau membezakan kaedah dan prosedur dalam penterjemahan. Beliau mengatakan bahawa kaedah penterjemahan berhubungan dengan seluruh teks, manakala prosedur digunakan bagi ayat dan unit bahasa yang lebih kecil. Menurut Newmark, kaedah penterjemahan yang memberikan penekanan kepada bahasa sumber ialah 1) penterjemahan perkataan demi perkataan, 2) penterjemahan literal, 3) penterjemahan setia, 4) penterjemahan semantik, manakala kaedah penterjemahan yang memberikan penekanan kepada bahasa sasaran ialah 1) adaptasi, 2) penterjemahan bebas, 3) penterjemahan idiomatik, 4) penterjemahan komunikatif. (lihat Jadual 1.3)

Jadual 1.3 : Senarai Strategi Newmark (1988)

Penekanan Terhadap Teks Sumber	Penekanan Terhadap Teks Sasaran
Kata Demi Kata (<i>Word-For-Word Translation</i>)	Adaptasi (<i>Adaptation</i>)
Terjemahan Literal (<i>Literal Translation</i>)	Terjemahan Bebas (<i>Free Translation</i>)
Terjemahan Setia (<i>Faithful Translation</i>)	Terjemahan Idiomatik (<i>Idiomatic Translation</i>)
Terjemahan Semantik (<i>Semantic Translation</i>)	Terjemahan Komunikatif (<i>Communicative Translation</i>)

Loescher (1991) mendefinisikan strategi penterjemahan sebagai “*a potentially conscious procedure for solving a problem faced in translating a text, or any segment of it*” (p.8). Sebagaimana yang tercatat dalam definisi tersebut, tanggapan “*consciousness*” adalah signifikan bagi menentukan strategi yang digunakan oleh pelajar atau penterjemah. Dalam hal ini, Cohen (1998) menegaskan bahawa unsur “*consciousness*” ini membezakan strategi daripada proses lain yang tidak strategi (p.4).

Venuti (1998) menjelaskan bahawa strategi penterjemahan melibatkan perkara asas bermula daripada pemilihan teks asing yang hendak diterjemahkan dan membangunkan kaedah untuk menterjemahkannya (p.71). Beliau menegaskan bahawa strategi digunakan untuk merujuk cara yang digunakan bagi penterjemahan keseluruhan wacana (hampir sama dengan kaedah). Beliau menggunakan istilah strategi penterjemahan unsur tempatan dan strategi penterjemahan unsur asing.

Jaaskelainen (1999) juga menjelaskan strategi ini sebagai “*a series of competencies, a set of steps or processes that favor the acquisition, storage, and/or utilization of information*” (p.71). Hal ini menunjukkan bahawa strategi penterjemahan seharusnya memperlihatkan satu set kecekapan yang melibatkan proses mendapatkan maklumat daripada teks sumber dan menyimpannya dalam fikiran penterjemah, dan

menggunakannya ke dalam bahasa sasaran. Menurut Jaaskelainen (2005) strategi adalah heuristik dan fleksibel serta penggunaannya dipengaruhi oleh perubahan objektif penterjemah (p.16). Dengan mengambil kira kriteria proses dan produk penterjemahan, beliau mengaitkan sesetengah strategi dengan apa yang berlaku kepada teks, manakala sesetengah strategi dikaitkan dengan apa yang berlaku dalam proses menterjemah. Hal ini membawa kepada dua kategori strategi penterjemahan. Pertama, strategi berkenaan dengan produk yang melibatkan pemilihan teks dan membangunkan kaedah untuk menterjemahkannya. Kedua, strategi berkenaan dengan proses yang dikaitkan dengan set peraturan atau prinsip yang longgar digunakan oleh penterjemah untuk mencapai matlamat yang ditentukan oleh situasi penterjemahan. Beliau membahagikan strategi ini kepada dua, iaitu strategi global yang merujuk kepada prinsip umum dan kaedah menterjemah dan strategi tempatan yang merujuk kepada aktiviti khusus dalam hubungan keupayaan penterjemah menyelesaikan masalah dan membuat keputusan.

Baker (2011) mengatakan bahawa strategi penterjemahan ialah prosedur bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam menterjemahkan teks (p.188). Memandangkan terdapat perbezaan antara peringkat mikro dengan makro dalam penterjemahan, strategi ini boleh dibahagikan kepada strategi tempatan yang berurusan dengan segmen teks dan strategi global yang berurusan dengan keseluruhan teks. Kedua-dua strategi tempatan dan global berinteraksi dengan unsur-unsur yang berkaitan pengetahuan latar belakang penterjemah, iaitu gaya dan kandungan teks yang sama dari segi konvensyen linguistik serta laras dan intuisi tentang apa yang merupakan bahasa sasaran. Baker (2011) menyenaraikan 8 strategi untuk mengatasi masalah tersebut :

- 1) penterjemahan dengan kata superordinat, 2) penterjemahan dengan kata neutral,
- 3) penterjemahan dengan substitusi budaya, 4) penterjemahan dengan peminjaman kata atau peminjaman kata dengan penjelasan, 5) penterjemahan dengan parafrasa yang menggunakan kata terkait, 6) penterjemahan dengan parafrasa yang menggunakan kata

terkait, 7) penterjemahan dengan penghilangan, dan 8) penterjemahan dengan ilustrasi merupakan bahasa sasaran (p.26-42). Bell (1998) juga membezakan antara strategi global (yang berhubungan dengan keseluruhan teks) dan strategi tempatan (yang berhubungan dengan segmen teks) dan mengesahkan bahawa perbezaan ini terhasil daripada pelbagai masalah dalam penterjemahan (p.188).

Pengkaji dalam negara, Anion Mohd. dan Abdullah Hassan (2010) mengetengahkan strategi sebagai teknik dalam bukunya *Teori dan Teknik Terjemahan*. Menurut mereka, menterjemah istilah yang latar belakang unsur budaya setempat boleh dilakukan dengan menggunakan tiga teknik, iaitu unsur budaya itu dikekalkan, unsur budaya itu dihilangkan dan unsur budaya itu disesuaikan semula (p.171-173). Pertama, pengekalan unsur budaya dalam terjemahan menghuraikan bagaimana teknik ini mampu menerangkan sifat atau karakter sesuatu unsur, namun teknik ini dilihat masih mempunyai banyak kelemahan apabila istilah yang cuba disampaikan dalam terjemahan tidak mampu memberi bayangan jelas dan boleh menjurus kepada maksud yang menyimpang. Kedua, teknik penghilangan unsur budaya merupakan unsur budaya itu dihilangkan dengan perkataan yang menerangkan maknanya yang sebenar. Teknik ini sesuai apabila terdapat unsur-unsur pertentangan nilai budaya antara kebudayaan Inggeris dan kebudayaan Melayu. Akhir sekali, teknik penyesuaian semula unsur budaya melibatkan pepadanan suatu istilah tertentu kepada bahasa sasaran. Apabila wujud perbezaan kefahaman ketika pepadanan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran, pemaknaan haruslah berlandaskan kepada konteks istilah terbabit (latar belakang). Walaupun teknik ini memerlukan penerangan panjang, makna istilah tersebut dapat diterjemah dengan betul.

Puteri Roslina (2012) juga memperkenalkan strategi sebagai pendekatan dalam buku yang bertajuk *Meneroka Penterjemahan BM*. Menurut beliau, penterjemahan sebagai

satu proses memerlukan pendekatan yang sesuai agar hasilnya dapat dimanfaatkan. Proses ini melibatkan pemindahan mesej daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Terdapat dua pendekatan dalam penterjemahan, iaitu pendekatan langsung dan pendekatan tidak langsung. Penterjemahan langsung ialah pendekatan yang sedaya mungkin setia pada teks sumber dari segi makna, nahu (sintaksis dan morfologi), gaya serta kesan terhadap pembaca asal, manakala penterjemahan tidak langsung merupakan pendekatan yang kurang setia dengan asal. Pendekatan ini membenarkan penterjemah mengadaptasi, mengubah suai, menokok tambah, dan membuang unsur-unsur morfologi, sintaksis, semantik, stilistik dan bentuk wacana asal (p.45) .

Kebanyakan pengkaji bersetuju menggunakan konsep yang sama tapi istilah yang berbeza. Hal ini demikian kerana perbezaan membawa kepada pemikiran istilah yang berbeza. Dalam kajian ini, strategi dilihat dari segi penterjemahan keseluruhan teks.

1.9.3 Prosedur Penterjemahan

Prosedur penterjemahan digunakan untuk menterjemah ayat dan unit bahasa yang lebih kecil seperti klausa dan perkataan. Nida (1964) mencadangkan dua jenis prosedur penterjemahan: teknikal dan organisasi. Prosedur teknikal melibatkan analisis bahasa sumber dan bahasa sasaran dan kajian yang teliti ke atas teks bahasa sumber bagi menentukan padanan yang sesuai. Prosedur organisasi melibatkan ketekalan dalam penilaian semula hasil kerja oleh penterjemah sama ada oleh penterjemah lain atau organisasi atau jawatankuasa. Penilaian juga dilakukan bagi menyemak ketepatan dan keberkesanan serta maklum balas daripada pembaca atau khalayak umum.

Newmark (1988) mencadangkan prosedur penterjemahan yang terdiri daripada pemindahan, naturalisasi, padanan kebudayaan, padanan fungsian, padanan deskriptif, analisis komponen, kesinoniman, terjemahan terus, peralihan atau transposisi, modulasi, terjemahan diiktiraf, pemampasan, pengembangan, parafrasa, pengguguran, kuplet

(penggabungan dua prosedur), dan nota (p.81). Penterjemah menggunakan prosedur penterjemahan yang berbeza. Sebaliknya, Newmark (1988) membezakan antara kaedah penterjemahan dan prosedur penterjemahan. Beliau menyatakan bahawa kaedah penterjemahan berkaitan dengan teks secara keseluruhannya, manakala, prosedur penterjemahan pula digunakan untuk ayat dan unit-unit bahasa yang lebih kecil.

Vinay dan Darbelnet (2000) menyenaraikan prosedur pinjaman (*loan*), iaitu peminjaman leksikal atau kata daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran, misalnya kata Perancis "*force majeure*" yang dipinjam ke dalam bahasa Inggeris dan diterjemahkan pula ke dalam BM dalam ayat - *It is a state of force majeure* - Ini adalah keadaan *force majeure*. Prosedur pinjam terjemah pula merupakan penterjemahan literal dalam frasa. Malahan, kata atau frasa bahasa sumber diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran dengan mempertahankan urutan unit linguistik frasa/kata aslinya, misalnya *Prime Minister* – Perdana Menteri. Akhirnya, '*calque*' menghasilkan bentuk linguistik (makna dan struktur frasa) dalam bahasa sasaran yang sama dengan bahasa sumber. Sebenarnya dalam pinjaman ini, komponen katanya diterjemahkan secara literal tanpa mengubah susunan morfem atau kata. Penterjemahan literal bermaksud mesej bahasa sumber boleh diterjemahkan dengan sempurna ke dalam bahasa sasaran kerana mesej tersebut adalah berdasarkan kepada kategori atau konsep yang selari. Penterjemahan ini dikatakan terjemah kata-demi-kata yang dilakukan dalam ayat, misalnya ayat - *I have four books* - Saya mempunyai empat buku. Bagi strategi penterjemahan tidak langsung atau oblik pula melibatkan prosedur transposisi, modulasi, kesepadanan, dan adaptasi. Vinay dan Darbelnet (2000) disebut prosedur transposisi seperti menukar kelas perkataan tanpa mengubah makna. Ini merujuk kepada apabila penterjemah menukar jenis perkataan, seperti daripada kata nama untuk kata kerja. Misalnya ayat '*go see a doctor*' dalam bahasa Inggeris diterjemahkan kepada 'pergi ke hospital' dalam BM. Prosedur modulasi bermaksud perubahan sudut pandangan asal

dalam bahasa sumber apabila diterjemahkan kepada bahasa sasaran. Prosedur ini perlu apabila terjemahan yang janggal dari segi tatabahasa, sintaksis dan leksikal. Prosedur kesepadanan merupakan sesuatu yang hampir bersifat budaya, menggunakan contoh seseorang yang sakit melahirkan. Dalam bahasa Inggeris istilah "*Ouch!*" digunakan, manakala di Malaysia, terjemahan literal bunyi itu akan menjadi tidak berguna kepada pembaca. Sebaliknya, bersamaan dengan "*Ouch!*" dalam BM adalah "Aduh!". Kedua-dua perkataan akan segera menunjukkan kepada pembaca bahawa terdapat beberapa tahap kesakitan yang terlibat. Akhirnya, prosedur adaptasi merupakan pendekatan penterjemahan yang menghasilkan persamaan bagi nilai yang sama untuk situasi yang berbeza dalam bahasa sumber (p.39). Misalnya perkataan '소주' (*soju*, minuman arak) dalam BK boleh diterjemahkan kepada 'teh tarik' dalam BM.

Aixelá (1996) juga memperkenalkan prosedur-prosedur untuk menterjemah perkataan unsur budaya (p.61-65). Beliau mengemukakan dua cara utama bagi penterjemahan unsur budaya, iaitu pemuliharaan (*conservation*) dan penggantian (*substitution*) dan 11 prosedur, iaitu perulangan (*repetition*), adaptasi ortografi (*orthographic adaptation*), terjemahan linguistik (*linguistic translation*), glos ekstratekstual (*extratextual gloss*), glos intratekstual (*intratextual gloss*) sinonimi (*synonymy*), penyejagatan terbatas (*limited universalization*), penyejagatan mutlak (*absolute universalization*), naturalisasi (*naturalization*), pengguguran (*deletion*) dan rekaan berautonomi (*autonomous creation*).

Jadual 1.4 : Definisi Prosedur oleh Aixelá (1996: p.61-65)

Prosedur	Definisi
Perulangan	Tindakan penterjemah yang cuba untuk mengekalkan sebanyak mungkin rujukan asal.
Adaptasi Ortografi	Prosedur transkripsi dan transliterasi.
Terjemahan Linguistik	Tindakan penterjemah yang menggunakan padanan terjemahan yang rujukannya hampir sama dengan perkataan sumber.
Glos Ekstratekstual	Prosedur membekalkan penerangan makna dengan melampirkan nota kaki, <i>endnote</i> , glosari dan komentari.
Glos Intratekstual	Prosedur untuk mengelakkan masalah ketaksaan kepada penterjemah boleh menggunakan penerangan tambahan dalam teks sasaran.
Sinonim	Dari segi kesetaraan bahasa sasaran yang hampir kepada perkataan bahasa sumber dalam konteks apabila kesetaraan yang tepat mungkin atau tidak wujud.
Penyejagatan Terbatas	Prosedur membenarkan penterjemah menggunakan rujukan yang dimiliki dalam teks sumber dengan syarat rujukan itu dekat unsur dengan budaya sasaran.
Penyejagatan Mutlak	Penterjemah menggunakan prosedur ini apabila gagal menemui unsur budaya yang dikenali atau bercadang hendak menyingkirkan konotasi asing dan mahukan rujukan yang umum.
Naturalisasi	Membawa unsur budaya ke dalam korpus intertekstualiti yang dirasakan spesifik oleh budaya bahasa sasaran.
Pengguguran	Tindakan yang diambil apabila penterjemah berpandangan bahawa perkataan atau ayat tidak boleh diterima pakai dalam sistem budaya pembaca sasaran, sama ada dari unsur gaya atau ideologi
Rekaan Berautonomi	Prosedur yang jarang digunakan dalam penterjemahan.

Selain Aixelá yang memberi fokus kepada penterjemahan unsur budaya, prosedur penterjemahan budaya juga diperkenalkan oleh Hervey dan Higgins (1992). Hervey dan Higgins (1992) memperkenalkan 5 prosedur untuk menterjemah, iaitu eksotisme (*exoticism*), pinjam terjemah (*calque*), pinjaman budaya (*cultural borrowing*), terjemahan komunikatif (*communicative translation*), pemindahan budaya (*cultural transplantation*) (p.61-65). Menurut Hervey dan Higgins transposisi budaya mempunyai

skala darjah yang ke arah pilihan ciri-ciri asli untuk menyasarkan bahasa dan budaya dan bukannya ciri-ciri yang berakar umbi dalam budaya sumber. Hasilnya di sini adalah ciri asing dikurangkan dalam teks sasaran dan sedikit sebanyak unsur tempatan. Skala di sini adalah daripada yang melampau yang kebanyakannya berdasarkan budaya sumber (eksotisme) kepada yang melampau lain yang kebanyakannya berdasarkan budaya sasaran (pemindahan budaya). Menurut Hervey & Higgins (1992), transposisi budaya mempunyai skala darjah yang ke arah pilihan ciri-ciri asli untuk menyasarkan bahasa dan budaya dan bukannya ciri-ciri yang berakar umbi dalam budaya sumber (p.33). Hasilnya ialah unsur asing dikurangkan dalam teks sasaran dan sedikit sebanyak unsur tempatan. Skala adalah dari yang melampau yang kebanyakannya berdasarkan budaya sumber (Eksotisme) kepada yang melampau lain yang kebanyakannya berdasarkan budaya sasaran (pemindahan budaya). Definisi prosedur adalah seperti berikut oleh Hervey & Higgins :

Jadual 1.5 : Definisi Prosedur oleh Hervey & Higgins (1992)
(dipetik oleh Haslina, 2013, p.72-74)

Prosedur	Definisi
Eksotisme	Penerjemahan yang merujuk kepada kaedah yang paling cenderung dalam mengekalkan unsur budaya asing dalam teks terjemahan. Dengan menggunakan kaedah ini penterjemah hanya membuat perubahan yang paling minimum terhadap unsur-unsur tersebut.
Pinjam Terjemah	Mendefinisikan prosedur pinjam terjemah sebagai “ <i>an expression that consists of TL word and is acceptable as TL syntax, but is unidiomatic in the TL because it is modelled on the structure of an SL expression</i> ”.
Pinjaman Budaya	Prosedur penterjemahan yang memindahkan ekspresi bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Prosedur ini secara tidak langsung turut memperkenalkan unsur-unsur asing yang wujud dalam teks sumber ke dalam teks terjemahan.
Terjemahan Komunikatif	Prosedur penterjemahan budaya tahap keempat berdasarkan kecenderungan sama ada ke arah bahasa sumber atau bahasa sasaran. Prosedur penterjemahan ini lazimnya digunakan apabila terjemahan yang dilakukan secara literal tidak

	bersesuaian.
Pemindahan Budaya	Mentakrifkan prosedur sebagai “ <i>the wolesale transplanting of the ST setting, resulting in the entire text being rewritten in a target culture setting</i> ”. Prosedur ini juga dikenali sebagai adaptasi.

Selain itu, banyak model yang telah dicadangkan sebagai prosedur penterjemahan untuk menterjemah perkataan bukan kebudayaan dan teknikal serta perkataan kebudayaan dan perkataan yang lebih biasa. Sager (1983), Graedler (2000) dan Harvey (2000) memperkenalkan prosedur-prosedur dalam terjemahan teks. (lihat Jadual 1.6)

Jadual 1.6 : Senarai Prosedur oleh Sager (1983), Graedler (2000) dan Harvey (2000)

Sarjana	Prosedur
Sager (1983)	Pengguguran (<i>omission</i>), Penambahan (<i>addition</i>), Penyimpangan (<i>deviation</i>) dan Modifikasi (<i>modification</i>).
Graedler (2000)	Membuat perkataan baru (<i>Making up a new word</i>) Menjelaskan makna ungkapan bahasa sumber sebagai ganti menterjemahkannya (<i>Explaining the meaning of the SL expression in lieu of translating it</i>) Memelihara jangka bahasa sumber yang utuh (<i>Preserving the SL term intact</i>) Memilih kata dalam bahasa sasaran yang seolah-olah sama dengan atau mempunyai yang sama "relevan" sebagai istilah bahasa sumber (<i>Opting for a word in the TL which seems similar to or has the same "relevance" as the SL term</i>)
Harvey (2000)	Kesamaan berfungsi (<i>Functional Equivalence</i>), kesamaan formal (<i>Formal Equivalence</i>), traskripsi atau pinjaman (<i>Transcription or 'borrowing'</i>) dan deskriptif atau penjelasan-sendiri (<i>Descriptive or self-explanatory translation</i>)

Para sarjana terjemahan telah membincangkan secara meluas tentang prosedur penterjemahan, terutamanya prosedur yang digunakan dalam menterjemah unsur-unsur budaya. Dalam kajian ini pengkaji mendefinisikan istilah prosedur ialah cara untuk

menterjemahkan unsur tertentu pada peringkat kata, frasa, klausa dan ayat.

1.9.4 Kebolehterjemahan

Menurut Baker (2011), *“Translatability, inevitably coupled with untranslatability, is an operative concept in the sense that it actively helps structure an entire field of decisions and principles”* (p.273). Beliau menjelaskan kebolehterjemahan sebagai satu konsep operatif. Hal ini dikatakan kerana tahap kebolehterjemahan memainkan peranan yang penting dalam keputusan dan kaedah penterjemahan. Persoalan dan kriteria kebolehterjemahan berbeza-beza berdasarkan jenis bidang kajian. Oleh itu, kajian kebolehterjemahan dapat dijalankan pada bahasa sumber, bahasa sasaran, unsur budaya, teks kesusasteraan, rujukan atau pragmatik. Oleh itu, kajian tentang kebolehterjemahan budaya ternyata amat penting (Goh, 2012, p.4).

Baker (1998) juga menyatakan bahawa terdapat tiga cara kebolehterjemahan beroperasi, iaitu pertama *“for the rationalist, meaning (‘ideas’ or sometimes ‘structures’) are universal and are thus generally translatable into their various language-specific representations”* (p.273). Beliau menekankan tentang makna dalam sesuatu bahasa itu adalah universal dan dapat diterjemahkan ke dalam pernyataan khusus sesuatu bahasa lain. Kedua, *“for the relativity. Thinking and speaking are more tightly bound together”*. Dalam keadaan ini, boleh diuraikan bahawa terdapat jarak hubungan antara fikiran dengan pertuturan. Cara yang ketiga, *“to acknowledge that although all language have a claim to individuality, texts should still be translatable out of them”*. Menurut beliau, penterjemahan antara teks yang berbeza bahasa tetap boleh dijalankan walaupun setiap bahasa itu dilihat dalam keadaan yang terpisah. Dengan itu, ketiga-tiga cara ini boleh membantu dalam mendefinisikan konsep kebolehterjemahan (Goh, 2012, p.5).

Benjamin (2000) menjelaskan kebolehterjemahan sebagai

‘Translatability is an essential quality of certain works, which is not to say that it is essential that they be translated; it means rather that a specific significance inherent in the original manifests itself in its translatability’

(Benjamin, 2000, p.16)

Menurut Goh (2012), ketidakbolehterjemahan berlaku apabila sesuatu yang diungkapkan dalam bahasa sumber tidak wujud dalam dunia bahasa sasaran (p.7). Beliau (2012) menghuraikan bahawa terdapat dua jenis ketidakbolehterjemahan, iaitu ketidakbolehterjemahan linguistik dan ketidakbolehterjemahan budaya. Apabila karakteristik bahasa dalam teks bahasa sumber tidak dapat dipadankan dengan karakteristik bahasa yang sama fungsinya dalam teks bahasa sasaran, maka telah berlakunya fenomena ketidakbolehterjemahan linguistik. Fenomena sedemikian adalah cabaran yang sering dihadapi oleh penterjemah teks puisi yang meletakkan rima bunyi dan kedudukan perkataan sebagai hal yang penting. Berlainan halnya dengan jenis ketidakbolehterjemahan budaya apabila karakter situasi dalam teks bahasa sumber yang sama fungsi dalam konteks budaya bahasa sasaran gagal dicari padanannya. Namun begitu, jenis ketidakbolehterjemahan budaya ini mempunyai erti yang sama dengan ketidakbolehterjemahan kolokasi, iaitu ketidakmungkinan untuk mendapatkan padanan kolokasi dalam bahasa sasaran (p.11). Penerangan bagi hal ini ialah perkataan yang sudah biasa dikolokasikan dengan sesuatu perkataan lain dalam bahasa sumber tidak dapat dipadankan dengan perkataan yang sama seperti dalam bahasa sumber dalam teks sasaran (Goh, 2012, p. 11).

Dalam kajian ini pengkaji mendefinisikan istilah kebolehterjemahan keupayaan bagi sesuatu jenis makna dipindahkan daripada bahasa sumber (BK) kepada bahasa sasaran

(BM) tanpa mengubah perkara-perkara yang asas.

1.9.5 Budaya

Balam bukunya *A Textbook of translation*, Newmark (1988) mentakrifkan budaya sebagai: “...*the way of life and its manifestations that are peculiar to a community that uses a particular language as its means of expression*” (p.94). Berdasarkan takrif yang dikemukakan itu, bahasa dapat dinyatakan sebagai apa-apa sahaja yang berhubung dengan manusia dan kehidupannya adalah budaya. Hal ini meliputi cara berfikir, cara bertindak, cara membuat sesuatu, cara bercakap, cara berpakaian, makanan, tempat tinggal, adat resam dan sebagainya. Oleh sebab budaya merangkumi seluruh hidupnya, maka sudah tentu budaya ini akan diwarisi oleh generasi seterusnya. Melalui pewarisan ini, budaya itu akan kekal lama dan sentiasa diingat.

Beberapa definisi budaya dalam bidang antropologi adalah luas, termasuk bahan dan keadaan sosial. Geertz (1973) menegaskan bahawa konsep budaya mempunyai nilai analisis yang terhad kerana hal ini meliputi banyak perkara. Salah satu cara yang membezakan antara budaya dan sistem sosial adalah dengan melihat budaya sebagai sistem yang disusun daripada makna dan simbol-simbol, interaksi sosial berlaku, dan pola interaksi sosial itu sendiri (p.44).

Oleh itu, budaya perlu dilihat sebagai sistem idea yang berasingan seperti yang dinyatakan oleh Geertz (1973), iaitu;

“An ordered system of meaning. Indeed, isolating culture as a separate system makes it possible to analyze changes (or lack thereof) in the culture versus the social system. But it is important to emphasize that this is an analytical point: ... to distinguish analytically between the cultural and social aspects of human life, and to treat them as independently variable yet mutually

interdependent factors".

(Geertz, 1973, p.144)

Menurutnya lagi, budaya menjadi "*The fabric of meaning in terms of which human beings interpret their experience and guide their action*" (Geertz, 1973, p.145) dan "*Man is an animal suspended in webs of significance he himself has spun; I take culture to be those webs*" (Geertz, 1973, p.5). Simbol-simbol ini ditafsirkan sebagai pembawa makna yang bersifat awam seperti perkahwinan dan sebagai akibat sebagai pertanian.

Kebanyakan ahli antropologi pula bersetuju bahawa "*finding meaning*" adalah tujuan utama dalam analisis dan budaya, tetapi Geertz telah membandingkan budaya sebagai "*a set of control mechanisms (. . .) what computer engineers call programs*" (Geertz, 1973, p.44). Beliau juga melihat budaya sebagai satu keperluan bagi manusia yang menurutnya sebagai: "*There is no such thing as a human nature independent of culture They would be unworkable monstrosities with very few useful instincts, fewer recognizable sentiments, and no intellect: mental basket cases*" (Geertz, 1973, p.49).

Dalam kajian ini, budaya ialah keseluruhan cara hidup masyarakat Korea yang dipindahkan ke dalam bahasa dan budaya Melayu.

1.10 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan dengan terperinci, perkara-perkara yang menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini. Hampir kesemua perkara dasar dalam kajian ini telah disentuh secara menyeluruh. Dalam bab berikutnya, pengkaji akan menghuraikan pula sorotan kajian dan pembacaan berkaitan kajian ini.

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

2.1 Pendahuluan

Bahagian ini akan menyorot kajian-kajian lepas yang berkaitan dengan bidang penterjemahan, iaitu kajian terjemahan, penterjemahan teks berkaitan budaya dan kebolehterjemahan dalam penterjemahan.

2.2 Kajiian Tentang Penterjemahan

Kolers (1973) dalam artikelnya *Translation and Bilingualism* telah menegaskan bahawa tidak ada mesin khas untuk menjadikan penterjemahan bersifat sempurna kerana sifat bahasa yang kompleks. Lazimnya, makna-makna dalam leksikal mempunyai lebih daripada satu interpretasi, bergantung kepada konteks yang digunakan. Oleh itu, sebuah mesin tidak akan dapat melaksanakan tugas menterjemah secara sempurna. Menurut Kolers,

“Our words are commonly used in contexts, in situations that are defined both by their physical characteristics and by our habits, attitudes, dispositions, and intentions toward them. These cognitive and emotional conditions affect the way we interpret a word when we hear it or see it; they affect the meaning we give to the world”.

(Kolers, 1973, p.283)

Dalam kajian beliau, Kolers memperlihatkan bahawa perkataan yang merujuk kepada objek mempunyai makna yang seakan-akan sama apabila diterjemahkan. Namun, perkataan yang merujuk kepada idea mengenai etika, politik atau emosi, mempunyai makna yang berbeza dalam lain-lain bahasa. Sungguhpun perkataan-perkataan sebegini

wujud dalam bahasa-bahasa di dunia, maknanya berbeza dalam setiap budaya dan masyarakat. Hal ini menjelaskan kesukaran dalam menterjemahkan bahasa-bahasa yang amat berbeza dan sebab-sebab terjemahan oleh manusia berbeza dengan terjemahan berdasarkan kamus. Bahasa yang digunakan untuk pembaca sasaran telah disesuaikan untuk budaya pembaca sasaran. Seseorang penterjemah yang benar-benar dwibahasa sifatnya mempunyai kelebihan kerana bukan sahaja dia mampu menterjemahkan dengan baik tetapi juga memahami dengan mendalam kedua-dua bahasa dan budaya berkenaan.

Dalam kajian Bassnett (1980), terdapat enam peraturan umum yang diguna pakai sebagai panduan bagi penterjemah teks prosa. Pertama, penterjemah tidak wajar menterjemah perkataan demi perkataan atau ayat demi ayat kerana tindakan ini menyebabkan sesuatu karya yang diterjemah menjadi “kaku”. Sebaliknya, seseorang penterjemah perlu memahami makna konteks untuk menyampaikan mesej berkenaan. Kedua, adalah bagi penterjemahan bentuk bahasa kiasan, penterjemah perlu mengikut peraturan yang terdapat dalam bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana terdapatnya maksud mendalam yang unsur-unsur simbolik bersifat bahasa kiasan. Pada masa yang sama, perbezaan budaya menyebabkan penterjemah perlu mencari perkataan yang bersesuaian dengan dengan istilah dalam bahasa kiasan yang diterjemahkan. Ketiga, penterjemah perlu mengekalkan maklumat asal teks sumber. Hasil terjemahan yang salah atau tidak mengekalkan maklumat asal boleh menyebabkan pembaca teks sasaran mendapat maklumat yang berbeza berbanding pembaca teks sumber. Keempat, penterjemah perlu berhati-hati dalam penggunaan perkataan-perkataan *les faux amis*, iaitu perkataan-perkataan yang mempunyai struktur yang hampir sama, tetapi membawa makna yang berbeza. Kelima, penterjemah perlu mengubah unsur asing dalam teks prosa bagi menyesuaikan dengan pembaca teks sasaran. Keenam, penterjemah tidak boleh menokok tambah teks prosa sehingga menghilangkan keaslian teks sumber.

Menurut Bassnett (1980), enam peraturan ini merangkumi dua unsur, iaitu teknik dan prinsip. Susunan utama menjadi sedikit janggal tetapi penterjemah perlu memimbangkan teks prosa sebagai sebuah struktur keseluruhan, manakala gaya dan unsur ayat perlu diberikan perhatian dalam menterjemah teks sasaran (p.121). Beliau berpendapat bahawa wujud tanggungjawab moral mengekalkan ke teks sumber yang asli tetapi penterjemah juga mempunyai hak mengubah suai semasa proses menterjemah sebagai keperluan kepada pembaca teks sasaran, iaitu menepati gaya dan norma idiomatik dalam bahasa sasaran.

Kajian dalam negara yang dijalankan oleh Abdul Hadi Abdullah (1998) yang berjudul *Kajian Makna Dalam Penterjemahan* telah mengemukakan analisis dan huraian mengenai makna dalam aspek penterjemahan. Menurut beliau, penterjemahan merupakan satu aktiviti yang penting dalam penyebaran maklumat. Beliau menyatakan bahawa seseorang penterjemah perlu memahami dan menghayati kehendak teks asal sebelum teks tersebut dapat diterjemahkan ke dalam sesuatu bahasa sasaran. Beliau telah menerapkan teori Relevans yang dicadangkan oleh tokoh-tokoh terkemuka Sperber dan Wilson yang bukan sahaja mengambil kira bidang semantik, tetapi juga aspek pragmatik dalam pentafsiran makna. Beliau juga telah menyingkap mengenai definisi, perspektif sejarah, dan teori-teori penterjemahan daripada tokoh-tokoh terkenal seperti Nida (1969), Catford (1996), Levi (2000), Meetham dan Hudson (1972). Pada masa yang sama, beliau menghuraikan takrifan-takrifan tentang penterjemahan. Beliau juga menyatakan bahawa terdapat unsur-unsur interpretasi dalam proses terjemahan. Hal ini demikian kerana seseorang penterjemah perlu memahami teks itu terlebih dahulu sebelum melakukan kerja terjemahan. Dalam proses memahaminya, interpretasi terhadap teks berlaku. Berdasarkan pengamatan beliau, interpretasi dalam penterjemahan tidak sama dengan interpretasi yang berlaku dalam persidangan. Interpretasi dalam penterjemahan adalah berkaitan dengan pemahaman daripada mesej

yang didengar atau dibaca. Beliau juga telah membincangkan tentang pengertian makna dan teori-teori yang berkaitan dengan makna berdasarkan pendekatan yang dirumuskan oleh beberapa aliran yang terkemuka. Kupasan berkaitan dengan dasar pengkajian makna dilakukan mengikut dua perspektif, iaitu perspektif linguistik semantik dan perspektif bukan linguistik atau pragmatik. Beliau mendapati bahawa perlu adanya gandingan antara dua ilmu tersebut bagi tujuan menghasilkan penterjemahan yang bermutu.

Di samping itu, beliau juga telah melakukan analisis terhadap jenis-jenis makna yang terdapat dalam bahasa telah dinyatakan. Dalam penganalisan tersebut, beliau menghubungkan teori Relevans dengan menekankan aspek konteks seperti yang telah disarankan oleh Sperber dan Wilson. Teori Relevans menekankan kerelevanan sesuatu ujaran dan bentuk komunikasi yang terlibat mestilah dapat difahami oleh kedua-dua penutur dan pendengar. Berdasarkan kajian ini, makna rujukan itu memberikan interpretasi ayat yang terdiri daripada simbol-simbol abstrak yang dikenali sebagai perwakilan semantik.

Penterjemah dikatakan wajar mengambil berat tentang perbezaan-perbezaan tersebut agar dapat diterapkan ke dalam kerja-kerja penterjemahan mereka. Beliau juga mendapati bahawa makna perkataan dapat dikaitkan dengan inti perhubungan yang disampaikan tentang apa-apa yang dimaksudkan atau dirujuk. Makna emosi pula dikenali sebagai makna efektif yang dihuraikan sebagai makna nahu, figuratif, dan idiomatik.

Reiss dalam bukunya *Translation Criticis-The Potentials And Limitations* yang telah diterjemahkan oleh Enroll Rhodes pada tahun 2000 merupakan salah satu kajian yang secara terperinci memperkatakan tentang bidang kritikan terjemahan. Beliau melihat bidang terjemahan karya teks kreatif sebagai satu bentuk hiburan yang memainkan

peranan penting dalam pertukaran mutual antara budaya. Oleh itu, beliau menyatakan bahawa kritikan terjemahan amat penting bagi memastikan mutu teks yang dihasilkan benar-benar berkualiti. Selain itu, beliau juga turut merasakan bahawa perlu diwujudkan satu formula yang sesuai untuk mengkategorikan dan menyelaraskan objektif kritikan semua jenis karya terjemahan. Kerangka umum yang dihasilkan ini dapat digunakan untuk menghasilkan kritikan terjemahan yang lebih bermutu, selaras, serta sesuai dengan jenis karya terjemahan.

Beliau turut menerangkan mengenai konsep kritikan karya terjemahan dan kritikan penterjemahan sebagai bidang yang semakin mendapat tempat dalam disiplin penterjemahan. Beliau turut menerangkan mengenai objektif serta keperluan bagi bidang kritikan terjemahan ini. Kritikan terjemahan ini perlu memandangkan kajian yang telah dilakukan dalam bidang berkenaan masih belum mencukupi dan hanya berkisar kepada kritikan yang bersifat arbitrari sahaja. Selain itu, beliau juga membincangkan tentang potensi serta batasan dalam bidang kritikan terjemahan ini. Beliau turut membincangkan secara terperinci tentang prosedur mengkritik berdasarkan jenis-jenis teks kerana setiap teks mempunyai prosedur yang berbeza-beza dan perlu diteliti seorang pengkritik semasa mengkritik teks jenis formal, *content based*, atau sastera. Beliau menerangkan tentang komponen-komponen linguistik dan bukan linguistik yang perlu diketahui seorang pengkritik sebelum melakukan kerja-kerja mengkritik sesebuah karya itu.

Munday (2001) dalam bukunya yang bertajuk *Introducing Translation Studies* telah membincangkan pelbagai isu yang berkaitan dengan bidang penterjemahan yang merangkumi aspek definisi, konsep, sejarah, perkembangan penterjemahan di Barat, dan pendekatan penterjemahan yang lazim digunakan oleh penulis-penulis sebelumnya. Walau bagaimanapun, beliau juga mengetengahkan beberapa teori yang digunakan

dalam terjemahan seperti kesan persamaan (*equivalence effect*), pendekatan peralihan (*shift approach*), teori falsafah (*philosophical theories*), dan teori fungsian (*functional theories*).

Munday (2001) juga telah mengemukakan teori penterjemahan yang diperkenalkan oleh Dryden (1680), Dolet (1540) dan Tytler (1797) dalam penulisannya. Beliau menghuraikan beberapa isu penting yang berkaitan dengan bidang penterjemahan dalam penulisannya. Model yang digunakan ialah model taksonomi klasik yang diperkenalkan oleh Vinay & Darbelnet (1995). Selain itu, model linguistik Catford dan pendekatan peralihan terjemahan (*translation shift approach*) yang telah dikemukakan oleh Van Leuven-Zwart pada tahun 80-an turut diteliti dalam penulisan beliau. Pada masa yang sama, beliau juga menekankan konsep analisis teks yang merangkumi susunan perkataan, struktur informasi, serta perkembangan tema dalam terjemahan. Beliau menggunakan kaedah kajian yang lebih berfokuskan kepada pendekatan terjemahan deskriptif, iaitu meneliti kepelbagaian yang wujud dalam pendekatan penterjemahan budaya. Malah, beliau juga turut menekankan unsur bahasa asing dalam terjemahan sesebuah karya kerana penekanan aspek ini boleh mewujudkan hasil terjemahan teks kreatif yang lebih baik.

Menurut Munday (2001), kajian tentang kepelbagaian budaya merupakan kajian yang menarik kerana konsep utamanya adalah "*cultural turn*" atau mengarahkan kajian analisis terjemahan dari segi kebudayaan. Lefevere dan Bassnett (1990) telah menekankan interaksi antara budaya dan terjemahan melalui analisis unsur kesusasteraan yang dibangunkan oleh ahli antologi, pengulas, adaptasi filem dan terjemahan, dan institusi yang terlibat dalam proses ini (p.4). Melalui teori ini, terjemahan sebagai proses "penulisan semula", iaitu satu fenomena yang dikawal oleh tiga faktor. Faktor-faktor yang terlibat dalam proses ini adalah profesionalisme dalam

sistem (pengkritik dan penyemak), naungan di luar sistem (individu berpengaruh dan penerbit), dan alat dominan (alat sastera, genre, simbol, dan tema asas). Faktor-faktor ini juga mempunyai hubungan dengan sastera dan sistem sosial, malah kedua-duanya juga saling berkaitan antara satu sama lain. Selain itu, perbincangan tentang kajian ini juga menumpukan kepada dua konsep yang dicadangkan oleh Venuti (1995), iaitu seorang penterjemah atau bahan terjemahan sebagai proses memberikan unsur asing (*foreignizing*) dan tempatan (*domesticating*). Venuti (1995) percaya bahawa dalam usaha untuk memelihara aspek keaslian teks yang menggambarkan sosiobudaya, secara idealnya unsur tempatan tidak kelihatan. Kajian ini memberikan maklumat dan merupakan sumber yang membantu pembaca kepada bidang penterjemahan. Konsep yang disintesis dalam setiap teori dan teori utama ditandakan dengan jelas dan kajian kes adalah berkesan dalam mengaplikasikan teori-teori tersebut.

An (2002), sarjana dari Korea dalam *Literary Translation from Korean into English: A Study in Criteria* telah membincangkan kepentingan terjemahan karya-karya sastera ke dalam BK serta masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha menterjemahkan teks-teks tersebut. Antara masalah yang dapat dikenal pasti adalah kekurangan penterjemah-penterjemah yang berkualiti dari Korea. Hal ini demikian kerana kebanyakan penterjemah-penterjemah yang sedia ada merupakan penterjemah-penterjemah sambilan yang hanya membuat kerja-kerja penterjemahan pada masa lapang. Malah, mereka juga tidak mempunyai kelulusan, mahupun sijil dalam bidang penterjemahan. Beliau melihat hal ini sebagai salah satu masalah yang mengakibatkan kekurangan karya-karya sastera Korea dapat diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris dengan baik. Namun demikian, masalah utama yang dilihat beliau adalah perbezaan bahasa antara BK dan bahasa Inggeris itu sendiri.

Perbezaan bahasa antara BK dan bahasa Inggeris merupakan masalah yang besar kerana perbezaan struktur dalaman kedua-dua bahasa ini mempengaruhi strategi menterjemah. Dalam hal ini, kebudayaan dan latar sejarah hanya dapat difahami oleh lingkungan penutur jati. BK ditulis dengan menggunakan skrip *hangul*, iaitu satu bahasa tulisan yang unik serta mempunyai campuran dengan huruf-huruf bahasa Cina. Namun begitu, BK menggunakan *polysyllabic agglutinating*, sama seperti yang digunakan dalam bahasa Hungary. Hal ini bermaksud bahawa perkataan-perkataan dalam bahasa tersebut akan bertambah dengan penambahan terhadap suku kata akhir dalam sesuatu perkataan. Makna perkataan tersebut turut menerima perubahan dengan penambahan suku kata. Dalam hal ini, strukturnya didapati mirip kepada bahasa Jepun, namun berbeza dengan bahasa Cina, serta bahasa-bahasa Indo-Eropah.

Selain itu, masalah yang dihadapi oleh penterjemah-penterjemah ini adalah terdapatnya banyak kata pinjaman daripada bahasa Cina ke dalam BK. Hal ini sukar difahami oleh para penterjemah di Korea kerana sekiranya perkataan itu ditulis dalam huruf Hangul. Apabila dibandingkan dengan perkataan-perkataan yang ditulis menggunakan tulisan Cina, penterjemah lebih mudah untuk memahaminya kerana makna perkataan ini sering disalahertikan. Situasi ini berlaku kerana setiap huruf mempunyai makna yang berbeza jika disebut dengan menggunakan nada yang berbeza. Perkara ini tidak mudah difahami oleh lapisan masyarakat Korea, khususnya masyarakat muda yang mempunyai kemahiran yang rendah terhadap bahasa Cina. Akhirnya, perkataan-perkataan yang dianggapnya rumit ini dibuang sama sekali. Namun demikian, fenomena utama yang sukar diterjemahkan merupakan nada dalam setiap perkataan yang secara langsung boleh mengubah makna pada sesuatu istilah.

Selain itu, beliau turut menerangkan perbezaan sistem antara BK dan bahasa Inggeris. Nahu BK tidak mempunyai sebarang kata jamak, serta kata ganti nama diri

seperti *he, she, they, we* dan sebagainya. Dalam hal ini, penterjemah berbahasa Korea pastinya menghadapi masalah dalam menterjemah teks-teks mereka. Perbezaan nahu yang turut ditandai dengan kata-kata yang mempunyai makna dan penggunaan yang pelbagai apabila dialih bahasa, misalnya *myon* boleh merujuk sebagai *if* dalam bahasa Inggeris. Namun demikian, *myon* sebenarnya turut membawa pengertian sebagai *since* dan *although*. Hal ini tidak memungkinkan kaedah penterjemahan satu lawan satu. Namun begitu, penterjemah terpaksa pula berhadapan dengan cabaran untuk mengekalkan keaslian dan ketulenan karya asal. Akibatnya, karya-karya yang diterjemahkan lazimnya bersifat kaku, di samping menggunakan bahasa Inggeris yang kurang baik. Apa yang memberikan masalah yang lebih besar adalah penggunaan nota kaki, iaitu penterjemah gagal untuk memelihara emosi atau perasaan yang tersingkap dalam teks untuk disampaikan kepada pembaca. Hal tersebut akhirnya membuatkan pembaca beranggapan bahawa karya-karya berBK amat rendah mutunya. Namun demikian, permasalahan tersebut mula menunjukkan sedikit perubahan apabila BK turut terkesan dengan fenomena globalisasi pada tahun 1980-an. Rujukan-rujukan yang bersifat sosial mula berkisar tentang kehidupan moden yang lebih mudah difahami khalayak ramai. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak memberikan kesan terhadap keberkesanan penyesuaian makna dan aturannya dengan bahasa Inggeris.

Kajian yang dilakukan oleh Salehi yang bertajuk *Reflections on Culture, Language and Translation* ini pula telah mendefinisikan konsep budaya daripada sudut pandangan yang berbeza. Kajian yang dijalankan pada tahun 2012 ini menerangkan bahawa konsep terjemahan dapat dilihat daripada interaksi antara budaya dan bahasa, serta antara budaya dan terjemahan. Dalam mengkaji interaksi antara bahasa dan budaya, beliau telah meneliti hubungan antara satu pemboleh ubah dengan lain. Beliau menyatakan bahawa wujudnya masalah menterjemah teks budaya yang terlalu khusus. Hal ini demikian bermaksud bahawa teks tidak boleh diterjemah secara langsung

daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Situasi ini menimbulkan masalah kepada para penterjemah apabila mereka bertemu dengan unsur kebudayaan dalam teks yang akan diterjemahkan oleh mereka. Apa yang menarik minat beliau adalah terjemahan teks kesusasteraan kebiasaannya penuh dengan unsur kebudayaan. Beliau berpandangan bahawa perlunya eksploitasi terhadap strategi paling efektif seperti yang disarankan oleh Nida. Kaedah penterjemahan unsur budaya ke dalam bahasa sasaran perlulah mempunyai kesan yang sama seperti kesan yang dirasakan oleh pembaca teks sumber.

Oleh itu, beliau menyatakan bahawa terdapat banyak ulasan atas hubungan antara bahasa dan budaya. Walaupun kebanyakan sarjana berpendapat bahawa bahasa dan budaya adalah konsep yang sangat diperlukan dalam mengimplimentasikan terjemahan, sesetengahnya pula menyatakan bahawa kedua-dua konsep ini sebenarnya tidak berkaitan. Beliau juga menyatakan bahawa bahasa menentukan cara penuturnya berfikir. Dalam contoh pertuturan penutur dwibahasa, secara automatiknya mereka akan menukar pandangan mereka terhadap dunia apabila mereka menukar pertuturan kepada bahasa yang kedua. Selain itu, beliau turut mendefinisikan proses menterjemah sebagai satu proses yang melibatkan penggantian semula struktur teks sumber kepada teks sasaran yang memerlukan kepakaran dalam mentafsir isi yang tersurat dan tersirat. Beliau turut menyatakan bahawa dalam terjemahan kebudayaan adalah melibatkan perubahan kandungan teks, iaitu kandungan tersebut diubah berdasarkan budaya pembaca teks sasaran. Dalam menterjemah teks, seseorang penterjemah tidak dapat mengelakkan keterlibatan sekurang-kurangnya dua bahasa dan dua budaya. Penterjemah yang mempunyai keupayaan menterjemah teks dwibahasa dan dwibudaya sahaja mampu melaksanakan terjemahan yang lengkap. Hal ini demikian kerana terjemahan dan budaya bergerak dalam landasan yang selari, manakala bahasa dilihat sebagai mempunyai nilai kebudayaannya sendiri. Beliau turut menyatakan bahawa terjemahan

bukan sekadar tindakan linguistik, tetapi merupakan tindakan kebudayaan. Beliau menyimpulkan bahawa terjemahan sebagai tindakan komunikasi merentasi budaya yang melibatkan bahasa dan budaya kerana kedua-duanya tidak boleh dipisahkan.

Dalam kajian yang bertajuk *Translation, Cross-cultural Interpretation, and World Literatures*, Li & Guo (2013) telah membincangkan kaedah untuk menjadikan kesusasteraan kebangsaan sebahagian daripada kesusasteraan dunia. Beliau telah mencadangkan bahawa terdapatnya dua cara dalam menjayakannya, iaitu melalui terjemahan dan tafsiran silang budaya. Beliau juga menyatakan bahawa terjemahan bukan sahaja merangkumi pertukaran bahasa, tetapi juga meliputi pemilihan dan variasi budaya. Dalam konteks kesusasteraan moden orang Cina misalnya, tafsiran silang budaya muncul sebagai aplikasi teori Barat. Hal ini demikian kerana untuk menerangkan teks orang Cina, pembaca Barat perlu memahami dan menghargai usaha mengantarabangsakan kesusasteraan tersebut. Pada masa yang sama, variasi yang terdapat dalam silang budaya bukan hanya bersifat sehalu. Melalui silang budaya, kesusasteraan orang Cina didapati lebih ketara daripada budaya lain dan usaha mengantarabangsakan kesusasteraan ini menjadi sebahagian daripada kesusasteraan dunia telah dilakukan. Kedua-duanya juga menyatakan bahawa semua kesusasteraan bersifat kebangsaan, bukan kerana karya kesusasteraan tersebut ditulis dalam bahasa kebangsaan sesebuah negara. Oleh itu, status bahasa kebangsaan tersebut menentukan status kebangsaan kesusasteraannya kerana bahasa yang digunakan dapat menyampaikan idea, nilai, emosi, budaya. Walau bagaimanapun, kedua-duanya berpendapat bahawa bukan semua karya kesusasteraan yang ditulis dalam bahasa kebangsaan menjadi sebahagian daripada karya kesusasteraan kebangsaan. Hal ini demikian kerana terdapat sesetengah karya tersebut dihapuskan, manakala sebahagian daripada karya itu hanya dimartabatkan sebagai contoh kesusasteraan klasik kebangsaan sahaja.

Pada masa yang sama, kesusasteraan kebangsaan yang ingin diangkat sebagai karya kesusasteraan dunia perlu merentasi halangan budaya dan bahasa. Hal ini demikian kerana teks tersebut perlu difahami dan mempunyai kepentingan kepada pembaca teks sasaran. Antara ciri-ciri teks yang dipilih untuk tujuan tersebut adalah teks terjemahan yang mencerminkan motivasi masyarakatnya, bermotivasi tinggi dan membincangkan isu-isu setempat. Kedua-duanya turut menyatakan bahawa teks terjemahan yang melepasi sempadan status kebangsaannya apabila difahami dan dibaca dalam konteks kebangsaan yang lain. Situasi ini bermaksud bahawa kesusasteraan kebangsaan tidak melibatkan kesusasteraan bangsa lain.

Selain itu, apabila sesebuah karya itu diterjemahkan, pasti akan wujud masalah berkaitan penulisan semula, variasi, dan salah tafsir, dan variasi budaya. Antara contoh karya yang mempunyai aspek silang budaya adalah Qian Sima (135-86 sebelum Masehi) 史记 (Rekod Sejarawan Gemilang China). Dalam karya ini, penulisnya telah menceritakan secara terperinci tentang budaya, sejarah, politik, urusan ketenteraan China, dan sebagainya dari zaman Maharaja Kuning sekitar 2600 sebelum Masehi. Dalam zaman China moden pula, untuk melihat contoh tafsiran silang budaya adalah berdasarkan karya Wang, iaitu "Ulasan ke atas Impian Istana Merah". Beliau menyatakan bahawa berdasarkan kritikan kesusasteraan moden orang Cina yang menggunakan teori Barat telah menunjukkan pendekatan yang kurang sesuai. Situasi ini membuktikan bahawa terdapatnya keterbatasan antara teori Barat dengan teks orang Cina. Kelemahan teori ini adalah hanya bersifat sehalu tanpa memasukkankan pemikiran orang Cina. Proses terjemahan dan tafsiran silang budaya perlu diaplikasikan, untuk menyepadukan kesusasteraan orang Cina dalam kesusasteraan dunia.

2.3 Kajian Penterjemahan Teks Berkaitan Unsur Budaya

James (2002) dalam penulisannya *Cultural Implications For Translations* telah membincangkan mengenai kesan penterjemahan daripada satu bahasa ke bahasa yang lain. Implikasi budaya dalam penterjemahan boleh mengakibatkan berlakunya perubahan bentuk, khususnya dari sudut pengisian leksikal, sintaksis, ideologi, dan gaya hidup dalam sesebuah budaya. Oleh itu, beliau berpendapat bahawa penterjemah mempunyai autoriti untuk memelihara, menekankan, atau menggugurkan kriteria-kriteria tersebut. Pada masa yang sama, beliau membahagikan kajian kepada tiga aspek, iaitu kepentingan budaya dalam penterjemahan, pembacaan teks sumber dan proses penterjemahan sebelum dirumuskan. Beliau juga telah berlandaskan terhadap penterjemahan *Les Loukoums chez l'Arabe*, iaitu sebahagian daripada *La Premiere Gorgee de Bier et autres Plaisirs Minuscules* yang ditulis oleh penulis terkemuka Perancis, iaitu Philippe Delerm. Beliau menyarankan bahawa usaha penterjemahan haruslah bermula dengan pertanyaan kepada diri sendiri akan khalayak masyarakat yang ditujukan dalam teks asal serta hubungannya dengan khalayak masyarakat yang bakal membacanya dalam bahasa sasaran. Kedua-dua kelompok pembaca yang berbeza daripada itu boleh dibahagikan sebagai pembaca ideal teks sumber dan pembaca ideal teks sasaran.

Khairunisah (2008) dalam kajiannya yang bertajuk *Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka BM-Bahasa Jerman: Satu Analisis* telah meneliti aspek pengalihan ciri-ciri budaya teks sumber ke teks sasaran. Beliau mendapati masalah dalam pengalihan budaya dalam penterjemahan yang dilakukan, fungsi atau kesan teks terjemahan adalah sama seperti fungsi sebenar cerita jenaka Melayu dan panduan diperoleh untuk membantu mereka yang ingin berkecimpung dalam bidang penterjemahan teks seperti ini. Kajian ini adalah berasaskan kepada teks cerita jenaka Melayu yang bertajuk *Lebai Malang* yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Jerman

Der ungluks-geistliche. Cerita Pak Belalang pula telah diterjemahkan sebagai *vater heuschreck* daripada buku *Matahari*, iaitu koleksi teks terjemahan sastera Melayu oleh Albert Hoffmann, Albert Lehmenkuhler, Bert Nentwich, Dagmar Hahn, dan Zaini Zahari yang telah diterbitkan pada 1996.

Kim (2010) dalam tesisnya *A Study on Korea-Arabic Translation of Advertisement Texts: With Focus on Culture-Specific Terms*, (Penterjemahan teks iklan antara BK-bahasa Arab; analisis istilah-istilah budaya khusus) telah mengkaji istilah budaya tertentu tahap teks iklan. Kajian ini menganalisis beberapa terjemahan dan penerimaan faktor utama yang terlibat dalam pengantarabangsaan kempen promosi pelancongan dengan memberi tumpuan kepada contoh multimedia, termasuk laman sesawang dan pengiklanan televisyen. Menurut beliau, pakar-pakar promosi pelancongan tidak peka terhadap isu-isu seperti cara pasaran menggunakan teknologi yang berbeza, menangani unsur intersemiotik, dan nilai yang diberikan oleh pengguna kepada pelbagai unsur dalam teks-teks pelancong promosi multimedia. Selain itu, beliau juga menganalisis semiotik dan budaya beberapa aspek antara muka utama, reka bentuk, kandungan, pemasaran, dan teknikal laman sesawang promosi pelancongan dipilih dari negara-negara dan wilayah yang berbeza. Beliau menunjukkan bagaimana unsur-unsur ini mempunyai pengaruh ke atas potensi kerugian atau keuntungan kandungan 'kebangsaan' daripada teks. Kajian itu juga memberikan kesedaran tentang kepentingan penterjemah, pembangunan kempen pengiklanan dalam talian, kepentingan penyelidikan empirikal, dan keperluan khalayak dalam pengiklanan multimedia yang berbilang bahasa.

Kajian berkaitan *Cultural Translation : A Case Study of Kyeongbokgung Palace* telah dilakukan oleh Lee pada tahun 2010. Dalam kajiannya, pengkaji menyatakan bahawa terjemahan melibatkan bahagian komunikasi budaya dan proses pemindahan kebudayaan. Dalam mendukung matlamat ini, laman sesawang rasmi Istana

Kyeongbokgung telah dikaji berdasarkan fungsinya sebagai medium terjemahan BK kepada bahasa Inggeris. Menurut beliau laman sesawang ini menjadi pangkalan data yang menyeluruh berkaitan ciri-ciri kebudayaan dan bahasa seperti ekologi, budaya sosial, kepercayaan dan agama, dan budaya linguistik. Pada masa yang sama, laman sesawang ini juga telah mengaplikasikan kesetaraan taksonomi pemindahan linguistik Baker (1992) dan teori Gutt (2000) berkaitan pemindahan konsepsi (kehilangan formaliti, penambahan, atau pemotongan penterjemah) dalam proses terjemahan kebudayaan.

Oleh itu, kajian yang dijalankan oleh beliau telah memilih laman sesawang rasmi Istana Kyeongbokgung untuk dikaji dengan menganalisis maklumat daripada laman sesawang ini. Kemudian, aspek yang dikaji pula adalah maklumat daripada perpekstif terjemahan dan ciri-ciri kebudayaan bahasa termasuk ekologi, bahan budaya, budaya sosial, budaya kepercayaan agama dan budaya linguistik, atau pemindahan, dan kaedah penterjemah menyampaikan budaya orang Korea kepada orang Inggeris. Laman sesawang rasmi Istana Kyeongbokgung adalah salah satu laman sesawang yang dilawati ramai untuk mendapatkan maklumat pelancongan. Laman ini memuatkan ciri-ciri kebudayaan bahasa termasuk ekologi, bahan budaya, budaya sosial, budaya kepercayaan agama dan budaya linguistik; tetapi tujuan utamanya adalah untuk menyediakan pelancong dengan maklumat. Maklumat yang berkaitan istana yang menumpukan kepada budaya hidup, budaya politik, dan falsafah universal keturunan diraja dimuatkan dalam laman sesawang ini.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa wujudnya masalah linguistik akibat perbezaan penyusunan sintaksis, dan susunan perkataan daripada sistem BK kepada bahasa Inggeris. Antara masalah yang wujud adalah ayat yang dihasilkan daripada laman sesawang ini adalah panjang dan rumit, manakala ayat-ayat dalam teks sumber

yang mencirikan kesopanan dan maruah kerabat diraja dipendekkan menjadi ayat pendek dan mudah dalam bahasa sasaran. Namun, nisbah antara ayat BK yang diterjemah dalam bahasa Inggeris menunjukkan peningkatan sebanyak 125%, tanpa mengambil kira panjangnya. Perangkaan ini menunjukkan bahawa terjemahan kebudayaan tidak boleh diterjemah secara tepat.

Selain itu, beliau juga menyatakan bahawa terjemahan bahasa Inggeris berkaitan dengan pemindahan kebudayaan agak ringkas dan padat. Hal ini demikian kerana penilaian keberkesanan penyampaian maklumat dan sumbangan penterjemah untuk menghasilkan teks sasaran dapat dilihat dengan jelas. Oleh itu, terjemahan kebudayaan memerlukan kemahiran linguistik dan penilaian penterjemah untuk menghasilkan terjemahan yang difahami dalam konteks yang lebih luas. Malah, beliau turut menyatakan bahawa peranan penterjemah tidak hanya terbatas kepada bahasa sahaja, tetapi sebagai perantara bahasa, terutamanya dalam terjemahan kebudayaan. Beliau menyimpulkan bahawa penambahan atau pengurangan maklumat dalam terjemahan adalah terletak pada pertimbangan penterjemah itu sendiri.

Perbezaan budaya dikatakan mempengaruhi cara ahli masyarakat memandang dan memerhati dunia. Prinsip ini penting untuk digunakan dalam terjemahan kerana tujuan utama terjemahan adalah untuk menyampaikan mesej teks sumber dalam cara yang boleh difahami oleh pembaca teks sasaran. Oleh itu, kajian bertajuk *An Analysis of Culture-specific Items in the Persian Translation of "Dubliners" Based on Newmark's Model* yang dijalankan oleh Hosseini Maasoum & Hoda Davtalab pada tahun 2011 berkaitan dengan cara menangani perbezaan strategi diguna pakai dalam menterjemah teks. Beliau menyatakan bahawa setiap penterjemah sepatutnya mempunyai ilmu pengetahuan tentang item khusus budaya. Hal ini demikian kerana dalam terjemahan, item khusus budaya tersebut merujuk kepada konsep dan perbendaharaan kata yang

tersendiri dalam budaya tersebut. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti strategi yang diguna pakai untuk mencari maksud item khusus budaya yang diaplikasikan oleh penterjemah yang berlainan dalam teks kesusasteraan yang berlainan. Bagi tujuan ini, penterjemah perlu mencari kesetaraan konsep yang terdapat dalam teks sasaran. Dalam situasi apabila konsep terjemahan adalah tidak setara, penterjemah tidak boleh menukar ganti maklumat walaupun dalam dua dialek bahasa yang sama. Hal ini demikian kerana terdapat banyak perkataan dalam setiap satu bahasa tidak mempunyai kesetaraan sepenuhnya dalam teks sasaran.

Salah satu kerumitan yang timbul yang dihadapi oleh penterjemah adalah untuk mencari leksikal yang setara untuk apabila tiada perkataan atau frasa yang sepadan dalam bahasa penerima yang mudah didapati untuk terjemahan. Penterjemah perlu mempertimbangkan bukan sahaja kedua bahasa tersebut, tetapi juga dua budaya kerana terdapatnya konsep dalam bahasa sumber yang tidak mempunyai leksikal setara dalam bahasa sasaran. Situasi ini mungkin disebabkan oleh faktor perbezaan geografi, adat resam, kepercayaan, pandangan dunia, dan sebagainya. Walaupun padanan yang hampir setara ditemui, situasi ini jarang diperlihatkan atau menyampaikan mesej yang sama dengan tepat. Menurut beliau, item khusus budaya dalam terjemahan termasuklah empat perkara utama, iaitu penyampaian bentuk dan maksud, konsep globalisasi, bahasa dan budaya, dan masalah di dalam terjemahan item khusus budaya.

Kedua-dua pengkaji menggunakan klasifikasi Newmark (1988) sebagai teori utama. Menurut Newmark, terdapat beberapa prosedur untuk menterjemah item khusus budaya, iaitu pemindahan, naturalisasi, kesetaraan kebudayaan, kesetaraan fungsi, kesetaraan penerangan, kesinoniman, melalui terjemahan, peralihan atau perubahan, modulasi, terjemahan yang dihargai, label terjemahan, pemampasan (*compensation*), analisis komponen, pengurangan dan penambahan, parafrasa, kuplet, dan nota. Kajian ini

bersifat penerangan dan kajian kepustakaan. Pada masa yang sama, beliau turut menganalisis dan memberi penerangan tentang strategi yang diguna pakai oleh penterjemah yang berlainan untuk menangani item khusus budaya dan mencari sama ada strategi-strategi tersebut bersifat universal atau satu kebiasaan (idiosinkratik). Oleh itu, terjemahan teks kesusasteraan telah dibandingkan dengan teks asal dan setiap strategi dijelaskan dengan memberikan contoh-contoh yang berkaitan. Newmark (1988) juga turut menerangkan lima kategori kebudayaan dan sub kategorinya yang berkemungkinan menjadi punca item budaya khusus tersebut. Lima kategori tersebut adalah terdiri daripada; 1) ekologi (flora, fauna, angin, dataran, bukit), 2) bahan budaya (makanan, pakaian, rumah dan bandar, pengangkutan), 3) budaya sosial (kerja dan santai), 4) organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur, konsep (politik dan pentadbiran, agama, artistik) dan 5) gerak isyarat dan tabiat.

Kajian ini menunjukkan bahawa dalam domain seperti ekologi, budaya, organisasi, gerak isyarat dan tabiat; istilah berkaitan domain bahan budaya (seperti makanan dan pakaian) dan organisasi digunakan dengan lebih kerap berbanding domain-domain yang lain. Berdasarkan analisis yang dilakukan pada contoh-contoh yang terdapat dalam kajian ini telah menunjukkan bahawa kebanyakan penterjemah menggunakan perkataan yang bersifat umum dan strategi peminjaman lebih daripada strategi lain untuk mengatasi masalah jurang leksikal. Oleh itu, penggunaan strategi ini didapati berkesan dalam pelbagai situasi terjemahan kerana penterjemah dapat menjadikan hasil terjemahannya lebih tulen dan ketara dengan cara ini. Dalam situasi tertentu, penggunaan satu atau lebih strategi dicadangkan untuk setiap domain. Situasi ini tidak bermakna bahawa penterjemah perlu memilih kaedah atau strategi tertentu sahaja dalam terjemahan. Beliau juga menyatakan bahawa penterjemah perlu memilih strategi yang bersesuaian berdasarkan kepada situasi, tujuan, dan konteks. Sesetengah penterjemah didapati masih mempunyai banyak masalah untuk mempersembahkan

maksud karya-karyanya. Penterjemah dicadangkan menggunakan menggunakan strategi pengguguran, pemotongan, penjodoh bilangan, dan sebagainya dalam membantunya menghasilkan hasil terjemahan yang baik.

Menurut Katan (2013) dalam artikelnya yang bertajuk *Cultural Approaches to Translation* terdapat banyak pendekatan budaya yang diguna pakai dalam terjemahan. Hal ini menyebabkan sebilangan penterjemah yang beranggapan bahawa perkataan budaya dan terjemahan mempunyai definisinya yang tersendiri dan menggambarkan kedua-duanya tidak mempunyai kaitan antara satu sama lain. Budaya pula dinyatakan sebagai perbezaan dan terjemahan pula digunakan apabila terdapatnya sesuatu perbezaan yang mengganggu komunikasi. Cara atau kaedah untuk menerangkan perbezaan tersebut adalah berbeza antara seorang penterjemah dengan penterjemah yang lain. Menerusi variasi terjemahan yang dinyatakan tadi, terdapat beberapa cara penterjemah menterjemah teks yang berkaitan dengan budaya, sama ada menterjemah daripada budaya, menterjemah untuk budaya, atau menterjemah antara budaya.

Dalam aspek menterjemah daripada budaya, beliau mendapati dua buah buku popular, iaitu *Trioband* (1918) dan *The Thousand and One Nights* (1706) telah diterjemah. Buku *Trioband* yang diterjemah oleh Malinowski adalah berdasarkan perspektif masyarakat pribumi, tetapi dipersembahkan dalam bahasa Inggeris. Dalam situasi ini, penggunaan terjemahan harfiah telah digunakan dan menghubungkan tatabahasa yang terdapat dalam teks sumber mengikut situasi serta konteks budaya. Konteks budaya yang diaplikasikan adalah bersifat luas dengan mengandaikan tingkah laku, amalan, dan nilai di dalam bentuk bahasa. Selain itu, buku *The Thousand and One Night* pula merupakan terjemahan popular di Barat dan berkisar tentang kehidupan dan nilai peribadi masyarakat Islam. Oleh sebab masyarakat Barat kurang mengetahui tentang budaya hidup masyarakat Islam, adalah sukar bagi mereka untuk

menginterpretasikan dan membina skema atau rangka dalam minda mereka untuk menghuraikan budaya tersebut. Dalam situasi ini, terjemahan padat (*thick translation*) digunakan sebagai salah satu cara terjemahan yang digunakan untuk menjelaskan isi kandungan teks dan disertakan dengan glosari. Namun, penggunaan nota ekstratekstual dalam bentuk terjemahan ini menunjukkan bahawa penterjemah tidak dapat membuat keputusan dan penilaian tentang kekurangan maklumat bahan terjemahan. Terjemahan bentuk ini hanya digunakan untuk menterjemah kitab suci dan kurang diguna pakai kini.

Beliau juga menyatakan bahawa aspek penterjemahan untuk budaya pula lebih menekankan aspek konteks dan budaya yang boleh diterima oleh pembaca. Bagi bentuk terjemahan ini, beliau telah memberikan contoh bahawa Nida yang telah menterjemahkan kitab Bible telah menggunakan pendekatan antropologi untuk menerangkan teks sumber berdasarkan fungsi dinamik. Penterjemahan dikatakan sebagai proses menghasilkan semula bahasa pembaca sasaran dengan se hampir mungkin yang mengambil kira makna dan gaya bahasa. Penterjemah dikatakan tidak mencapai matlamat menyampaikan maklumat jika pembaca teks sasaran bermasalah memahami budaya yang terkandung dalam terjemahan. Beliau turut mendapati bahawa Nida (1964) mengaplikasikan struktur semantik Chomsky dalam menterjemah ikatan budaya.

Beliau juga menyatakan bahawa penterjemah tidak sepatutnya bersikap statik apabila menjalankan terjemahan untuk budaya. Hal ini demikian kerana berlaku pedomestikan unsur budaya teks sumber untuk disesuaikan dengan budaya pembaca sasaran. Situasi ini berlaku apabila terjemahan untuk budaya adalah untuk mengurangkan perbezaan antara budaya. Hasilnya, pembaca teks sasaran lebih memahami hasil terjemahan yang dinyatakan. Ada sesetengah perkara dalam budaya sumber tidak terdapat padanannya dalam teks sasaran. Malah, beliau turut menyatakan

bahawa terdapatnya kebaikan apabila mendomestikkan sesuatu budaya berdasarkan nilai pembaca teks sasaran. Contohnya, sesetengah budaya yang diceritakan dalam teks sumber membawa konotasi yang negatif jika diterjemah secara harfiah ke dalam teks sasaran.

Kajian berkaitan kesukaran yang timbul kesan daripada perbezaan kebudayaan dan linguistik dalam terjemahan sajak agung orang Poland *Pan Tadeusz* ke dalam BK pula telah dilakukan oleh Starnowski pada tahun 2012 menerusi kajiannya yang bertajuk *A Study of Cultural Translation and the Problem of language – based on the Korean translation of the Polish epic poem pan Tadeusz*. Kajian ini dijalankan adalah kerana kebanyakan penterjemah sajak *Pan Tadeusz* dalam BK adalah sarjana yang mengkhusus dalam pengajian bahasa Poland. Oleh itu, penterjemah ini ingin menterjemah sajak tersebut setepat mungkin dengan mengaplikasikan kesemua perlambangan dalam pelbagai unsur budaya Poland dengan tujuan untuk memperkenalkan karya ini kepada pembaca Korea. Beliau mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan kesetaraan formal yang memerlukan mereka untuk menggunakan nota kaki yang adakalanya dilihat tidak sistematik. Pada masa yang sama, penggunaan nota kaki ini membolehkan pembaca teks terjemahan membuat penilaian yang lebih baik terhadap kandungan teks sumber. Secara amnya, kaedah ini dilihat seperti prosedur ‘kesetaraan fungsi’ dan ‘nota’ sehingga akan menghasilkan kefahaman yang lebih tepat terhadap konsep budaya khusus, berbanding prosedur lain.

Dalam penterjemahan karya berbahasa Poland ini, penterjemah berhadapan dengan tugas mengumpulkan maklumat bahasa dan budaya orang Poland yang dinamakan “kamus budaya orang Poland”. Pada masa yang sama, percubaan untuk melakukan terjemahan tersebut menunjukkan minat yang mendalam para penterjemah dalam budaya dan tradisi orang Poland, memperlihatkan sifat rasa ingin tahu, dan keterbukaan

kepada budaya yang berbeza daripada budaya mereka sendiri. Sajak *Pan Tadeusz* ini telah dilabel sebagai ensiklopedia budaya lama orang Poland dan terjemahan perlambangannya yang betul dan tepat perlu dilakukan terhadap karya ini agar difahami oleh bangsa lain. Beliau juga turut mendapati bahawa terjemahan daripada aspek linguistik dalam menterjemah isi kandungan kebudayaan dalam sajak tersebut, sama seperti perbezaan linguistik yang terdapat dalam bahasa Poland dan BK. Bahasa dan kebudayaan yang berbeza menyebabkan penterjemah perlu memperkenalkan adat resam orang Poland kepada pembaca Korea yang tidak biasa dengannya.

Namun, terjemahan sajak kebangsaan agung orang Poland itu jika tidak mengambil kira bahasa apa yang digunakan juga merupakan satu proses yang amat rumit dan kompleks. Hal ini dinyatakan Starnowski sebagai perbezaan yang terdapat dalam sistem tatabahasa dan semantik bahasa Poland dengan bahasa sasaran. Isi kandungan sajak tersebut juga didapati sarat dengan unsur kebudayaan, iaitu kemahiran penterjemah diperlukan dalam proses menyampaikan mesej *Pan Tadeusz* kepada bangsa lain. Oleh itu, terjemahan sajak tersebut ke dalam BK dilihat banyak menggunakan nota kaki seperti maklumat berkaitan dengan nama keluarga orang Poland dan nama khas, yang ditulis dalam transkripsi BK telah menunjukkan bahawa penterjemah ingin menerangkan isi kandungan sajak tersebut setepat mungkin.

Kajian tentang pengenalan ringkas sejarah pengajian terjemahan, analisis sosial tentang peralihan budaya, dan kaedah analisis terjemahan telah dilakukan oleh Kruger pada tahun 2012. Dalam kajiannya yang bertajuk *The translation of cultural aspects in South African children's literature in Afrikaans and English: A micro-analysis* telah menyatakan bahawa peralihan budaya dalam terjemahan telah berlaku sejak tahun 1970-an lagi. Sebelum ini, pendekatan penterjemahan dikuasai oleh kaedah perkataan demi perkataan. Namun, kaedah ini dikatakan mempunyai pelbagai kelemahan yang sukar

difahami oleh pembaca. Beliau juga menyatakan bahawa berlakunya evolusi dalam pendekatan terjemahan selepas tahun 1970-an. Kebanyakan kaedah penterjemahan telah menggunakan pendekatan linguistik yang diguna pakai dalam terjemahan kemajuan dalam kajian terjemahan. Menurut beliau juga, hasil dan kaedah penterjemahan sepatutnya berbeza-beza mengikut khalayak pembaca. Contohnya, karya terjemahan untuk kanak-kanak mestilah bersifat mudah difahami dan menyeronokan, manakala untuk bidang-bidang akademik pula hasil terjemahan mestilah bersifat profesional. Pada masa yang sama, peralihan budaya dalam terjemahan tidak dapat dielakkan dan memberikan perspektif baru terhadap terjemahan bagi menunjukkan perkembangan bidang terjemahan. Beliau turut membincangkan hubungan karya-karya terjemahan kesusasteraan dalam pasaran, penggunaan bahasa baik dan pengungkapan budaya negara asal. Walau bagaimanapun, pembaca teks sasaran adakalanya tidak dapat merasai keindahan karya kesusasteraan tersebut kerana hasil terjemahan tidak bersifat semula jadi. Oleh itu, pendekatan kebudayaan yang diaplikasikan dalam terjemahan sedikit sebanyak memperbaiki kekurangan tersebut.

Dalam kajian ini juga, Kruger (2012) telah membincangkan berkaitan dengan kesilapan penggunaan pendekatan kebudayaan dalam terjemahan. Terdapat sebilangan penterjemah yang menyalahgunakan faktor budaya dalam terjemahan mereka untuk mengambil hati pembaca dengan cara pengadaptasian bersahaja atau penghilangan. Contohnya, arahan teknikal tidak sesuai untuk menggunakan pendekatan terjemahan berunsur kebudayaan kerana memerlukan ketepatan dan kepakaran bidang. Oleh sebab matlamat pendekatan kebudayaan adalah untuk melakukan terjemahan kesusasteraan, pendekatan ini sepatutnya diguna pakai dalam ruang lingkup tertentu tanpa mengubah idea utama pengarang. Oleh itu, kaedah terbaik yang boleh diguna pakai adalah gabungan pendekatan kebudayaan dan pendekatan linguistik dalam menghasilkan terjemahan yang berkualiti.

Menterjemah teks kesusasteraan bukanlah satu tugas yang mudah dan mendatangkan banyak masalah kepada penterjemah. Salah satu masalah yang dihadapi oleh penterjemah adalah berpunca daripada sesetengah perkataan atau frasa yang melambangkan objek, fakta dan fenomena bersifat eksklusif atau unik. Dalam kajian yang dijalankan oleh Ana (2012) kesukaran ini berpunca daripada unsur budaya yang ingin diterjemah tidak mempunyai maksud yang setara dalam budaya sasaran, sama ada tidak diketahui atau masih belum dikodkan dalam bahasa sasaran. Dalam kajiannya yang bertajuk *Translating culture: problems, strategies and practical realities* ini juga menyatakan bahawa dalam semua keadaan kewujudan perbezaan budaya antara dua bahasa, adalah amat sukar untuk mengaplikasikan kaedah pemindahan sepenuhnya, walaupun situasi ini bukan sesuatu perkara yang mustahil (tidak kira apa jua kecekapan yang dimiliki oleh penterjemah dalam kedua-dua bahasa yang terlibat). Malah, beliau juga menyatakan bahawa dengan variasi yang terhad daripada bahasa sumber, penterjemahan istilah kebudayaan boleh dikira sebagai tindakan subversi kerana dianggap sebagai pertentangan terhadap budaya yang diwakilinya. Oleh itu, tujuan kajian ini dihasilkan adalah untuk menyemak kesusasteraan yang membicarakan tipologi utama dan klasifikasi yang disarankan menjadi istilah kebudayaan dan menunjukkan prosedur dan strategi utama yang boleh diguna pakai dalam menyelesaikan masalah yang terlibat dalam hubungan antara budaya.

Pada masa yang sama, kajian ini juga telah membentangkan keputusan yang dihasilkan dalam satu kajian ke atas terjemahan empat bahagian teks yang didasari oleh aspek kebudayaan. Kajian ini melibatkan 96 orang pelajar yang menghadiri kursus terjemahan bahasa Inggeris kepada bahasa Sepanyol. Sejumlah 40 istilah budaya telah dipilih untuk dianalisis perbezaannya terhadap strategi penterjemahan yang diguna pakai oleh pelajar-pelajar tersebut dalam menterjemah teks kesusasteraan yang bersifat kebudayaan. Hal ini demikian kerana keperluan untuk melihat masalah-masalah

yang dihadapi subjek kajian semasa melakukan terjemahan. Prosedur penterjemahan yang diuji adalah seperti (1) kebudayaan serumpun bahasa sasaran, (2) peminjaman kebudayaan dan linguistik bahasa sumber, (3) peminjaman dan penjelasan kebudayaan bahasa sumber, (4) penukaran rujukan kebudayaan bahasa sumber dengan penjelasan, (5) penyekatan rujukan kebudayaan bahasa sasaran, dan (6) terjemahan harfiah rujukan kebudayaan bahasa sasaran.

Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa dalam situasi pengadaptasian, subjek kajian telah memilih istilah dalam bahasa sasaran yang mempunyai fungsi yang sama seperti istilah dalam bahasa sumber dan mengadaptasikannya kepada budaya sasaran. Dalam situasi penerangan pula, beliau mendapati bahawa sesetengah subjek kajian ada kalanya memparafrasakan maksud ungkapan linguistik kebudayaan dengan tujuan untuk menghasilkan teks sasaran yang lebih lancar. Beliau juga mendapati bahawa lebih daripada separuh strategi penerangan yang diguna pakai oleh subjek kajian adalah terdiri daripada penggunaan nota kaki atau nota terjemahan. Penggunaan nota kaki semestinya boleh membantu pembaca untuk memahami budaya sumber, namun terdapat kelemahan dalam pengaplikasian kaedah ini. Hal ini demikian apabila terjemahan dipenuhi dengan terlalu banyak nota kaki, karya terjemahan tersebut mungkin tidak menarik perhatian pembaca biasa. Pada masa yang sama, analisis data juga mendapati bahawa tidak ada subjek kajian yang menggunakan prosedur *calque* (pinjam terjemah), perincian, penggantian atau variasi dalam terjemahan teks sasaran dan hanya seorang subjek kajian sahaja yang menggunakan kaedah penterjemahan modulasi. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapatnya kecenderungan yang jelas kepada kaedah peminjaman, penerangan, dan pengadaptasian (dalam kedua-dua terjemahan langsung dan terjemahan balik) yang diguna pakai oleh subjek kajian. Situasi ini melambangkan bahawa kurangnya pengetahuan subjek kajian terhadap pemeliharaan unsur budaya sumber. Beliau turut menyatakan bahawa masalah-

masalah yang timbul dalam terjemahan budaya yang dilakukan oleh subjek kajian adalah mereka terlalu memfokus kepada unsur kebudayaan dan bukannya kepada bahasa dan gaya teks. Subjek kajian didapati hanya sekadar mencuba untuk menyesuaikan kebudayaan bahasa sumber kepada kebudayaan bahasa sasaran atau mereka terlalu memfokus kepada bahasa dan gaya, memelihara unsur kebudayaan asal, tetapi tidak tidak menyampaikan mesej dengan tepat. Beliau juga turut menyimpulkan bahawa dapatan kajian ini tidak boleh diekstrapolasikan memandangkan dapatan ini mempunyai hasil yang berbeza jika kuantiti karya kesusasteraan adalah lebih banyak, subjek kajian adalah lebih besar, variasi teks yang lebih besar, dan jika lebih bahasa dan budaya yang terlibat dalam kajian ini.

Dalam kajian oleh Kim (2013) yang bertajuk *Korean Tradition of Translation: From the Gabo Reform to the Present* menyatakan bahawa jika budaya Korea mahu bergerak melangkaui status terkininya sebagai budaya setempat, keperluan kepada usaha menerbitkan kesusasteraan asing berbahasa Korea perlu diterbitkan. Dalam makalah ini, beliau telah menganalisis isu kualiti karya terjemahan Korea sejak kemerdekaannya sehingga kini. Sejak kemerdekaannya pada tahun 1945, terjemahan teks asing ke dalam BK telah berkembang dengan meluas. Beliau menyatakan bahawa selepas Peperangan Korea, terjemahan BK lengkap dan mempunyai edisi berkulit lembut telah dikeluarkan dalam skala yang besar. Pada masa yang sama, pemilihan kesusasteraan berkualiti tinggi yang mengandungi ciri-ciri orang Korea diambil kira dalam menerbitkan karya-karya tersebut. Beliau menyatakan bahawa ketika itu kegiatan penterjemahan dilakukan melalui perantara penterjemah yang efektif untuk memperkenalkannya kepada pembaca di seluruh dunia. Namun, kebanyakan karya klasik Korea diabaikan disebabkan oleh hegemoni politik dan ekonomi yang berdekad lamanya. Hal ini demikian kerana kebanyakan penterjemah cenderung untuk mengurangkan fakta sejarah (atau budaya) yang penting. Akibatnya, masih terdapat sejumlah besar karya berkualiti tinggi yang

ditulis dalam *Hanja* yang perlu diterjemah ke dalam BK moden terlebih dahulu dan kemudiannya ke dalam bahasa asing seperti bahasa Inggeris atau bahasa Perancis tidak dapat diterjemah sebaiknya. Beliau mendapati bahawa tidak terdapatnya sistem mahupun institusi sedia ada untuk membentuk penterjemah yang cekap ke tahap antarabangsa. Oleh itu, usaha mencari dan menggalakkan penterjemah pakar yang akan mengambil bahagian secara aktif dalam tugas bersejarah untuk mencipta budaya global adalah perkara yang perlu dilakukan dengan segera.

Pada masa yang sama, beliau turut menyatakan bahawa penerbitan terjemahan dalam kuantiti yang besar boleh diakui sebagai gambaran usaha yang menonjol orang-orang Korea untuk memainkan peranan yang aktif dalam globalisasi. Dalam hal ini, terjemahan merupakan kaedah yang penting untuk orang Korea mengimport budaya berbeza dan ilmu pengetahuan negara asing dan berkongsinya dengan bahasa mereka sendiri. Jika budaya Korea ingin berkembang melangkaui budaya setempat dan meraih kedudukan yang sama dengan budaya utama dunia, keperluan untuk menerbitkan kesusasteraan asing dalam versi Korea perlu dijalankan. Apabila karya asing diterjemahkan ke dalam BK, karya itu mungkin menjadi sebahagian daripada budaya masyarakat Korea. Beliau turut mendapati bahawa masalah yang paling serius dalam menerbitkan karya ini adalah keadaan semasa, iaitu kualiti terjemahan yang dihasilkan adalah rendah jika dibandingkan dengan kuantiti karya yang diterbitkan. Meskipun jumlah terjemahan adalah banyak, penterjemahan lebih cenderung untuk menterjemah buku komersil daripada beberapa buah negara sehingga kualiti terjemahan tidak dapat dijamin seratus peratus.

Dalam kajian ini juga, beliau menyatakan bahawa situasi berkaitan dengan kualiti terjemahan bergred rendah telah dibuktikan melalui keputusan penilaian karya terjemahan BK daripada kesusasteraan Britain dan Amerika pada tahun 2005. Dalam

penilaian tersebut, sebanyak 572 buah karya terjemahan dianalisis berdasarkan ketepatan dan terjemahan yang boleh dibaca. Dapatan kajian tersebut menunjukkan hanya 62 buah karya terjemahan (11 peratus) yang boleh disyorkan kepada pembaca, manakala 310 terjemahan (54 peratus) telah meniru hasil terjemahan lain secara keseluruhannya. Beliau turut menyatakan bahawa walaupun kritikan membina tersebut diperoleh daripada sarjana bahasa asing, sesetengah individu atau kumpulan tidak dapat mengesahkan kualiti terjemahan yang dikeluarkan dalam dunia penerbitan Korea. Oleh itu, hasil dapatan kajian tersebut telah mencadangkan bahawa perlunya penggabungan yayasan penulisan tempatan, sokongan pada peringkat kebangsaan untuk mengeksport kandungan yang diterbitkan, penubuhan sistem latihan penterjemah, dan pembangunan pengajian terjemahan hendaklah digerakkan. Perkembangan eksport hak cipta Korea ke negara Asia sejak akhir-akhir ini memberi keyakinan dan harapan kepada masyarakat Korea. Beliau turut menyimpulkan bahawa jika negara Korea mahu menjadi kuasa ilmu pengetahuan, negara tersebut perlu membangunkan pelan yang menyeluruh untuk menubuhkan sebuah yayasan yang dipanggil Tabung Pertumbuhan Negara–Budaya Penerbitan dan Terjemahan.

Menurut Sun (2014) dalam kajiannya yang bertajuk *Cross-cultural translation: attitudes, feelings and affective interactions* menyatakan bahawa terjemahan yang melibatkan unsur budaya asing yang mencerminkan budaya sikap pembaca sasaran, seorang penterjemah cenderung untuk menggunakan strategi tertentu. Hal ini demikian sehingga sesetengah hasil terjemahan mengubah kandungan asal sesebuah teks. Penekanan terhadap teks terjemahan menyebabkan sikap seseorang penterjemah mendedahkan tahap manipulasinya terhadap teks dan anggapan pembaca sasaran terhadap hasil terjemahan. Pada masa yang sama, antara isu yang dititik beratkan berkaitan pengalaman seseorang pembaca teks sasaran ialah perasaan. Salah satu aspek penting yang terdapat dalam terjemahan adalah disertai usaha untuk membangkitkan

perasaan dan emosi. Beliau mendapati bahawa dengan berbekalkan pengalaman rentas linguistik dan silang budaya, terjemahan meliputi keseluruhan perasaan dan emosi bagi menambahkan minat pembaca karya terjemahan. Oleh itu, pengaplikasian unsur perasaan yang dilakukan sebaik mungkin akan menguatkan lagi hasil terjemahan.

Pada masa yang sama, pengaplikasian emosi juga dalam teks terjemahan boleh mewujudkan rujukan secara tidak langsung antara teks yang menyatukan perlambangan perasaan dan emosi. Selain itu, beliau mendapati bahawa pengaplikasian ini dapat menggambarkan ke dalaman dan kerumitan hasil terjemahan tersebut. Dalam memenuhinya, penterjemah akan meletakkan dirinya dekat dengan situasi tersebut. Namun, beliau menyatakan bahawa bagi tujuan tersebut, penterjemah perlu beralih daripada zon selesa kerana situasi ini berlawanan dengan persepsi bahawa penterjemahan adalah satu aktiviti yang neutral, tidak dapat dilihat, dan tidak menggambarkan sebarang emosi. Walau bagaimanapun, penterjemah masih perlu mengekalkan tahap keneutralan bagi memberi hasil terjemahan yang tulen atau sekurang-kurangnya mewakili teks asal yang boleh dipercayai. Beliau turut menyatakan bahawa prasangka yang negatif terhadap sesuatu budaya boleh menjadi prasangka yang bersifat peribadi, iaitu kedua-duanya cenderung mengubah gambaran asli serta realiti yang terdapat dalam teks sumber. Situasi ini boleh mengakibatkan berlakunya salah faham budaya, *favoritisme*, *bias*, percanggahan pendapat, atau perasaan takut yang tidak munasabah. Hal ini dapat dilihat dan terbukti benar terutamanya dalam karya terjemahan yang berkaitan dengan teks kesusasteraan yang dikaitkan dengan kesukaran penterjemahan disebabkan oleh gangguan budaya.

Di samping itu, beliau turut menyatakan bahawa terjemahan secara harfiah juga sengaja dilakukan untuk membayangkan bahawa sikap tidak ambil peduli penterjemah terhadap pembaca sasaran. Malah, sesetengah hasil terjemahan juga boleh dilihat

sebagai satu bentuk tentangan budaya. Dari satu sudut lain, situasi ini seolah-olah menghalang pemindahan maklumat atau menjejaskan kesan teks asal. Beliau juga mendapati bahawa kejanggalan gaya penterjemahan teks asal adalah disebabkan perbezaan budaya yang ditunjukkan secara berlebihan. Perlambangan metafora dan perkaitan budaya yang terhasil berkemungkinan akan mencetuskan tindak balas emosi yang berbeza. Oleh itu, beliau berpandangan bahawa kesedaran yang tinggi mengenai kerumitan perasaan dalam penterjemahan menandakan kesediaan yang tinggi untuk membuat penyesuaian kepada perincian maksud yang tidak ketara. Malah, terjemahan sebagai satu bentuk penulisan semula adakalanya berlawanan daripada teks asal. Hal ini demikian kerana cara yang berbeza diinterpretasikan kepada teks terjemahan, sama ada memuatkan perasaan yang berbeza, bergantung kepada kesubjektifan penterjemah berinteraksi dengan konteks kesusasteraan, sosial, dan sejarah yang dibincangkan.

Kajian yang dilakukan oleh Lee (2014) yang bertajuk *Knowledge of Word Connotations in the Translation of Culture-specific Lexis: Findings from a Pilot Study* pula mengkaji tentang konotasi perkataan yang dimiliki oleh peserta dalam tugas terjemahan BK ke dalam bahasa Inggeris yang melibatkan lexis, khususnya yang berkaitan dengan kebudayaan. Beliau mendapati bahawa penterjemah mempunyai tanggung jawab yang besar kerana perlu menguasai dua bahasa. Penguasaan dalam dua bahasa ini dapat membantu penterjemah memastikan wujudnya satu komunikasi yang berkesan antara budaya terlibat. Perkataan khusus yang wujud dalam kebudayaan dikatakan terdapat dalam persekitaran, iaitu ahli-ahli masyarakat dalam sesuatu budaya mempunyai perkongsian ilmu pengetahuan kepada rujukan perkataan khusus tersebut. Dalam kajian berkaitan lexis, maklumat tersebut didapati daripada berita dan media, perbualan harian antara dua ahli masyarakat terpilih serta rujukan kebudayaan.

Dalam kajian ini, beliau telah memberi tugas pra dan pasca terjemahan kepada responden yang mengikuti kursus terjemahan BK ke dalam bahasa Inggeris. Responden tersebut diberikan tugas yang menganalisis teks yang unsur lexis, khususnya yang berkaitan dengan kebudayaan. Pada masa yang sama, responden turut melalui sesi pengajaran dan perbincangan yang diadakan sebelum menganalisis teks tersebut. Dalam menganalisis unsur lexis tersebut, pra dan pasca temu duga juga turut dijalankan. Beliau turut menjalankan kajian rintis pada Januari 2014 ke atas lima orang pelajar Sarjana Muda, Sarjana, dan Doktor Falsafah yang mengikuti kelas Pembacaan Kesusasteraan Korea di SOAS, University of London. Reponden kajian rintis ini pula terdiri daripada mereka yang mempunyai kewarganegaraan yang berbeza, antaranya Britain, Jerman, Norway, dan Korea Selatan. Walaupun responden kajian telah membiasakan diri dengan kebudayaan Korea, mereka merupakan pelajar-pelajar yang mengambil kursus yang berbeza dan merupakan gabungan pelajar-pelajar Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, dan Doktor Falsafah.

Kemudian, beliau telah memilih artikel berita Korea mengenai pendidikan di Korea Selatan sebagai bahan kajian. Oleh sebab para peserta terdiri daripada mereka yang mengambil mata pelajaran utama dan kursus yang berbeza, beliau telah memilih bahan kajian daripada teks berdasarkan topik yang boleh difahami oleh subjek-subjek kajian. Walaupun teks tersebut mempunyai lexis khusus berkaitan dengan unsur kebudayaan, tiada penekanan khusus yang dilakukan ke atas perkara ini dalam teks tersebut. Beliau turut membahagikan kajian ini kepada fasa tugas, temu duga, dan terjemahan. Dalam fasa pra tugas, teks tersebut merupakan terjemahan BK ke dalam bahasa Inggeris dan subjek kajian perlu memberikan pendapat tentangnya. Data-data tersebut yang direkodkan ditranskripsi dengan menggunakan perisian NVivo. Dalam pra dan pasca tugas, subjek-subjek kajian dikehendaki menterjemah teks pendek BK ke dalam bahasa Inggeris, sambil menyatakan apa yang difikirkan.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa subjek kajian yang menuturkan BK mempunyai lebih banyak pengetahuan tentang konotasi lexis khusus kebudayaan, berbanding subjek-subjek kajian lain. Hal ini demikian kerana apabila subjek kajian menterjemah daripada BK kepada bahasa Inggeris, mereka perlu mencari cara untuk menyampaikan maksud tersebut dalam terjemahan ke dalam teks sasaran. Sebaliknya, untuk penutur bahasa sasaran teks sumber, menterjemah lexis budaya daripada bahasa kedua kepada bahasa pertama memerlukan strategi pembelajaran dan pemahaman terhadap bahasa. Beliau turut menekankan kepentingan lexis kebudayaan dalam tugas terjemahan dengan mengambil kira kesan-kesan pedagogi kepada guru-guru dan tenaga pengajar pengajian terjemahan. Hal ini demikian kerana dapatan kajian menunjukkan beberapa jenis lexis yang tidak dapat dikuasai oleh subjek kajian, khususnya penutur bahasa pertama. Adalah penting untuk mencari cara untuk menyampaikan maksud tersebut dalam terjemahan ke dalam teks sasaran untuk subjek kajian yang menuturkan bahasa pertama yang tidak mempunyai pengetahuan tentang konotasi. Bagi subjek kajian yang merupakan penutur bahasa kedua pula, apabila menterjemah lexis budaya pula, subjek perlu mempelajari dan memahami unsur lexis khusus kebudayaan untuk menterjemah unsur tersebut ke dalam teks sasaran. Oleh itu, beliau mencadangkan agar pembelajaran bahasa menekankan kepentingan lexis, khususnya lexis kebudayaan dalam tugas terjemahan. Dalam menterjemah lexis, penterjemah dikatakan perlu mempunyai pengetahuan mengenai makna perkataan, iaitu melangkaui tahap denotatif kepada konotasi yang terdapat di dalamnya.

Masalah yang wujud semasa menterjemah unsur-unsur budaya sehingga menjadi sukar adalah disebabkan oleh pelbagai faktor. Hal ini demikian kerana terdapatnya maksud khusus dalam budaya dan bahasa sumber, tetapi tidak terdapat padanannya dalam bahasa sasaran. Kajian yang dilakukan oleh Mojtaba & Hossain (2014) yang bertajuk *Translation of Culture-specific Phrases in the Holy Quran* telah mengkaji

strategi-strategi yang digunakan dalam menterjemah budaya dalam tiga hasil terjemahan kitab suci Al-Quran berbahasa Inggeris. Kajian ini juga bertujuan untuk mengenal pasti kekerapan penggunaan strategi-strategi tersebut dalam karya yang diterjemah. Dalam kajian ini, data-data yang dikumpul merupakan data yang mengandungi istilah-istilah berkaitan perundangan Islam dan teks sumber adalah kitab suci Al-Quran yang ditulis dalam bahasa Arab. Beliau telah memilih tiga karya terjemahan, iaitu tiga versi berbahasa Inggeris yang diterjemah oleh Shakir (1985), Yusof Ali (1996), dan Pickthall (1996).

Selain itu, data kajian dipilih secara rawak daripada ayat-ayat suci Al-Quran juzuk satu hingga 30. Kemudian, unsur budaya khusus yang terdapat dalam juzuk tersebut dikenal pasti dan dibandingkan dengan terjemahan-terjemahan bahasa Inggeris yang setara untuk mengenal pasti strategi-strategi yang digunakan untuk menterjemah unsur-unsur tersebut. Akhir sekali, kekerapan strategi-strategi yang diguna pakai dikaji untuk melihat strategi yang berpotensi tinggi untuk menyampaikan maksud yang disarankan. Kajian ini juga merupakan sebuah kajian yang bersifat deskriptif. Beliau menyatakan bahawa pemilihan kitab suci Al-Quran sebagai bahan kajian atas dua faktor. Pertama, teks asal bahasa Arab kitab suci Al-Quran lengkap dengan istilah-istilah khusus untuk budaya orang Islam dan didapati bersesuaian dengan kajian terkini. Kedua, kepentingan ketepatan terjemahan ke atas item-item budaya amat ketara dalam terjemahan teks-teks keagamaan dan kesilapan menterjemah satu unsur budaya boleh menyebabkan keseluruhan maksud teks tidak dapat diterima. Kemudian, kekerapan penggunaan setiap prosedur dikira untuk melihat prosedur penterjemahan yang lebih kerap digunakan.

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa empat daripada tujuh strategi yang dicadangkan oleh Ivir (1987) telah diguna pakai oleh ketiga-tiga penterjemah dalam kajian ini iaitu terjemahan harfiah, definisi, pinjaman, dan penambahan. Walau

bagaimanapun, baki tiga lagi prosedur, iaitu pengguguran, penggantian, dan penciptaan leksikal tidak diguna pakai oleh penterjemah. Oleh itu, ketiga-tiga penterjemah tersebut beranggapan bahawa terjemahan harfiah merupakan pilihan terbaik untuk menterjemah unsur budaya terpilih dalam kitab suci Al-Quran. Menurut Ivir (1987), ketiadaan pengolahan yang seragam terhadap unsur budaya yang tidak sepadan dalam terjemahan boleh berlaku kepada semua situasi komunikasi, jenis-jenis teks, teks individu. Malah, terdapat juga unsur budaya yang diulang beberapa kali dalam teks yang sama kerana terdapatnya hierarki pendapat atau susunan keutamaan berkaitan prosedur penterjemahan dalam kalangan penterjemah. Beliau menyatakan bahawa melalui strategi pinjaman, penciptaan leksikal, terjemahan harfiah dan definisi (dalam susunan tersebut) dengan jelas akan menarik perhatian pembaca terhadap budaya sumber. Sebaliknya, strategi penggantian dan pengguguran pula akan menyembunyikan kelemahan teks sumber, manakala penambahan yang dilakukan akan menjelaskan maklumat yang tidak dapat dinyatakan dan mempunyai maksud tersirat dalam teks sumber.

2.4 Kajian Penterjemahan Teks Berkaitan Kebolehterjemahan

Iser (1995) dalam kajian yang bertajuk *On Translatability: Variables of the Interpretation* telah mengemukakan persoalan tentang kebolehterjemahan sebagai konsep utama untuk memahami pertemuan antara budaya dan interaksi dalam budaya. Beliau telah mencadangkan penggunaan sebuah model siberatik untuk memahami dan menterjemahkan budaya. Beliau juga menyatakan bahawa pelbagai budaya yang berbeza mempunyai hubungan rapat antara satu sama lain dan memerlukan kefahaman yang menyeluruh tentang perbezaan dan persamaannya. Hal ini demikian kerana budaya asing bukan sahaja digolongkan di bawah rangka rujukan seseorang, sebaliknya rangka tersebut tertakluk kepada penyesuaian. Walaupun kebolehterjemahan dilihat sebagai usaha mengetengahkan warisan kebudayaan sesuatu masyarakat, adakalanya situasi ini

dikatakan sebagai salah satu cara untuk mempolitikkan budaya secara keseluruhannya.

Beliau mendapati kebolehterjemahan memfokuskan kepada pemahaman dan interaksi antara budaya. Dalam menerangkan kebolehterjemahan sesuatu teks, beliau menyatakan bahawa pertemuan antara budaya atau interaksi antara tahap-tahap budaya melibatkan asimilasi daripada budaya berbeza. Walau bagaimanapun, kebolehterjemahan memerlukan pentafsiran dan perbincangan kerana melibatkan perubahan budaya asing ke dalam budaya sasaran. Beliau juga menyatakan bahawa perbincangan tersebut mestilah meliputi ruang perbezaan dan kebiasaan yang disifatkan seperti “kotak hitam”. Dalam kebolehterjemahan, kotak hitam tersebut disifatkan sebagai cerminan titik, iaitu penterjemah berhenti mencuba untuk menjelaskan perkara tertentu. Dalam membincangkan kebolehterjemahan, silang budaya yang tidak boleh menjelaskan atau tidak mewakili budaya mestilah berkisar kepada “kotak hitam” tersebut yang memisahkan budaya daripada satu sama lain. Hal ini disifatkan oleh beliau sebagai lingkaran bersambungan yang menyebabkan sesuatu budaya sukar diterjemahkan. Dari segi teori umum sistem, budaya boleh digambarkan sebagai jaringan proses yang bersambungan. Hubungan antara proses dan komponen adalah satu lingkaran bersambungan yang berterusan. Jika budaya dianggap sebagai satu sistem yang menjana organisasinya sendiri, maka perbincangan silang budaya yang beroperasi secara siberatik adalah cabang langsung organisasi diri budaya yang berterusan.

Liao (2005) dalam kajiannya yang bertajuk *Translatability and Cultural Difference: Toward an Ethics of “Real” Translation* telah membincangkan isu berkaitan aspek terjemahan yang dilakukan sejak beberapa tahun belakangan ini. Beliau menyatakan bahawa pemahaman dan penerimaan hasil terjemahan adalah melibatkan pertukaran perlambangan. Hal ini demikian kerana telah menjadi seseorang penterjemah sering mendefinisikan perbezaan kebudayaan dan kefahaman silang budaya. Malah,

sesetengah penterjemah mempertikaikan bahawa terdapatnya penilaian global yang tersirat dalam terjemahan perlu dianalisis dan dikritik berdasarkan etika terjemahan. Dalam hal ini, beliau mengaitkan situasi tersebut dengan kewujudan perbezaan pendapat dalam penerbitan ilmiah belakangan ini berkaitan terjemahan kebudayaan. Malah, perbezaan pendapat ini membawa kepada pelbagai kaedah penterjemahan budaya berdasarkan rujukan beberapa teori.

Walau bagaimanapun, isu ini dilihat dengan jelas berdasarkan perspektif pasca kolonial. Contohnya, Douglas Howland (2003) melakukan pemerhatian terhadap dua karya terjemahan yang mempunyai pendapat yang berbeza, iaitu hasil terjemahan Eric Cheyfitz, Tejaswini Niranjana, dan Vincent L. Rafael. Dalam penelitian tersebut, beliau mendapati terdapatnya bahagian dalam karya terjemahan tersebut yang mengaplikasikan “fahaman penentuan teks”. Sebaliknya, karya-karya terjemahan lain seperti karya Lydia H. Liu, Naoki Sakai, dan Frederic C. Schaffer pula mendalami hubungan budaya dengan sejarah. Beliau menyatakan bahawa dengan melihat kepada kesesuaian punca dan tindakan dalam situasi sebenar sejarah terjemahan, ketepatan penilaian Howland mungkin boleh dipersoalkan. Beliau juga menyatakan bahawa pengenehan nilai pragmatik dalam karya terjemahan berlaku kerana penterjemah terlalu mementingkan peraturan yang terdapat dalam teks asal. Penekanan kepada terjemahan tanpa nilai pragmatik mempunyai ikatan rapat dengan peralihan kajian kebelakangan ini dalam kajian berkaitan terjemahan.

Namun, berdasarkan penelitian yang dijalankan oleh beliau, seseorang penterjemah perlu bermula dengan meneliti semula karya pasca kolonial, sama ada membawa kepada tekstualisme atau sebaliknya. Kini, kepelbagaian budaya menyebabkan berlakunya liminaliti atau *bias* dalam melakukan terjemahan. Hal ini demikian kerana menurut beliau terjemahan mungkin dijadikan alat untuk mengangkat salah satu budaya

atau bahasa yang dianggap agung oleh penterjemah. Perkara ini juga dikaitkan oleh beliau dengan meneliti kajian-kajian lain, iaitu seperti Walter Benjamin (1975) yang melabel terjemahan jenis ini sebagai “terjemahan tidak baik” dalam “*The Task of the Translator*” dan Johnston (1992) menamakannya “naskah tidak baik”. Namun, beliau telah mendefinisikan maksud “terjemahan tidak baik” itu merupakan satu terjemahan yang boleh diguna pakai dalam menyampaikan budaya teks sumber, tetapi perbezaannya adalah cara penyampaian maklumat kepada pembaca teks sasaran. Walau bagaimanapun, pelabelan yang dilakukan oleh Benjamin adalah langkah penting terhadap pembahagian ini antara karya terjemahan yang baik atau sebaliknya. Beliau turut menyatakan bahawa definisi tersebut juga dilihat daripada beberapa pendekatan terjemahan yang mungkin diguna pakai oleh penterjemah yang mempunyai skema dan etika terjemahan yang berbeza. Oleh itu, beliau menyatakan adalah perlu melihat kepelbagaian hasil terjemahan dua atau lebih penterjemah untuk mencari hubung kait atau titik persamaan antara mereka.

Pada masa yang sama, teori Benjamin ini memberi impak dalam dunia terjemahan. Hal ini demikian kerana kebolehterjemahan dan ketidakbolehterjemahan bukan hanya berlaku dalam karya yang bersifat abstrak sahaja, malah karya yang bersifat budaya tidak terkecuali. Beliau turut menyatakan bahawa untuk mengaplikasikan teori berkaitan terjemahan, penterjemah perlu meneliti semula keperluan terjemahan secara universal. Perkara penting yang perlu dinilai adalah daripada aspek bahasa dan sistem terjemahan yang sering berubah. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa terjemahan yang bersifat universal perlu menukarkan aspek terjemahan bahasa yang berbentuk abstrak kepada bahasa yang lebih mudah difahami oleh pembaca teks sasaran.

Dalam kajian tentang kebolehterjemahan, kajian yang dilakukan Goh & Mashudi Kader (2008) adalah berkaitan dengan *Kelainan Amatan Tentang Kebolehterjemahan:*

Kes Bahasa Cina kepada Bahasa Malaysia mengkaji perbezaan amatan penterjemah tentang kebolehterjemahan dan kesannya terhadap pengekaln mesej dalam terjemahan bahasa Cina kepada bahasa Malaysia. Kedua-dua pengkaji telah meneliti penterjemahan lima puluh butiran unsur budaya dalam teks terjemahan *Shui Hu Zhuan* (Hikayat Pinggir Air) yang telah diterjemah oleh terjemahan bersama Lim, Tan, & Woo. Buku terjemahan ini telah diterbitkan oleh DBP pada tahun 2001. Kemudian, 50 butiran linguistik teks dan butiran budaya yang sama (khususnya yang mengandungi unsur-unsur budaya yang berkaitan) diedarkan pula kepada 21 orang mahasiswa tahun 2 dan 3 (Semester 1, Sesi akademik 2006/07). Mahasiswa ini yang merupakan mahasiswa Universiti Sains Malaysia (USM) yang mengambil jurusan Ijazah Sarjana Muda Sastera program *Terjemahan dan Interpretasi* (BATI) untuk mendapat pandangan daripada mereka tentang kebolehterjemahan aspek-unsur budaya itu. Selain itu, mahasiswa ini juga merupakan penutur fasih Bahasa Mandarin (BMn) dan bahasa Malaysia (BM).

Pelajar telah diminta meneliti setiap unsur butiran budaya Cina dalam teks sumber yang diberikan dan mereka diminta memulangkannya dalam tempoh 14 hari. Pada masa yang sama, mereka dikehendaki memberi pertimbangan, sama ada unsur budaya Cina tersebut boleh diterjemah atau sebaliknya dengan menandakan (√) bagi bahagian boleh terjemah dan tidak boleh terjemah, serta mengemukakan alasan untuk menyokong pandangan mereka. Analisis kuantitatif mudah dan kualitatif telah dijalankan untuk menganalisis data kajian untuk menunjukkan perbezaan amatan tahap kebolehterjemahan setiap butiran linguistik antara pengkaji dengan pandangan mahasiswa tersebut. Hal ini demikian kerana beliau mendapati bahawa punca utama wujudnya pelbagai output terjemahan dan mesej utama dalam teks sasaran adalah tidak begitu berbeza antara beliau dengan mahasiswa tersebut. Antara perkara yang difokuskan untuk dinilai oleh mahasiswa tersebut adalah meliputi aspek kebolehterjemahan budaya material, budaya sosial, budaya organisasi, adat resam,

aktiviti, prosedur, konsep, budaya gerak isyarat dan tabiat.

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa terdapatnya perbezaan amatan dan kelainan teks terjemahan serta kesan kelainan terhadap terjemahan. Hal ini demikian kerana timbulnya perbezaan perspektif tentang definisi dan amatan kebolehterjemahan, khususnya apabila diterapkan daripada unsur budaya BMn kepada BM. Situasi ini menunjukkan bahawa pertimbangan hasil terjemahan daripada individu yang berlainan menterjemahkan teks tersebut mengikut perspektif yang berlainan. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa sebahagian besar perbezaan itu disebabkan pegangan terhadap amatan penterjemahan dan definisi kebolehterjemahan. Dalam kajian ini, beliau mendapati konsep kebolehterjemahan yang diikuti oleh mahasiswa tersebut adalah lebih liberal, iaitu mereka tidak terlalu mengikut konsep kebolehterjemahan yang digariskan dalam kajian ini. Selain itu, didapati bahawa definisi kebolehterjemahan yang ketat, tidak menghasilkan output terjemahan yang mesej secara amnya tidak begitu berbeza daripada output terjemahan mengikut persepsi kebolehterjemahan yang dilakukan oleh mahasiswa tersebut. Situasi ini sekali lagi menunjukkan bahawa perbezaan pada pegangan terhadap terjemahan tidak membawa kesan yang ketara dalam menyampaikan mesej keseluruhan teks sumber. Oleh itu, beliau telah menyimpulkan bahawa anggapan tentang kebolehterjemahan yang berbeza-beza pada penterjemahan yang berlainan tidak mempengaruhi aspek kebolehterjemahan. Akhir sekali, kajian kedua-dua pengkaji mendapati bahawa penggunaan aspek penjelasan, penerangan tambahan pada nota kaki, dan penjelasan konteks yang digunakan oleh mahasiswa tersebut dalam menterjemah tekssasaran dianggap sebagai kaedah yang dapat meninggikan dan memfasilitasikan lagi darjah kebolehterjemahan sesuatu bentuk budaya daripada BMn kepada BM.

Penelitian terhadap keraguan teori berkaitan kebolehterjemahan dalam terjemahan lisan ke dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Inggeris telah dilakukan oleh Baral pada

tahun 2009. Dalam kajiannya yang bertajuk *Translating the Oral: Translatability and Cultural Dynamics* menyatakan bahawa walaupun seseorang penterjemah dapat menyelesaikan masalah berkaitan dengan kebolehterjemahan, terdapat bahagian-bahagian lain dalam terjemahan yang perlu diteliti seperti kebudayaan yang bersifat khusus dan kebudayaan rakyat. Oleh sebab kebudayaan rakyat selalunya berubah-ubah dan terjemahannya bersifat sementara, masalah keseragaman dalam tafsiran terus menjadi perkara yang perlu dititikberatkan semasa menterjemah. Beliau menyatakan bahawa terjemahan yang baik akan dijadikan rujukan bertahun-tahun lamanya. Sebaliknya, terjemahan yang rendah kualitinya akan dilupakan kerana kurang memberi maklumat yang diperlukan.

Oleh itu, beliau mendapati perlunya peranan dalam menilai terjemahan berkaitan kebudayaan rakyat oleh jabatan pengajian terjemahan di universiti dan organisasi yang berkaitan. Beliau telah memberikan contoh Akademi Sahitya yang memainkan peranan dalam menghasilkan terjemahan lisan yang bermakna dan menarik minat untuk dibaca. Pada masa yang sama, usaha ke arah mewujudkan arkib kebudayaan rakyat pada zaman pasca kolonial dilihat sebagai usaha penting daripada aspek mengekalkan identiti kebudayaan dan kebudayaan khusus dalam konteks sezaman. Hal ini demikian kerana terjemahan adalah aktiviti yang bukan sahaja menitik beratkan pemindahan atau pengtransliterasian teks sumber ke dalam bahasa sasaran, tetapi juga merupakan satu aktiviti yang melibatkan perkongsian antara budaya. Seseengah penterjemah berpendapat bahawa hasil terjemahan yang mengekalkan maklumat asal dengan menambah definisi atau keterangan ringkas adalah memadai. Walau bagaimanapun, beliau mendapati bahawa penambahan definisi dan keterangan ringkas adakalanya tidak dapat menjelaskan maksud yang mendalam berkaitan dengan sesuatu pernyataan jika tidak melihat konteks kebudayaan. Penciptaan sesuatu konteks pula memerlukan pemindahan linguistik teks sumber kepada bentuk yang lebih luas seperti bahasa dan

budaya setempat.

Selain itu, beliau turut membincangkan tentang amalan terjemahan dari sudut tradisional, iaitu menggariskan kepentingan untuk tidak menambah sebarang maklumat kepada teks sasaran. Dalam hal ini, terdapat dalam empat peraturan yang diikuti oleh penterjemah, iaitu linguistik (perkataan demi perkataan), paradigma (pada peringkat tatabahasa), gaya bahasa (maksud asal mesti kekal serupa), dan teks (pada peringkat bentuk dan rupa). Peraturan ini diguna pakai terutama dalam menterjemah teks kebudayaan rakyat kerana teks ini mengandungi penulisan kod kebudayaan dalam bentuk mitos, lagenda, simbol, fantasi, dan impian budaya sumber. Namun, jika perkara ini diikuti sepenuhnya oleh penterjemah, berkemungkinan teks sumber tidak dapat diterjemahkan sepenuhnya ke dalam bahasa sasaran. Menurut beliau, situasi ini menunjukkan terjemahan lisan dalam kebudayaan rakyat mempunyai masalahnya yang tersendiri, jika dibandingkan dengan terjemahan teks bertulis. Kelemahan ini bukan sahaja melibatkan aspek kebolehterjemahan sahaja, tetapi kandungan perkataan dalam teks lisan yang selalu berubah-ubah juga menyukarkan terjemahan lisan. Perubahan teks dalam kebudayaan rakyat amat ketara kerana terdapatnya pelbagai versi, tetapi mengandungi jalan cerita yang sama. Malah, beliau turut menyatakan bahawa terdapat banyak variasi dalam teks sumber dan persembahan serta upacara dalam teks yang melibatkan persembahan merupakan masalah dalam terjemahan lisan. Oleh itu, beliau menyimpulkan bahawa perlunya dilakukan keseragaman dalam mentakrifkan semula istilah-istilah terjemahan untuk menghubungkan menghubungkan lapangan dan penerbitan.

2.5 Analisis Sorotan Kajian

Pengkaji mendapati bahawa kajian yang pernah dilakukan dalam bidang terjemahan tidak terhad kepada bidang tertentu sahaja, sebaliknya mencakupi bidang sains/ teknikal,

media berita, gender, ideologi, sastera, dan sebagainya. Rumusan sorotan ini juga menunjukkan bahawa lebih banyak kajian bertumpu kepada penterjemahan teks sastera secara keseluruhannya. Kajian terdahulu juga menunjukkan bahawa isu budaya menimbulkan masalah dalam penterjemahan. Namun, sehingga kini masih belum ada kajian yang dijalankan secara mendalam terhadap terjemahan unsur budaya negara Korea-Malaysia dalam analisis teks sastera. Kelompangan dalam hal ini menyebabkan pengkaji meneliti unsur ini dalam karya terjemahan. Pada masa yang sama, isu kebolehterjemahan yang wujud dalam terjemahan novel-novel juga menawarkan pelbagai dapatan kajian menarik. Hal ini demikian kerana budaya dalam BK lebih cenderung mengalami masalah tidak boleh terjemah ke dalam BM. Situasi ini menunjukkan bahawa perlunya kajian tentang terjemahan berkaitan unsur budaya supaya pembaca teks sasaran lebih mengenali budaya yang terdapat dalam teks sumber. Oleh itu, kajian yang bakal dilakukan ini adalah untuk memperluaskan lagi khazanah ilmu pengetahuan secara amnya, dan penterjemahan secara khususnya, di samping menangani lompong yang belum dipenuhi dalam penyelidikan penterjemahan. Kajian ini menyingkap budaya dalam penterjemahan teks sastera ke dalam BK dan BM.

2.5.1 Aspek Unsur Budaya

Berdasarkan Jadual 2.1 di bawah, pengkaji telah membahagikan hasil daripada sorotan kajian dalam tiga kategori, iaitu unsur budaya dalam terjemahan, budaya dan bahasa di Korea dan masalah terjemahan unsur budaya. Pengkaji mendapati bahawa unsur budaya khusus ialah budaya tertentu dan merujuk kepada identiti kebudayaan yang berkaitan kategori atau pembahagian budaya (Khairunisah, 2008; Lee, 2010; Hosseini & Davtalab, 2011; Kruger, 2012; Sun, 2014; Mojtaba & Hossain, 2014). Pengkaji juga mendapati bahawa perbezaan antara budaya Korea dan struktur bahasanya dengan budaya dan bahasa di luar negara menjadi sebab utama terjemahan teks daripada BK ke dalam bahasa asing perlu diberikan padanan makna yang tepat atau

hampir tepat kerana wujudnya pengiktirafan terhadap budaya asing (Kim, 2010; Starnowski, 2012; Kim, 2013; Lee, 2014). Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa isu yang sinonim dengan penterjemahan teks kreatif dikaitkan dengan kesukaran pemafahaman dan masalah penyampaian mesej yang tepat ketika menterjemahkan perkataan yang mempunyai unsur budaya (James, 2002; Katan, 2012; Ana, 2012). Penyelidikan baru dilihat penting untuk membangunkan usaha penterjemahan antara dua bahasa dengan mengklasifikasikan pengetahuan unsur budaya melalui dua jenis budaya yang berasingan. Pemahaman konteks unsur budaya itu sendiri harus dipadani dengan klasifikasi unsur budaya untuk memberikan makna yang tepat pada hasil terjemahan dan mengurangkan masalah penyampaian mesej yang salah. Kesimpulannya, kelopongan penyelidikan dalam bidang penterjemahan antara dua negara boleh dibangunkan dengan aplikasi gabungan pengetahuan daripada klasifikasi unsur budaya, iaitu ekologi, material, kepercayaan, kawalan sosial, organisasi sosial, gerak isyarat dan tabiat.

Jadual 2.1 : Rumusan tentang Aspek Unsur Budaya

	Tajuk	Keterangan
Unsur Budaya dalam Terjemahan	Khairunisah (2008): <i>Unsur Budaya dalam Koleksi Terjemahan Cerita Jenaka BM - Bahasa Jerman : Satu Analisis</i>	Khairunisah (2008) menyatakan tentang aspek pengalihan ciri-ciri budaya teks sumber ke teks sasaran .
	Lee (2010) : <i>Cultural Translation : A Case Study of Kyeongbokgung Palace</i>	Lee (2010) menyatakan tentang menyatakan bahawa terjemahan melibatkan bahagian komunikasi budaya dan proses pemindahan kebudayaan.
	Hosseini & Davtalab (2011): <i>An Analysis of Culture-specific Items in the Persian Translation of "Dubliners" Based on Newmark's Model Theory</i>	Hosseini Maasoum & Hoda Davtalab (2011) menyatakan tentang cara menangani perbezaan strategi diguna pakai dalam menterjemah teks.

	<i>and Practice in Language Studies</i>	
	Kruger (2012) : <i>The translation of cultural aspects in South African children's literature in Afrikaans and English: a micro-analysis.</i>	Kruger (2012) menyatakan tentang kajian tentang pengenalan ringkas sejarah pengajian terjemahan, analisis sosial tentang peralihan budaya, dan kaedah analisis terjemahan.
	Sun (2014): <i>Cross-cultural translation: attitudes, feelings and affective interactions</i>	Sun (2014) menyatakan tentang terjemahan yang melibatkan unsur budaya asing yang mencerminkan budaya sikap pembaca sasaran, seorang penterjemah cenderung untuk menggunakan strategi tertentu .
	Mojtaba & Hossain (2014) : <i>Translation of Culture-specific Phrases in the Holy Quran</i>	Mojtaba & Hossain (2014) menyatakan tentang mengkaji strategi-strategi yang digunakan dalam menterjemah budaya dalam tiga hasil terjemahan kitab suci Al-Quran berbahasa Inggeris.
Budaya dan Bahasa di Korea	Kim (2010): <i>A Study on Korea-Arabic Translation of Advertisement Texts: With Focus on Culture-Specific Terms</i>	Kim (2010) menyatakan tentang istilah budaya tertentu tahap teks iklan.
	Starnowski (2012): <i>A Study of Cultural Translation and the Problem of language – based on the Korean translation of the Polish epic poem pan Tadeusz</i>	Starnowski (2012) menyatakan tentang kesukaran yang timbul kesan daripada perbezaan kebudayaan dan linguistik dalam terjemahan sajak agung orang Poland Pan Tadeusz ke dalam BK
	Kim (2013) : <i>Korean Tradition of Translation: From the Gabo Reform to the Present</i>	Kim (2013) memberi penekanan tentang jika budaya Korea mahu bergerak melangkaui status terkininya sebagai budaya setempat, keperluan kepada usaha menerbitkan kesusasteraan asing berBK perlu dibangunkan.
	Lee (2014) : <i>Knowledge of Word Connotations in the Translation of Culture-specific Lexis: Findings from a Pilot Study.</i>	Lee (2014) menyatakan tentang konotasi perkataan yang dimiliki oleh peserta dalam tugas terjemahan BK ke dalam bahasa Inggeris yang melibatkan lexis, khususnya yang berkaitan dengan kebudayaan.

Masalah Terjemahan Unsur Budaya	James (2002) : <i>Cultural Implications for Translation</i>	James (2002) menyatakan tentang kesan penterjemahan daripada satu bahasa ke bahasa yang lain.
	Ana (2012) : <i>Translating culture: problems, strategies and practical realities</i>	Ana (2012) menyatakan tentang keadaan kewujudan perbezaan budaya antara dua bahasa, adalah amat sukar untuk mengaplikasikan kaedah pemindahan sepenuhnya.
	Katan (2013) : <i>Cultural Approaches to Translation</i>	Katan (2013) menyatakan tentang banyak pendekatan budaya yang diguna pakai dalam terjemahan.

2.5.2 Aspek Strategi Penterjemahan

Berdasarkan sorotan kajian yang disenaraikan dalam Jadual 2.2 di bawah, pengkaji membahagikan dua kategori strategi, iaitu strategi analisis dan strategi pemaknaan terjemahan. Pertama, pengkaji mendapati bahawa kepentingan strategi penterjemahan yang harus diterapkan dalam proses penterjemahan oleh penterjemah pada saat proses penterjemahan dengan menggunakan strategi-strategi tertentu untuk menentukan kesan padanan daripada hasil sesuatu teks terjemahan (Munday, 2001; Reiss, 2000; Salehi, 2012; Bassnett, 1980; Li & Guo, 2013). Kedua, penterjemahan sebagai pengalihan makna daripada bahasa sumber ke dalam bahasa sasaran yang boleh dilakukan melalui pelbagai pendekatan yang bersifat kategorial (Kolers, 1973; Abdul Hadi Abdullah, 1998; An, 2002). Secara rumusannya, pengkaji mengambil dua strategi penterjemahan unsur budaya dalam proses menterjemah teks bahasa BK 삼포 가는 길 (*Samp'o ganung gil*) dan teks terjemahan BM (*Perjalanan ke Samp'o*) dengan menggunakan strategi penterjemahan berunsur tempatan (*domestication*) dan penterjemahan berunsur asing (*foreignization*).

Jadual 2.2 : Rumusan tentang Aspek Strategi Penterjemahan

	Tajuk	Keterangan
Strategi Analisis	Reiss (2000): <i>Translation Criticism: The Potentials and Limitations. Categories and Criteria for Translation Quality Assessment</i>	Reiss (2000) menyatakan tentang bidang kritikan terjemahan amat penting bagi memastikan mutu teks yang dihasilkan benar-benar berkualiti.
	Munday (2001): <i>Introducing Translation Studies : Theories And Applications</i>	Munday (2001) menyatakan tentang bidang penterjemahan yang merangkumi aspek definisi, konsep, sejarah, perkembangan penterjemahan di Barat, dan pendekatan penterjemahan yang lazim digunakan oleh penulis-penulis sebelumnya.
	Salehi (2012): <i>Reflections on Culture, Language and Translation</i>	Salehi (2012) menyatakan tentang konsep terjemahan dapat dilihat daripada interaksi antara budaya dan bahasa, serta antara budaya dan terjemahan.
	Li & Guo (2013): <i>Translation, Cross-cultural Interpretation, and World Literatures</i>	Li & Guo (2013) telah menyatakan bahawa terjemahan bukan sahaja merangkumi pertukaran bahasa. Mereka membincangkan kaedah untuk menjadikan kesusasteraan kebangsaan sebahagian daripada kesusasteraan dunia. Mereka telah mencadangkan dua cara dalam menjayakannya, iaitu melalui terjemahan dan tafsiran silang budaya
Permaknaan Terjemahan	Kolers (1973): <i>Translation and Bilingualism In George A.M.</i>	Kolers (1973) menyatakan bahawa perkataan yang merujuk kepada objek mempunyai makna yang seakan-akan sama apabila diterjemahkan. Sungguhpun perkataan-perkataan sebegini wujud dalam bahasa-bahasa di dunia, maknanya berbeza dalam setiap budaya dan masyarakat. Sebagai contoh, perkataan yang merujuk kepada idea mengenai etika, politik atau emosi, mempunyai makna yang berbeza dalam lain-lain bahasa
	Abdul Hadi Abdullah (1998): <i>Kajian Makna Dalam Penterjemahan</i>	Abdul Hadi Abdullah (1998) menyatakan tentang analisis dan huraian mengenai makna dalam aspek penterjemahan.
	An (2002): <i>Literary Translation from</i>	An (2002) menyatakan tentang kepentingan terjemahan karya-karya sastera ke dalam BK

	<i>Korean into English: A Study in Criteria</i>	serta masalah-masalah yang dihadapi dalam usaha menterjemahkan teks-teks tersebut.
--	---	--

2.5.3 Aspek Kebolehterjemahan

Berdasarkan Jadual 2.3 di bawah, pengkaji mendapati bahawa kebolehterjemahan sesuatu teks itu memerlukan pentafsiran dan perbincangan kerana melibatkan pengubahan budaya asing ke dalam budaya sasaran (Iser, 1995). Pengkaji juga mendapati terdapatnya perbezaan amatan dan kelainan teks serta kesan daripada kelainan tersebut terhadap terjemahan. Hal ini demikian kerana timbulnya perbezaan perspektif tentang definisi dan amatan kebolehterjemahan, khususnya apabila unsur budaya bahasa sumber diterapkan kepada bahasa sasaran (Goh & Mashudi Kader, 2008). Terjemahan yang bersifat universal pula perlu ditukarkan aspek terjemahan bahasanya yang berbentuk abstrak kepada bahasa yang lebih mudah difahami oleh pembaca teks sasaran (Liao, 2005). Secara rumusannya, disebabkan oleh perbezaan antara negara Korea dan Malaysia, maka wujud kedua-dua konteks kebolehterjemahan dan ketidakbolehterjemahan dalam kategori terjemahan unsur budaya.

Jadual 2.3 : Rumusan tentang Aspek Kebolehterjemahan

	Tajuk	Keterangan
Kebolehterjemahan	Iser (1995): <i>On translatability: variables of interpretation</i>	Iser (1995) menyatakan tentang persoalan tentang kebolehterjemahan sebagai konsep utama untuk memahami pertemuan antara budaya dan interaksi dalam budaya.
	Liao (2005): <i>Translatability and Cultural Difference: Toward an Ethics of "Real" Translation</i>	Liao (2005) menyatakan tentang isu berkaitan aspek terjemahan yang dilakukan sejak beberapa tahun belakangan ini.
	Goh & Mashudi Kader (2008) : <i>Kelainan Amatan Tentang</i>	Goh & Mashudi Kader (2008) mengkaji perbezaan amatan penterjemah tentang kebolehterjemahan dan kesannya terhadap

	<i>Kebolehterjemahan: Kes Bahasa Cina kepada Bahasa Malaysia</i>	pengekalan mesej dalam terjemahan bahasa Cina kepada bahasa Malaysia
	Baral (2009): <i>Translating the Oral: Translatability and Cultural Dynamics</i>	Baral (2009) menyatakan tentang penelitian terhadap keraguan teori berkaitan kebolehterjemahan dalam terjemahan lisan ke dalam bahasa sasaran, iaitu bahasa Inggeris telah dilakukan.

2.6 Rumusan

Berdasarkan ulasan tentang kajian-kajian terdahulu, pengkaji mendapati bahawa kajian tentang strategi penterjemahan unsur budaya dalam BK dan BM masih belum dilakukan oleh mana-mana penyelidik. Oleh itu, pengkaji berharap agar kajian ini akan menjadi perintis kepada mereka yang terlibat dalam bidang ini supaya kajian ini dapat dikembangkan pada peringkat yang sewajarnya. Dalam bab berikutnya, pengkaji akan menghuraikan pula tentang sorotan kajian dan pembacaan berkaitan kajian ini.


BAB 3 : PENDEKATAN DAN METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan beberapa hal yang bersangkutan dengan kerangka pendekatan dan metodologi bagi memantapkan kajian ini. Berdasarkan kerangka pendekatan, metodologi kajian dikenal pasti dan diaplikasikan kepada analisis data. Pengkaji menggabungkan pandangan daripada beberapa sarjana, iaitu Keesing (1958), Newmark (1988), Venuti (1995), Aixelá (1996) dan Katan (2012) untuk menganalisis unsur budaya berdasarkan klasifikasi yang diubah suai daripada pandangan ketiga-tiga tokoh tersebut. Analisis ini akan dibentangkan dalam Bab 4. Bagi menganalisis strategi penterjemahan pula, pengkaji akan menggunakan pendekatan yang digunakan oleh Venuti (1995), iaitu strategi penterjemahan berunsur tempatan dan strategi penterjemahan berunsur asing. Analisis ini akan dibentangkan dalam Bab 5. Berdasarkan kedua-dua tajuk tersebut, pengkaji akan menganalisis kebolehterjemahan unsur budaya dalam teks berdasarkan kaedah soal selidik. Analisis kebolehterjemahan ini akan dibentangkan dalam Bab 6.

3.2 Kerangka Pendekatan

Penterjemahan unsur budaya dalam sesuatu karya tidak lengkap jika dikaji dari segi bidang penterjemahan sahaja kerana hal itu akan menyebabkan berlakunya ketidaktepatan makna dalam terjemahan. Pengkaji menggabungkan kerangka pendekatan Keesing (1958), Newmark (1988), Venuti (1995), Aixelá (1996) dan Katan (2012) yang diubah suai bagi menganalisis unsur budaya dalam teks antara BK-BM.



Rajah 3.1: Kerangka Pendekatan

3.2.1 Kerangka Pendekatan Unsur Budaya dalam Terjemahan

Keesing (1958) mendefinisikan budaya sebagai ‘*Culture is concerned with actions, ideas and artifacts which individuals in the tradition concerned learn, share, and value*’ (p.25). Berdasarkan definisi ini, konteks budaya dikaitkan dengan sesuatu perbuatan, idea dan artifak apabila individu dalam suatu tradisi itu perlu belajar, berkongsi dan menilai. Budaya juga merupakan satu sistem tingkah laku yang unik dan boleh diperoleh menerusi perhubungan sosial dan juga adat. Berdasarkan kajian berkaitan aspek budaya, Keesing (1958) mempunyai pandangan yang tersendiri berkaitan kategori atau pembahagian budaya dengan mengutarakan lapan kategori seperti berikut (p.190):

- 1) Budaya material (makanan, pakaian, penempatan)
- 2) Organisasi ekonomi (penghasilan, pertukaran, konsep hak milik)
- 3) Organisasi sosial (umur, seks, perkahwinan dan keluarga)
- 4) Kawalan sosial (undang-undang, moral, etika)
- 5) Pandangan dunia (pengetahuan, falsafah, agama dan magik)
- 6) Seni dan lakonan
- 7) Bahasa
- 8) Pendidikan dan Pemindahan Budaya (sama ada dikaji bersama-sama dengan umur atau keluarga)

Newmark (1988) menganggap budaya sebagai cara hidup dan mempunyai manifestasinya yang tersendiri bagi sesebuah komuniti yang menggunakan suatu bahasa khusus sebagai cara pengungkapan (p.94). Newmark (1988) telah membincangkan konteks penterjemahan budaya berdasarkan kategori budaya yang diadaptasi daripada kategori budaya oleh Nida (1969) (p.94-103). Menurut Newmark (1988) beberapa perkara perlu dipertimbangkan sebelum menterjemahkan unsur budaya (p.96). Hal ini termasuklah pengiktirafan terhadap budaya asing yang terdapat dalam teks sasaran bagi menghormati negara dan budaya asing yang terlibat dalam terjemahan tersebut. Berikut merupakan kategori budaya oleh Newmak (1988) yang dijadikan sebagai kerangka utama dalam kajian ini (p.94-103) , iaitu :

- 1) Ekologi (flora, fauna, angin, dataran, bukit)
- 2) Bahan material (artifak, makanan, pakaian, rumah, bandar, kenderaan)
- 3) Budaya sosial (pekerjaan dan hiburan)
- 4) Organisasi, adat resam, aktiviti, prosedur dan konsep (politik, pentadbiran, agama, seni)
- 5) Gerak isyarat dan tabiat

Katan (2012) menjelaskan bahawa definisi budaya ialah “*in terms of a shared mental model or map of the world*” (p.26). Pendefinisian yang sedemikian adalah kerana budaya boleh dinyatakan sebagai produk atau sistem yang dikongsi untuk menginterpretasi perkara yang bersifat realiti dan mengorganisasi sesuatu pengalaman. Walau bagaimanapun, budaya juga dinyatakan sebagai produk atau sesuatu yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar, tetapi dapat dirasai atau diketahui kehadirannya. Budaya juga dilihat bersifat kolektif, iaitu pengalaman berkaitan budaya yang diperoleh dalam masyarakat tertentu sebagai salah satu proses pembelajaran. Proses ini juga boleh diperoleh berdasarkan sifat tolak ansur mereka yang berkaitan dengan unsur budaya, sama ada boleh dikekalkan atau berubah dari semasa ke semasa (Katan, 2012, p.26). Berdasarkan kajian Katan (2012) yang berkaitan dengan aspek budaya, beliau mengutarakan enam kategori budaya seperti berikut (p.63-85), iaitu:

- 1) Alam sekitar (persekitaran fizikal, persekitaran politik, iklim, ruang, alam bina, pakaian, makanan olfaksi, tetapan temporal)
- 2) Tingkah laku
- 3) Kapasiti, strategi, kemahiran (saluran bahasa dan gaya, ritual dan strategi),
- 4) Nilai
- 5) Kepercayaan
- 6) Identiti


Daripada tiga klasifikasi ini, pengkaji memilih 6 kategori budaya untuk menganalisis bahan-bahan teks yang telah dikenal pasti, iaitu:

- 1) Ekologi
- 2) Budaya material
- 3) Kepercayaan
- 4) Kawalan sosial

- 5) Organisasi sosial
- 6) Gerak isyarat dan tabiat

Pengkaji telah memilih pendekatan untuk mengklasifikasi dan menjustifikasi berdasarkan pelbagai faktor. Antaranya ialah pengkaji mendapati bahawa istilah-istilah daripada 3 sarjana tersebut ada persamaan dan perbezaan. Sebagai contohnya, Newmark menyatakan “ekologi” sedangkan Katan menyatakan “alam sekitar”. Untuk menyesuaikan unsur budaya antara budaya Korea dan budaya Melayu, pengkaji mengubah suai klasifikasi budaya daripada Keesing (1958), Newmark (1998) dan Katan (2012).

Klasifikasi ini dapat digambarkan dalam gambar Rajah 3.2 di bawah:



Rajah 3.2 : Klasifikasi Budaya yang diubah suai daripada Keesing (1958), Newmark(1988) dan Katan (2012)

3.2.1.1 Ekologi

Unsur ekologi lazimnya dapat dikaitkan dengan geografi atau bentuk muka bumi sesuatu kawasan itu. Dalam erti kata yang lain, ekologi sesebuah daerah itu boleh mempunyai perbezaan-perbezaan geografik tertentu sama ada dari sudut flora, fauna, iklim, muka bumi dan lain-lain. Newmark (1988) menyatakan bahawa ciri-ciri geografi boleh dibezakan berdasarkan istilah budaya. Unsur-unsur ini biasanya bebas daripada nilai politik atau perdagangan. Namun, penggunaan istilah bergantung kepada kepentingan negara tersebut dan tahap ketetapannya (Newmark, 1988). Banyak negara mempunyai perkataan-perkataan tempatan, dan perkataan-perkataan ini akan diterjemahkan berdasarkan kepentingannya dalam bahasa sumber (p.96).

3.2.1.2 Budaya Material

Manusia boleh dilihat tegar membina persekitaran yang tidak begitu penting bagi keperluan habitatnya hampir di kebanyakan tempat. Misalnya, seseorang yang dilahirkan di Manhattan dalam abad ke-20, persekitaran yang tidak begitu penting ini mungkin kelihatan lebih bermakna berbanding habitat semula jadi yang sepatutnya. Oleh itu, hal tersebut menimbulkan fenomena budaya kebendaan yang mempunyai perbezaan istimewa bagi menghubungkan tingkah laku individu dengan benda buatan manusia, iaitu artifak. Artifak dicipta daripada bahan mentah melalui kemahiran yang dimanipulasi, iaitu teknologi. Setiap unit artifak mempunyai ciri ketulenan, kebendaan, dan kategori-kategori tertentu. Artifak yang dihasilkan cenderung untuk mempunyai corak spesifik, sebagai contoh, televisyen, roda, kapak dan beliung. Bagi artifak yang lebih bernilai, besar kemungkinan bentuknya merangkumi hasil kerja tangan yang diperhalusi dan reka bentuknya yang penuh perasaan, serta usaha yang melebihi ketelitian yang praktikal (Keasing, 1958, p.197).

3.2.1.3 Kepercayaan

Hakikat bahawa manusia menjadi sebahagian daripada punca perbezaan dalam budaya ketika melakukan sesuatu perkara dalam kelompok masyarakatnya, dengan cara berbeza tetapi persekitaran ditentukan oleh suatu sistem nilai diistilahkan sebagai kepercayaan. Kepercayaan memberi motivasi dan sebab untuk seseorang itu melakukan atau tidak sesuatu perkara yang dihajatnya. Oleh itu, kepercayaan yang wujud mampu memberikan sebab untuk mematuhi peraturan strategik sesuatu amalan. Misalnya, aspek kepercayaan ini akan membantu dalam menentukan panduan mana yang perlu diikuti, sama ada *the bible, the Torah, the Koran (Quran), as Kapital or even How to Win Friends and Influence Prople* (Katan, 2012, p.80-81). Menurut Katan (2012), kepercayaan yang cenderung budaya boleh dianalisis melalui ungkapan dan peribahasa umum (p.81). Kepercayaan budaya ini juga memberi kesan negatif kepada maksud yang diberikan kepada bahasa dan tingkah laku, lalu, menjadi punca kepada salah faham terhadap sesuatu budaya itu. Walaupun hal ini menjadi masalah kepada pertemuan bersemuka dalam komunikasi namun konteks kepercayaan tersebut juga memainkan peranan penting dalam proses penterjemahan, sebagaimana yang diutarakan oleh penterjemah Kitab Injil, John Beekman dan John Callow (1974) (p.10-161). Begitu juga, walau tatabahasa dan leksikalnya betul dalam hasil terjemahan, kepercayaan budaya ini mungkin masih bertentangan dengan sistem kepercayaan atau sudut pandangan pembaca.

3.2.1.4 Kawalan Sosial

Setiap budaya mempunyai aspek normatif dengan memberi kelaziman dan nilai yang agak unik kepada jenis-jenis tingkah laku masyarakat. Tingkah laku selalunya dikaitkan dengan apa yang dikatakan sebagai “normal”, “baik” atau “betul” yang berhubung dengan harta, jantina, perkahwinan, darjat atau pangkat, kerajaan dan lain-lain lagi. Ahli dalam suatu kumpulan diharap dapat menyesuaikan tindakan mereka

mengikuti norma atau peraturan yang telah ditetapkan sebagai syarat kepada arahan dan integrasi sosial. Kesemua pernyataan ini disokong mengikut kepentingan mereka yang telah dipersetujui dengan mengesahkan dan menguat kuasa mekanisme-mekanisme tertentu (Keesing, 1958, p.302). Pengkaji mengelaskan pelbagai aspek budaya ini berdasarkan istilah bahasa Inggeris sebagai “ideologi (*ideology*), “piawaiian amalan (*standards of conduct*)”, “nilai (*values*)”, “keunggulan (*ideals*)”, “kehendak moral (*moral order*)”, “etika (*ethics*)” dan “undang-undang (*law*)”. Namun, apa yang menariknya di sini, kajian perbandingan antara ahli antropologi terlihat bertindan bukan sahaja dengan ahli sains sosial bahkan dengan ahli falsafah, ahli teologi dan pakar dalam bidang perundangan.

3.2.1.5 Organisasi Sosial

Analisis sistem sosial mesti bermula dengan pati fakta demografi dan ekologi, iaitu bilangan orang dalam populasi, umur dan komposisi jantina, isi rumah dan pengedaran masyarakat, tahap mobiliti dan sebagainya. Inventori asas yang diambil bersama-sama dengan rekod kekeluargaan, perkahwinan, dan hubungan sosial yang lain sering dipanggil bancian sosial. Penyelidik bidang antropologi memerlukan maklumat dalam bancian tersebut untuk membimbing informan beliau ketika menilai kecukupan sampel maklumat tanpa mengira sifat masalah kajiannya (Keesing, 1958, p.243).

Sebagai contohnya, tali persaudaraan adalah teras organisasi sosial. Melalui perkahwinan setiap hubungan darah dalam masyarakat (*biological descent*) cenderung untuk menjadi asas untuk membina hubungan sosial yang lebih intim dan penting. Terutamanya mereka yang mempunyai hubungan sedarah, mereka tidak boleh memilih nenek moyang kita dan saudara-mara. Hubungan kekeluargaan terbahagi kepada tiga kategori 1) hubungan keturunan biologi (nasab) 2) hubungan perkahwinan (pertalian), dan 3) hubungan fiksyen (secara sosialnya hubungan ini ditakrifkan setara, seperti anak

angkat, ibu bapa angkat, kepercayaan dalam keturunan daripada haiwan totem) (Keesing, 1958, p.271).

3.2.1.6 Gerak Isyarat dan Tabiat


Gerak isyarat dan tabiat adalah rangkaian tindakan bersifat simbolik, iaitu suatu tindakan yang mempunyai maksud dan fungsi. Adalah penting bagi penterjemah untuk menterjemahkannya mengikut kesesuaian kerana sekiranya tindakan-tindakan ini diterjemah secara harfiah. Hal ini mungkin menghasilkan maksud yang salah. Larson (1984) mengatakan bahawa dalam setiap budaya, akan terdapat sesuatu tindakan yang akan bersifat simbolik (p.138).

Gerak isyarat dan tabiat dan tabiat dalam bentuk tindakan kadang kala mempunyai fungsi yang berbeza dalam bahasa penerima yang menyebabkan hal ini kadang kala sukar untuk diterjemah. Newmark (1988) turut menambah bahawa bagi gerak isyarat dan tabiat, terdapat perbezaan antara gambaran dan fungsi yang dibuat sekiranya perlu dalam hal yang samar-samar (p.102).

3.2.2 Kerangka Strategi dan Prosedur Penterjemahan

Strategi penterjemahan ialah pendekatan yang digunakan untuk menterjemah teks sasaran. Strategi ini meliputi kaedah, prosedur dan proses-proses lain yang digunakan untuk menterjemah teks secara keseluruhan (Norhazalina, 2013, p.287). Hal ini dapat dikaitkan dengan strategi penterjemahan berunsur tempatan (*domestication*) dan penterjemahan berunsur asing (*foreignization*). Penterjemahan berunsur tempatan dan penterjemahan berunsur asing ialah dua strategi asas terjemahan yang memberi panduan kefahaman linguistik dan kebudayaan. Analisis strategi unsur budaya dalam penterjemahan BK dan BM dalam tesis ini dilakukan dengan memanfaatkan pendekatan yang disarankan oleh Newmark (1988), Venuti (1995) dan Aixelá (1996).

Venuti (1995) percaya bahawa terdapat suatu daya yang kuat dalam setiap aktiviti terjemahan, iaitu pembentukan semula teks asing yang selari dengan nilai, kepercayaan dan perlambangan dalam bahasa sasaran (p.18). Menurut Venuti (1995), pembentukan semula ini selalunya dibuat berdasarkan kepada hierarki bahasa sasaran, bagi menentukan penghasilan, peredaran dan penerimaan teks. Beliau menjelaskan daya yang kuat ini wujud pada satu tahap tertentu dalam proses penterjemahan yang tidak dapat dielakkan, dan sebahagiannya berpotensi untuk membayangkan matlamat akhir terjemahan, iaitu membawa kembali kebudayaan yang lain sebagai sesuatu yang sama. Strategi penterjemahan unsur budaya oleh Venuti (1995) adalah seperti berikut:



Rajah 3.3 : Kerangka Strategi oleh Venuti (1996)

Tujuan kajian ini memberi tumpuan kepada analisis proses dalam terjemahan unsur budaya. Strategi dalam kajian ini ialah penterjemahan berunsur tempatan (*domestication*) dan penterjemahan berunsur asing (*foreignization*) oleh Venuti (1995). Strategi penterjemahan ini menyediakan petunjuk dalam kedua-dua bahasa dan budaya.

Venuti (1995) mendefinisikan penterjemahan berunsur tempatan sebagai “*an ethnocentric reduction of the foreign text to [Anglo- American] target language cultural*

values” (p.145). Beliau turut mendefinisikan penterjemahan berunsur asing sebagai “..an *ethnodeviant pressure on [target-language cultural] values to register the linguistic and cultural difference of the foreign text, sending the reader abroad...*” (Venuti, 1995, p.145). Menurut Venuti (1995) “*Foreignising entails choosing a foreign text and developing a translation method along lines which are excluded by dominant cultural values in the target language*” (p.242). Penterjemahan berunsur asing bermaksud suatu tekanan *ethnodeviant* terhadap nilai-nilai budaya bahasa sasaran untuk memasukkan perbezaan linguistik dan budaya teks asing, dan membawa pembaca keluar dari tempat sendiri.

Hatim dan Munday (2004) mendefinisikan penterjemahan berunsur tempatan sebagai “*a translation strategy, discussed by Venuti, in which a transparent, fluent style is adopted in order to minimize the foreignness of an ST*” (p.338). Secara ringkasnya, proses ini melibatkan penyingkiran kesan-kesan budaya sumbernya dalam bahasa sasaran. Menurut Munday (2001), terjemahan pedomestikan ialah “*entails translating in a transparent, fluent, ‘invisible’ style in order to minimise the foreignness of the TT*” (p.146). Penterjemahan berunsur tempatan bermaksud pengurangan etnosentrik teks asing kepada nilai-nilai budaya bahasa sasaran dan membawa balik penulis asal ke tempat sendiri. Perbezaan linguistik dan budaya yang wujud dalam terjemahan dilambangkan oleh budaya bahasa sasaran, serta diasimilasikan kepada kefahaman, kanun, taboo, kod dan ideologi bahasa sasaran. Strategi penterjemahan berunsur tempatan melibatkan terjemahan yang mudah difahami, lancar dan bebas gaya agar dapat meminimumkan unsur-unsur asing dalam teks sasaran. Penterjemahan berunsur asing pula melibatkan pemilihan teks asing dan pembentukan kaedah penterjemahan yang mengecualikan nilai-nilai budaya yang dominan dalam bahasa sasaran (Munday, 2001, p.146-147).

Strategi penterjemahan berunsur tempatan bermaksud usaha membuat sesuatu teks supaya dikenali dan biasa, lalu hal tersebut membawa budaya asing lebih dekat kepada pembaca dalam budaya sasaran, manakala strategi penterjemahan berunsur asing bererti membawa pembaca kepada budaya asing dan membuat pembaca boleh merasakan perbezaan bahasa dan budaya (Lindfors, 2001, p.6).


Strategi penterjemahan berunsur tempatan cenderung untuk membawa keluar unsur komunikatif daripada bahasa dan terjemahannya untuk memudahkan pembaca memahami dan menerima hasil terjemahan. Strategi ini amat berkuasa dan popular untuk tempoh yang panjang dalam sejarah terjemahan. Walau bagaimanapun, sifatnya bersahaja dan mudah pada teks sasaran sering dicapai dalam lingkungan yang lebih luas daripada mesej budaya teks sumber. Hasil langsung seperti terjemahan ini adalah lebih atau kurang tahap normalisasinya apabila semua kelainan budaya dalam bahasa sumber disamarkan atau dihilangkan. Melalui perkembangan pertukaran budaya, penterjemahan berunsur tempatan tidak lagi dapat memenuhi keperluan pembaca yang tidak sabar-sabar untuk mengetahui tentang budaya luar secara langsung dan asli. Oleh itu, penterjemah beralih kepada strategi lain, iaitu penterjemahan berunsur asing.

Strategi penterjemahan berunsur asing bertujuan untuk mengekalkan ciri-ciri asing dalam budaya sumber, pemindahan imej dan konsep baru kepada budaya dan bahasa sasaran. Dengan itu, bahasa sasaran akan diperkaya dan diperbaharui. Venuti (1995) berpendapat bahawa penggunaan strategi penterjemahan berunsur tempatan menjadikan penterjemah disamarkan. Biasanya budaya dominan menggunakan strategi penterjemahan berunsur tempatan bagi menghasilkan bacaan yang masuk akal untuk pembaca bahasa sasaran. Secara luarannya, teks yang diterjemahkan dibaca dengan lancar dan semula jadi namun budaya bahasa sumbernya dipadamkan.

Secara umumnya, strategi penterjemahan berunsur tempatan telah menandakan jenis terjemahan yang jelas, iaitu gaya yang lancar diguna pakai untuk meminimumkan keganjilan teks yang asing dalam bahasa sasaran untuk pembaca, manakala strategi penterjemahan berunsur asing bermakna teks sasaran yang dihasilkan dengan sengaja melanggar konvensyen sasaran dengan mengekalkan sesuatu keasingan yang daripada yang asal.


Prosedur penterjemahan digunakan untuk menterjemah ayat dan unit bahasa yang lebih kecil seperti klausa dan perkataan (Newmark, 1988, p.81). Penterjemah bebas untuk menggunakan sebarang prosedur penterjemahan tanpa terikat dengan mana-mana pendekatan terjemahan yang khusus. Prosedur penterjemahan hanya melibatkan penterjemah sebagai orang yang menterjemah, manakala bagi strategi penterjemahan pula, pihak yang terlibat ialah penterjemah, penyunting dan penerbit teks sasaran.

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggabungkan dan mengubahsuaikan prosedur penterjemahan Newmark (1998) dan Aixelá (1996) sebagai kerangka prosedur untuk menganalisis data. Gabungan bagi kerangka prosedur seperti Rajah 3.4 di bawah.



Rajah 3.4 : Taksonomi Prosedur Penterjemahan diubah suai daripada Newmark (1988) dan Aixelá (1996)

Secara keseluruhannya, gabungan kerangka strategi dan prosedur Newmark (1988), Venuti (1995) dan Aixelá (1996) yang diubah suai bagi menganalisis data kajian adalah seperti berikut:



Rajah 3.5 : Kerangka Strategi dan Prosedur Penterjemahan diubah suai daripada oleh Newmark (1988), Venuti (1995) dan Aixelá (1996)

3.3 Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kaedah kualitatif dan berfungsi sebagai kajian kes deskriptif. Pengkaji menggunakan kaedah analisis teks sumber dan teks sasaran bagi mencapai objektif pertama dan kedua, manakala kaedah soal selidik digunakan bagi mencapai objektif ketiga.

i. Kajian Kepustakaan

Dalam kajian kepustakaan, pengkaji akan menggunakan bahan-bahan rujukan yang terdapat di perpustakaan. Bahan-bahan rujukan yang digunakan adalah seperti buku, tesis, jurnal, internet, artikel jurnal dan sebagainya. Maklumat yang diperoleh daripada sumber-sumber yang dinyatakan tadi berfungsi untuk memberi maklumat berkaitan bidang terjemahan, terutamanya terjemahan teks sastera yang berkaitan dengan budaya.

Pada masa yang sama, kaedah ini juga dilakukan untuk melihat perkembangan bidang terjemahan supaya lompong yang wujud dalam bidang ini dapat diisi. Kaedah ini juga dilakukan supaya pengkaji tidak melakukan kajian yang sama dengan pengkaji lain sebelum ini.

ii. Pengumpulan Data

Pada peringkat ini, pengkaji akan melakukan tinjauan terhadap bahan-bahan terjemahan yang berkaitan dengan antologi cerpen BK-BM sebagai data korpus. Berdasarkan tinjauan yang dilakukan, pengkaji mendapati hanya terdapat satu sahaja antologi cerpen dalam BK yang diterjemah ke dalam BM, iaitu *Perjalanan ke Samp'o* (삼포 가는 길).

Jadual 3.1 : Jumlah Data Daripada Teks

No.	Kategori Budaya	Jumlah Data Daripada Teks
1	Ekologi	132
2	Budaya Material	296
3	Kepercayaan	50
4	Kawalan Sosial	197
5	Organisasi Sosial	172
6	Gerak Isyarat dan tabiat	114
	Jumlah	961

Pengkaji telah mengumpul data sejumlah 961 daripada teks sumber, iaitu *Perjalanan ke Samp'o*. Daripada sejumlah 961 data, pengkaji memilih 15 data daripada setiap kategori budaya untuk menganalisis strategi dan kebolehterjemahan yang tujuan kajian ini.

iii. Kaedah Analisis Teks Sumber dan Teks Sasaran

Teks-teks sumber dan sasaran yang akan dianalisis perlu dibaca terlebih dahulu. Kaedah ini membolehkan pengkaji memahami bentuk dan makna yang terkandung dalam kedua-dua teks tersebut. Kedua-dua teks tersebut dibandingkan untuk memudahkan pemilihan data dilakukan. Data-data yang dikumpul meliputi perkataan, frasa, kluasa, ayat dan sebagainya yang berkaitan dengan unsur-unsur budaya daripada teks sumber dan teks sasaran. Pada masa yang sama, maklumat berkaitan strategi dan pendekatan terjemahan yang diguna pakai serta maklumat budaya juga diambil kira. Data kajian diklasifikasikan bagi memudahkan analisis berdasarkan pendekatan budaya yang dinyatakan oleh Keesing (1958), Newmark (1988), Venuti (1995) dan Katan (2012).

Pendekatan pertama yang digunakan adalah berdasarkan pandangan tiga orang sarjana, iaitu Keesing (1958), Newmark (1988) dan Katan (2012). Melalui Gabungan 3 orang sarjana tentang klasifikasi budaya ini, teks-teks tersebut akan dianalisis dan dikategorikan mengikut pengkategorian budaya. Dalam kajian ini, pengkaji akan memetik daripada data yang dianalisis berdasarkan strategi dan kebolehterjemahan, iaitu sebanyak 90 kes (setiap kategori budaya dipetik daripada data sebanyak 15 kes).

Pendekatan kedua yang digunakan untuk menganalisis data berkaitan budaya strategi Venuti, iaitu penterjemahan berunsur tempatan dan penterjemahan berunsur asing. Pengkaji akan menggunakan prosedur Newmark (1988) dan Aixelá (1996) untuk menjelaskan pendekatan penterjemahan berunsur tempatan dan penterjemahan berunsur asing. Prosedur ini menggariskan 10 aspek yang diguna pakai untuk menterjemah budaya, iaitu sinonim (*synonymy*), penyejagatan terbatas (*limited universalization*), penyejagatan mutlak (*absolute universalization*), pengguguran (*deletion*), pencairan (*attenuation*), naturalisasi (*naturalization*), pemindahan (*transference*), glos ekstrateks

(*extratextual gloss*), glos intrateks (*intratextual gloss*) dan *calque* (*through-translation*).

iv. Soal Selidik

Menurut Asmah (2002), pendekatan kualitatif biasanya digunakan dalam analisis data. Kaedah penyelidikan kualitatif terdiri daripada pemerhatian (*observation*), temu bual (*interviews*), persampelan (*sampling*), bahan-bahan bertulis (*written materials*), soal selidik (*questionnaires*), kesahan (*validity*) dan etika (*ethics*) (Woods, 2006). Dalam kaedah penyelidikan, soal selidik merupakan salah satu instrumen kajian yang popular dan aktif yang diguna pakai dalam sains sosial. Dornyei (2003) menekankan bahawa "*the popularity of questionnaires is due to the fact that they are easy to construct, extremely versatile, and uniquely capable of gathering a large amount of information quickly and in a form that is readily processable*" (p.6). Dornyei (2003) mendakwa bahawa kelebihan utama soal selidik adalah kerana instrumen ini dapat dibina dengan mudah (p.6). Sekaran (2003) juga mendakwa bahawa "satu cara yang baik untuk mengumpul data adalah dengan melaksanakan soal selidik secara bersendirian" (p.236). Beliau menambah bahawa soal selidik ialah satu mekanisme mengumpul data yang berkesan apabila penyelidik mengetahui dengan tepat apa yang diperlukan dan bagaimana mengukur pemboleh ubah penting. Cohen (2000) juga percaya bahawa soal selidik merupakan satu cara penyelidikan yang berkesan (p.245). Mereka menyatakan bahawa "soal selidik adalah instrumen yang digunakan secara meluas dan berguna untuk mengumpul maklumat tinjauan, ... dan agak mudah untuk dianalisis". Walaupun soal selidik mempunyai kelebihan, manakala juga mempunyai kelemahan. Kelemahannya adalah; 1) kesederhanaan pada jawapan yang dihasilkan, 2) terdapatnya kesan halo, 3) kecenderungan persetujuan dan prestij yang berat sebelah, 4) kecelikan responden, 5) penipuan diri sendiri dan memberikan kesan keletihan dalam keadaan di mana soal selidik tersebut adalah panjang, dan 6) kadar maklum balas yang rendah (Dornyei, 2001, p.9; Sekaran, 2003, p.239; Bryman, 2001, p.129). Walaupun

terdapatnya kelemahan-kelemahan ini, soal selidik masih dianggap sebagai cara yang sangat baik untuk mengumpul data. Brown (2001) mendefinisikan soal selidik sebagai "apa juga instrumen bertulis yang diberikan kepada responden dengan satu siri soalan atau kenyataan yang mana mereka memberi maklum balas sama ada dengan menulis jawapan mereka atau memilih daripada jawapan yang sedia ada" (p.6). Sekaran (2003) juga mendefinisikannya sebagai " *a preformulated written set of questions to which respondents record their answers, usually within rather closely defined alternatives*" (p.236).

Memandangkan kajian ini hanya memberikan fokus kepada pemahaman hasil terjemahan dari aspek unsur budaya sahaja, maka untuk meneutralkan faktor-faktor atau pengaruh yang boleh mengganggu dapatan kajian ini, beberapa variabel kawalan (*control variable*) juga ditentukan sebelum pemilihan responden. Antaranya ialah keupayaan responden berkomunikasi secara bertulis dalam BM dan BK, kebolehan responden memahami teks BK dan BM. Berdasarkan variabel kawalan tersebut, hanya pelajar Korea dan pelajar Malaysia pada peringkat ijazah sarjana muda di HUFS yang dikenal pasti :

- 1) Menggunakan sekurang-kurangnya 7 jam seminggu untuk berkomunikasi dalam BK dan BM sewaktu dalam kelas.
- 2) Berupaya berkomunikasi secara bertulis dalam BM dan BK.
- 3) Memahami konsep asas penterjemahan.
- 4) Memahami konsep budaya bagi pelajar Korea dan pelajar Malaysia berdasarkan pengalaman mereka dalam kelas.

Jumlah responden juga agak kecil, iaitu 30 orang. Jumlah ini memadai bagi mendapat makluman balas secara kualitatif dan lebih praktikal. Malahan soal selidik juga dijadikan instrumen kajian dalam kajian-kajian lepas (Goh, 2007; Goh & Mashudi,

2008; Kim, 2013; Lee, 2014).

Reponden dibahagikan dua kumpulan, iaitu kumpulan pelajar Korea yang belajar bahasa Melayu dan kumpulan pelajar Malaysia yang belajar budaya Korea. Kaedah ini melibatkan langkah-langkah berikut :

- 1) Pengkaji menyediakan borang soal selidik yang mengandungi unsur budaya dalam teks BK dan BM.
- 2) Borang soal selidik diedarkan kepada dua kumpulan pembaca, iaitu kumpulan pelajar Korea dan kumpulan pelajar Malaysia yang berpendidikan BK dan BM serta berpengetahuan tentang budaya negara tersebut.
- 3) Mengutip balik borang soal selidik yang telah dijawab untuk dianalisis.
- 4) Pandangan dua kumpulan akan dibandingkan dengan pendapat pengkaji.

Responden yang digunakan dalam kajian ini adalah terdiri daripada kumpulan individu yang mempunyai kemahiran dalam memahami BK dan BM serta budaya negara tersebut. Mereka ini terdiri daripada dua kumpulan berlainan warganegara, iaitu warganegara Korea dan warganegara Malaysia. Pengkaji telah memilih 15 orang responden warga Korea untuk kumpulan pertama dan 15 orang lagi warga Malaysia untuk kumpulan responden kedua yang terdiri daripada pelajar-pelajar Korea di Jabatan Pentafsiran dan Penterjemahan bahasa Malay-Indonesia, HUFS. Mereka merupakan pelajar (tahun 3 dan tahun 4) yang pernah belajar di Malaysia atau Indonesia. Mereka juga fasih berbahasa Melayu dan memahami budaya Melayu, manakala kumpulan responden merupakan warganegara Malaysia individu pelajar yang terdiri daripada ahli Persatuan Pelajar Malaysia Korea (PPMK). Mereka merupakan pelajar sarjana muda atau sarjana di Korea yang sedang tinggal di Korea lebih dari 5 tahun. Mereka berupaya menggunakan BK dan memahami tentang budaya negara tersebut.

Justifikasi ini merujuk kepada senario bidang penterjemahan BK dan BM yang masih belum berkembang secara menyeluruh. Oleh itu, jumlah penterjemah professional amat rendah untuk diperoleh. Lalu, pemilihan golongan pelajar sebagai pembaca umum dalam kajian deskriptif kualitatif adalah signifikan dengan kriteria utamanya, iaitu mereka yang telah belajar dan faham tentang unsur budaya Melayu dan BK serta struktur bahasanya.

Proses pengumpulan data dalam kajian ini menggunakan sejumlah 30 set borang penilaian (Lampiran II) telah diedarkan kepada kedua-dua kumpulan ini. Para responden ini diberikan masa sebulan untuk meneliti 90 butiran yang mengandungi pelbagai unsur budaya dalam terjemahan BK dan BM. 90 butiran yang diajukan kepada kedua-dua kumpulan responden ini dipecahkan kepada 6 kategori unsur budaya yang telah dikelaskan oleh pengkaji terlebih dahulu. Borang tersebut mengandungi teks sumber dan teks sasaran yang telah diambil daripada cerpen yang telah dikenal pasti sebagai bahan kajian. Kumpulan-kumpulan responden tadi dikehendaki meneliti setiap butiran yang dinyatakan dalam borang mengikut unsur budaya dalam teks sumber dan seterusnya mereka perlu menentukan sama ada butiran-butiran tersebut boleh diterjemah atau tidak boleh terjemah. Selain itu, kumpulan responden ini juga perlu memberikan alasan mereka bagi menyokong pandangan mereka tentang hasil kebolehterjemahan dalam unsur budaya yang berkaitan. Hasil kebolehterjemahan unsur budaya berdasarkan BK dan BM yang dikemukakan oleh kumpulan responden ini akan dianalisis dan dilihat secara terperinci oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah kuantitatif mudah dan dipersembahkan dalam bentuk jumlah keseluruhan dan peratusan (%). Selain itu, setiap alasan yang diberikan oleh mereka tentang kebolehterjemahan dalam unsur budaya kedua-dua bahasa (Korea dan Melayu) akan dinilai dan dibandingkan dengan dapatan pengkaji dengan menggunakan kaedah kualitatif.


Pandangan dua kumpulan tentang kebolehterjemahan unsur budaya dalam terjemahan BK dan BM dalam bab 6 akan diteliti mengikut kategori budaya dan kemudiannya dibandingkan dengan dapatan pengkaji serta pandangan penterjemah mengikut tajuk-tajuk berikut :

- i) Perbandingan Pandangan Dua Kumpulan Tentang Kebolehterjemahan Budaya Ekologi
- ii) Perbandingan Pandangan Dua Kumpulan Tentang Kebolehterjemahan Budaya Budaya Material
- iii) Perbandingan Pandangan Dua Kumpulan Tentang Kebolehterjemahan Budaya Kepercayaan
- iv) Perbandingan Pandangan Dua Kumpulan Tentang Kebolehterjemahan Budaya Kawalan Sosial
- v) Perbandingan Pandangan Dua Kumpulan Tentang Kebolehterjemahan Budaya Organisasi Sosial
- vi) Perbandingan Pandangan Dua Kumpulan Tentang Kebolehterjemahan Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat

Setiap kategori budaya akan dibincangkan berdasarkan jumlah dan peratusan kebolehterjemahan daripada dua kumpulan tentang unsur budaya BK dan BM serta alasan yang diberikan oleh mereka. Pandangan responden kemudiannya akan dibandingkan dengan dapatan kajian pengkaji.

3.4 Kajian Awal

Berikut diberikan salah satu contoh bagaimana pengkaji menganalisis data dalam kajian ini mengikut kaedah dan pendekatan yang telah dihuraikan sebelumnya.



Rajah 3.6 : Contoh Analisis Data

Contoh analisis data adalah seperti berikut, iaitu;

UBGT14	돌아버렸대 <i>dolabeolyeossdae</i>	“Dia terlalu sangat belajar sehingga dia <u>hilang ingatan</u> ”
--------	----------------------------------	---

Rajah 3.7 : Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Tempatan Menggunakan Prosedur Penyejagatan Mutlak

Berdasarkan data UBGT14 yang diberikan dalam jadual di atas, perkataan 돌아버렸대 (*dolabeolyeossdae*) diterjemahkan menjadi frasa “hilang ingatan” dalam teks sasaran oleh penterjemah. Sebenarnya, makna 돌아버렸대 (*dolabeolyeossdae*) ialah “memusingkan” dalam BK. Di Korea, orang gila disebut kepalanya berpusing. Padanan dalam teks sasaran diberikan oleh penterjemah frasa “hilangan ingatan” sebagai lebih umum. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu “hilangan ingatan” sepatutnya digantikan kepada frasa “menjadi orang gila”.

UBM9	<p style="text-align: center;"> 팽과리 <i>kkwaenggwali</i> </p>	<p>..dengan tiba-tiba kedengaran bunyi kenering <i>kkwaenggwari</i> yang bising datang dari arah...</p>
------	---	---

Rajah 3.8 : Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Asing Menggunakan Prosedur Pemindahan

Perkataan 팽과리 (*kkwaenggwali*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *kkwaenggwari* juga. Perkataan ini membawa maksud sejenis alat muzik Korea, iaitu gong kecil. Gong kecil Korea ini adalah alat muzik pukul yang dibuat daripada besi yang dicat dengan warna kuning dan berbentuk bulat. Di atasnya diletakkan tali pendek untuk memudahkannya dipegang semasa dimainkan. Gong ini dipegang dengan sebelah tangan dan dengan dipukul dengan kayu pemukul untuk mengeluarkan bunyi (Suh, 2004, p.569). Namun, pengkaji mendapati bahawa perkataan 팽과리 (*kkwaenggwali*) ini didapati tidak mempunyai padanan maknanya dalam budaya masyarakat di Malaysia. Dalam kebudayaan dan kesenian Melayu, terdapat jenis gong yang biasa digunakan dipanggil sebagai tawak-tawak atau tetawak, dimainkan dalam pelbagai persembahan muzik tradisi misalnya dalam persembahan makyung. Gong hanya mempunyai satu permukaan sahaja dan ditengah permukaan tersebut dilekukkan daripada dalam serta membonjol keluar dan dipalu dengan kayu berbalut getah dihujungnya dan bunyinya berdengung. Walau bagaimanapun, penterjemah teks sasaran hanya menterjemahkan perkataan *kkwaenggwari* sahaja tanpa menghuraikan maksudnya. Situasi ini menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memahami maksud *kkwaenggwari* yang dinyatakan dalam teks sasaran. Oleh sebab ini, strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan prosedur glos ekstrateks (nota kaki) didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

UBK9	아홉수가 원래 사납다고 <i>ahobsuga wonlae sanabdago</i>	“orang selalu berkata <u>nombor Sembilan tidak membawa tuah...</u> ”
------	--	--

Rajah 3.9 : Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Asing Menggunakan Prosedur Glos Intrateks

Berdasarkan analisis data UBK9 mendapati frasa 아홉수가 원래 사납다고 (*ahobsuga wonlae sanabdago hademan*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *nombor sembilan* dalam teks sasaran. Dalam budaya Korea, masyarakatnya mempercayai bahawa *nombor sembilan tidak membawa tuah* membawa nasib malang. Contohnya, jika seseorang lelaki berumur sembilan tahun, 19 tahun, 29 tahun dan sebagainya, mereka akan mengelakkan diri daripada berkahwin atau berpindah rumah. Hal ini demikian kerana mereka beranggapan bahawa mereka akan menerima nasib malang jika berbuat sesuatu yang berkaitan dengan angka sembilan itu. Selain itu, perkataan 아홉수 (*ahobsu*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah kata ini sebagai *nombor sembilan tidak membawa tuah*. Pengkaji mendapati frasa 아홉수가 원래 사납다고 (*ahobsuga wonlae sanabdago*) ini diterjemahkan *nombor sembilan yang membawa malang* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

UBKS11	음력 (<i>eumlyeog</i>)	takwim kamariah
--------	------------------------	-----------------

Rajah 3.10 : Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Asing Menggunakan Prosedur *Calque*

Hasil analisis data UBKS11 dalam kajian ini mendapati bahawa perkataan 음력 (*eumlyeog*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *takwim kamariah*. Perkataan 음력 (*eumlyeog*) ini merupakan sistem kalendar berasaskan perhitungan fasa bulan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4862). Dalam masyarakat Islam, kalendar Qamariah digunakan oleh bangsa Arab zaman dahulu adalah sama dengan kalendar Qamariah yang ada ketika ini. Mengikut kalender ini, dalam setahun ada dua belas bulan dan awal bulan ditentukan mengikut terbitnya hilal (bulan sabit pertama). Masyarakat Arab telah menetapkan bulan Muharram sebagai awal tahun bagi orang Islam. Berbeza dengan masyarakat Korea, mereka menggunakan kalendar solar dan kalendar lunar. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini mengikut kalender Islam. Pengkaji mendapati bahawa frasa *takwim kamariah* yang digunakan oleh penterjemah didapati menghasilkan terjemahan tepat dalam menyampaikan mesej yang terkandung dalam teks sumber.

UBM1	도레소반 (<i>dolesoban</i>)	dulang kecil
------	---------------------------	--------------

Rajah 3.11 : Terjemahan Unsur Budaya : Strategi Penterjemahan Berunsur Tempatan Menggunakan Prosedur Penyejagatan Terbatas

Analisis data UBM1 mendapati perkataan 도레소반 (*dolesoban*) yang terdapat dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *dulang kecil* dalam teks sasaran. Perkataan 도레소반 (*dolesoban*) merupakan sebuah meja kecil yang digunakan untuk makan. Apabila orang Korea makan sesuatu makanan, mereka biasanya menggunakan meja kecil ini dan bersila di atas lantai. Meja kecil 도레소반 (*dolesoban*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana kebiasaannya masyarakat di negara ini menggunakan meja makan besar atau bersila di atas lantai semasa makan.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan ini kurang sesuai apabila penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *dulang kecil*. Hasilnya, terjemahan yang dihasilkan ini merupakan terjemahan kurang. Pengkaji mendapati bahawa kata yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *dulang kecil* sepatutnya digantikan kepada frasa *meja makan kecil*.

Kemudian, kaedah ketiga yang digunakan ialah soal selidik. Soal selidik akan digunakan untuk membandingkan pandangan tiga penjurur, iaitu pengkaji, reponden OK dan OM dan penterjemah tentang kebolehterjemahan unsur budaya dalam terjemahan BK dan BM. Borang penilaian ini mengandungi teks sumber dan teks sasaran. Reponden OK dan OM dikehendaki meneliti setiap unsur budaya dalam teks sumber dan menentukan sama ada unsur budaya tersebut boleh terjemah atau tidak boleh terjemah dengan menandai ruang yang disediakan. Reponden OK dan OM juga perlu mengemukakan alasan mereka untuk menyokong pandangan mereka tentang kebolehterjemahan unsur budaya berkenaan. Kebolehterjemahan unsur budaya BK dan BM yang diberikan oleh reponden OK dan OM akan diinterpretasikan oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah kuantitatif, iaitu dalam bentuk jumlah dan peratusan, manakala alasan tentang kebolehterjemahan unsur budaya BK dan BM yang dikemukakan oleh reponden OK dan OM akan dianalisis dan dibandingkan dengan pendapat pengkaji yang sudah dibuat.

Berikut diberikan salah satu contoh bagaimana pengkaji menganalisis data dalam kajian ini mengikut kaedah telah dihuraikan sebelumnya.

Teks Sumber	Teks Sasaran	Boleh Terjemahan	Tidak Boleh Terjemahan	Alasan
무더기 무더기 핀 진달래꽃이 분홍 무늬를 놓은 푸 른 산들이	...serta disulami dengan pokok renek yang sedang berbunga warna			

	merah jambu.			

Rajah 3.12 : Contoh Soal Selidik

Setiap kategori budaya akan dibincangkan jumlah dan peratusan penilai kedua tentang kebolehterjemahan unsur budaya BK dan BM serta alasan yang diberikan oleh mereka.

3.5 Rumusan

Kesimpulannya, bab ini telah membicarakan pandangan Keesing (1958), Newmark (1988), Venuti (1995) dan Katan (2012). Pendekatan dan metodologi telah diperincikan dalam bab ini, data-data kajian akan dianalisis dengan teliti bagi mendapatkan hasil dan dapatan yang jitu bagi memenuhi objektif kajian ini. Analisis dan dapatan kajian akan dibincangkan dalam bab yang seterusnya.

University of Malaya

BAB 4 : KLASIFIKASI UNSUR BUDAYA DALAM TERJEMAHAN

BAHASA KOREA - BAHASA MELAYU

4.1 Pendahuluan

Bab ini membentangkan data terjemahan unsur budaya yang dianalisis berdasarkan pandangan Keesing (1954), Newmark (1988) dan Katan (2012). Unsur-unsur tersebut akan dihuraikan secara terperinci dalam subtajuk ekologi, budaya material, kepercayaan, kawalan sosial, organisasi sosial dan gerak isyarat dan tabiat.

4.2 Penterjemahan Budaya

Proses menterjemah melibatkan dua bahasa berbeza yang merupakan penghubung kepada pembaca bagi memahami unsur budaya yang terkandung dalam teks yang diterjemahkan. Oleh itu, penterjemahan bukanlah sekadar proses memindahkan maklumat antara dua bahasa tetapi juga sebagai satu medium komunikasi antara dua budaya yang berbeza. Nida (1964) menyatakan bahawa dalam konteks kebudayaan yang lebih besar, perkara yang menjadi kepentingan utama adalah untuk memahami maksud atau mesej yang ingin disampaikan (p.244). Jurang kebudayaan antara bahasa sumber dan bahasa sasaran seringkali menjadi isu penting yang perlu disedari oleh penterjemah apabila mereka mempersembahkan maksud perkataan secara harfiah atau kiasan kerana makna tersebut mempunyai pelbagai konotasi dan implikasi dalam persekitaran kebudayaan yang berbeza. Penterjemahan merupakan proses membandingkan dua budaya dan bahasa digunakan sebagai alat, iaitu bahagian yang bersifat intrinsik dalam sesuatu budaya. Oleh itu, bagi mencapai komunikasi antara budaya secara lebih efektif, tugas penterjemahan adalah penting sebagai medium pertukaran maklumat budaya dan seharusnya dijalankan dengan lebih baik.

Contoh yang boleh diambil bagi menjelaskan isu budaya dalam terjemahan adalah konotasi ungkapan bahasa kiasan yang begitu unik dalam BM. Misalnya, perkataan yang sarat dengan maklumat budaya perlu dipertimbangkan dengan sebaik-baiknya oleh penterjemah bagi membantu pembaca sasaran menghargai unsur budaya teks asal dan menyedari perbezaan yang terdapat antara satu budaya dengan budaya yang lain di dunia. Keperluan ini adalah untuk komunikasi berjalan lancar. Oleh itu, perbezaan budaya dapat dikurangkan dan bahasa alat dalam proses pertukaran sosial.

Halloran (2006) percaya bahawa item budaya khusus (*culture-specific item*) merupakan sebahagian daripada budaya tertentu dan merujuk kepada identiti kebudayaan yang tidak mempunyai kesetaraan secara langsung dalam budaya yang lain. Dalam kategori ini, item budaya khusus termasuklah rujukan kepada institusi, sejarah, toponimi atau kesenian dalam sesuatu budaya. Nord (1997) menggunakan istilah "*cultureme*" untuk merujuk kepada item budaya khusus tersebut. Nord (1997) mendefinisikan "*cultureme*" sebagai '*a cultural phenomenon that is present in culture X but not present (in the same way) in culture Y*' (p.34). Aixelá (1996) menamakan istilah tersebut sebagai "*Culture-Specific items*" berdasarkan hakikat bahawa potensi masalah terjemahan akan sentiasa wujud dalam situasi yang konkrit antara dua bahasa dan dua teks. Selain itu, Aixelá (1996) mendefinisikan item budaya khusus sebagai, 'Perealisasikan item-item tekstual yang fungsi dan berkonotasi dalam teks sumber melibatkan masalah terjemahan dalam pemindahannya ke teks sasaran, apabila masalah ini adalah hasil ketidakwujudan item yang dirujuk atau status intertekstual yang berbeza dalam sistem kebudayaan pembaca teks sasaran' (p.58).

Pernyataan di atas menunjukkan bahawa penterjemahan sesuatu unsur budaya melalui satu bahasa ke bahasa yang lain merupakan tugas yang rumit dan penting. Penterjemah perlu mengetahui perbezaan antara teks sumber dan teks sasaran dalam

terjemahan kesusasteraan. Berdasarkan pandangan Aixelá (1996), apa jua “item linguistik” merupakan unsur budaya khusus yang bergantung kepada sesuatu asas sama ada, fungsinya pada teks, cara unsur-unsur ini dilihat dalam budaya sasaran, tujuan mengemukakan ideologi atau menerangkan kesamaran unsur kebudayaan kepada pembaca sederhana. Apabila memperkatakan tentang sifat unsur budaya khusus, Aixelá (1996) merujuk kepada ‘jenis dan kadar jurang antara budaya, sebelum berlakunya pengkontekstualan yang konkrit pada item budaya khusus, berdasarkan penentuan kedua-dua tradisi intertekstual dan persamaan linguistik yang munasabah’ (p.68).

4.3 Ekologi

Di semenanjung Korea, oleh sebab ekologi utara-selatannya yang panjang dan topografinya yang kompleks, terdapat variasi yang luas dari suhu dan taburan hujannya. Purata suhu sepanjang empat musim adalah antara 5°C hingga 16°C dan taburan hujannya adalah antara 500 hingga 1,500 milimeter. Wujud kepelbagaian flora yang tumbuh dalam persekitarannya. Menurut Suh (2004), terdapat 190 kumpulan tumbuh-tumbuhan, 1,079 genus, 3,129 spesis, 8 subspesis, 627 pelbagai spesis dan 306 jenis tumbuh-tumbuhan yang lebih tinggi. Ini bermakna terdapat lebih daripada 4,000 jenis tumbuhan vaskular, termasuk kira-kira 400 endemik, yang tumbuh di negara itu ketika ini (p.651). Sebagai contohnya, perkataan 감나무 (*gamnamu*) membawa maksud sejenis buah yang istimewa dan hanya boleh ditanam di Asia Timur, iaitu Korea, Cina, Jepun, dan sebagainya. Pokok ini hanya boleh ditanam di negara yang mengalami empat musim sahaja. Selain itu, perkataan 버드나무 (*beodeunamua*) merupakan spesies pokok yang mempunyai saiz dan kadar pertumbuhan yang berbeza-beza. Dari segi genus dapat kira-kira 350 pokok ini yang boleh ditemui dan biasanya ini mudah dijumpai di bahagian Utara Korea. Banyak tumbuhan alpine dijumpai di kawasan yang tinggi seperti gunung. Tumbuh-tumbuhan yang utama seperti pokok-pokok berdaun lebar tumbuh di kawasan tengah dan barat tanah rendah, manakala tumbuhan beriklim

sederhana panas pula tumbuh dengan banyaknya di pantai selatan dan pulau-pulau luar pesisir. Banyak tumbuhan malar hijau yang terdapat di kawasan selatan adalah sama seperti yang dijumpai di barat daya Jepun. Sebagai contohnya, perkataan 왜솔방울 (*waesolbangul*) dalam teks sumber merujuk kepada sejenis buah daripada pokok *pine* Korea. Ciri-ciri nyata yang dilihat pada pokok *pine* ini adalah mempunyai daun keras yang berbentuk jarum, berwarna hijau, dan berbatang keras. Pokok ini mempunyai buah yang unik kerana buahnya berbentuk kon seperti pokok *conifers*. Oleh sebab banyak spesies tumbuhan di Korea yang mempunyai unsur-unsur yang sama seperti tumbuhan yang tumbuh di negara-negara jiran, keadaan persekitaran yang dinyatakan di atas telah banyak menyumbang kepada kemunculan pelbagai spesis tempatan. Berdasarkan huraian klasifikasi unsur budaya ekologi bagi kategori flora adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 4.1 berikut :

Jadual 4.1: Unsur Budaya Ekologi untuk Kategori Flora

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE1	진달래꽃 <i>jindallaekko</i>	...serta disulami dengan pokok renek yang sedang berbunga warna merah jambu.
UBE2	단풍이 빨강게 타올랐다 <i>danpungi ppalgahge taollasda</i>	Daun dan bunga yang berguguran di atas bukit-bukau yang berhampiran desa memperlihatkan suasana musim luruh.
UBE3	왜솔방울 <i>waesolbangul</i>	yang ini bulat seperti epal , seperti ayah saudara sebelah ibunya juga.
UBE4	후박나무 <i>hubagnamue</i>	... di atas pokok magnolia di kawasan rumahnya.

UBE5	버드나무 <i>beodeunamu</i>	...bunyi serunai batang willow yang ditiup oleh kanak-kanak yang bermain di bawah <u>pokok willow</u> dekat...
UBE6	감나무 <i>gamnamu</i>	..dan melihat ke arah <u>pokok persimmon</u> itu.

Kehidupan fauna di sekitar kawasan pergunungan bahagian utara semenanjung Korea berkait rapat dengan zon boreal Manchuria, China, Siberia, Sakhalin dan Hokkaido. Di kawasan tanah rendah semenanjung yang iklimnya lebih sederhana, ciri faunanya berkait rapat dengan apa yang terdapat di selatan Manchuria, iaitu bahagian tengah China dan Jepun. Menurut Suh (2004), terdapat 408 spesis burung di Korea Selatan. Daripada jumlah ini, 90 spesis adalah spesis burung gelandangan, manakala 52 daripada 317 spesis lain merupakan spesis burung pemastautin tetap dan 265 lagi adalah spesis pendatang. Selain daripada burung spesis pendatang, 112 spesis adalah burung musim sejuk, 63 spesis yang hanya melintasi Korea Selatan pada musim panas dan baki 90 lagi adalah spesis burung yang boleh dilihat pada musim bunga dan musim luruh (p.667). Sebagai contohnya, perkataan 멧새 (*messae*) merujuk kepada merupakan spesies burung *passerine* dari Asia Timur dan mempunyai genus *Emberiza* dalam keluarga *Emberizidae*. Burung tersebut membiak dengan banyaknya di Semenanjung Korea.

Bagi mamalia asli, Korea mempunyai 6 kumpulan, 19 keluarga, 48 genus dan 76 spesis. Mamalia besar pula termasuk harimau, harimau bintang, kucing hutan, serigala luak, beruang, kukus, musang, beruang liar, kijang dan Amur Goral. Spesis seperti tupai, hamster belang dan tikus kasturi hanya boleh dijumpai di dataran tinggi Gunung Paekdusan. Selain itu, spesis hidupan liar lain di Korea Selatan pula termasuklah 25 spesis reptilia, 14 amfibia dan 130 ikan air tawar. Sebagai contohnya, perkataan 진도견

(*jindogyeon*) membawa maksud sejenis baka anjing pemburu yang berasal dari Pulau Jindo, Korea Selatan. Baka anjing 진도견 (*jindogyeon*) ini juga terkenal dengan sifat kesetiaan yang tinggi kepada tuannya, tetapi tidak liar seperti baka anjing lain. Melalui teks sumber kajian ini, klasifikasi unsur budaya ekologi yang telah dikenal pasti untuk kategori fauna ditunjukkan seperti Jadual 4.2 berikut :

Jadual 4.2 : Unsur Budaya Ekologi bagi Kategori Fauna

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE7	진도견 <i>jindogyeon</i>	Anjing Suh Rang yang telah selama tiga tahun...
UBE8	두꺼비 <i>dukkeobi</i>	Seekor katak telah menetap di serambi rumah kami yang kotor selama beberapa hari...
UBE9	멧새 <i>messae</i>	...di pohon-pohon kayu itu untuk memikat burung liar .
UBE10	준마 <i>junma</i>	...dan dia berkejaran ke sana ke sini bagaikan kuda yang cukup terlatih di atas padang permainan.

Dalam konteks iklim pula, Korea mempunyai empat musim yang berbeza, iaitu musim bunga, musim panas, musim luruh dan musim sejuk. Secara umumnya, perbezaan antara musim sejuk dan musim panas adalah ketara. Musim sejuk adalah amat sejuk sehingga menusuk ke tulang dan dipengaruhi oleh jisim udara Siberia. Cuaca pada musim panas pula adalah panas dan lembap disebabkan oleh faktor suhu laut Pasifik yang tinggi. Sebagai contohnya, perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhanan*) ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Cina, iaitu 嚴冬雪寒 yang membawa makna

엄 (*keras*) + 동 (*musim dingin*) + 설 (*salji*) + 한 (*sejuk*), jika diterjemah ke dalam BK. Oleh itu, makna perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhan*) adalah musim dingin yang sangat sejuk dan bersalji. Pada musim-musim peralihan seperti musim bunga dan musim luruh pula, cuaca adalah cerah dan secara umumnya kering. Namun, kadar suhu pada semua musim ini agak rendah daripada tempat lain yang berada pada latitud yang sama di benua lain, seperti Amerika Utara atau Eropah Barat. Dengan kelebaran kira-kira 300 kilometer, perubahan iklim adalah lebih ketara di sepanjang paksi selatan-utara Korea. Sebagai contohnya, perkataan 아지랑이 (*Ajirangi*) merujuk kepada satu fenomena optik semula jadi yang berlaku pada musim bunga. Dalam fenomena ini, sinaran cahaya matahari telah dipantulkan secara semula jadi sehingga menghasilkan gambaran objek jauh atau langit yang palsu. Semasa awal musim bunga atau musim panas di Korea, fenomena ini boleh dilihat, sama ada di atas jalan raya, padang, dan rumput. Apabila fenomena ini berlaku di padang, masyarakat Korea beranggapan bahawa musim bunga sudah tiba. Oleh sebab kepelbagaian ini, perbezaan yang ketara dalam penanaman tumbuh-tumbuhan dapat dilihat di sepanjang paksi tersebut. Secara umumnya, cuaca bahagian selatan semenanjung di negara ini adalah lebih panas daripada di bahagian utaranya. Klasifikasi unsur budaya ekologi untuk kategori iklim adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 4.3 berikut :

Jadual 4.3 : Unsur Budaya Kategori bagi Ekologi Iklim

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE11	아지랑이 <i>Ajirangi</i>	Apabila <u>kabus musim bunga</u> sudah mula kelihatan walaupun masih jauh lagi,...
UBE12	솜 같은 눈송이가 펄펄 내리고 있었다 <i>som gateun nunsongiga peolpeol naeligo isseossda</i>	...dan <u>salji turun dengan kepingan yang besar.</u>

UBE13	엄동설한 <i>eomdongseolhan</i>	Dalam <u>keadaan musim dingin yang menggigit</u> ini, tiada pula tempat yang...
-------	-------------------------------	--

Semenanjung Korea menjangkau kira-kira 1,000 kilometer ke selatan dari daratan timur laut benua Asia. Sehingga abad ke-11, wilayah Korea telah termasuk dalam sebahagian besar Manchuria tetapi disebabkan oleh konflik yang berulang kali dengan China, Korea telah berundur ke selatan pada abad ke 15 di mana Sungai Yalu dan Tumen telah menjadi penanda sempadan kekal untuk China-Korea. Sebagai contohnya, perkataan 금강산 (*geumgangsan*) yang digunakan adalah merujuk kepada gunung yang terdapat di Korea Utara. Gunung tersebut yang mempunyai ketinggian 1,638 meter dan merupakan sebahagian daripada rangkaian Gunung Taebaek yang memanjang dari bahagian timur Korea Utara sehingga ke Korea Selatan. Klasifikasi unsur budaya ekologi untuk kategori muka bumi daripada hasil terjemahan adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 4.4 berikut :

Jadual 4.4 : Unsur Budaya Ekologi bagi Kategori Muka Bumi

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE14	당산 <i>dangsan</i>	Jeritan tangis seorang perempuan yang kudengar hingga ke <u>gunung di belakang desa</u> , datang dari arah rumahku.
UBE15	금강산 <i>geumgangsan</i>	...ke <u>Gunung Kumkang (intan)</u> untuk mendapatkan...

4.4 Budaya Material

Sesuatu artifak yang wujud mempunyai maksud, penggunaan dan fungsi tertentu. Bayangkan, jika sekumpulan manusia itu tiba-tiba hilang, artifak akan kekal sebagai objek tinggalan, tetapi pengetahuan tentang tingkah laku mereka terhadap objek tersebut, yang dikaitkan dengan tindakan tubuh badan (penggunaan), idea penghasilan dan nilai guna akan luput. Keberkesanan dalam proses pendokumentasian oleh pakar pemuziuman diteliti melalui diagram, diorama dan kaedah lain dapat memberi maklumat kepada khalayak apa yang dimaksudkan dengan sesuatu artifak bagi memahami tingkah laku oleh anggota budaya berkenaan. Sebagai contohnya, perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*) yang digunakan adalah merujuk kepada pemanas yang menggunakan briket (arang batu) sebagai bahan bakar. Pemanas ini digunakan untuk memanaskan sesuatu ruang pada musim dingin di Korea. Berdasarkan faktor perbezaan iklim, 연탄난로 (*yeontannanlo*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Sebagai contoh, pakaian orang Korea telah banyak berubah melalui peredaran zaman. Kini, pakaian yang dikenali sebagai pakaian tradisional orang Korea dikenali sebagai Hanbok. Pakaian tradisional ini juga dijadikan sebagai pakaian formal istana, pakaian rasmi dan pakaian untuk adat tradisi masyarakat Korea seperti majlis perkahwinan, hari jadi dan pengkebumian, selain daripada pakaian biasa atau pakaian harian. Sebagai contohnya, perkataan 보선 (*poson*) dalam teks sumber ini adalah *stokin Korea*. Stokin ini merupakan stokin yang dikhususkan kepada kaum wanita sahaja. Stokin ini pendek, berwarna putih, dan dibuat dengan menggunakan kain. Wanita Korea akan menggunakan stoking ini semasa di dalam rumah atau apabila memakai kasut untuk melindungi kaki mereka daripada kesejukan. Selain itu, pelbagai topi, kasut dan aksesori juga dipakai mengikut status sosial dan majlis. Klasifikasi unsur budaya material untuk kategori artifak adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 4.5 berikut :

Jadual 4.5 : Unsur Budaya Material bagi Kategori Artifak

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM1	도레소반 <i>dolesoban</i> beberapa jenis makanan yang diletak dalam <u>dulang kecil</u> .
UBM2	보선 <i>poson</i>	...melupakan tentang <u>poson</u> yang berlapik dan sebaliknya dengan wang.. *pembuat kaki beralas kapas berwarna putih yang dipakai dengan baju korea dan kasut getah
UBM3	금비녀 비취비녀 <i>geumbinyeo bichwi binyeo</i>	Terdapat <u>pin rambut</u> yang dibuat daripada emas dan batu jed siap dengan rumbai-rumbai....
UBM4	장롱 <i>janglong</i>	...dalam penjuru <u>sebuah peti</u> , atau barang antik ..
UBM5	수저 <i>sujeo ina geoleosda.</i>	<u>Sudu</u> digerakkan perlahan-lahan, walaupun meja itu penuh dengan berbagai jenis hidangan.
UBM6	연탄난로 <i>yeontannanlo</i>	...belah tangannya ke atas <u>dapur arang batu</u> lalu menggosok-gosokkan...

Umumnya, muzik tradisional Korea yang dipanggil Gukak merujuk kepada semua muzik asli orang Korea yang mencakupi pelbagai bentuk latar belakang. Gukak berkongsi latar belakang kebudayaan yang sama seperti muzik orang Cina dan orang Jepun, namun satu perbezaan yang jelas ialah muzik orang Korea adalah berdasarkan kepada takat ganda tiga (tiga rentak pada satu bar), manakala muzik orang Cina dan Jepun adalah berdasarkan pada takat ganda dua. Sebagai contohnya, perkataan 가야금 (*gayageum*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *alat muzik iaitu ziter Korea*. Alat

muzik ini merupakan sejenis alat muzik gesek tradisional Korea, bertali 12, dan telah dicipta oleh seorang raja dari kerajaan Gaya. Muzik tradisional orang Korea boleh dibahagikan kepada dua kategori, iaitu Jeongak dan Minsokak. Jeongak ialah muzik untuk istana, keluarga diraja dan golongan bangsawan, manakala Minsokak ialah muzik tradisional rakyat atau muzik untuk rakyat biasa. Klasifikasi unsur budaya material untuk kategori alat muzik adalah seperti yang tertera dalam Jadual 4.6 berikut :

Jadual 4.6 : Unsur Budaya Material bagi Kategori Alat Muzik

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM7	가야금 <i>gayageum</i>	...untuk belajar bermain alat muzik iaitu ziter Korea , untuk mengisi..
UBM8	거문고 <i>geomungo</i>	Aku akan berbual-bual dengan saudaraku dan melupakan sitar dan bukuku.
UBM9	팽과리 <i>kkwaenggwali</i>	..dengan tiba-tiba kedengaran bunyi kenering kkwaenggwali yang bising datang dari arah...

Pada zaman pra-sejarah, orang Korea di sebelah utara tinggal di lubang tanah yang digali dengan kedalaman dan bentuk tertentu sebagai tempat tinggal, serta berbumbungkan jerami, manakala di sebelah selatan, mereka tinggal di rumah yang didirikan di atas kaki bajang. Selain itu, catatan sejarah ada menyatakan kewujudan rumah balak juga. Kemudian, jauh ke tengah kawasan pergunungan Korea, petani peneroka tinggal di rumah berbumbung sirap (keping-keping papan), manakala, di bahagian lain-lain di negara ini, rakyat biasanya tinggal di rumah berbumbung jerami atau rumah berbumbung genting, bergantung kepada keadaan ekonomi mereka. Sebagai contohnya, perkataan 구들 (*gudeula*) ini adalah merujuk kepada sistem penghangat

atau pemanas tradisional yang terdapat di Korea. Sistem ini dibina berdasarkan kepada kepingan batu-batu yang dikumpulkan yang disebut 구들장 (*gudeuljang*). Rumah tradisional berbumbung genting yang dikenali sebagai Hanok masih wujud sehingga kini walau pun pangsapuri moden tinggi bertingkat giat dibina di sekelilingnya. Tapak perumahan biasanya dipilih berlatar belakang bukit dan berhampiran dengan air. Hal ini demikian kerana menghalang angin sejuk dari utara dan memudahkan penghuninya mengusahakan tanah. Hal ini menjelaskan bahawa jenis perumahan di Korea ditentukan oleh keadaan sosial dan kebudayaan serta faktor alam semula jadi. Faktor sosial, ekonomi dan budaya juga memberi pengaruh kepada rumah-rumah ini untuk berkembang dari tempat perlindungan biasa yang hanya mempunyai keperluan asas seperti tempat tidur dan memasak kepada fungsi yang rumit seperti ruang utama dan ruang tambahan pelbagai guna. Sebagai contohnya, perkataan 대청마루 (*daecheongmalu*) ialah ruang terbuka atau boleh disebut sebagai teres atau koridor yang beratap dan berfungsi menghubungkan ruang utama dengan bangunan depan yang menghadap ke halaman. Biasanya, 대청마루 (*daecheongmalu*) ini digunakan sebagai tempat untuk ahli keluarga untuk berkumpul dan beramah mesra. Korea juga mempunyai bahagian yang dibezakan untuk memelihara lembu dan menyimpan gandum. Orang Korea menggunakan ruang di bahagian dalam dan luar rumah secara efisien untuk memenuhi tuntutan sara diri mereka. Klasifikasi unsur budaya material untuk kategori kediaman adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.7 berikut :

Jadual 4.7 : Unsur Budaya Material bagi Kategori Kediaman

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM10	아랫목 <i>alaesmog</i>	Kalaulah aku dapat memanaskan kakiku di <u>lantai yang panas</u>

UBM11	구들장 <i>gudeuljang</i>	Sungguh pun <u>kepingan batu lantai bilik</u> dalam rumah tersebut.....di tengah-tengah bilik dan di bilik sebelah.
UBM12	대청마루 <i>daecheongmalu</i>	...terus berlari masuk ke <u>ruang tamu rumahnya</u> , memanggil isteri dan anaknya.
UBM13	술집 <i>suljib</i>	..kerja bersama Pok-I di <u>kedai arak</u> .

Konteks budaya makanan Korea pula, juga dibentuk oleh persekitaran semula jadinya. Memandangkan negara ini dikelilingi oleh air di tiga sisinya, Korea mempunyai banyak sumber makanan dari laut. Di samping itu, semenanjung Korea mempunyai taburan hujan tahunan yang tinggi membolehkan pertanian berkembang maju. Jumlah hujan yang banyak menjadikan keadaan tanahnya sesuai untuk menanam pelbagai jenis sayur-sayuran dan buah-buahan. Sungai-sungai utamanya berperanan untuk wujud sebagai dataran yang optimum untuk penanaman padi. Sebagai contohnya, perkataan *해장국 (haejanggug)* ini merupakan kata majmuk, iaitu *해장 (haejang)* yang digunakan untuk menghilangkan rasa sakit perut pada waktu bangun pagi. Situasi ini adalah bertepatan dengan budaya Korea kerana amalan minum minuman keras pada malam hari adalah serasi dengan masyarakatnya. Oleh itu, untuk menghilangkan rasa sakit itu, mereka minum sup herba ini. Di kawasan yang sejuk di mana cuaca tersebut tidak sesuai untuk penanaman padi, terutamanya di bahagian utara Semenanjung Korea, kacang telah dijadikan sebagai tanaman utama. Kesannya, kacang seringkali digunakan sebagai bahan utama dalam masakan orang Korea. Kacang juga digunakan untuk membuat sos soya, pes kacang soya dan pes lada merah. Jadual 4.8 berikut menyatakan

hasil terjemahan teks di bawah klasifikasi unsur budaya material untuk kategori makanan.

Jadual 4.8 : Unsur Budaya Material bagi Kategori Makanan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM14	국밥 <i>gugbab</i>	“Minta dua mangkuk <u>sup nasi</u> ”
UBM15	해장국 <i>haejanggug</i>	Bolehkah saya memesan <u>sup panas</u> ?

4.5 Kepercayaan dalam Penterjemahan

Dari konteks kepercayaan, Shamanisme ialah suatu kepercayaan terhadap setiap objek di dunia semula jadi yang dikatakan mempunyai semangat. Sebagai agama asli tertua Korea, kepercayaan Shamanisme ini telah wujud sekitar 1,000 tahun sebelum Masehi telah dan menjadi satu agama. Pada masa yang sama fahaman ini merupakan ideologi pemerintah masyarakat purba sehingga ke zaman Tiga Kerajaan, iaitu Shilla, Gogureo dan Bakjea. Pengenalan agama Buddha kepada masyarakat Korea tidak menjadi ancaman yang besar kepada Shamanisme memandangkan agama Buddha mengguna pakai banyak unsur shamanisme, terutamanya dalam hal memuja dewa gunung Sansin dan semangat tujuh bintang atau Chilseongsin. Namun, peranan Shamanisme dalam politik semakin berkurangan di zaman Dinasti Goryeo (918-1392), yang mengguna pakai agama Buddha sebagai agama rasmi. Di bawah pemerintahan Konfusian di zaman Dinasti Joseon (1392-1910), Shamanisme terus memberikan pengaruh penting terhadap masyarakatnya, tetapi mereka ditindas secara aktif dan para dukunnya diturun taraf kepada kelas warganegara yang lebih rendah. Di sepanjang

sejarah Shamanisme, kepercayaan ini telah mempengaruhi agama Buddha, Taoisme, Konfusianisme sambil menggabungkan pelbagai unsur dalam ketiga-tiga kepercayaan tersebut. Oleh itu, Shamanisme mempunyai kesan yang signifikan terhadap budaya dan cara berfikir orang Korea. Sebagai contohnya, perkataan 부적 (*bujeog*) merupakan aksesori yang di pakai oleh seseorang, tertera tulisan, rajah ataupun gambar yang dibawa ke mana-mana atau ditampal didinding sebagai azimat dan pelindung. Tangkal ini biasanya dibuat oleh bomoh atau dukun. Kepercayaan Shamanisme ini telah semakin dipinggirkan oleh masyarakat kontemporari kerana penerimaan mereka terhadapnya semakin berkurangan. Kebanyakan orang Korea hari ini tidak lagi menerima ajaran ini sebagai satu agama, tetapi lebih kepada sebagai sebahagian warisan budaya mereka yang bersifat etos. Jadual 4.9 berikut menunjukkan hasil klasifikasi unsur budaya kepercayaan untuk kategori kepercayaan karut.

Jadual 4.9 : Unsur Budaya Kepercayaan bagi Kategori Kepercayaan Karut

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK5	집가심 <i>jibgasim</i>	...untuk menyelamatkan <u>upacara kut yang khusus diadakan untuk menyelamatkan perjalanan si mati ke dunia lain.</u>
UBK6	키를 쓰고 동네를 한바퀴 돈 경 험이 <i>kileul sseugo dongneleul han bakwi don gyeongheom</i>	Setelah <u>mengalami penghinaan yang perit mengelilingi desa sambil menutupi kepala dengan penampi padi sebagai hukuman membasahi tempat tidur.</u>
UBK7	부적 <i>bujeog</i>	...telah pergi menemui tukang tilik yang buta untuk mendapatkan <u>tangkal pelindung</u> sungguh pun mayat Chom-nye...
UBK8	머리 위로 연방 소금을 뿌리면서 <i>meoliwilo yeonbang sogeumul ppulimyeonseo</i>	... <u>menaburkan garam berkali-kali di atas kepala</u> ayah sambil menangis teresak-esak,...

UBK9	아홉수가 원래 사납다고 <i>ahobsuga wonlae sanabdago</i>	“orang selalu berkata <u>nombor Sembilan tidak membawa tuah...</u> ”
UBK10	길한날 <i>gilhannal</i>	...memintanya menetapkan <u>satu tarikh yang lain</u> bagi perkahwinan chom-nye itu.
UBK11	무당 <i>mudang</i>	Muka si <u>mudang</u> jelas kelihatan walaupun lampu minyak berkedip-kedip.
UBK12	무당 <i>mudang</i>	..memanggil <u>ahli sihir perempuan</u> ke rumah mereka dan sedang mereka sibuk menguruskan upacara Shaman.
UBK13	이승에 한 <i>iseunge han</i>	.. yang mempunyai <u>rasa kurang senang terhadap dunia ini.</u>
UBK14	황천 <i>hwangcheon</i>	..pernah memelukku. Aku pergi. Aku hendak ke <u>nirwana.</u>
UBK15	굿 <i>gus</i>	<u>Kut...</u> <i>*upacara menyerapah yang dilakukan oleh seorang bomoh</i>

Unsur kepercayaan dapat dilihat dalam peribahasa masyarakat Korea. Peribahasa ialah sesuatu yang berhemat. Secara umumnya pernyataan ini menjelaskan bahawa manusia berkebolehan untuk memahami peribahasa di luar konteks kehidupan, misalnya, seseorang mampu memahami kandungan sesuatu budaya hanya dengan membaca sesenarai ungkapan peribahasa (Gibbs, 1994, p.309-314). Menariknya, peribahasa orang Korea mempersembahkan intipati yang berkaitan dengan kemanusiaan, manusia dan keadaan sosial dalam sesebuah kumpulan etnik. Struktur ungkapan peribahasa yang dihasilkan dalam sesuatu ayat secara versi pendek akan berkaitan

dengan perkataan, frasa dan klausa. Apa yang menariknya, struktur-struktur pendek ini digunakan secara efektif dalam kehidupan harian masyarakat Korea untuk menganalogikan sesuatu peristiwa itu. Sebagai contohnya, frasa 언지든지 팔은 안으로만 휘는 뱀이니까 (*eonjideunji paleun aneuloman hwineun bebinikke*) merupakan peribahasa masyarakat Korea yang membawa maksud sesuatu situasi apabila seseorang menyebelahi dan menyokong pihak yang rapat dengannya seperti keluarga atau kawan baik. Perlakuan ini dilakukan dalam semua perkara, tidak kira sama ada seseorang itu melakukan kebaikan atau keburukan. Secara umumnya, peribahasa Korea yang terhasil daripada pengalaman harian masyarakatnya mempunyai banyak perkataan yang konkrit dan sensitif, serta kaya dengan makna intrinsik. Ungkapan peribahasa orang Korea yang konkrit boleh dikatakan mempunyai persamaan kualiti dengan peribahasa negara-negara lain. Jadual 4.10 menunjukkan klasifikasi unsur budaya kepercayaan bagi kategori peribahasa.

Jadual 4.10 : Unsur Budaya Kepercayaan bagi Kategori Peribahasa

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK1	개천에서 용마가 난다는데 <i>gaecheoneseo yongmaga nandaneunde</i>	‘... <u>sebutir permata yang terjatuh ke lembah akan tetap memancarkan cahayanya</u> ,...
UBK2	인명은 제천 이랬다고 <i>inmyeongeun jechonilaessdago</i>	Hidup dan mati pemberian Yang Berkuasa dan Dia sahaja.
UBK3	언지든지 팔은 안으로만 휘는 뱀이니까 <i>eonjideunji paleun aneuloman hwineun bebinikke</i>	Aku tahu. <u>Tangan selalunya membengkok ke dalam.</u>
UBK4	하늘이 무너져도 솟아날 구멍이 있다니깐 <i>haneuli muneojujeodo sosanal gumeongi issdanikkan</i>	<u>Kalau langit runtuh sekalipun, mesti ada jalan keluar.</u>

4.6 Kawalan Sosial

Pada tahun 1948, dua kerajaan telah terbentuk di Korea. Bahagian selatannya telah terbentuk kerajaan baharu yang berlandaskan faham kapitalis, sedangkan di bahagian utara Korea terbentuk kerajaan yang berlandaskan fahaman komunis. Kerajaan berfahaman komunis tersebut dinamakan sebagai Republik Rakyat Korea Demokratik oleh rejim Kim Il Seong. Terbentuknya dua kerajaan yang berbeza ideologi dan berada di bawah pengaruh dua negara adi kuasa ini memupuskan harapan rakyat Korea untuk mewujudkan suatu bangsa yang bersatu. Sebagai contohnya, perkataan 사변 (*sabyeon*) merujuk kepada keadaan sebuah negara yang menyerang kepada negara lain, tanpa deklarasi (proklamasi) perang. Situasi ini dapat dikaitkan dengan keadaan politik yang meruncing pada 25 Jun, 1950. Semasa situasi ini berlaku, Korea Utara telah menyerang Korea Selatan tanpa deklarasi (proklamasi) perang. Setelah kerajaan di kedua-dua negara terbentuk, Uni Soviet menarik keluar pasukannya dari Korea dan disusuli oleh Amerika syarikat pada tahun 1949. Pada tarikh 25 Jun 1950, Korea Utara melanggar kesepakatan untuk saling menahan dari pada garis 38° dan menyerang Korea Selatan.

Klasifikasi unsur budaya kawalan sosial kategori ideologi adalah seperti Jadual 4.11 berikut :

Jadual 4.11 : Unsur Budaya Kawalan Sosial bagi Kategori Ideologi

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS1	해방 <i>haebang</i>	..selepas berlakunya <u>pembebasan bandar Seoul.</u>
UBKS2	내선일체 <i>Naeseonilche</i>	...bergantung kepada <u>penyatuan negara Jepun dengan negara Korea.</u>

UBKS3	사변 <i>sabyeon</i>	Tahun berikutnya, <u>peperangan</u> pun meletus.
UBKS4	빼라 <i>Ppila</i>	...mereka diumpun dengan janji pengampunan yang terdapat dalam <u>risalah sebaran tangan.</u>
UBKS5	3.1 독립운동 <i>3•1 doglibundong</i>	Selepas tercetusnya <u>kebangkitan semangat seluruh rakyat Korea untuk menuntut kemerdekaan daripada Jepun, pada 1 Mac 1919</u> , ramai penuntut Suh...
UBKS6	빨치산 <i>ppalchisan</i>	...walaupun barisan perang telah berundur ke utara dan para <u>penyokong komunis</u> masih mencerobohi dari semasa ke semasa dan membakar stesen polis di kota.
UBKS7	빨갱이집 <i>ppulgaengijib</i>	..dalam <u>rumah komunis,</u>

Seterusnya, aspek undang-undang telah dititikberatkan dengan tujuan untuk menjaga ketertiban sosial dan menjadi peraturan dalam masyarakat Korea, sehinggakan fungsi undang-undang ini lebih ditekankan sebagai instrumen merencana kehidupan sosial (kawalan sosial). Lawrence (1975) menyatakan bahawa struktur undang-undang ialah perkara yang meliputi badan perundangan dan institusi seperti polis, pendakwa raya, kehakiman dan lembaga masyarakat serta budaya undang-undang masyarakat yang menegakkan pelaksanaannya seperti nilai-nilai, idea, persepsi, pendapat, sikap, keyakinan dan perilaku (p.13). Ini termasuklah harapan masyarakat terhadap undang-undang tersebut bagi menjamin keselamatan mereka. Sebagai contohnya, frasa 통금 사이렌 merupakan kejadian yang berlaku antara tahun 1945 hingga 1982. Ketika itu, penduduk Korea tidak boleh keluar dari rumah selama 4 jam, iaitu bermula pada pukul 12 tengah malam hingga 4 pagi. Pengkaji mendapati bahawa budaya ini tidak wujud

lagi kini. Klasifikasi unsur budaya kawalan sosial bagi kategori undang-undang pula adalah seperti dinyatakan dalam Jadual 4.12 seperti berikut :

Jadual 4.12 : Unsur Budaya Kawalan Sosial bagi Kategori Undang-Undang

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS8	삼팔선 <i>sampalseon</i>	...yang dibawanya bersama sebuah beg berwarna hitam semasa dia menyeberangi <u>garisan lintang 380°</u> .
UBKS9	통금사이렌 <i>tonggeum sailen</i>	<u>Siren menandakan perintah berkurung</u> berbunyi tepat sedang aku menarik selimut.
UBKS10	천여리 <i>cheonyeo ri</i>	...berjalan lebih dari <i>seribu ri</i> dari Seoul ke Mujin * <i>sama jauh dengan satu pertiga batu</i>
UBKS11	음력 <i>eumlyeog</i>	Hari yang ditetapkan adalah hari yang kedua puluh lapan pada bulan empat mengikut <u>takwim kamariah</u> .

Sementara itu, Konfusianisme memberi penekanan kepada nilai-nilai ketaatan kepada ibu bapa, menghormati nenek moyang dan kesetiaan. Semasa usaha untuk memupuk minda seseorang, Konfusianisme juga menekankan usaha-usaha untuk mengatasi perasaan tamak dengan membangunkan sifat-sifat baik seperti kemanusiaan, kesopanan dan kebijaksanaan. Pada abad ke 12, para sarjana Korea telah mensistemkan falsafah Konfusianisme dan menubuhkan Neo-Konfusianisme. Sebagai contohnya, perkataan 꾸벅하면서 (*kkubeoghamyeonseo*) ialah perbuatan menundukkan kepala. Amalan menundukkan kepala itu merupakan budaya yang dilakukan apabila orang muda berjumpa dengan orang yang tua. Selain daripada itu, sekiranya berjumpa antara satu sama lain, mereka akan juga akan menundukkan kepala sebagai tanda hormat.

Mereka akan menundukkan kepala sebagai tanda hormat kepada orang yang lebih tua. Klasifikasi unsur budaya kawalan sosial untuk kategori etika dan moral karut tersebut dinyatakan dalam Jadual 4.13 berikut :

Jadual 4.13 : Unsur Budaya Kawalan Sosial bagi Kategori Etika dan Moral

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS12	제사 <i>jesa</i>	..sebelum <u>upacara berkabung</u> yang kedua
UBKS13	위패 (位牌) <i>wipae</i>	...perarakan itu dengan dua <u>tanda peringatan</u> dipegang....
UBKS14	상주 <i>sangju</i>	Semasa upacara pengebumian ada dua keranda, tetapi hanya <u>seorang sahaja yang berkabung</u> ,Tog-i.
UBKS15	꾸벅하면서 <i>kkubeoghamyeonseo</i>	Chung bangun berdiri lalu <u>tunduk menghormati orang tua itu.</u>

4.7 Organisasi Sosial

Umur merupakan sesuatu yang sangat penting bagi menentukan banyak hal dalam kehidupan orang Korea yang merangkumi penggunaan istilah keluarga, persahabatan, percakapan, tatabahasa dan sebagainya. Oleh itu, pertanyaan tentang umur atau tahun kelahiran di Korea adalah sesuatu yang umum dan biasa diutarakan. Sebagai contohnya, perkataan 돌 (*dol*) ini dalam BK merujuk kepada hari ulang tahun yang pertama. Dalam budaya Korea, orang Korea akan menyambut ulang tahun kelahiran anak mereka ketika berumur setahun. Ketika ini, ibu dan bapa kanak-kanak ini akan mengadakan sambutan hari lahir. Tujuan sambutan hari lahir ini dilakukan adalah untuk

mengucapkan tahniah kepada pasangan atas keselamatan anak mereka. Klasifikasi unsur budaya organisasi sosial untuk kategori umur adalah seperti dalam Jadual 4.14 berikut :

Jadual 4.14 : Unsur Budaya Organisasi Sosial bagi Kategori Umur

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS1	돌 <i>dol</i>	Anak mereka yang masih bayi dan baru <u>berumur setahun</u> itu adalah....
UBOS2	반말 <i>banmal</i>	Janganlah menggunakan <u>bahasa yang kesat.</u>
UBOS3	지천명 <i>jicheonmyeong</i>	Apabila <u>usianya menjangkau lima puluh</u> tahun dia berhenti...
UBOS4	나는정가요 <i>naneun jeong-gayo</i>	<u>“Saya Chung”</u>
UBOS5	후배 <i>hubae</i>	...yang <u>beberapa tahun lebih rendah dariku.</u>

Sistem perkahwinan Korea membentuk kehidupan sosial yang baharu, iaitu hubungan antara individu dengan individu lain, hubungan antara keluarga dengan keluarga lain dan hubungan saudara keluarga antara ahli dengan ahli yang lain. Budaya perkahwinan Korea juga menghormati konsep kesetiaan. Hal demikian berlaku kerana garis budaya keluarga di Korea adalah berlandaskan sistem patrilineal (nasab bapa). Biasanya, orang lelaki memegang peranan penting dalam menjaga keluarga dan diwajibkan untuk memperoleh pendapatan tetap. Sebagai contohnya, perkataan 인사돈 (*ansadon*) merujuk kepada ibu kepada menantu. Terdapat perbezaan antara panggilan

yang digunakan untuk membezakan antara besan perempuan dan besan lelaki dalam budaya Korea. Klasifikasi unsur budaya organisasi sosial untuk kategori perkawinan adalah seperti dalam Jadual 4.15 yang berikut:

Jadual 4.15 : Unsur Budaya Organisasi Sosial bagi Kategori Perkahwinan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS6	하이칼라 신식 결혼 <i>haikalla sinsig gyeolhon</i>	<u>Upacara itu dilangsungkan di tempat lapang di desa itu mengikut adat istiadat Barat.</u>
UBOS7	서방님 <i>seobangnim</i>	Aduhai mak, ayah, datuk, nenek, <u>Pok-I</u> , adik-adik aku akan pergi.
UBOS8	사위 <i>sawi</i>	..yang anak perempuan dan bakal <u>menantunya</u> .
UBOS9	안사돈 <i>Ansadon</i>	Sejak pertengkaran dengan <u>besannya nenek daripada sebelah ibu</u> jarang-jarang sekali membuka mulut .

Hubungan persaudaraan ditentukan secara sah mengikut sistem keluarga Konfusian. Walau bagaimanapun, definisi persaudaraan berubah dari masa ke masa sejajar dengan perubahan dalam struktur sosial dan ekonomi. Struktur keluarga orang Korea mempunyai sistem yang dipanggil Chonsu (tahap pertalian darah) yang menunjukkan dekat atau jauhnya sesuatu persaudaraan itu. Sebagai contoh, abang berada pada tahap yang kedua dalam pertalian darah atau 2 Chon, bapa saudara berada pada tahap ketiga atau 3 Chon, manakala sepupu adalah pada tahap keempat atau 4 Chon. Sebagai contohnya, perkataan 외할머니 (*oehalmeoni*) merujuk kepada *nenek sebelah ibu*. Dalam budaya Korea, terdapat perbezaan antara panggilan yang digunakan untuk membezakan antara ibu sebelah ayah dan ibu sebelah ibu. Pada masa kini, skop

hubungan persaudaraan meliputi saudara-mara sedarah yang lebih dekat daripada tahap kelapan pertalian darah, misalnya ipar-duai dan pasangan yang berada pada tahap kurang dari tahap keempat. Saudara-mara sedarah termasuklah ibu bapa, adik-beradik, sepupu dan bapa saudara, serta anak saudara lelaki atau anak saudara perempuan. Ipar-duai pula termasuklah pasangan saudara-mara sedarah, saudara-mara sedarah pasangan dan pasangan kepada pasangan saudara-mara sedarah. Klasifikasi unsur budaya organisasi sosial untuk kategori keluarga ditunjukkan dalam Jadual 4.16 seperti berikut :

Jadual 4.16 : Unsur Budaya Organisasi Sosial bagi Kategori Keluarga

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS10	외할머니 <i>oehalmeoni</i>	Berkumpul di bilik tamu yang didiami oleh <u>nenekku</u>
UBOS11	외손자 <i>oesonja</i>	.. <u>cucu</u> yang berkulit putih...
UBOS12	외삼촌 <i>oesamchon</i>	Antaranya <u>ayah saudara sebelah ibuku</u> yang baru sahaja terkorban dalam pertempuran di perbatasan.
UBOS13	이모집 <i>imojib</i>	...di <u>rumah emak saudaranya</u> , dia hanya menghabiskan...
UBOS14	삼촌은 외삼촌 보다 세살 위였다 <i>samchoneun oesamchonboda sesal wiyeosda</i>	<u>Pak cik daripada sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu.</u>
UBOS15	외갓집 식구들 <i>oegasjib siggudeul</i>	Di bilik dalam, semua ahli keluarga, kecuali <u>nenek dan mak cik daripada sebelah ibu</u> dan aku, berkumpul dan membincangkan sesuatu yang penting.

4.8 Gerak Isyarat dan Tabiat

Gerak isyarat dan tabiat sesebuah masyarakat turut merupakan suatu aspek penting dalam penelitian unsur-unsur budaya dalam kajian terjemahan ini. Dalam hal ini, gerak isyarat dan tabiat sesebuah masyarakat itu dianggap sensitif serta memerlukan kepekaan penterjemah untuk menyedari hal tersebut. Sebagai contohnya, frasa 혀를 짹짹 갈겼다 (*hyeoleul jjigjjig galgyeossda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *mengecapkan lidahnya tanda tidak senang*. Perbuatan ini merujuk kepada sesuatu perlakuan apabila seseorang mendecap-decap lidahnya untuk menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap seseorang. Dalam budaya Korea, jika orang Korea tidak berpuas hati kepada orang lain, mereka sering mendecap-decap lidah mereka sebagai tanda protes. Selain itu, frasa 얼굴에 찬물을 뿜어대는등 (*eolgul-e chanmul-eul ppum-eodaeneundeung*) bermaksud perbuatan meminum air dingin dan menyemburnya ke muka orang yang sedang pingsan bertujuan untuk menyedarkan orang tersebut. Dalam budaya Korea, jika seseorang jatuh pingsan, orang akan meminum air dingin, lalu menyemburkan ke mukanya untuk menyedarkannya. Perbezaan gerak isyarat dan tabiat turut boleh diperhatikan dalam fenomena-fenomena seperti adat bersalam dan sebagainya. Jadual 4.17 menunjukkan hasil klasifikasi unsur budaya bagi gerak isyarat dan tabiat.

Jadual 4.17 : Unsur Budaya bagi Kategori Gerak Isyarat dan Tabiat

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT1	온몸이 얼었어요 <i>onmomi eoleosseoyo</i>	<u>Seluruh badanku kaku</u> <u>kesejukan.</u>
UBGT2	혀를 짹짹 갈겼다 <i>hyeoleul jjigjjig galgyeossda</i>	Dia <u>mengecapkan lidahnya</u> <u>tanda tidak senang.</u>

UBGT3	죽어 넘어진 송장이 개치우 듯 꾸러져 나가는 것을 <i>jugeo neomeojin songjangi gae chiudeus kkulyeojyeo naganeun geoseul</i>	Apabila Dr. Lee In-guk melihat <u>mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu</u> , dia berasa
UBGT4	마누라를 개패듯 때려 잡던데 <i>manulaleul gae paedeus ttaelyeo jabdeonde</i>	“Mulut Sei Chon tu berbuih-buih. Dia <u>memukul isterinya seperti memukul anjing</u> .
UBGT5	손가락으로 술상을 두드리기 <i>songalageulo sulsangeul dudeuligi</i>	Kakitangan Pejabat Cukai itu mula <u>bergendang di atas meja</u> .
UBGT6	얼굴에 찬물을 뿜어대는등 <i>eolgule chanmuleul ppumeodaeneundeung</i>	seluruh keluarga berkumpul di bilik dalam untuk mengurut kaki tangannya serta <u>merenjiskan air sejuk ke mukanya</u> untuk memulihkannya.
UBGT7	흰 형겁을 머리에 질끈동이고 <i>huin heonggeopeul meolie jilkkeun dongigo</i>	<u>Pada dahi ibu terlilit sejalur kain putih</u> seperti kamu lakukan ketika bersukan di sekolah.
UBGT8	부하를 개돼지처럼 다루고 <i>buhaleul gaedwaejicheoleom dalugo</i>	...yang <u>memperlakukan askarnya seperti haiwan</u> .
UBGT9	사발로마구 들이켰다 <i>saballo magu deulikyeosda</i>	...mengelilingi unggun api <u>meminum makkolli seperti ikan</u> , menggogok minuman tersebut...
UBGT10	풀쑤어 개 좋은일만 한 것만 같은 <i>pul ssueo gae joheun ilman han geosman gateun</i>	Dia begitu terkilan, <u>lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama</u> .
UBGT11	백팔십도로 전환 <i>baegpalsib dolo jeonhwan</i>	..dengan musuhnya <u>berubah betul</u> seperti ini?
UBGT12	술을 많이 하시나요 <i>suleul manhi hasinayo</i>	Saudara <u>kaki botol ke?</u>

UBGT13	채어서야 <i>chaeoseoya</i>	“tidak mungkin, dia mungkin <u>telah dikecewakan</u> oleh seorang lelaki”
UBGT14	돌아버렸대 <i>dolabeolyeossdae</i>	“Dia terlalu sangat belajar sehingga dia <u>hilang ingatan</u> ”
UBGT15	어디 이놈 잠시 좀 만져보자 <i>eodi inom jamsi jom manjyeoboja</i>	<u>Sekarang aku nak merasa intanku.</u>

4.9 Rumusan

Analisis penterjemahan unsur budaya dalam teks sebagaimana yang ditonjolkan dalam korpus kajian ini sekali gus menggambarkan kepelbagaian *facade* dan dimensi dalam meneliti unsur budaya material dan bukan material. Mengikut konteks kefahaman budaya oleh Keesing (1958), Newmark (1988) dan Katan (2012), pengkaji berupaya memaparkan beberapa fenomena yang berlaku dalam proses terjemahan bagi unsur budaya yang membahaskan unsur ekologi, budaya material, kepercayaan, kawalan sosial, organisasi sosial, gerak isyarat dan tabiat. Bab ini sekali gus memberikan landasan yang lebih jelas bagi mengidentifikasi fenomena budaya dalam terjemahan teks. Secara jelasnya, terjemahan yang baik memerlukan usaha pemahaman yang dapat menelusuri budaya dalam bahasa sumber untuk diungkapkan secara sempurna dalam budaya sasaran.

BAB 5 : ANALISIS STRATEGI PENTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA

BAHASA KOREA - BAHASA MELAYU

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan analisis strategi penterjemahan budaya yang digunakan oleh penterjemah apabila menterjemah teks sumber kepada teks sasaran. Dalam analisis data bab ini, pengkaji telah membahagikan strategi penterjemahan kepada dua strategi, iaitu penterjemahan berunsur tempatan (*domestication*) dan penterjemahan berunsur asing (*foreignization*). Berdasarkan analisis data yang dilakukan oleh pengkaji, terdapat 10 prosedur penterjemahan budaya BK (teks sumber) ke dalam BM (teks sasaran) dalam strategi yang digunakan oleh penterjemah. Prosedur penterjemahan tersebut ialah penyejagatan mutlak, penyejagatan terbatas, pencairan, naturalisasi, pengguguran, sinonim, glos intrateks, pinjam terjemah (*calque*), pemindahan, dan glos ekstrateks. Jadual 5.1 menyenaraikan strategi-strategi penterjemahan :

Jadual 5.1 : Senarai Strategi Penterjemahan

Penterjemahan Berunsur Tempatan (<i>Domestication</i>)	Penterjemahan Berunsur Asing (<i>Foreignization</i>)
Penyejagatan Mutlak (<i>Absolute Universalization</i>)	Glos Intrateks (<i>Intratextual Gloss</i>)
Penyejagatan Terbatas (<i>Limited Universalization</i>)	Pemindahan (<i>Transference</i>)
Pencairan (<i>Attenuation</i>)	Pinjam Terjemah (<i>Calque (Through-Translation)</i>)
Naturalisasi (<i>Naturalization</i>)	Glos Ekstrateks (<i>Extratextual Gloss</i>)
Pengguguran (<i>Deletion</i>)	
Sinonim (<i>Synonymy</i>)	

5.2 Penterjemahan Berunsur Tempatan

Untuk menjelaskan strategi penterjemahan berunsur tempatan, pengkaji menggunakan prosedur sinonim, penyejagatan terbatas, penyejagatan mutlak, pengguguran, pencairan dan naturalisasi. Hasil dapatan berikutnya dibincangkan berdasarkan prosedur-prosedur tersebut.

5.2.1 Prosedur Penyejagatan Mutlak

Analisis data UBE1 dalam contoh pertama mendapati bahawa perkataan 진달래꽃 (*Jindallaekko*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *pokok renek* dalam teks sasaran. Namun, perkataan 진달래꽃 (*Jindallaekko*) dalam teks sumber pula apabila diterjemah dalam BM merujuk kepada sejenis bunga yang berbunga pada musim bunga (Suh, 2004, p.658). Di Malaysia, 진달래꽃 (*Jindallaekko*) didapati tidak boleh ditanam di atas tanah kerana iklim Malaysia tidak sesuai dan tiada musim bunga di sini. Pokok ini juga merujuk kepada kumpulan utama tumbuhan dari segi saiz dan bentuk yang mempunyai batang berkayu yang lebih kecil daripada pokok dan mempunyai pelbagai spesis. Oleh sebab iklim di Malaysia yang tidak mempunyai musim bunga, penanaman pokok renek di Malaysia lazimnya hanya untuk memberi keceriaan dan kecantikan pada landskap dan ini boleh menarik perhatian serangga seperti pematung, lebah, kupu-kupu dan burung yang membuat landskap akan kelihatan lebih hidup dan dinamik. Oleh itu, makna budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 진달래꽃 (*Jindallaekko*) dalam teks sumber didapati tidak dapat diterjemahkan dengan tepat ke dalam BM. Pengkaji mendapati bahawa kata majmuk yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *pokok renek* sepatutnya digantikan kepada perkataan *pokok Azalea*. Hal ini demikian kerana perkataan pokok renek membawa pokok yang kecil dan berbatang keras (*Kamus Dewan*, 2007, p.1314). Dapatan kajian ini mendapati terjemahan tersebut tidak selari dengan makna yang ingin disampaikan dan menyebabkan pembaca tidak dapat membayangkan apakah maksud frasa pokok

renek yang disampaikan oleh penterjemah kerana terdapat pelbagai spesies pokok renek yang wujud di negara ini. Oleh itu, pengkaji mendapati penterjemah tidak dapat menterjemah perkataan tersebut dengan menggunakan prosedur penyejagatan mutlak. Malah, pengkaji mendapati prosedur pemindahan lebih sesuai digunakan, iaitu *pokok Azalea* bagi memudahkan pembaca memahami konteks *pokok renek* yang dimaksudkan oleh penterjemah.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE1	진달래꽃 <i>Jindallaekko</i>	...serta disulami dengan <u>pokok renek</u> yang sedang berbunga warna merah jambu.

Berdasarkan contoh kedua pula, analisis data UBE7 mendapati perkataan 진도견 (*jindogyeon*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *anjing*. Dalam teks sumber, perkataan 진도견 (*jindogyeon*) membawa maksud sejenis baka anjing pemburu yang berasal dari Pulau Jindo, Korea Selatan (Suh, 2004, p.673). Baka anjing 진도견 (*jindogyeon*) ini juga terkenal dengan sifat kesetiaan yang tinggi kepada tuannya, tetapi tidak liar seperti baka anjing lain. Walau bagaimanapun, baka anjing ini didapati tidak boleh dipelihara sewenang-wenangnya di Malaysia. Oleh itu, makna budaya dan fungsi yang didukung oleh 진도견 (*jindogyeon*) dalam teks sumber tidak dapat diterjemahkan ke dalam BM dan penterjemah telah menterjemahkan kata ini hanya dengan terjemahan yang bersifat umum sahaja. Perkataan sejenis binatang yang menyalak (*Kamus Dewan*, 2007, p.63). Pemeliharaan anjing di Malaysia lazimnya hanya sebagai penjaga rumah atau sekadar haiwan peliharaan. Tidak terdapat banyak spesis anjing dan kebanyakannya juga diperolehi dari negara luar. Hal ini mungkin disebabkan majoriti penduduk di Malaysia ialah beragama Islam dan mereka tidak boleh memelihara anjing. Pengkaji mencadangkan strategi penterjemahan berunsur asing iaitu, gabungan antara prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) adalah lebih sesuai untuk

menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber. Malah, pembaca teks sasaran juga akan lebih memahami ciri-ciri fizikal dan sifat-sifat baka anjing ini jika strategi penterjemahan tersebut digunakan oleh penterjemah.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE7	진도견 <i>Jindogyeon</i>	Anjing Suh Rang yang telah selama tiga tahun...

Analisis data UBD8 mendapati bahawa perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *katak* oleh penterjemah teks sasaran. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji, perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*) merujuk kepada beberapa spesies amfibia yang khusus dan spesies katak ini mempunyai ciri-ciri fizikal yang agak berbeza daripada spesies katak biasa (Suh, 2004, p.671). Katak ini didapati mempunyai ciri fizikal yang lebih besar dan mempunyai kulit tebal serta menggerutu. Jika dilihat dalam konteks budaya dan masyarakat Korea pula, masyarakat Korea mempercayai bahawa perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*) melambangkan perkara yang baik seperti kesuburan, kekayaan, dan nasib baik. Namun, bagi masyarakat Melayu, apa-apa spesis katak adalah haram untuk dimakan apatah lagi mempercayai tuah yang dibawa oleh spesis tersebut. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini dengan sangat umum, iaitu katak sahaja. Pengkaji mendapati bahawa 두꺼비 perkataan (*dukkeobi*) ini lebih sesuai diterjemahkan dengan kata majmuk *katak puru* atau *kodok*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE8	두꺼비 <i>Dukkeobi</i>	Seekor katak telah menetap di serambi rumah kami yang kotor selama beberapa hari...

Analisis data UBE9 mendapati bahawa perkataan 멧새 (*messae*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *burung liar* dalam teks sasaran. Perkataan 멧새 (*messae*) merujuk kepada merupakan spesies burung *passerine* dari Asia Timur dan mempunyai genus *Emberiza* dalam keluarga *Emberizidae* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.2128). Burung tersebut membiak dengan banyaknya di Semenanjung Korea dan 멧새 (*messae*) ini sebenarnya tidak wujud dalam persekitaran budaya Malaysia. Hal ini dikaitkan dengan iklim di Malaysia menyekat pembiakannya. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan kata ini dengan lebih umum, iaitu *burung liar*. Perkataan ini didefinisikan sebagai spesies tidak boleh dipelihara (binatang), tidak jinak, buas, tidak dijaga (tumbuh-tumbuhan, dan terbiar) (*Kamus Dewan*, 2007: 935). Untuk memberikan gambaran yang lebih jelas, pengkaji mendapati bahawa strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) adalah lebih sesuai untuk menterjemah perkataan 멧새 (*messae*) ini. Oleh itu, jika strategi penterjemahan tersebut digunakan hasil terjemahan yang sesuai adalah *burung Meadow bunting* dan nota kaki iaitu, *sejenis burung burung Passerine Asia Timur yang mempunyai genus Emberiza dalam keluarga Emberizida*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE9	멧새 <i>Messae</i>	...di pohon-pohon kayu itu untuk memikat <u>burung liar</u> .

Berdasarkan analisis data UBE10 mendapati bahawa perkataan 준마 (*ujunma*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *kuda yang cukup terlatih* dalam teks sasaran. Walau bagaimanapun, perkataan 준마 (*ujunma*) ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Cina, iaitu 駿馬 yang membawa makna 駿 (amat pantas) + 馬 (kuda). Jika frasa tersebut digabungkan, frasa ini membawa maksud *kuda yang amat pantas* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5660). Walau bagaimanapun,

pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan perkataan *준마* (*ujunma*) ini sebagai *kuda yang cukup terlatih*. Situasi ini menunjukkan bahawa masih terdapat baki makna yang didukung oleh perkataan *준마* (*ujunma*) ini yang tidak berjaya diungkapkan sepenuhnya melalui padanan frasa *kuda yang cukup terlatih*. Oleh itu, pengkaji mendapati frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *kuda yang cukup terlatih* itu sepatutnya digantikan kepada frasa *kuda yang amat pantas*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE10	준마 <i>Junma</i>	...dan dia berkejaran ke sana ke sini bagaikan <u>kuda yang cukup terlatih</u> di atas padang permainan.

Selain itu, berdasarkan analisis data UBE14, perkataan *당산* (*dangsan*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *gunung di belakang desa*. Perkataan *당산* (*dangsan*) merujuk kepada gunung atau bukit yang berhampiran kampung dan berfungsi sebagai penjaga yang suci tanah dan kampung-kampung itu. Perkataan *당산* (*dangsan*) adalah salah satu kepercayaan rakyat Korea yang paling primitif, iaitu masyarakat kuno mempunyai rasa hormat terhadap gunung dan bukit yang berhampiran dengan kampung mereka mereka (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1436). Orang Korea meyakini bahawa bentuk muka bumi atau sesuatu tempat memiliki tenaga positif dan negatif seperti yang terdapat dalam konsep *eum* dan *yang*. Tenaga ini harus diseimbangkan supaya masyarakat dapat hidup dengan harmoni. Selain itu, mereka juga mempercayai bahawa fenomena alam memberi konotasi buruk dan mengaitkannya dengan kejadian yang berlaku kepada diri sendiri atau masyarakat sekeliling mereka. Mereka juga percaya kepada adanya kuasa yang melindungi kehidupan orang-orang kampung. Situasi ini wujud sebelum kedatangan Islam ke tanah Melayu. Rata-rata orang Melayu pada waktu tersebut percaya kepada unsur-unsur alam. Kini, situasi tersebut tidak lagi wujud dalam budaya Malaysia, terutamanya masyarakat Islam kerana

mereka hanya percaya dan menerima kuasa Tuhan (Allah) sahaja. Gunung dan bukit bagi orang Melayu adalah sekadar bentuk muka bumi saja dan mereka digalakkan untuk menjaga dengan cara menyuburkannya dengan aktiviti pertanian. Oleh itu, penterjemah telah menterjemahkan perkataan 당산 (*dangsan*) sebagai *gunung di belakang desa*. Bagi menyampaikan maksud dengan lebih berkesan, pengkaji mendapati frasa *gunung dan bukit yang jalan masuk ke kampung* yang digunakan oleh penterjemah adalah sesuai.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE14	당산 <i>Dangsan</i>	Jeritan tangis seorang perempuan yang kudengar hingga ke <u>gunung di belakang desa</u> , datang dari arah rumahku.

Analisis data UBM4 mendapati perkataan 장롱 (*janglong*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *peti*. Walau bagaimanapun, 장롱 (*janglong*) merupakan sebuah peti simpanan baju, selimut, dan sebagainya (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5215). 장롱 (*janglong*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Perkataan peti dalam budaya Melayu merujuk kepada sejenis kotak yang besar dan bertutup (dibuat daripada kayu dan lain lain) (*Kamus Dewan*, 2007, p.1200). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan kata ini dengan sangat umum. Peti dalam budaya Melayu lazimnya digunakan untuk menyimpan barang-barang berharga. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa kata yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *peti* sepatutnya digantikan kepada frasa *almari simpanan baju, selimut, dan sebagainya* kerana bersifat terlalu umum.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM4	장롱 <i>Jangling</i>	...dalam penjur <u>sebuah peti</u> , atau barang antik ..

Berdasarkan analisis data UBM10, strategi penterjemahan berunsur tempatan yang digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah teks sumber adalah perkataan 아랫목 (*alaesmog*). Perkataan ini didapati telah diterjemahkan sebagai *lantai yang panas*. Pada zaman dahulu, sebelum wujudnya pemanas elektrik masyarakat Korea menggunakan kayu bakar atau arang sebagai bahan bakar untuk memanaskan rumah pada musim dingin. Sistem pemanasan Korea tersebut disebut sebagai *ondol* yang terletak berhampiran dengan dapur. Oleh itu, lantai bilik yang dekat dengan dapur didapati lebih panas daripada lantai yang terdapat pada bahagian lain (Suh, 2004, p.417). Oleh itu, 아랫목 (*alaesmog*) merupakan bahagian lantai yang dekat dengan tempat pemanas tersebut. Penterjemah telah menterjemah perkataan 아랫목 (*alaesmog*) sebagai *lantai yang panas*. Namun, penggunaan strategi penterjemahan ini dalam menyampaikan mesej adalah tidak sempurna kerana hasil terjemahan ini kurang difahami oleh masyarakat Malaysia. Sistem pemanasan di Malaysia sememangnya tidak wujud memandangkan iklimnya yang lembab sepanjang tahun. Pengkaji mendapati penggunaan prosedur glos ekstrateks (nota kaki) adalah lebih sesuai untuk menyampaikan mesej terjemahan dengan lebih berkesan. Penggunaan nota kaki akan menerangkan perkataan 아랫목 (*alaesmog*) sebagai kawasan lantai *yang paling panas berbanding lantai lain dalam sebuah bilik*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM10	아랫목 <i>Alaesmog</i>	Kalaulah aku dapat memanaskan kakiku di lantai yang panas

Analisis data UBM12 mendapati bahawa 대청마루 (*daecheongmalu*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *ruang tamu rumahnya*. Sebenarnya, perkataan 대청마루 (*daecheongmalu*) ialah ruang terbuka atau boleh disebut sebagai teres atau koridor yang beratap dan berfungsi menghubungkan ruang utama dengan bangunan depan yang

menghadap ke halaman (Suh, 2004, p.417). Biasanya, 대청마루 (*daecheongmalu*) ini digunakan sebagai tempat untuk ahli keluarga untuk berkumpul dan beramah mesra. Namun, ruang ini tidak wujud dalam budaya masyarakat Malaysia. Masyarakat Malaysia selalunya menggunakan ruang tamu atau serambi untuk berkumpul atau meraikan tetamu. Serambi ialah selasar yang panjang biasanya bersambung dengan ibu rumah (*Kamus Dewan*, p.1464). Oleh itu, penterjemah telah menterjemah kata 대청마루 (*daecheongmalu*) sebagai *ruang tamu rumahnya* untuk menyampaikan mesej yang lebih berkesan. Frasa *ruang tamu rumahnya* yang dihasilkan ialah bersifat terjemahan kurang, namun masih boleh diterima padanannya. Situasi ini menunjukkan bahawa strategi penterjemahan berunsur tempatan masih boleh digunakan untuk menyampaikan makna tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM12	대청마루 <i>Daecheongmalu</i>	...terus berlari masuk ke <u>ruang tamu rumahnya</u> , memanggil isteri dan anaknya.

Analisis data UBM15 mendapati perkataan 해장국 (*haejanggug*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *sup panas*. Namun, pengkaji mendapati bahawa 해장국 (*haejanggug*) ini merupakan kata majmuk, iaitu 해장 (*haejang*) yang digunakan untuk menghilangkan rasa sakit perut pada waktu bangun pagi. Situasi ini adalah bertepatan dengan budaya Korea kerana amalan minum minuman keras pada malam hari adalah serasi dengan masyarakatnya (Suh, 2004, p.353). Oleh itu, untuk menghilangkan rasa sakit itu, mereka minum sup herba ini. Oleh itu, makna 해장국 (*haejanggug*) ialah sup untuk menghilangkan rasa sakit perut pada waktu bangun pagi hari setelah terlalu banyak minum minuman keras. Walau bagaimanapun, 해장국 (*haejanggug*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya masyarakat Malaysia kerana

majoriti masyarakat negara ini adalah beragama Islam. Tambahan pula, menu sup dalam masyarakat Malaysia kadang kala menjadi menu utama bukan hanya ketika sakit terutamanya bagi masyarakat Cina di Malaysia. Sup menjadi pilihan utama kerana dikatakan mempunyai pelbagai khasiat, khasnya sup yang dimasak menggunakan sayuran segar dan tumbuhan herba. Oleh sebab itu, maka sup menjadi pilihan utama masyarakat Malaysia bukan hanya ketika sakit. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah perkataan 해장국 (*haejanggug*) ini sebagai *sup panas* sahaja. Pengkaji mendapati bahawa kaedah penterjemahan berasaskan prosedur glos ekstrateks (nota kaki), iaitu *sup untuk menghilangkan rasa sakit perut pada waktu bangun pagi hari setelah terlalu banyak minuman keras* adalah lebih sesuai bagi menterjemahkan maksud perkataan ini untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih kesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM15	해장국 <i>Haejanggug</i>	Bolehkah saya memesan <u>sup panas?</u>

Berdasarkan contoh dalam strategi penterjemahan berunsur tempatan, dapatan kajian mendapati bahawa 길한날 (*gilhannal*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *satu tarikh yang lain*. Namun, perkataan 길한날 (*gilhannal*) setelah diterjemahkan membawa maksud satu tarikh yang membawa tuah (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.934). Dalam budaya Korea, apabila seseorang hendak pindah ke rumah baharu, berkahwin, dan sebagainya mereka akan mendapatkan tarikh yang sesuai daripada sami. Dalam kepercayaan masyarakat Melayu yang beragama Islam, mereka lebih gemar merujuk kepada kalendar Islam untuk melakukan sesuatu aktiviti atau menetapkan tarikh untuk apa-apa majlis. Terdapat juga hari-hari suci dan mulia yang digalakkan untuk dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan sesuai untuk mengadakan majlis-majlis tertentu. Amalan berjumpa dengan sami atau

tukang tilik untuk penentuan tarikh adalah dilarang sama sekali. Namun, bagi kaum India di Malaysia amalan berjumpa sami untuk menetapkan tarikh sesuatu majlis masih diamalkan sehingga hari ini kerana kedudukan sami yang suci dalam agama mereka. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah perkataan 길한날 (*gilhannal*) sebagai *satu tarikh yang lain* dan untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, pengkaji mendapati perkataan 길한날 (*gilhannal*) ini telah diterjemahkan *tarikh yang membawa tuah*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK10	길한날 <i>gilhannal</i>memintanya menetapkan <u>satu tarikh yang lain</u> bagi perkahwinan chom-nye itu.

Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji, perkataan 돌 (*dol*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *berumur setahun* oleh penterjemah teks sasaran. Perkataan 돌 (*dol*) ini dalam BK merujuk kepada hari ulang tahun yang pertama (Suh, 2004, p.455). Dalam budaya Korea, orang Korea akan menyambut ulang tahun kelahiran anak mereka ketika berumur setahun. Ketika ini, ibu dan bapa kanak-kanak ini akan mengadakan sambutan hari lahir. Tujuan sambutan hari lahir ini dilakukan adalah untuk mengucapkan tahniah kepada pasangan atas keselamatan anak mereka. Hal ini demikian kerana semasa seseorang bayi lahir sehingga berusia setahun merupakan fasa kritikal dalam perkembangan mereka. Ada sesetengah bayi tidak panjang umur ketika fasa-fasa awal ini kerana mereka mudah terdedah kepada banyak penyakit. Oleh itu, ibu bapa akan menjemput ahli keluarga lain, rakan-rakan rapat, jiran tetangga, dan sebagainya untuk meraikan sambutan majlis ini. Walau bagaimanapun, sambutan ini tidak mempunyai kaitan dengan upacara keagamaan. Namun, perkataan 돌 (*dol*) ini didapati tidak wujud dalam budaya Malaysia. Mengikut adaat istiadat dan kepercayaan orang melayu, bayi yang dilahirkan akan diraikan selepas mencapai tempoh masa 7 hari

hari dengan mengadakan upacara atau majlis khusus untuk mereka. Pada hari ke-7 ialah hari untuk memberikan nama kepada bayi. Oleh sebab itu, mereka mengadakan majlis kecil-kecilan untuk meraikan bayi tersebut. Apabila mencapai usia setahun, majlis sambutan hari lahir kadang kala akan diadakan. Ada sesetengah mereka yang meraikan mengikut agama masing-masing. Namun, hal ini tidak menjadi satu adat dan kewajipan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan mutlak dan menterjemahkan kata ini sebagai *berumur setahun*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS1	돌 <i>Dol</i>	Anak mereka yang masih bayi dan baru <u>berumur setahun</u> itu adalah....

Berdasarkan terjemahan data UBOS3, dapatan kajian ini mendapati bahawa perkataan 지천명 (*jicheonmyeong*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *usianya menjangkau lima puluh*. Sebenarnya, perkataan 지천명 (*jicheonmyeong*) ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Cina, iaitu 知天命 (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5781). Maksud 지천명 (*jicheonmyeong*) ialah *telah tahu pemerintahan daripada syurga* dan perkataan ini adalah melambangkan seseorang yang berumur lima puluh secara kiasan. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan mutlak dan menterjemahkan kata ini sebagai *usianya menjangkau lima puluh*. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa strategi penterjemahan dan hasil terjemahan yang digunakan oleh penterjemah teks sasaran adalah selari dengan maksudnya.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS3	지천명 <i>Jicheonmyeong</i>	Apabila <u>usianya menjangkau lima puluh</u> tahun dia berhenti...

Dapatan kajian mendapati bahawa perkataan 후배 (*hubae*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *beberapa tahun lebih rendah dariku*. Sebenarnya, perkataan 후배 (*hubae*) ini membawa maksud *seseorang yang lebih muda dari sekolah yang sama (junior)* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.7074). Dalam budaya Korea, umur sangat penting dan mempunyai kaitan dengan perhubungan. Contohnya, sahabat yang rapat selalunya hanyalah terdiri daripada rakan-rakan sebaya sahaja. Mereka yang mempunyai perbezaan umur selalunya tidak boleh dijadikan sahabat dan perlu dihormati sebagai orang yang lebih tua sahaja. Berbeza dengan budaya Malaysia, sememangnya orang muda perlu menghormati orang tua, tetapi jarak dan perbezaan umur tidak menghalang mereka untuk menjadi sahabat karib. Justeru, mereka digalakkan untuk mempraktikkan konsep ‘yang tua dihormati, yang muda disayangi’. Walau bagaimanapun, dalam teks ini pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan mutlak dan menterjemahkan kata ini sebagai *beberapa tahun lebih rendah dariku*. Namun, pengkaji mendapati bahawa frasa yang lebih sesuai digunakan untuk merujuk kepada situasi ini adalah *beberapa tahun lebih muda dariku*. Terjemahan ini didapati sesuai bagi menunjukkan perbezaan umur yang dimaksudkan dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS5	후배 <i>Hubae</i>	...yang <u>beberapa tahun lebih rendah dariku</u> .

Selain itu, frasa 하이칼라 신식 결혼 (*haikalla sinsig gyeolhon*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *Upacara itu dilangsungkan di tempat lapang di desa itu mengikut adat istiadat Barat*. Berdasarkan terjemahan 하이칼라 신식 결혼 (*haikalla sinsig gyeolhon*) ini dalam BM, perkataan ini membawa maksud 하이칼라 (*haikalla*) (adat istiadat dari Barat), 신식 (*sinsig*) (moden), dan 결혼 (*gyeolhon*) (upacara

perkahwinan). Jika digabungkan kesemua perkataan ini, frasa yang terhasil adalah *upacara perkahwinan moden yang mengikut adat istiadat dari Barat* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3837). Dalam upacara perkahwinan mengikut cara Barat, biasanya pengantin akan disahkan sebagai suami isteri oleh paderi. Istiadat ini selalunya diadakan di tempat lapang dan tetamu akan duduk di kerusi yang diatur di kawasan itu. Dalam masyarakat Korea pula, upacara perkahwinan secara tradisional diadakan di halaman rumah calon pengantin wanita. Dalam upacara ini, pengantin perempuan akan memberikan penghormatan kepada pengantin lelaki dengan menuangkan minuman dengan dipisahkan meja upacara. Dalam upacara ini, pengantin perempuan akan didampingi oleh seorang atau dua orang pembantu. Setelah upacara ini selesai, kedua pasangan disahkan sebagai pasangan suami isteri. Dalam masyarakat Malaysia, perkahwinan dijalankan mengikut adat istiadat kaum dan agama masing-masing. Contohnya, dalam masyarakat Melayu pasangan disahkan sebagai suami isteri mengikut syarak dalam upacara pernikahan yang dijalankan mengikut agama Islam, yang disebut sebagai 'akad'. Kemudiannya, pasangan ini diraikan mengikut istiadat perkahwinan orang Melayu, iaitu upacara persandingan. Namun, bagi kaum-kaum lain di Malaysia, tidak ada halangan untuk mereka mempraktikkan adat perkahwinan barat. Oleh itu, berdasarkan strategi penterjemahan yang dilakukan oleh penterjemah dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penterjemahan tersebut adalah tepat kerana menggambarkan upacara perkahwinan mengikut cara Barat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS6	하이칼라 신식 결혼 <i>haikalla sinsig gyeolhon</i>	<u>Upacara itu dilangsungkan di tempat lapang di desa itu mengikut adat istiadat Barat.</u>

Berdasarkan analisis data UBOS8 telah diterjemahkan sebagai *menantunya*. Perkataan 사위 (*sawi*) membawa maksud *suami anak perempuan* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3144). Dalam budaya Korea, setiap ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah mempunyai panggilan yang berbeza untuk menunjukkan kedudukan mereka dalam keluarga. Situasi ini juga dapat dilihat dalam sistem panggilan yang didasari oleh ikatan perkahwinan. Dalam budaya masyarakat Malaysia, budaya ini tidak wujud dan panggilan yang digunakan bersifat umum dan hanya menggunakan sistem panggilan nama sahaja dan disesuaikan mengikut ahli keluarga kedua-dua belah pihak lelaki dan perempuan. Contohnya, di pihak keluarga perempuan jika isterinya anak pertama maka secara tidak langsung suaminya akan dipanggil sebagai ‘abang long’ oleh adik beradik keluarga perempuan. Situasi ini kadang kala menyebabkan kesukaran membezakan kedudukan seseorang itu dalam keluarga, tambahan pula jika sesebuah keluarga mempunyai keluarga yang besar. Oleh sebab itu, kebanyakan mereka yang mempunyai keluarga yang besar hanya menggunakan kata panggilan nama sahaja terhadap suami/isteri kepada anak mereka. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan mutlak dan menterjemahkan perkataan ini sebagai *menantunya*. Pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *menantunya* sepatutnya digantikan kepada frasa *menantu lelakinya*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS8	사위 <i>Sawi</i>	..yang anak perempuan dan bakal <u>menantunya</u> .

Analisis data dalam kajian ini mendapati berdasarkan data UBOS9 perkataan 안사돈 (*ansadon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *besannya nenek daripada sebelah ibu*. Perkataan 안사돈 (*ansadon*) merujuk kepada *ibu kepada*

menantu *The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4048). Terdapat perbezaan antara panggilan yang digunakan untuk membezakan antara besan perempuan dan besan lelaki dalam budaya Korea. Di Korea panggilan 안사돈 (*ansadon*) bermaksud besan perempuan dan 바깥사돈 (*bakkatsadon*) bermaksud besan lelaki. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak wujud dalam budaya di Malaysia. Lazimnya mereka menggunakan sistem panggilan rasmi, iaitu puan untuk besan perempuan atau encik untuk besan lelaki. Tidak ada satu ketetapan dalam sistem panggilan untuk sesama besan. Secara umumnya, sistem panggilan itu digunakan atas dasar rasa hormat dan keakraban antara kedua-dua pihak, contohnya puan, tuan, puan hajah, tuan haji dan sebagainya. Sekiranya kedua-dua pihak mempunyai hubungan yang mesra dan akrab, maka boleh saja menggunakan nama sebagai panggilan. Dalam hal ini, sistem panggilannya masih sama, sama ada dalam keluarga sendiri atau keluarga mertua bergantung kepada keaakraban dan hubungan rapat antara kedua-dua pihak. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah sepatutnya menterjemahkan kata ini sebagai *besan perempuan* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS9	안사돈 <i>Ansadon</i>	Sejak pertengkaran dengan <u>besannya nenek daripada sebelah ibu</u> jarang-jarang sekali membuka mulut .

Analisis data dalam kajian ini mendapati berdasarkan data UBOS10 perkataan 외할머니 (*oehalmeoni*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *nenekku*. Perkataan 외할머니 (*oehalmeoni*) merujuk kepada *nenek sebelah ibu* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4597). Dalam budaya Korea, terdapat perbezaan antara panggilan yang digunakan untuk membezakan antara ibu sebelah ayah dan ibu sebelah ibu. Walau bagaimanapun, situasi ini tidak wujud dalam budaya di Malaysia. Sistem

panggilannya tetap sama dan kadang-kadang dipengaruhi oleh dialek sesebuah negeri. Contohnya, di Perak panggilan kepada nenek lebih sinonim dengan ‘Opah’ atau ‘mbah’, manakala di sesetengah negeri yang lain ada juga yang menggunakan panggilan ‘tok wan’, ‘mak tok’ yang merujuk kepada nenek. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah hanya menterjemah perkataan ini sebagai *nenek* sahaja. Dalam menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan, pengkaji mendapati bahawa penterjemah sepatutnya menterjemahkan kata ini sebagai *nenek sebelah ibu*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS10	외할머니 <i>Oehalmeoni</i>	Berkumpul di bilik tamu yang didiami oleh <u>nenekku</u>

Perkataan 외손자 (*oesonja*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *cucu*, tetapi perkataan ini bermaksud *cucu lelaki daripada anak perempuan* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4588). Dalam budaya Korea, panggilan ibu sebelah ayah dan ibu sebelah ibu adalah berbeza. Situasi ini tidak wujud dalam budaya Malaysia. Sistem panggilan yang digunakan oleh cucu kepada nenek dan nenek kepada cucu adalah sama dan bersifat umum. Seorang nenek atau datuk boleh saja menggunakan nama sebagai panggilan kepada cucunya. Hal ini bergantung kepada panggilan yang diberikan oleh ibu bapa mereka kepada anak-anaknya. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah hanya menterjemah perkataan ini sebagai *cucu* sahaja. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan prosedur penyejagatan mutlak, iaitu *cucu lelaki daripada anak perempuan* adalah lebih sesuai digunakan dalam terjemahan ini untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS11	외손자 <i>Oesonja</i>	.. <u>cucu</u> yang berkulit putih...

Dapatan kajian ini mendapati bahawa perkataan 외삼촌 (*oesamchon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *ayah saudara sebelah ibuku*. Perkataan ini sebenarnya membawa maksud *pak cik sebelah ibu* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4587). Dalam budaya Korea, panggilan mengikut pertalian darah antara ibu sebelah ayah dan ibu sebelah ibu adalah berbeza. Situasi ini tidak wujud dalam budaya Malaysia. Sistem panggilan mengikut pertalian darah sebelah ibu atau ayah adalah sama. Contohnya, bapa saudara sulung sebelah ibu dan bapa digelar ‘Pak Long’, manakala bapa saudara yang kedua digelar ‘Pak Ngah’, yang ketiga pula digelar ‘Pak Uda’ dan begitulah sehingga yang akhir sekali digelar ‘Pak Su’. Sistem yang sama digunakan di sebelah ibu atau bapa. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah hanya menterjemah perkataan ini sebagai *ayah saudara sebelah ibuku*. Walau bagaimanapun, perkataan *ayah saudara sebelah ibuku* yang dihasilkan ini menyebabkan berlakunya terjemahan yang kurang sempurna. Pengkaji mendapati bahawa prosedur penyejagatan mutlak, iaitu *pak cik sebelah ibu* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS12	외삼촌 <i>Oesamchon</i>	Antaranya <u>ayah saudara sebelah ibuku</u> yang baru sahaja terkorban dalam pertempuran di perbatasan.

Seterusnya, perkataan 이모집 (*imajib*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *rumah emak saudaranya*, tetapi perkataan ini sebenarnya membawa maksud *rumah mak cik sebelah ibu* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4920). Seperti yang dibincangkan sebelumnya, dalam budaya Korea, sistem panggilan antara ibu sebelah ayah dan ibu sebelah ibu berbeza. Situasi ini tidak wujud dalam budaya Malaysia, iaitu sistem panggilannya adalah sama, sama ada di sebelah ibu atau bapa berdasarkan kedudukan adik beradik dalam keluarga tersebut. Pengkaji mendapati

bahawa penterjemah hanya menterjemah perkataan ini sebagai *rumah emak saudaranya*. Walau bagaimanapun, perkataan ini didapati telah menghasilkan terjemahan kurang. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan prosedur penyejagatan mutlak, iaitu *rumah mak cik sebelah ibu* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS13	이모집 <i>Imojib</i>di <u>rumah emak saudaranya</u> , dia hanya menghabiskan...

Dapatan hasil daripada analisis data UBOS14 mendapati bahawa frasa 삼촌은 외삼촌보다 세살위였다 (*samchoneun oesamchonboda sesal wiyeosdda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Pak cik daripada sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu*. Frasa ini sebenarnya bermaksud *Pak cik sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu*. Dalam budaya Korea, panggilan antara ibu sebelah ayah dengan ibu sebelah ibu adalah berbeza. Situasi ini tidak wujud dalam budaya Malaysia. Walaupun tahap umur yang berbeza, sistem panggilan yang sama lazimnya digunakan bagi sebelah ibu atau ayah. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *Pak cik daripada sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu* sepatunya digantikan kepada frasa *Pak cik sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS14	삼촌은 외삼촌보다 세살위였다 <i>samchoneun oesamchonboda sesal wiyeosdda</i>	<u>Pak cik daripada sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu.</u>

Hasil analisis data mendapati bahawa frasa 외갓집 식구들 (*oegasjib siggudeul*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *nenek dan mak cik daripada sebelah ibu*. Frasa 외갓집 식구들 (*oegasjib siggudeul*) ialah *keluarga sebelah ibu* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4577). Dalam budaya Korea, semua panggilan dalam keluarga adalah berbeza. Seperti yang telah dijelaskan, situasi ini tidak wujud dalam budaya Malaysia, iaitu sistem panggilan keluarga Malaysia adalah sama. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan mutlak dan menterjemahkan frasa ini sebagai *nenek dan mak cik daripada sebelah ibu*. Pengkaji mendapati bahawa frasa ini sepatutnya digantikan kepada *ahli keluarga sebelah ibu* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS15	외갓집 식구들 <i>oegasjib siggudeul</i>	... semua ahli keluarga, kecuali <u>nenek dan mak cik daripada sebelah ibu</u> dan aku, berkumpul dan membincangkan sesuatu yang penting.

Berdasarkan analisis data UBKS14 pula, dapatan kajian menunjukkan bahawa 상주 (*sangju*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *seorang sahaja yang berkabung*. Namun, perkataan 상주 (*sangju*) merupakan seseorang pemimpin yang memimpin atau mengetuai upacara perkabungan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3296). Dalam budaya Korea, perkataan 상주 (*sangju*) adalah terdiri daripada anak lelaki sulung. Namun, jika si mati hanya mempunyai anak perempuan, suami anaknya akan mengetuai upacara ini. Mereka yang menghadiri upacara kematian biasanya akan bersujud di hadapan gambar si mati dan *sangju* sebagai tanda penghormatan. Situasi ini juga dapat dikaitkan dengan kepentingan seseorang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak lelaki dalam keluarga kerana merekalah yang akan mengetuai banyak upacara. Dalam budaya Melayu dan agama Islam, tanggungjawab yang besar juga

diletakkan kepada anak lelaki untuk memimpin keluarga. Mereka akan mengambil tugas sebagai bapa selepas kematian ayah. Dalam aspek pengebumian pula, tanggungjawab akan dipikul oleh semua anak sama ada untuk memandikan jenazah dan mengiringi jenazah sehingga ke perkuburan. Selepas jenazah selesai dimandikan, maka ahli keluarga, saudara-mara, dan kenalan akan mengkafankan jenazah berkenaan sebelum di bawa ke perkuburan untuk majlis pengebumian. Imam juga akan memainkan peranannya untuk memastikan kelancaran pengebumian tersebut, terutamanya untuk solat jenazah. Justeru, bukan sahaja anak lelaki yang memainkan peranan penting dalam majlis pengebumian, malah juga anak perempuan, saudara-mara dan imam. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran menterjemahkan perkataan 상주 (*sangju*) ini sebagai *seorang sahaja yang berkabung*, tetapi hasil terjemakan ini didapati kurang tepat. Pengkaji mendapati perkataan 상주 (*sangju*) ini perlu diterjemahkan kepada *pemimpin yang memimpin upacara perkabungan* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS14	상주 <i>Sangju</i>	Semasa upacara pengebumian ada dua keranda, tetapi hanya <u>seorang sahaja yang berkabung</u> , Tog-i.

Data UBGT8 menunjukkan bahawa frasa 부하를 개돼지처럼 다루고 (*buhaleul gaedwaejicheoleom dalugo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *memperlakukan askarnya seperti haiwan*. Maksud 부하를 개돼지처럼 다루고 (*buhaleul gaedwaejicheoleom dalugo*) ini ialah “memperlakukan askarnya seperti anjing dan babi”. Dalam budaya Korea jika seseorang memperlakukan orang lain secara kasar dan tidak berperikemanusiaan, mereka dikatakan seperti memperlakukan seseorang seperti anjing dan khinzir (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.189).

Dalam budaya Melayu, situasi yang sama juga wujud. Orang yang zalim dan tidak berperikemanusiaan akan disamakan dengan haiwan. Oleh itu, hasil terjemahan yang terdapat dalam teks sasaran adalah bersifat sangat umum, tetapi masih boleh diterima pakai. Namun, pengkaji mendapati bahawa frasa yang sesuai digunakan untuk memberikan hasil terjemahan yang baik adalah *memperlakukan askarnya tanpa perikemanusiaan* adalah lebih sesuai dengan teks ini.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT8	부하를 개돼지처럼 다루고 <i>buhaleul gaedwaejicheoleom dalugo</i>	...yang <u>memperlakukan askarnya seperti haiwan.</u>

Selain itu, strategi penterjemahan berunsur tempatan juga dapat dilihat dalam penterjemahan frasa 백팔십 도로 전환 (*baegpalsib dolo jeonhwan*) dalam teks sumber yang telah diterjemahkan sebagai *berubah betul* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.2603). Dalam BK, situasi ini bermaksud berubah 180 darjah. Dalam budaya Korea pula, perubahan ini dengan melambangkan seseorang atau sesuatu yang berubah dengan sebenar-benarnya, tetapi keadaan ini tidak wujud di Malaysia. Oleh itu, penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan mutlak semasa menterjemahkan frasa ini.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT11	백팔십 도로 전환 <i>baegpalsib dolo jeonhwan</i>	..dengan musuhnya <u>berubah betul</u> seperti ini?

Berdasarkan data UBGT13, perkataan 채어서야 (*chaeoseoya*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *telah dikecewakan*. Perkataan ini di dalam BK bermaksud *menyepak seseorang*. Dalam budaya Korea, jika sebelah pihak tidak menyukai antara satu sama lain, mereka akan menggunakan bahasa kesat ini, iaitu *sepak dia* (*The Korean*

Standard Dictionary, 1999, p.5920). Situasi ini bermaksud apabila seseorang tidak menyukai orang lain yang dianggap lawannya, mereka akan menyingkirkan orang tersebut dalam kehidupan. Hal ini kadang kala juga wujud dalam budaya Malaysia, iaitu seseorang yang tidak disukai akan disingkirkan secara halus atau kasar. Namun, orang yang diperlakukan sebegitu masih diberi peluang untuk membela diri mengikut undang-undang yang ditetapkan sekiranya masalah itu masih berlarutan dan memberi kemudahan kepada diri orang tersebut. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan mutlak dan menterjemahkan kata ini untuk menyampaikan mesej dengan lebih jelas. Namun, pengkaji mendapati perkataan terjemahan yang sesuai digunakan adalah *singkirkan dia*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT13	채어서야 <i>Chaeoseoya</i>	“tidak mungkin, dia mungkin telah dikecewakan oleh seorang lelaki”

Berdasarkan data UBGT14, perkataan 돌아버렸대 (*dolabeolyeossdae*) diterjemahkan menjadi frasa “hilang ingatan” dalam teks sasaran oleh penterjemah. Sebenarnya, makna 돌아버렸대 (*dolabeolyeossdae*) ialah “memusingkan” dalam BK (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1614). Di Korea, orang gila disebut kepalanya berpusing, manakala dalam BM, terdapat beberapa simpulan bahasa yang mendukung maksud orang gila, seperti ‘masuk air’, ‘tiga suku’ dan sebagainya. Budaya orang Melayu selalunya menggunakan bahasa kiasan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Salah satunya adalah dengan menggunakan simpulan bahasa. Adat dan budaya mereka yang berkias apabila berbicara dikatakan lebih elok dan halus serta dapat menjaga perasaan seseorang supaya tidak tersinggung. Padanan dalam teks sasaran diberikan oleh penterjemah frasa “hilangan ingatan” sebagai lebih umum. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu “hilangan

ingatan” sepatutnya digantikan kepada frasa “menjadi orang gila”.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT14	돌아버렸대 <i>Dolabeolyeossdae</i>	“Dia terlalu sangat belajar sehingga dia <u>hilang ingatan</u> ”

Akhir sekali, hasil analisis data UBGT15 mendapati bahawa frasa 어디 이 놈 잠시 좀 만져 보자 (*eodi inom jamsi jom manjyeoboja*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Sekarang aku nak merasa intanku*. Sebenarnya, situasi ini merupakan satu perlakuan untuk menggambarkan kemesraan antara orang tua dengan kanak-kanak lelaki. Dalam hal ini, orang dewasa atau orang tua biasanya memanggil seorang kanak-kanak lelaki untuk bergurau dengan menyatakan bahawa mereka ingin merasa ‘buah’ (alat sulit lelaki) mereka. Bagi budaya Korea, orang lelaki adalah individu penting sebagai ketua dalam sesebuah keluarga. Walau bagaimanapun, keadaan ini dilakukan oleh orang dewasa sebagai gurauan dan bukanlah bermaksud seksual. Situasi ini tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana tidak sesuai dengan budaya masyarakatnya. Keadaan ini tidak berlaku kerana hal tersebut dianggap terlalu sensitif dan menimbulkan ketidakselesaan kerana melibatkan bahagian intim seseorang lelaki mahupun perempuan. Tambahan pula, masyarakat Malaysia mengamalkan budaya yang bersopan dan menjaga batas pergaulan antara lelaki dan wanita. Namun, apabila penterjemah menggunakan frasa *Sekarang aku nak merasa intanku*, maka akan berlaku kekeliruan apabila perkataan ‘merasa’ boleh disalah tafsir sebagai sesuatu yang bersifat seksual atau lucu. Oleh itu, pengkaji mencadangkan perkataan ‘merasa’ boleh digantikan dengan perkataan ‘menyentuh’ dalam frasa tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT15	어디 이 놈 잠시 좀 만져 보자 <i>eodi inom jamsi jom manjyeoboja</i>	<u>Sekarang aku nak merasa intanku.</u>

5.2.2 Prosedur Penyejagatan Terbatas

Hasil analisis data UBE2 mendapati bahawa frasa 단풍이 빨강게 타올랐다 (*danpungi ppalgahge taollasda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Daun dan bunga yang berguguran di atas bukit-bukau yang berhampiran desa memperlihatkan suasana musim luruh*. Semasa musim luruh di Korea, warna daun-daun berubah daripada warna hijau kepada warna merah atau kuning. Apabila warna daun-daun berubah, masyarakat Korea beranggapan bahawa musim luruh sudah tiba. Namun, situasi di Malaysia adalah berbeza kerana negara ini tidak mengalami musim luruh. Oleh itu, rakyat Malaysia tidak pernah mengalami dan merasai keadaan musim luruh tersebut. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan frasa 단풍이 빨강게 타올랐다 (*danpungi ppalgahge taollasda*) ini sebagai *daun dan bunga yang berguguran di atas bukit-bukau yang berhampiran desa memperlihatkan suasana musim luruh*. Namun, dalam terjemahan teks sasaran, pengkaji mendapati bahawa frasa 단풍이 빨강게 타올랐다 (*danpungi ppalgahge taollasda*) ini didapati tidak mempunyai padanan maknanya dalam budaya masyarakat di Malaysia. Oleh itu, pengkaji mendapati prosedur penyejagatan terbatas digunakan oleh penterjemah teks sasaran adalah sesuai untuk menyampaikan mesej dan menerangkan fenomena musim luruh yang tidak dialami oleh masyarakat di Malaysia.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE2	단풍이 빨강게 타올랐다. <i>danpungi ppalgahge taollasda</i>	<u>Daun dan bunga yang berguguran di atas bukit-bukau yang berhampiran desa memperlihatkan suasana musim luruh.</u>

Analisis data UBM1 mendapati perkataan 도레소반 (*dolesoban*) yang terdapat dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *dulang kecil* dalam teks sasaran. Perkataan 도레소반 (*dolesoban*) merupakan sebuah meja kecil yang digunakan untuk makan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3529). Apabila orang Korea makan sesuatu makanan, mereka biasanya menggunakan meja kecil ini dan bersila di atas lantai. Meja kecil 도레소반 (*dolesoban*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana kebiasaannya masyarakat di negara ini menggunakan meja makan besar atau bersila di atas lantai semasa makan. Dalam budaya Melayu, fungsi *dulang* digunakan untuk menyajikan atau untuk mengangkat makanan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan ini kurang sesuai apabila penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *dulang kecil*. Hasilnya, terjemahan yang dihasilkan ini merupakan terjemahan kurang. Pengkaji mendapati bahawa kata yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *dulang kecil* sepatutnya digantikan kepada frasa *meja makan kecil*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM1	도레소반 <i>Dolesoban</i> beberapa jenis makanan yang diletak dalam <u>dulang kecil</u> .

Analisis data UBM3 mendapati bahawa frasa 금비녀 비취비녀 (*geumbinyeo bichwibinyeo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *pin rambut*. Sebenarnya, perkataan 비녀 (*binyeo*) ialah cucuk sanggul rambut tradisional Korea yang digunakan oleh kaum wanita pada zaman dahulu dan diperbuat daripada emas, batu jed, perak, kayu, tulang, dan sebagainya (Suh, 2004, p.406). Cucuk sanggul ini digunakan oleh wanita untuk menyanggul rambut mereka setelah ditocang untuk mengelakkanya daripada terlerai. Aksesori ini mempunyai pelbagai saiz daripada kecil sehingga besar dan pendek sehingga panjang. Biasanya, di hujung cucuk sanggul ini mempunyai

pelbagai motif, sama ada kepala naga, burung, dan sebagainya serta dihias dengan batu jed yang berwarna warni. Dalam budaya Melayu, pada suatu ketika dahulu cucuk sanggul menjadi salah satu daripada perhiasan diri bagi orang Melayu, Portugis, India dan Nyonya peranakan untuk mendandan rambut mereka. Dalam kalangan masyarakat yang miskin, cucuk sanggul mereka diperbuat daripada kayu atau buluh sahaja. Peranan utama cucuk sanggul yang sebenar adalah untuk menyemat dan menahan sanggul supaya tidak terburai. Cucuk sanggul ini direka bentuk daripada berbagai-bagai jenis logam seperti tembaga, perak, suasa dan emas. Bagi mereka yang mampu cucuk sanggul mereka ditatahkan dengan berlian, nilam, zamrud, delima, mutiara dan sebagainya. Kini, penggunaan cucuk sanggul tidak begitu meluas dan hanya digunakan sebagai perhiasan dalam majlis pertunangan dan perkahwinan yang berkonsepkan tradisional. Pengkaji mendapati penterjemah teks sasaran hanya menterjemakan perkataan ini sebagai *pin rambut* sahaja, tanpa menghuraikan maksud dan ciri-cirinya. Pengkaji mendapati bahawa strategi sinonim, iaitu *cucuk sanggul yang dibuat daripada emas dan jed hijau* adalah lebih sesuai digunakan untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan. Dalam masyarakat Malaysia, cucuk sanggul juga wujud dan digunakan oleh wanita zaman dahulu. Cucuk sanggul tradisional digunakan untuk menyemat rambut dan mengemaskan sanggulan yang dibuat. Jika dibandingkan dengan cucuk sanggul di Korea, bentuk cucuk sanggul ini berbentuk seperti pedang dan jarum. Tidak seperti cucuk sanggul Korea yang hanya digunakan hanya sebatang sahaja, cucuk sanggul masyarakat negara ini dibuat dalam bentuk set, iaitu satu set mempunyai tiga, lima, atau tujuh bilah cucuk sanggul yang diperbuat daripada emas atau perak. Hulu cucuk sanggul biasanya diukir dengan bentuk-bentuk yang menarik seperti tumbuh-tumbuhan menjalar ataupun bunga-bunga dan dihiasi dengan batu permata yang berwarna warni. Cucuk sanggul juga digunakan oleh pengantin perempuan pada hari perkahwinan mereka kerana hari-hari biasa golongan wanita jarang membentuk sanggul.

Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa terjemahan yang dihasilkan merupakan terjemahan kurang dan sepatutnya hasil terjemahan yang sesuai digunakan adalah *cucuk sanggul*. Terjemahan yang digunakan oleh penterjemah teks sasaran, iaitu *pin rambut* adalah kurang kerana pin ini dirujuk sebagai sepiit dan klip yang diletakkan di rambut sahaja.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM3	금비녀 비취비녀 <i>geumbinyeo bichwi binyeo</i>	Terdapat pin rambut yang dibuat daripada emas dan batu jed siap dengan rumbai-rumbai....

Analisis data UBM13 mendapati perkataan 술집 (*suljib*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *kedai arak* dalam teks sasaran. Perkataan 술집 (*suljib*) dalam BK merupakan sebuah restoran yang menjual makanan dan minuman keras (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3708). Di Korea, 술집 (*suljib*) ini terletak di tepi jalan atau dalam pasar. Walau bagaimanapun, 술집 (*suljib*) ini tidak wujud dalam budaya Malaysia menyebabkan hasil terjemahannya kurang tepat. Dalam budaya Korea, meminum minuman keras adalah budaya masyarakatnya untuk merapatkan hubungan antara individu. Namun, situasi ini tidak wujud di Malaysia kerana mereka menggunakan kaedah yang lain untuk merapatkan hubungan sesama keluarga. Tambahan pula, di Malaysia, kedai-kedai menjual arak perlu mendapatkan lesen jualan arak dan dijual di tempat-tempat yang dibenarkan sahaja. Hal ini demikian kerana majoriti masyarakat di Malaysia beragama Islam dan mereka diharamkan meminum minuman keras ini. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *kedai arak* sepatutnya digantikan kepada frasa *restoran yang menjual makanan dan minuman keras*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM13	술집 <i>suljib</i>	..kerja bersama Pok-I di <u>kedai arak</u> .

Analisis data UBM8 menunjukkan penggunaan strategi penterjemahan berunsur asing yang digunakan oleh penterjemah semasa menterjemah teks sumber. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perkataan 거문고 (*geomungo*) yang terdapat dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *sitar*. Alat muzik 거문고 (*geomungo*) yang dimaksudkan merupakan sejenis alat muzik gesek tradisional yang dicipta oleh Wang Sanak (Suh, 2004, p.568). Namun, alat muzik ini merupakan adaptasi daripada sejenis alat muzik yang dinamakan *Chilhyeongeum*, iaitu alat muzik Cina yang terdapat semasa zaman pemerintahan kerajaan Goguryeo. Alat muzik ini mempunyai ciri yang berbeza dengan alat muzik Korea yang lain, iaitu cirinya adalah bertali enam. Namun, 거문고 (*geomungo*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah perkataan 거문고 (*geomungo*) sebagai *sitar* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, tetapi hasil terjemahan adalah terjemahan kurang. Hal ini demikian kerana perkataan *sitar* yang digunakan oleh penterjemah akan dirujuk kepada sejenis sitar yang digunakan oleh masyarakat India. Sitar yang digunakan oleh masyarakat India ini digunakan dalam persembahan tradisional India. Namun, sitar yang digunakan oleh masyarakat Korea adalah berbeza dengan sitar India. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) adalah lebih sesuai digunakan untuk menyampaikan mesej dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM8	거문고 <i>geomungo</i>	Aku akan berbual-bual dengan saudaraku dan melupakan sitar dan bukuku.

Analisis data UBK1 mendapati bahawa frasa 개천에서 용마가 난다는데 (*gaecheoneseo yongmaga nandaneunde*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *sebutir permata yang terjatuh ke lembah akan tetap memancarkan cahayanya*. Frasa 개천에서 용마가 난다는데 (*gaecheoneseo yongmaga nandaneunde*) merupakan naga yang dilahirkan dari parit (Lee, 2011, p.30). Maksudnya pembalikan kehidupan. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan strategi penerangan dan diterjemahkan sebagai *sebutir permata yang terjatuh ke lembah akan tetap memancarkan cahayanya*. Sepatutnya, diterjemahkan sebagai ‘permata yang jatuh ke dalam limbahan sekalipun, nescaya tiada hidup akan cahayanya’¹ yang bermaksud orang yang berasal baik-baik itu walau miskin tetapi budi bahasa dan sopan santun tetap ada. Maksud peribahasa ini lebih kurang sama dengan teks sumber, tetapi tidak jelas. Dalam budaya masyarakat Melayu, terdapat peribahasa lain, iaitu ‘payah-payah dilamun ombak, tercapai juga tanah tepi’ yang bermaksud setelah beberapa lama seseorang itu menanggung kesusahan, akhirnya tercapai juga cita-citanya (Aninon & Abdullah Hassan, 2006, p.143). Oleh itu, pengkaji mencadangkan peribahasa ini diterjemahkan sebagai ‘payah-payah dilamun ombak, tercapai juga tanah tepi’.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK1	개천에서 용마가 난다는데 <i>gaecheoneseo yongmaga nandaneunde</i>	‘... <u>sebutir permata yang terjatuh ke lembah akan tetap memancarkan cahayanya</u> ,...

¹Rujukan : www.pprm.dbp.gov.my dipetik pada 2 Februari 2016

Dalam analisis data UBK2, dapatan kajian mendapati bahawa frasa 인명은 제천 이랬다고 (*inmyeongeun jecheonilaessdago*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Hidup dan mati pemberian Yang Berkuasa dan Dia sahaja*. Situasi ini bermaksud bahawa kehidupan dan kematian seseorang insan bergantung kepada tuhan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4991). Dalam budaya Korea, orang Korea percaya bahawa ajal dan maut tidak boleh dikawal oleh kuasa manusia. Dalam budaya Melayu pula, kepercayaan hidup dan mati mereka hanya kepada Allah saja dan mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengubah sesuatu yang telah ditentukan Allah. Perihal kematian ini telah ditulis oleh Allah sebelum mereka dilahirkan. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan strategi penterjemahan berbentuk penerangan dan telah menterjemah frasa ini sebagai *Hidup dan mati pemberian Yang Berkuasa dan Dia sahaja*. Hasil terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah ini merupakan terjemahan tepat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK2	인명은 제천 이랬다고 <i>inmyeongeun jecheonilaessdago</i>	Hidup dan mati pemberian Yang Berkuasa dan Dia sahaja.

Analisis data UBK3 mendapati frasa 언지든지 팔은 안으로만 휘는 뱀이니까 (*eonjideunji paleun aneuloman hwineun bebinikke*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *tangan selalunya membengkok ke dalam* dalam teks sasaran. Frasa ini sebenarnya merupakan peribahasa masyarakat Korea yang membawa maksud sesuatu situasi apabila seseorang menyebelahi dan menyokong pihak yang rapat dengannya seperti keluarga atau kawan baik (Lee, 2011, p.506). Perlakuan ini dilakukan dalam semua perkara, tidak kira sama ada seseorang itu melakukan kebaikan atau keburukan. Situasi seperti ini adakalanya terdapat juga di Malaysia, sekiranya pihak tersebut mempunyai kepentingan terhadap diri sendiri. Pengkaji mendapati bahawa

penterjemah teks sasaran telah menggunakan strategi penterjemahan literal dan menterjemahkan frasa ini sebagai *tangan selalunya membengkok ke dalam sahaja* tanpa menghuraikan maksud sebaliknya. Situasi ini menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memahami maksud frasa tersebut dengan mendalam kerana kebanyakan masyarakat negara ini tidak mengetahui peribahasa ini. Pengkaji mendapati frasa 언지든지 팔은 안으로만 휘는 뱀이니까 (*eonjideunji paleun aneuloman hwineun bebinikke*) ini perlu diterjemahkan sebagai *menyebelahi dan menyokong seseorang yang rapat seperti keluarga atau kawan dalam semua perkara* atau untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan. Pengkaji juga mencadangkan frasa ini dalam bentuk peribahasa Melayu, iaitu ‘berat sebelah’.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK3	언지든지 팔은 안으로만 휘는 뱀이니까 <i>eonjideunji paleun aneuloman hwineun bebinikke</i>	Aku tahu. <u>Tangan selalunya membengkok ke dalam.</u>

Selain itu, analisis data UBK4 pula mendapati bahawa bahawa frasa 하늘이 무너져도 솟아날 구멍이 있다니깐 (*haneuli muneojyeodo sosanal gumeongi issdanikkan*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Kalau langit runtuh sekalipun, mesti ada jalan keluar*. Seperti contoh kelapan, frasa ini merupakan salah satu peribahasa masyarakat Korea. Dalam budaya Korea, orang Korea mempercayai bahawa jika seseorang ditimpa musibah atau masalah adanya penyelesaian atau jalan keluar, tidak kiralah walau sebesar manapun masalah tersebut (Lee, 2011, p.515). Dalam masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu terdapat peribahasa yang sama dengan peribahasa tersebut, iaitu *Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan*. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan terbatas dan telah menterjemahkan frasa ini sebagai sebagai *Kalau langit runtuh*

sekalipun, mesti ada jalan keluar. Terjemahan yang dihasilkan ini merupakan terjemahan tepat kerana mendukung makna yang terkandung dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK4	하늘이 무너져도 솟아날 구멍이 있다니깐 <i>haneuli muneojyeodo sosanal gumeongi issdanikkan</i>	<u>Kalau langit runtuh sekalipun, mesti ada jalan keluar.</u>

Berdasarkan data UBOS2, analisis data mendapati bahawa perkataan 반말 (*banmal*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *bahasa yang kesat*. Dalam BK, perkataan ini merujuk kepada bahasa santai atau bahasa yang digunakan dalam pergaulan seharian (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.2458). Dalam budaya Korea, penggunaan bahasa adalah berbeza apabila diucapkan kepada orang tua dan orang muda. Penggunaan kosa kata yang berbeza digunakan apabila bercakap dengan orang yang lebih tua, iaitu bahasa yang digunakan adalah lebih sopan untuk menunjukkan rasa hormat kepada mereka. Namun, 반말 (*banmal*) ini digunakan oleh penutur kepada individu yang sebaya atau lebih muda. Dalam budaya Malaysia, situasi seperti ini dinamakan laras. Sesuatu laras tertentu digunakan untuk keadaan atau situasi tertentu. Dapat dikatakan bahawa dengan memilih laras yang tidak sama untuk situasi-situasi yang berlainan, anggota masyarakat dapat menunjukkan bahawa mereka sedar akan situasi-situasi sosial yang berlainan yang wujud di sekitar mereka. Perbualan antara kawan atau kenalan menggunakan laras bahasa sosial. Kata dan ungkapan yang dipilih adalah yang digunakan sehari-hari. Pengkaji mendapati perkataan 반말 (*banmal*) ini perlu diterjemahkan sebagai *bahasa santai* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS2	반말 <i>Banmal</i>	Janganlah menggunakan <u>bahasa yang kesat.</u>

Analisis data UBKS9 mendapati frasa 통금 사이렌 (*tonggeum sailen*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *siren menandakan perintah berkurung*. Situasi ini dikaitkan dengan kejadian yang berlaku antara tahun 1945 hingga 1982. Ketika itu, penduduk Korea tidak boleh keluar dari rumah selama 4 jam, iaitu bermula pada pukul 12 tengah malam hingga 4 pagi (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6437). Pengkaji mendapati bahawa budaya ini tidak wujud lagi kini. Oleh itu, masyarakat Malaysia, terutamanya generasi muda tidak boleh memahami erti siren ini. Siren di Malaysia lazimnya merujuk kepada siren ambulan, polis, dan bomba. Pengkaji mendapati bahawa strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) adalah lebih sesuai digunakan untuk menyampaikan mesej dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS9	통금 사이렌 <i>tonggeum sailen</i>	<u>Siren menandakan perintah berkurung</u> berbunyi tepat sedang aku menarik selimut.

Dalam analisis data UBKS12 pula mendapati bahawa perkataan 제사 (*jesa*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *upacara berkabung*. Perkataan ini merujuk kepada upacara menjamu roh orang yang telah mati (Suh, 2004, p.461). Dalam budaya Korea, jika seseorang meninggal dunia, keluarga si mati terutama anak lelaki sulung akan membuat upacara untuk menjamu roh si mati pada setiap tahun berdasarkan tarikh kematiannya. Antara makanan yang dijamu kepada roh si mati adalah sup, nasi, daging, buah-buahan, dan sebagainya. Upacara ini dilakukan di rumah anak lelaki sulung si mati.

Makanan tersebut dijamu di hadapan *wipae*, iaitu sekeping panel papan yang ditulis nama si mati. Upacara sembahyang juga diadakan untuk mendoakan dan mengingati si mati pada setiap tahun kematiannya. Keadaan ini wujud dalam budaya Malaysia tetapi berbeza mengikut agama dan kepercayaan masing-masing. Di Malaysia, upacara berkabung hanya dilakukan untuk golongan kelas atasan, iaitu raja dan sultan. Apabila sultan mangkat, bendera negeri akan diturunkan separuh daripada tiang selama lebih kurang 40 hari dan sepanjang tempoh tersebut bagi kakitangan kerajaan mereka perlu memakai songkok yang dililit dengan kain putih. Selain itu, Agama Islam contohnya, akan mengadakan majlis untuk si mati setelah 40 hari kematiannya dan pada hari-hari yang lain, keluarga si mati digalakkan untuk menziarahi kubur. Dalam hal ini, penterjemah telah menterjemah frasa tersebut kepada *upacara berkabung* dan sifatnya lebih umum. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *upacara berkabung* sepatutnya digantikan kepada frasa *upacara menjamu roh orang yang telah mati*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS12	제사 <i>Jesa</i>	..sebelum <u>upacara berkabung</u> yang kedua

Perkataan 위패 (*wipae*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *tanda peringatan*. Jika diterjemah secara literal, perkataan 위패 (*wipae*) merujuk kepada sebuah *kayu penanda untuk orang mati*. Dalam budaya Korea, orang Korea membuat kayu penanda sebagai memperingati si mati (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4755). Kayu ini dituliskan nama si mati, tarikh kelahiran, dan tarikh kematiannya. Kayu ini berfungsi sebagai *kubur kecil* dan diletakkan di rumah, iaitu di atas sebuah rak. Rak tersebut mempunyai beberapa barisan dan kayu ini diletakkan di bahagian atas rak. Di tingkat berikutnya pula diletakkan gambar si mati. Apabila tibanya tarikh kematian si

mati setiap tahun, upacara sembahyang akan dilakukan di hadapan tanda peringatan ini. Masyarakat Korea percaya bahawa wujudnya tanda peringatan ini akan menyebabkan ahli keluarga sentiasa mengingati si mati sepanjang hayat mereka. Budaya ini tidak wujud di Malaysia terutamanya bagi orang Islam kerana hakikatnya peringatan untuk si mati hanya diekspresikan melalui doa untuk si mati. Selain itu, terdapat juga penggunaan ‘batu nisan’ yang hampir sama konsepnya dengan *wipae*, iaitu batu di atas atau di satu hujung kubur, biasanya ditulis nama dan maklumat si mati. Penggunaan batu nisan semakin meluas digunakan walaupun ada sesetengah pihak melarang penggunaan batu tersebut. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa perkataan tanda peringatan yang digunakan oleh penterjemah didapati menghasilkan terjemahan tepat dalam menyampaikan mesej yang terkandung dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS13	위패 (位牌) <i>Wipae</i>	...perarakan itu dengan dua <u>tanda peringatan</u> dipegang....

Berdasarkan data UBKS15 pula, perkataan 꾸벅하면서 (*kkubeoghamyeonseo*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *tunduk menghormati orang tua itu*. Perkataan 꾸벅하면서 (*kkubeoghamyeonseo*) ialah perbuatan menundukkan kepala (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1019). Amalan menundukkan kepala itu merupakan budaya yang dilakukan apabila orang muda berjumpa dengan orang yang tua. Selain daripada itu, sekiranya berjumpa antara satu sama lain, mereka akan juga akan menundukkan kepala sebagai tanda hormat kepada orang yang lebih tua. Konsep ini tidak digunakan dalam budaya Melayu kerana biasanya masyarakat di sini akan bersalam-salaman sebagai tanda mengeratkan persahabatan dan memulakan perkenalan serta salam yang disertai dengan ciuman di tangan kepada mereka yang lebih tua. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan prosedur penyejagatan terbatas

dan telah diterjemahkan frasa ini sebagai *tunduk menghormati orang tua itu*.

Terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah merupakan terjemahan tepat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS15	꾸벅하면서 <i>kkubeoghamyeonso</i>	Chung bangun berdiri lalu <u>tunduk menghormati orang tua itu.</u>

Hasil analisis data UBGT1 mendapati bahawa frasa 온몸이 얼었어요 (*onmomi eoleosseoyo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Seluruh badanku kaku kesejukan*. Jika diterjemah secara literal, frasa 온몸이 얼었어요 (*onmomi eoleosseoyo*) ialah *badan sudah beku*. Pada musim dingin, suhu yang rendah menyebabkan kesejukan yang melampau sehingga badan perlu dilapisi dengan baju yang tebal. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur penyejagatan terbatas dan diterjemahkan kata ini sebagai *Seluruh badanku kaku kesejukan*. Hasil diterjemahkan ini ialah terjemahan kurang, namun masih boleh diterima padanannya. Ternyata penterjemah menggunakan strategi penerangan untuk menyampaikan makna itu.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT1	온몸이 얼었어요 <i>onmomi eoleosseoyo</i>	<u>Seluruh badanku kaku kesejukan.</u>

Melalui analisis data UBGT2 yang dilakukan terhadap strategi penterjemahan berunsur tempatan yang digunakan oleh penterjemah teks sasaran, dapatan kajian ini mendapati bahawa frasa 혀를 짹짹 갈겼다 (*hyeoleul jjigjjig galgyeossda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *mengecapkan lidahnya tanda tidak senang*. Perbuatan ini merujuk kepada sesuatu perlakuan apabila seseorang mendecap-decapkan lidahnya untuk menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap seseorang. Dalam

budaya Korea, jika orang Korea tidak berpuas hati kepada orang lain, mereka sering mendecap-decap lidah mereka sebagai tanda protes (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6876). Hal ini demikian kerana perbuatan mendecap-decapkan lidah ini dilakukan sebagai tanda tidak setuju atau protes terhadap perkara yang dilakukan oleh orang lain. Namun, situasi ini tidak berlaku dalam budaya masyarakat Malaysia kerana masyarakat negara ini menggunakan perbuatan atau perkataan yang berlapis jika tidak puas hati kepada seseorang. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *mengecapkan lidahnya tanda tidak senang* sepatutnya digantikan kepada frasa *mendecap-decap lidahnya sebagai tanda kurang puas hati* bagi menunjukkan tujuan sebenar perlakuan itu dilakukan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT2	혀를 짹짹 갈겼다 <i>hyeoleul jjigjjig galgyeossda</i>	Dia <u>mengecapkan lidahnya tanda tidak senang.</u>

5.2.3 Prosedur Pencairan

Analisis data UBKS1 melalui contoh pertama mendapati bahawa perkataan 해방 (*haebang*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *selepas berlakunya pembebasan bandar Seoul* dalam teks sasaran. Walau bagaimanapun, perkataan 해방 (*haebang*) ini dapat dikaitkan dengan semangat atau kebolehan individu untuk bertindak mengikut kehendaknya sendiri (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6801). Namun, makna yang dibawa dalam teks sumber adalah merujuk kepada peristiwa yang berlaku pada 15 Ogos 1945. Semasa tarikh tersebut, Korea telah dibebaskan daripada kekuatan imperialis Jepun. Padanan dalam teks sasaran diberikan oleh penterjemah perkataan pembebasan bandar Seoul sebagai penjelasan terperinci. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *pembebasan bandar Seoul* sepatutnya digantikan kepada frasa *pembebasan daripada kekuatan imperialis*

Jepun.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS1	해방 <i>Haebang</i>	..selepas berlakunya <u>pembebasan bandar Seoul.</u>

Pada masa yang sama, analisis data UBKS2 mendapati perkataan 내선일체 (*naeseonilche*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *penyatuan negara Jepun dengan negara Korea*. 내선일체 (*naeseonilche*) merupakan salah satu gerakan untuk menghapuskan etnik di Korea. Pada 22 Ogos tahun 1910, kerajaan Korea telah menandatangani perjanjian, iaitu untuk menggabungkan negara Korea dengan Jepun. Oleh sebab tidak ada pilihan lain, kerajaan Korea akhirnya menandatangani perjanjian dengan Jepun. Sejak saat itu, negara dan bangsa Korea berada di bawah penjajahan Jepun selama 36 tahun. Namun, pendudukan Jepun ke atas Korea berakhir pada tahun 1945, iaitu apabila tamatnya Perang Dunia Kedua. Selama 36 tahun, negara Jepun membuat gerakan penghapusan bangsa Korea. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah perkataan ini sebagai lebih umum. Pengkaji mendapati perkataan 내선일체 (*naeseonilche*) ini sepatutnya diterjemahkan sebagai *gerakan penghapusan etnik* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS2	내선일체 <i>Naeseonilche</i>	...bergantung kepada <u>penyatuan negara Jepun dengan negara Korea.</u>

Analisis data UBKS3 menunjukkan bahawa perkataan 사변 (*sabyeon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *peperangan*. Perkataan 사변 (*sabyeon*) merujuk kepada keadaan sebuah negara yang menyerang kepada negara lain, tanpa deklarasi

(proklamasi) perang (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3123). Situasi ini dapat dikaitkan dengan keadaan politik yang meruncing pada 25 Jun, 1950. Semasa situasi ini berlaku, Korea Utara telah menyerang Korea Selatan tanpa deklarasi (proklamasi) perang. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan prosedur pencairan dan telah menterjemahkan perkataan ini sebagai sebagai *peperangan*. Terjemahan yang dihasilkan merupakan terjemahan tepat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS3	사변 <i>Sabyeon</i>	Tahun berikutnya, <u>peperangan</u> pun meletus.

Analisis data UBKS4 menunjukkan bahawa perkataan 冊子 (ppila) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *risalah sebaran tangan*. Sebenarnya, perkataan 冊子 (ppila) merupakan risalah perang saraf yang berbentuk buku kecil (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3080). Tujuan risalah ini disebarkan adalah untuk memburukkan kerajaan Korea Selatan. Risalah ini disebarkan ke seluruh Korea Selatan oleh negara Korea Utara. Pada masa yang sama, Malaysia juga tidak terlepas daripada perang saraf yang pernah berlaku sewaktu zaman keganasan komunis. Risalah yang disebarkan ini terdapat dalam pelbagai bahasa dan pengguguran risalah dibuat sepanjang 12 tahun (1948-1960) kempen melawan komunis. Perang Saraf yang dilaksanakan adalah melalui pengguguran risalah yang mengandungi 500 reka bentuk yang berbeza. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran menterjemahkan perkataan 冊子 (ppila) ini sebagai *risalah sebaran tangan*, tetapi hasil terjemahan ini didapati kurang tepat. Pengkaji mendapati perkataan 冊子 (ppila) ini perlu diterjemahkan sebagai *risalah perang saraf* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS4	빼라 <i>Ppila</i>	...mereka diumpun dengan janji pengampunan yang terdapat dalam <u>risalah sebaran tangan.</u>

Selain itu, berdasarkan analisis data UBKS5, perkataan 3•1 독립운동 (3•1 *doglibundong*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *kebangkitan semangat seluruh rakyat Korea untuk menuntut kemerdekaan daripada Jepun, pada 1 Mac 1919*. Frasa yang dimaksudkan tadi merujuk kepada gerakan menuntut kemerdekaan daripada Jepun yang tercatat sebagai gerakan terbesar di Korea (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3252). Walaupun gerakan Kemerdekaan 1 Mac ini yang dilancarkan dengan keadaan terkawal, sama ada di dalam dan luar negara gerakan ini tidak memperoleh hasil yang maksimum seperti mana yang telah dirancang. Pada masa yang sama, gerakan ini memperlihatkan kepada dunia bahawa rakyat Korea memiliki tekad yang kuat untuk membebaskan negara daripada belunggu penjajah. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan prosedur pencairan dan telah menterjemahkan frasa ini kepada *kebangkitan semangat seluruh rakyat Korea untuk menuntut kemerdekaan daripada Jepun, pada 1 Mac 1919*. Hasilnya, terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah menghasilkan terjemahan tepat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS5	3•1 독립운동 <i>3•1 doglibundong</i>	Selepas tercetusnya <u>kebangkitan semangat seluruh rakyat Korea untuk menuntut kemerdekaan daripada Jepun, pada 1 Mac 1919</u> , ramai penuntut Suh...

Hasil analisis data UBKS6 mendapati bahawa perkataan 빨치산 (*ppalchisan*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *penyokong komunis*. Perkataan 빨치산

(*ppalchisan*) merupakan kata pinjaman daripada bahasa Rusia, iaitu *Parzisan*. Perkataan 빨치산 (*ppalchisan*), iaitu gerila adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan sekumpulan pejuang kecil yang menyokong komunis di Korea (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3045). Mereka bekerja dengan pihak tentera Korea Utara semasa Perang Korea. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah perkataan ini dengan lebih umum. Oleh itu, strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan prosedur glos ekstrateks (nota kaki) didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS6	빨치산 <i>ppalchisan</i>	...walaupun barisan perang telah berundur ke utara dan para penyokong komunis masih mencerobohi....

Berdasarkan analisis data UBKS7 pula mendapati bahawa perkataan 빨갱이집 (*ppulgaengijib*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *rumah komunis*. Perkataan 빨갱이집 (*ppulgaengijib*) ialah rumah merah. Dalam budaya Korea, warna merah melambangkan penyokong komunis (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3042). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran telah menterjemahkan perkataan 빨갱이집 (*ppulgaengijib*) ini sebagai *rumah komunis* apabila menterjemah teks, tetapi hasil terjemahan ini kurang tepat. Pengkaji mendapati perkataan 빨갱이집 (*ppulgaengijib*) ini diterjemahkan sebagai *Di dalam rumah terdapat seorang penyokong komunis tegar* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS7	빨갱이집 <i>ppulgaengijib</i>	..dalam rumah komunis ,

5.2.4 Prosedur Naturalisasi

Analisis data UBK7 mendapati bahawa perkataan 부적 (*bujeog*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *tangkal pelindung* apabila diterjemah dalam teks sasaran. Perkataan 부적 (*bujeog*) merupakan aksesori yang di pakai oleh seseorang, tertera tulisan, rajah ataupun gambar yang dibawa ke mana-mana atau ditampal didinding sebagai azimat dan pelindung (Suh, 2004, p.344). Tangkal ini biasanya dibuat oleh bomoh atau dukun. Bagi orang Melayu di Malaysia, budaya pemakaian tangkal pelindung adalah tidak dibenarkan kerana dikhuatiri akan menyebabkan mereka terlalu bergantung kepada tangkal tersebut bukannya Tuhan (Allah), sedangkan dalam Islam, perlindungan hanya datang daripada Allah. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur naturalisasi, iaitu perkataan ini telah diterjemahkan sebagai *tangkal pelindung*. Terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah ini merupakan terjemahan tepat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK7	부적 <i>bujeog</i>	...telah pergi menemui tukang tilik yang buta untuk mendapatkan <u>tangkal pelindung</u> sungguh pun mayat Chom-nye...

Analisis data UBK12 mendapati perkataan 무당 (*mudang*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *ahli sihir perempuan* dalam teks sasaran. Perkataan ini membawa maksud bahawa upacara yang dilakukan untuk menilik nasib, membaca jampi-jampi, dan mentera untuk orang sakit atau memerlukan bantuan (Suh, 2004, p.333). Dalam budaya Malaysia, amalan sihir masih wujud sehingga kini, diamalkan oleh mereka yang membenci atau tidak puas hati terhadap seseorang, lalu menggunakan sihir untuk melemahkan orang yang dibenci itu. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran menterjemahkan perkataan 무당 (*mudang*) ini sebagai ahli sihir, tetapi hasil

terjemahan ini didapati kurang tepat. Oleh itu, strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan oleh penulis dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK12	무당 <i>mudang</i>	..memanggil ahli sihir perempuan ke rumah

Berdasarkan analisis data UBGT3 yang terdapat yang dilakukan oleh pengkaji, dapatan kajian mendapati bahawa frasa 죽어 넘어진 송장이 개 치우듯 꾸러져 나가 는것을 (*jugeo neomeojin songjangi gae chiudeus kkulyeojyeo naganeun geoseul*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu*. Berkas kayu yang dimaksudkan dalam frasa tersebut adalah benda-benda yang diikat dalam satu ikatan. Situasi ini bermaksud bahawa mayat-mayat yang disebutkan dalam teks dikumpulkan dan diikat menjadi satu. Namun, frasa ini membawa maksud *mayat dibungkus dan keluar seperti anjing* dalam terjemahan teks sumber. Dalam budaya Korea, perkataan anjing itu sendiri melambangkan imej yang buruk. Contohnya, jika seseorang itu melakukan sesuatu yang tidak mempunyai kepentingan, mereka menyamakan perbuatan itu seperti perlakuan seekor anjing. Dalam budaya Malaysia juga, anjing juga melambangkan imej yang buruk dan juga melambangkan orang suruhan yang hanya mengikut perintah tuannya. Situasi ini amat tidak digemari oleh masyarakat Malaysia lantas menyamakan orang tersebut dengan anjing. Berdasarkan terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah teks sasaran, frasa *mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu* telah diterjemah secara literal. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan yang dilakukan tidak selari dengan makna asal dalam teks sumber. Situasi ini menyebabkan berlakunya terjemahan kurang, namun masih boleh diterima

padanannya.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT3	죽어 넘어 진 송장이 개 치우듯 꾸러져 나가는것을 <i>jugeo neomeojin songjangi gae chiudeus kkulyeojyeo naganeun geoseul</i>	Apabila Dr. Lee In-guk melihat <u>mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu</u> , dia berasa

Berdasarkan contoh strategi penterjemahan berunsur tempatan, hasil analisis data UBGT9 ini mendapati bahawa frasa 사발로 마구 들이켰다 (*saballo magu deulikyeosda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *meminum seperti ikan*. Jika frasa 사발로 마구 들이켰다 (*saballo magu deulikyeosda*) ini diterjemah kepada BM, perbuatan ini bermaksud *meminum sesuatu dengan mangkuk secara meneguk* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1755). Dalam budaya Korea, orang yang meminum sesuatu secara tergesa-gesa, mereka dikatakan telah minum secara meneguk. Di Malaysia terdapat juga situasi seperti ini, iaitu meneguk minuman secara tergesa-gesa tetapi menggunakan gelas atau cawan, kerana budaya Melayu tidak menggunakan mangkuk untuk minum atau menghirup. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah frasa ini sebagai *meminum seperti ikan*. Frasa *meminum seperti ikan* yang dihasilkan ini adalah bersifat terjemahan kurang. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa penterjemah perlu menterjemah frasa ini sebagai *meneguk minuman daripada mangkuk*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT9	사발로 마구 들이켰다 <i>saballo magu deulikyeosda</i>	...mengelilingi unggun api <u>meminum makkolli seperti ikan</u> , menggogok minuman tersebut...

Analisis data UBGT10 dalam kajian ini mendapati bahawa frasa 풀 쭈어 개 좋은 일만 한것만 같은 (*pul ssueo gae joheun ilman han geosman gateun*) dalam teks

sumber telah diterjemahkan sebagai *lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama*. Frasa ini merujuk kepada bubur yang dimasak dan diberikan kepada anjing. Dalam budaya Korea, orang Korea menggunakan frasa ini untuk merujuk kepada seseorang yang rajin bekerja, tetapi orang yang lain mengambil hasilnya (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3942). Frasa ini juga digunakan dalam peribahasa Melayu dan mendukung maksud yang sama. Frasa *lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama* yang dihasilkan ini merupakan terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya. Hal ini menunjukkan bahawa penterjemah menggunakan prosedur naturalisasi untuk menyampaikan makna itu.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT10	<p>풀쭈어 개 좋은일만 한 것만 같은 <i>pul ssueo gae joheun ilman han geosman gateun</i></p>	<p>Dia begitu terkilan, <u>lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama</u>.</p>

Pengkaji mendapati bahawa strategi penterjemahan berunsur tempatan yang digunakan oleh penterjemah teks ini didapati sesuai bagi menterjemahkan frasa 술을 많이 하시나요? (*suleul manhi hasinayo*). Dalam teks sasaran, frasa ini diterjemah sebagai *kaki botol ke*. Jika diterjemah secara harfiah, frasa 술을 많이 하시나요? (*suleul manhi hasinayo*) ini membawa maksud *meminum minuman keras dengan banyak?*. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa makna dalam teks sumber adalah selari dengan terjemahan yang dilakukan dalam teks sasaran. Dalam budaya Malaysia, seseorang yang meminum minuman keras dengan banyak dan kerap, mereka akan diberikan gelaran sebagai *kaki botol*. Pengkaji mendapati bawah penterjemah telah menggunakan prosedur naturalisasi dan menterjemahkan kata ini. Namun penggunaan frasa ‘kaki botol’ dilihat sebagai sesuatu yang bersifat negatif. Walhal, dalam konteks dalam teks sumber tersebut sepatutnya lebih berbentuk pertanyaan biasa. Oleh itu,

pengkaji mencadangkan frasa ini diterjemahkan sebagai ‘saudara minum arak dengan banyak tak?’.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT12	술을 많이 하시나요 <i>suleul manhi hasinayo</i>	Saudara <u>kaki botol ke?</u>

5.2.5 Prosedur Pengguguran

Analisis data UBM5 mendapati bahawa perkataan 수저 (*sujeo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *sudu* dalam teks sasaran. Namun, perkataan 수저 (*sujeo*) ini merupakan sudu dan penyepit (Suh, 2004 p.469). Dalam kehidupan orang Korea, mereka menggunakan sudu dan penyepit untuk makan. Namun, 수저 (*sujeo*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu hanya menggunakan tangan untuk makan. Penggunaan sudu dan garfu jarang digunakan kerana mereka lebih selesa makan menggunakan tangan sahaja. Tambahan pula, budaya orang Melayu yang lebih selesa untuk makan secara bersila dan budaya ini menyebabkan penggunaan penyepit kurang sesuai. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan kata ini sebagai *sudu*. Terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah merupakan terjemahan kurang. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa perkataan yang sepatutnya digunakan oleh penterjemah, iaitu *sudu* sepatutnya digantikan kepada frasa *sudu dan penyepit*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM5	수저 <i>sujeo ina geoleosda.</i>	<u>Sudu</u> digerakkan perlahan-lahan, walaupun meja itu penuh dengan berbagai jenis hidangan.

Berdasarkan analisis data UBOS4 yang telah dilakukan oleh pengkaji, dapatan kajian ini mendapati bahawa frasa 나는 정가요 (*naneunjeong-gayo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Saya Chung*. Frasa 나는 정가요 (*naneun jeonggayo*) membawa maksud *Nama keluarga saya Chung*. Dalam budaya Korea, jika seseorang memperkenalkan diri kepada orang yang tidak mempunyai hubungan yang rapat, mereka akan menyebut nama keluarga mereka sahaja. Situasi ini tidak wujud dalam budaya masyarakat Melayu. Mereka menggunakan nama sendiri sebagai identiti diri mereka sendiri. Namun, budaya ini wujud dalam masyarakat Cina di Malaysia. Oleh itu, penterjemah telah menterjemahkan frasa ini dengan lebih umum. Pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *Saya Chung* sepatutnya digantikan kepada frasa *Nama keluarga saya Chung*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS4	나는 정가요 <i>naneun jeonggayo</i>	<u>“Saya Chung”</u>

5.2.6 Prosedur Sinonim

Berdasarkan data UBE3, perkataan 왜솔방울 (*waesolbangul*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *epal* dalam teks sasaran. Walau bagaimanapun, perkataan 왜솔방울 (*waesolbangul*) dalam teks sumber merujuk kepada sejenis buah daripada pokok *pine* Korea (Suh, 2004, p.654). Ciri-ciri nyata yang dilihat pada pokok *pine* ini adalah mempunyai daun keras yang berbentuk jarum, berwarna hijau, dan berbatang keras. Pokok ini mempunyai buah yang unik kerana buahnya berbentuk kon seperti pokok *conifers*. Namun, pokok ini hanya terdapat di Korea dan tidak terdapat di Malaysia. Walaupun terdapat pokok *pine* atau pokok Rhu di Malaysia, spesies pokok *pine* yang dimaksudkan oleh pengarang teks sumber adalah berbeza dengan spesies di Malaysia. Pokok *pine* yang dimaksudkan oleh pengarang teks sumber merupakan

spesies yang ditanam di bahagian Asia Timur. Oleh itu, makna budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan ini dalam teks sumber tidak dapat diterjemahkan ke dalam BM secara tepat. Hal ini menyebabkan penterjemah teks sasaran hanya menterjemahkannya kepada frasa *bulat seperti epal* sahaja. Namun, situasi yang berlaku terjemahan yang berlaku dalam teks sumber, perkataan 왜솔방울 (*waesolbangul*) ini merujuk kepada sesuatu objek yang berbentuk bulat. Oleh itu, penterjemah telah menterjemahkan kata ini sebagai *epal*. Namun, frasa *bulat seperti epal* yang telah diterjemah oleh penterjemah disifatkan sebagai terjemahan kurang, namun masih boleh diterima padanannya. Hal ini demikian kerana epal ini boleh disamakan dengan sesuatu objek atau benda yang berbentuk bulat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE3	왜솔방울 <i>waesolbangul</i>	yang ini bulat seperti epal , seperti ayah saudara sebelah ibunya juga.

Analisis data UBK14, iaitu perkataan 황천 (*hwangcheon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *nirwana*. Perkataan 황천 (*hwangcheon*) merupakan alam kematian. Dalam budaya Korea, orang Korea mempercayai bahawa setelah orang meninggal dunia, roh mereka berpindah ke alam lain yang kekal abadi (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.7034). Namun, pengkaji mendapati perkataan nirwana ini diterjemahkan daripada perkataan 황천 (*hwangcheon*) adalah tidak tepat. Hal ini demikian kerana, perkataan nirwana adalah spesifiknya datangnya daripada agama Buddha yang menerangkan tentang keadaan yang lenyap langsung dan aman sesudah mati (*Kamus Dewan*, 2006, p.1082). Namun, alam kematian tidak boleh disamakan dengan perkataan nirwana daripada konteks budaya Melayu. Dalam konteks alam kematian, orang Melayu lebih berasimilasi dengan agama yang mereka anuti seperti agama Islam. Mereka lebih munggunakan perkataan alam barzakh bagi mewakili alam

kematian. Pengkaji mendapati perkataan 황천 (*hwangcheon*) ini sepatutnya diterjemahkan kepada alam barzakh atau dijelaskan sebagai alam selepas kematian untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan lagi

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK14	황천 <i>hwangcheon</i>	..pernah memelukku. Aku pergi. Aku hendak ke <u>nirwana</u> .

5.3 Penterjemahan Berunsur Asing

Untuk menjelaskan strategi penterjemahan berunsur asing, pengkaji akan menggunakan prosedur tertentu, iaitu pemindahan, glos ekstrateks, glos intrateks dan *calque*. Hasil dapatan berikutnya dibincangkan berdasarkan prosedur-prosedur tersebut.

5.3.1 Prosedur Glos Intrateks

Analisis data UBE11 mendapati bahawa, perkataan 아지랑이 (*Ajirangi*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *kabus musim bunga* melalui contoh ketiga strategi penterjemahan ini. Perkataan ini merujuk kepada satu fenomena optik semula jadi yang berlaku pada musim bunga. Dalam fenomena ini, sinaran cahaya matahari telah dipantulkan secara semula jadi sehingga menghasilkan gambaran objek jauh atau langit yang palsu. Semasa awal musim bunga atau musim panas di Korea, fenomena ini boleh dilihat, sama ada di atas jalan raya, padang, dan rumput (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4019). Apabila fenomena ini berlaku di padang, masyarakat Korea beranggapan bahawa musim bunga sudah tiba. Sebaliknya, fenomena ini didapati tidak berlaku di Malaysia kerana negara ini tidak mengalami perubahan musim seperti di Korea. Oleh itu, penduduk negara ini tidak berpeluang melihat dan mengalami fenomena ini di negara mereka. Oleh itu, makna budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 아지랑이 (*Ajirangi*) dalam teks sumber tidak dapat diterjemahkan ke dalam

BM dengan berkesan oleh penterjemah. Dalam menyampaikan mesej ini dengan lebih berkesan, pengkaji mendapati bahawa frasa *kabus musim bunga* yang digunakan oleh penterjemah sepatutnya digantikan kepada frasa *wap air yang keluar dari tanah* supaya pembaca teks sasaran dapat membayangkan fenomena ini. Dalam BM, perkataan kabus ialah wap air yang kelihatan seperti asap yang berada dekat muka bumi (biasanya pada waktu pagi) (*Kamus Dewan*, 2007, p.649). Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa prosedur glos intrateks adalah tidak sesuai digunakan dalam situasi ini. Seperti contoh kedua yang dianalisis sebelum ini, pengkaji juga mendapati strategi penterjemahan yang lebih sesuai digunakan oleh penterjemah adalah strategi penterjemahan berunsur asing iaitu, gabungan antara prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) perlu digunakan untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE11	아지랑이 <i>Ajirangi</i>	Apabila <u>kabus musim bunga</u> sudah mula kelihatan walaupun masih jauh lagi,...

Analisis data UBE12 pula adalah frasa *솜 같은 눈송이가 펄펄 내리고 있었다* (*som gateun nunsongiga peolpeol naeligo isseosda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *salji turun dengan kepingan yang besar*. Pada musim dingin di Korea, salji akan turun. Berdasarkan situasi ini, salji yang turun dengan lebat diibaratkan seperti *sekeping kapas yang jatuh dari langit*. Kapas dan salji didapati mempunyai persamaan daripada aspek bentuk dan teksturnya. Jika dilihat dalam konteks budaya dan masyarakat Korea pula, masyarakat Korea mempercayai bahawa turunnya salji adalah menandakan musim dingin sudah tiba. Biasanya, musim dingin ini berlangsung selama tiga bulan bermula bulan Disember hingga Februari. Di Malaysia,

fenomena musim salji tidak wujud memandangkan iklimnya yang lembab sepanjang tahun. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendapati frasa *salji turun dengan kepingan yang besar* yang diterjemah oleh penterjemah adalah berbentuk terjemahan tepat dan sesuai dengan hasil terjemahannya. Situasi ini juga menunjukkan bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur glos intrateks untuk menyampaikan makna tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE12	<p>솜 같은 눈송이가 펄펄 내리고 있었다 <i>som gateun nunsongiga peolpeol naeligo isseossda</i></p>	<p>...dan <u>salji turun dengan kepingan yang besar.</u></p>

Berdasarkan analisis data UBE13, perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhan*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *keadaan musim dingin yang menggigit*. Pengkaji mendapati bahawa perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhanan*) ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Cina, iaitu 嚴冬雪寒 yang membawa makna 엄 (*keras*) + 동 (*musim dingin*) + 설 (*salji*) + 한 (*sejuk*), jika diterjemah ke dalam BK. Oleh itu, makna perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhan*) adalah *musim dingin yang sangat sejuk dan bersalji* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4260). Namun, fenomena 엄동설한 (*eomdongseolhan*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana negara ini beriklim Khatulistiwa dan tidak berlakunya musim dingin di sini. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhan*) sebagai *keadaan musim dingin yang menggigit* untuk menyampaikan mesej yang lebih berkesan. Perkataan *menggigit* itu menunjukkan bahawa ketika turunnya salji, keadaan persekitaran sangat sejuk sehingga tidak dapat dikawal lagi. Tambahan pula, penterjemah menggambarkan situasi kesejukan tersebut seperti keadaan kesakitan akibat digigit kerana kebanyakan pembaca teks sasaran yang tidak pernah berhadapan

dengan musim ini hanya beranggapan bahawa musim ini hanyalah kesejukan semata-mata. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendapati frasa *keadaan musim dingin yang menggigit* yang diterjemah oleh penterjemah adalah berbentuk terjemahan kurang, namun masih boleh diterima pakai padanan tersebut. Situasi ini juga menunjukkan bahawa penterjemah telah menggunakan prosedur glos intrateks untuk menyampaikan makna tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE13	엄동설한 <i>eomdongseolhan</i>	Dalam <u>keadaan musim dingin yang menggigit</u> ini, tiada pula tempat yang...

Analisis data UBM6 pula mendapati perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *dapur arang batu* dalam teks sasaran. Perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*) yang digunakan adalah merujuk kepada pemanas yang menggunakan briket (arang batu) sebagai bahan bakar (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4368). Pemanas ini digunakan untuk memanaskan sesuatu ruang pada musim dingin di Korea. Berdasarkan faktor perbezaan iklim, 연탄난로 (*yeontannanlo*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Keadaan iklim yang tidak ada musim dingin di Malaysia menyebabkannya tidak wujud di sini. Namun, penggunaan dapur arang batu pada zaman dahulu sangat meluas, tetapi fungsinya berbeza dengan budaya Korea. Orang Malaysia menggunakannya sebagai alat untuk memasak. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*) ini sebagai *dapur arang batu* untuk menyampaikan mesej, tetapi hasil terjemahan ini kurang difahami oleh masyarakat di Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa *pemanas daripada briket (arang batu) sebagai bahan bakar* sepatutnya digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah ayat ini untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM6	연탄난로 <i>yeontannanlo</i>	...belah tangannya ke atas <u>dapur arang batu</u> lalu menggosok-gosokkan...

Menerusi analisis data UBM11 pula mendapati bahawa perkataan 구들장 (*gudeuljang*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *kepingan batu lantai bilik* dalam teks sasaran. Perkataan 구들 (*gudeul*) ini adalah merujuk kepada sistem penghangat atau pemanas tradisional yang terdapat di Korea. Sistem ini dibina berdasarkan kepada kepingan batu-batu yang dikumpulkan yang disebut 구들장 (*gudeuljang*) (Suh, 2004, p.419). Sistem 구들 (*gudeul*) ini didapati tidak ada dalam budaya masyarakat di Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa prosedur glos intrateks yang digunakan oleh penterjemah teks sasaran ini adalah kurang sesuai, iaitu *kepingan batu lantai bilik* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan. Perkataan yang sepatutnya digunakan dalam menyampaikan maksud hasil terjemahan ini sepatutnya adalah frasa *kepingan batu yang dijadikan lantai bilik*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM11	구들장 <i>gudeuljang</i>	Sungguh pun <u>kepingan batu lantai bilik</u> dalam rumah tersebut.....

Melalui analisis data UBM7 yang dilakukan ke atas prosedur glos intrateks mendapati perkataan 가야금 (*gayageum*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *alat muzik iaitu ziter Korea*. Alat muzik ini merupakan sejenis alat muzik gesek tradisional Korea, bertali 12, dan telah dicipta oleh seorang raja dari kerajaan Gaya (Suh, 2004, p.567). Alat ini sebenarnya tidak wujud dalam kategori alat muzik tradisional Malaysia. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah perkataan ini sebagai *alat muzik*,

iaitu *ziter Korea* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan. Setelah perkataan *Alat muzik iaitu ziter Korea* ini diterjemah dalam teks sasaran, hasil terjemahan adalah berbentuk terjemahan kurang. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) adalah lebih sesuai digunakan untuk menyampaikan mesej yang dibawa oleh teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM7	가야금 <i>gayageum</i>	...untuk belajar bermain <u>alat muzik iaitu ziter Korea</u> , untuk mengisi..

Melalui data UBK5 yang dinyatakan dalam prosedur ini, dapatan kajian menunjukkan bahawa perkataan 집가심 (*jibgasim*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *upacara kut* dalam teks sasaran. Upacara ini merupakan satu upacara keagamaan yang khusus dan diadakan untuk mendoakan perjalanan si mati ke dunia lain (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5845). Upacara ini dilakukan setelah jenazah si mati dikebumikan dan bertujuan untuk mengusir roh jahat. Dalam budaya Korea, orang Korea mempercayai bahawa wujudnya roh jahat disekelilingi mereka. Roh jahat inilah perlu diusir supaya tidak mengganggu kehidupan manusia. Bagi masyarakat Melayu di Malaysia, roh-roh jahat adalah datang daripada syaitan dan jin. Justeru, amalan mengusir roh jahat ini hanya boleh dilakukan oleh mereka yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang Islam, iaitu ‘Ustaz’ dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran (Kitab suci Agama Islam). Dalam kepercayaan agama Islam pula, roh ialah perkara ghaib yang tidak boleh dicapai oleh pancaindera manusia sama ada roh itu baik atau jahat, hanya Tuhan yang akan membalas setiaap kejahatan dan kebaikan yang dilakukan manusia semasa rohnya berada di alam dunia. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah perkataan 집가심 (*jibgasim*)

sebagai *upacara kut yang khusus diadakan untuk menyelamatkan perjalanan si mati ke dunia lain*. Walau bagaimanapun, untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, pengkaji mendapati perkataan ini lebih sesuai diterjemahkan sebagai *upacara keagamaan yang dilakukan setelah jenazah si mati dikebumikan untuk mengusir roh jahat*.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK5	집가심 <i>jibgasim</i>	... menyelamatkan <u>upacara kut yang khusus diadakan untuk menyelamatkan perjalanan si mati ke dunia lain.</u>

Dalam bahagian ini juga, dapatan kajian berdasarkan data UBK6 mendapati bahawa frasa *키를 쓰고 동네를 한 바퀴 돈 경험* (*kileul sseugo dongneleul han bakwi don gyeongheom*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *mengalami penghinaan yang perit mengelilingi desa sambil menutupi kepala dengan penampi padi sebagai hukuman membasahi tempat tidur*. Dalam budaya Korea, apabila seorang budak terkencing di atas tempat tidurnya, dia akan menerima hukuman (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6315). Bentuk hukuman yang dikenakan kepada kanak-kanak ini adalah mengelilingi desa. Semasa mengelilingi desa, kepala mereka akan ditutup penampi padi. Pada masa yang sama, mereka perlu pergi ke setiap rumah yang terdapat di desa itu. Setelah itu, mereka perlu meminta garam daripada setiap rumah jiran kerana dipercayai garam tersebut mampu membuang roh jahat dalam diri mereka. Bagi orang Malaysia, konsep ini juga wujud tetapi menggunakan pendekatan yang berlainan untuk mengatasi masalah tersebut bergantung kepada ibu bapa kanak-kanak tersebut. Lazimnya mereka menggunakan kaedah rawatan tradisional atau petua-petua untuk mengatasi masalah tersebut. Pengkaji mendapati bahawa prosedur glos intrateks yang diguna pakai oleh penterjemah teks ini adalah tepat dan dapat menjelaskan budaya

masyarakat Korea dengan baik.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK6	키를 쓰고 동네를 한바퀴 돈 경험이 <i>kileul sseugo dongneleul han bakwi don gyeongheom</i>	Setelah <u>mengalami penghinaan yang perit mengelilingi desa sambil menutupi kepala dengan penampi padi sebagai hukuman membasahi tempat tidur.</u>

Selain itu, frasa 머리 위로 연방 소금을 뿌리면서 (*meoliwilo yeonbang sogeumul ppulimyeonseo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *menaburkan garam berkali-kali di atas kepala* dalam teks sasaran. Berdasarkan contoh kedua ini, masyarakat Korea mempercayai bahawa mereka perlu menaburkan garam kepada seseorang untuk menghalau roh jahat yang mengganggu ketenteraman seseorang. Budaya yang sama juga diamalkan oleh orang Melayu di Malaysia. Roh-roh yang jahat dihalau dengan menaburkan garam dan bacaan ayat Al-Quran (Jabatan Mufti Negeri Melaka, 2012, p.7). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan prosedur glos intrateks dan telah menterjemahkan frasa ini sebagai *menaburkan garam berkali-kali di atas kepala*. Terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah merupakan terjemahan tepat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK8	머리 위로 연방 소금을 뿌리면서 <i>meoliwilo yeonbang sogeumul ppulimyeonseo</i>	<u>...menaburkan garam berkali-kali di atas kepala</u> ayah sambil menangis teresak-esak,...

Berdasarkan analisis data UBK9 mendapati frasa 아홉수가 원래 사납다고 (*ahobsuga wonlae sanabdago hademan*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *nombor sembilan* dalam teks sasaran. Dalam budaya Korea, masyarakatnya

mempercayai bahawa *nombor sembilan tidak membawa tuah* membawa nasib malang (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4030). Contohnya, jika seseorang lelaki berumur sembilan tahun, 19 tahun, 29 tahun dan sebagainya, mereka akan mengelakkan diri daripada berkahwin atau berpindah rumah. Hal ini demikian kerana mereka beranggapan bahawa mereka akan menerima nasib malang jika berbuat sesuatu yang berkaitan dengan angka sembilan itu. Dalam budaya Melayu, kepercayaan seperti ini sama sekali tidak wujud dan mereka juga tidak digalakkan mempercayai unsur-unsur lain selain Tuhan (Allah). Namun, bagi masyarakat Cina di Malaysia, kepercayaan seperti ini juga diamalkan dan dipercayai oleh mereka. Selain itu, perkataan 아홉수 (*ahobsu*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah kata ini sebagai *nombor sembilan tidak membawa tuah*. Pengkaji mendapati frasa 아홉수가 원래 사납다고 (*ahobsuga wonlae sanabdago*) ini diterjemahkan *nombor sembilan yang membawa malang* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK9	아홉수가 원래 사납다고 <i>ahobsuga wonlae sanabdago</i>	“orang selalu berkata <u>nombor Sembilan tidak membawa tuah...</u> ”

Analisis data UBK13 menunjukkan bahawa frasa 이승에 한 (*iseunge han*) telah diterjemah kepada *rasa kurang senang terhadap dunia ini*. Menurut kepercayaan masyarakat Korea, jika seseorang telah meninggal dunia, tetapi mereka merasa kurang gembira dengan kehidupan yang sebelum ini, roh mereka tidak akan tenang (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6737). Roh si mati yang tidak tenang ini tidak boleh meneruskan perjalanan ke alam lain. Oleh itu, roh si mati yang tidak tenang ini akan mengganggu orang lain yang masih hidup. Berbeza dengan kepercayaan Agama

Islam, selepas kematian mereka akan menemui Tuhan (Allah) untuk diperhitungkan segala amalan. Sama ada roh mereka tenang atau tidak, mereka tetap akan dapat balasan daripada Tuhan dan segala hubungan mereka dengan dunia akan terputus. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan prosedur glos intrateks dan telah menterjemahkan frasa ini sebagai *rasa kurang senang terhadap dunia ini*. Hasil terjemahan yang oleh penterjemah menghasilkan terjemahan tepat.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK13	이승에 한 <i>iseunge han</i>	... yang mempunyai <u>rasa kurang senang terhadap dunia ini</u> .

Hasil analisis data UBKS8 mendapati bahawa perkataan 삼팔선 (*sampalseon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *garisan lintang 38* dalam teks sasaran. Perkataan 삼팔선 (*sampalseon*) ialah satu garisan latitud yang terletak pada lintang 38 darjah sebelah utara garisan khatulistiwa Bumi (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3260). Paralel ke-38 sangat dalam antara Korea selatan dan Korea utara. Paralel ke-38 merupakan sempadan antara Korea selatan dan Korea utara. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran menterjemahkan perkataan 삼팔선 (*sampalseon*) ini sebagai garisan lintang 38 tetapi hasil terjemahkan ini kurang tepat. Oleh sebab ini, strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS8	삼팔선 <i>sampalseon</i>	...yang dibawanya bersama sebuah beg berwarna hitam semasa dia menyeberangi <u>garisan lintang 380°</u> .

Hasil analisis data UBG4 mendapati prosedur glos intrateks telah diguna pakai dalam menterjemah penterjemahan berunsur asing. Pengkaji mendapati frasa *마누라를 개 패듯 때려 잡던데* (*mulgu manulaleul gae paedeus ttaelyeo jabdeonde*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *memukul isterinya seperti memukul anjing*. Dalam budaya Korea, jika seseorang memukul orang lain tanpa belas kasihan, mereka dikatakan seperti memukul seekor anjing. Jika diterangkan perlakuan ini, memukul seperti anjing bermaksud memukul tanpa henti dan tanpa belas kasihan kerana pihak yang dipukulnya itu tidak dapat melawan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.182). Situasi ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana perbuatan tersebut dianggap sebagai tidak berperikemanusiaan dan si pelakunya akan disamakan seperti haiwan srta dikenakan tindakan undang-undang. Tambahan pula, undang-undang syariah di Malaysia mengenakan hukuman yang berat terhadap suami yang berkelakuan kasar terhadap isterinya. Oleh itu, masyarakat Malaysia tidak boleh memahami makna frasa ini. Pengkaji mendapati bahawa prosedur penyejagatan mutlak, iaitu *memukul tanpa henti* lebih sesuai digunakan untuk menterjemah frasa ini untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT4	마누라를 개 패듯 때려 잡던데 <i>manulaleul gae paedeus ttaelyeo jabdeonde</i>	“Mulut Sei Chon tu berbuih-buih. Dia <u>memukul isterinya seperti memukul anjing</u> .”

Berdasarkan analisis data UBG5, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa prosedur glos intrateks telah digunakan dalam menterjemah teks sumber kepada teks sasaran. Pengkaji mendapati frasa *손가락으로 술상을 두드리기* (*songalageulo sulsaneul dudeuligi*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *bergendang di atas meja*. Perbuatan ini bermaksud apabila seseorang mengetuk-mengetuk meja yang

diletakkan minuman keras dengan menggunakan hujung jari. Dalam budaya Korea, apabila seseorang minum arak, mereka akan minum sambil menyanyi dan kemudiannya mengetuk meja dengan menggunakan hujung jari. Perbuatan ini tidak wujud dalam budaya Malaysia terutamanya dalam masyarakat Melayu kerana mereka tidak minum arak. Oleh sebab ini, penterjemahan telah menterjemah frasa ini secara umum. Pengkaji mendapati frasa 손가락으로 술상을 두드리기 (*songalag-eulo sulsang-eul dudeuligi*) ini telah diterjemahkan kepada *mengetuk meja minuman keras dengan menggunakan hujung jari* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT5	손가락으로 술상을 두드리기 <i>songalageulo sulsangeul dudeuligi</i>	Kakitangan Pejabat Cukai itu mula <u>bergendang di atas meja.</u>

Strategi yang sama juga telah digunakan oleh penterjemah teks ini apabila menterjemah frasa 얼굴에 찬물을 뿜어대는등 (*eolgule chanmuleul ppumeodaeneundeung*) daripada teks sumber kepada teks sasaran. Frasa ini telah diterjemahkan sebagai perbuatan *merenjiskan air sejuk ke mukanya*. Frasa ini sebenarnya bermaksud perbuatan meminum air dingin dan menyemburnya ke muka orang yang sedang pengsan bertujuan untuk menyedarkan orang tersebut. Dalam budaya Korea, jika seseorang jatuh pengsan, orang akan meminum air dingin, lalu menyemburkan ke mukanya untuk menyedarkannya. Dalam budaya Malaysia, perbuatan ini tidak wujud kerana kaedah yang digunakan untuk menyedarkan seseorang yang pengsan adalah menyapukan air ke mukanya sahaja. Namun, terdapat juga keadaan yang lebih kurang sama dalam pengubatan alternatif atau tradisional orang Melayu sebagai satu bentuk ritual pengubatan (Haliza, 2000, p.122). Selalunya airnya dimasuk dalam mulut perlu dijampi sebelum menyemburnya ke muka pesakit. Pengkaji

mendapati bahawa prosedur glos intrateks perlu digunakan, iaitu menerangkannya sebagai *Minum air dingin, lalu menyemburkan ke muka seseorang yang pengsan untuk menyedarkannya* untuk menyampaikan maklumat dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT6	얼굴에 찬물을 뿜어대는등 <i>eolgule chanmuleul ppumeodaeneundeung</i>	...untuk mengurut kaki tangannya serta <u>merenjiskan air sejuk ke mukanya</u> untuk memulihkannya.

Berdasarkan data UBGT7, dapatan kajian menunjukkan bahawa frasa 흰 헝겊을 머리에 질끈동이고 (*huin heonggeopeul meolie jilkkeun dongigo*) dalam teks sumber sebagai *Pada dahi ibu terlilit sejalur kain putih*. Situasi ini dilakukan apabila seseorang melilit kepalanya dengan sehelai kain putih (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1655). Dalam budaya Korea, jika seseorang sakit pada bahagian kepala atau badan, mereka akan melilit bahagian itu kain putih pada bahagian yang sakit itu. Masyarakat Korea percaya bahawa dengan melilit kain putih di bahagian itu, kesakitan dapat dikurangkan. Dalam budaya Malaysia, budaya melilit kain di kepala sememangnya wujud pada zaman dahulu, lazimnya dipanggil semutar. Sejenis kain yang dipakai dengan cara melilitnya di kepala. Kain putih ini kadangkala berlaku, tetapi mempunyai tujuan yang berlainan. Contohnya, lilitan ini digunakan oleh kaum lelaki di keliling songkok mereka apabila berlakunya kemangkatan sultan atau raja sebagai tanda berkabung. Budaya pemakaian semutar masih boleh dilihat di pakai oleh orang tua-tua di pantai timur lebih-lebih lagi negeri Kelantan. Mereka menggelarkannya ‘semutar’ dan ianya sudah menjadi satu budaya pemakaian orang-orang tua sejak Islam sampai di Kelantan. Budaya pemakaian semutar juga boleh dilihat dalam kalangan orang Melayu Pattani. Pengkaji mendapati bahawa prosedur glos intrateks perlu digunakan, iaitu *Pada kepala dililit dengan sejalur kain putih untuk meringankan kesakitan* untuk

menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBGT7	흰 형꽃을 머리에 질끈동이고 <i>huin heonggeopeul meolie jilkkeun dongigo</i>	<u>Pada dahi ibu terlilit sejalur kain putih</u> seperti kamu lakukan ketika bersukan di sekolah.

5.3.2 Prosedur Pemindahan

Berdasarkan analisis data UBE4, iaitu contoh dapatan kajian ini menunjukkan terdapatnya kesepadanan antara teks sumber dan terjemahan yang terdapat dalam teks sasaran. Perkataan 후박나무 (*hubagnamue*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai pokok *Magnolia*. Perkataan 후박나무 (*hubagnamue*) dalam teks sumber merujuk kepada sejenis pokok yang berasal dari Korea. Pokok ini adalah dalam spesies pokok malar hijau dalam kelas *Magnoliopsida*, sejenis *Ranunculales* dan daripada keluarga *Lauraceae* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.7073). Di Malaysia, pokok *Magnolia* ini tidak ditanam kerana faktor keadaan muka bumi dan iklim. Oleh itu, makna budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 후박나무 (*hubagnamue*) dalam teks sumber tidak dapat diterjemahkan ke dalam BM. Pada masa yang sama, penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *pokok magnolia*. Pokok ini mempunyai ketinggian dua hingga lima meter atau sehingga 15 meter tinggi. Pokok ini mempunyai bunga putih, besar, wangi, dan berbunga kira-kira 10 hari. Oleh itu, penterjemah telah menggunakan prosedur pemindahan, iaitu dengan meminjam kata daripada bahasa Inggeris. Situasi ini menunjukkan bahawa peminjaman perkataan *pokok magnolia* yang dihasilkan melalui terjemahan ini adalah berbentuk terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE4	후박나무 <i>hubagnamue</i>	... di atas <u>pokok magnolia</u> di kawasan rumahnya.

Selain itu, berdasarkan analisis data UBE5 mendapati bahawa perkataan 버드나무 (*beodeunamu*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *pokok willow*. Pengkaji mendapati bahawa 버드나무 (*beodeunamua*) merupakan spesies pokok yang mempunyai saiz dan kadar pertumbuhan yang berbeza-beza. Dalam genusnya, terdapat kira-kira 350 spesies pokok ini yang boleh ditemui dan biasanya spesies ini mudah dijumpai di bahagian Utara Korea (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.2612). Di bahagian utara Korea ini, keadaan tanahnya lembab dan udaranya pula sejuk, serta memudahkannya tumbuh dengan subur. Walau bagaimanapun, di Malaysia pokok ini didapati tidak dapat tumbuh atas faktor keadaan tanah dan iklim. Oleh itu, makna budaya dan fungsi yang didukung oleh 버드나무 (*beodeunamu*) dalam teks sumber didapati tidak dapat diterjemahkan ke dalam BM. Pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *pokok willow* lebih sesuai digunakan. Walau bagaimanapun, *pokok willow* ini juga dikenali sebagai *Pokok Janda Berhias* di Malaysia, tetapi nama tersebut kurang popular dan dikenali. *Pokok willow* yang digunakan dalam terjemahan ini berbentuk terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya. Situasi ini menunjukkan bahawa penterjemah telah berjaya menggunakan prosedur pemindahan untuk menyampaikan makna tersebut.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE5	버드나무 <i>beodeunamu</i> ditiup oleh kanak-kanak yang bermain di bawah <u>pokok willow</u> dekat...

Berdasarkan analisis data UBE6, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa perkataan 감나무 (*gamnamu*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *pokok Persimmon*. Perkataan 감나무 (*gamnamu*) membawa maksud sejenis buah yang istimewa dan hanya boleh ditanam di Asia Timur, iaitu Korea, Cina, Jepun, dan sebagainya. Pokok ini hanya boleh ditanam di negara yang mengalami empat musim sahaja (Suh, 2004, p.651). Pokok ini tumbuh menegak dan boleh mencapai ketinggian sehingga 10 meter. Buahnya berwarna hijau ketika muda dan bertukar kepada warna jingga kemerahan apabila masak. Di Korea, pokok ini ditanam secara komersial di kebun atau di keliling rumah. Namun, berlainan pula dalam situasi di Malaysia, pokok ini didapati tidak terdapat di sini. Oleh itu, makna budaya dan fungsi yang didukung oleh 감나무 (*gamnamu*) dalam teks sumber tidak dapat diterjemahkan ke dalam BM. Sebagai penyelesaiannya, penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *pokok persimmon* sahaja dan menggunakan strategi penterjemahan pemindahan. Namun, pengkaji mendapati bahawa perkataan 감나무 (*gamnamu*) ini boleh diterjemahkan sebagai *pokok pisang kaki*. Bagi menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, pengkaji mendapati naturalisasi, iaitu *pokok pisang kaki* lebih sesuai digunakan kerana sudah dikenali oleh penduduk Malaysia.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE6	감나무 <i>gamnamu</i>	..dan melihat ke arah <u>pokok persimmon</u> itu.

Selain itu, analisis data UBE15 mendapati bahawa perkataan 금강산 (*geumgangsán*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Gunung Kumkang (intan)*. Perkataan 금강산 (*geumgangsán*) yang digunakan adalah merujuk kepada gunung yang terdapat di Korea Utara. Gunung tersebut yang mempunyai ketinggian 1,638 meter dan merupakan sebahagian daripada rangkaian Gunung Taebaek yang

memanjang dari bahagian timur Korea Utara sehingga ke Korea Selatan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.825). Rangkaian gunung ini terkenal dengan pemandangannya yang indah. Selain itu, perkataan 금강산 (*geumgangsán*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana gunung tersebut hanya terdapat di negara Korea sahaja. Oleh itu, pengkaji mendapati penterjemah telah menggunakan prosedur pemindahan dan telah menterjemah perkataan 금강산 (*geumgangsán*) sebagai *Gunung Kumkang (intan)* untuk menyampaikan mesej yang lebih berkesan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa *Gunung Kumkang (intan)* yang dinyatakan dalam teks sasaran adalah merupakan terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBE15	금강산 <i>geumgangsán</i>	...ke <u>Gunung Kumkang (intan)</u> untuk mendapatkan...

Perkataan 팽과리 (*kkwaenggwali*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *kkwaenggwari* juga. Perkataan ini membawa maksud sejenis alat muzik Korea, iaitu gong kecil. Gong kecil Korea ini adalah alat muzik pukul yang dibuat daripada besi yang dicat dengan warna kuning dan berbentuk bulat. Di atasnya diletakkan tali pendek untuk memudahkannya dipegang semasa dimainkan. Gong ini dipegang dengan sebelah tangan dan dengan dipukul dengan kayu pemukul untuk mengeluarkan bunyi (Suh, 2004, p.569). Namun, pengkaji mendapati bahawa perkataan 팽과리 (*kkwaenggwali*) ini didapati tidak mempunyai padanan maknanya dalam budaya masyarakat di Malaysia. Dalam kebudayaan dan kesenian Melayu, terdapat jenis gong yang biasa digunakan dipanggil sebagai tawak-tawak, dimainkan dalam pelbagai persembahan muzik tradisi misalnya dalam persembahan Makyong. Gong hanya mempunyai satu permukaan sahaja dan ditengah permukaan tersebut ditekukkan daripada dalam serta membonjol keluar dan dipalu dengan kayu berbalut getah diujungnya dan bunyinya berdengung.

Walau bagaimanapun, penterjemah teks sasaran hanya menterjemahkan perkataan *kkwaenggwari* sahaja tanpa menghuraikan maksudnya. Situasi ini menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memahami maksud *kkwaenggwari* yang dinyatakan dalam teks sasaran. Oleh sebab ini, strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan prosedur glos ekstrateks (nota kaki) didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM9	팽과리 <i>kkwaenggwali</i>	..dengan tiba-tiba kedengaran bunyi kenering <u><i>kkwaenggwari</i></u> yang bisung datang dari arah...

Analisis data UBK11 mendapati perkataan 무당 (*mudang*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *mudang* juga. Perkataan 무당 (*mudang*) ini merujuk kepada perlakuan seorang, iaitu perlakuan menilik nasib, membaca jampi-jampi, dan mentera untuk orang yang sakit atau memerlukan bantuan (Suh, 2004, p.333). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran hanya menterjemahkan perkataan *mudang* sahaja tanpa menghuraikan maksudnya. Situasi ini menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memahami maksud *mudang* yang dinyatakan dalam teks sasaran. *Mudang* dibahagikan kepada dua jenis, iaitu 세습무, 世襲巫 (*saeseupmu*) bertugas melakukan ritual dan 강신무, 降神巫 (*kangshinmu*) yang mendapatkan tauliah sebagai *mudang* melalui suatu upacara *inisiasi*. Oleh sebab ini, strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara prosedur pemindahan dan prosedur glos ekstrateks (nota kaki) didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK11	무당 <i>mudang</i>	Muka si mudang jelas kelihatan walaupun lampu minyak berkedip-kedip.

Dalam teks ini, perkataan 서방님 (*seobangnim*) pula telah diterjemah sebagai *Pok-I* juga. Dalam BK, perkataan ini merujuk kepada *bahasa sopan yang diucapkan oleh suami*. Dalam sistem panggilan masyarakat Korea, isteri akan memanggil suaminya seperti 서방님 (*seobangnim*) atau 여보 (*yeobo*) (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3366). Situasi ini juga wujud dalam budaya masyarakat Malaysia, contohnya masyarakat Melayu. Kebiasaanya, masyarakat Melayu akan memanggil suaminya dengan panggilan *abang*. Dalam konteks ini, panggilan abang adalah sangat universal dan tidak dilihat daripada faktor usia. Kadangkala, terdapat situasi apabila suami tersebut lebih muda berbanding isteri, tetapi panggilan ini masih dikekalkan. Panggilan ini menunjukkan peranan seseorang sebagai ketua keluarga dan menunjukkan isteri menghormati suaminya. Dalam teks sasaran, penterjemah hanya menterjemah perkataan ini kepada nama suami watak sahaja. Namun, hasil terjemahan sinonim ini boleh terima pakai, tetapi untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, pengkaji mendapati bahawa perkataan ini sepatutnya diterjemah kepada *suami*. Terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah adalah bersifat kurang, tetapi masih boleh difahami oleh pembaca.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBOS7	서방님 <i>seobangnim</i>	Aduhai mak, ayah, datuk, nenek, <u>Pok-I</u> , adik-adik aku akan pergi.

5.3.3 Prosedur Glos Ekstratkes

Hasil analisis data UBM2 dalam kajian ini mendapati bahawa perkataan 보선 (*poson*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *poson* juga. Perkataan 보선 (*poson*) dalam teks sumber ini adalah *stokin Korea* (Suh, 2004, p.402) dan stokin ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Stokin ini merupakan stokin yang dikhususkan kepada kaum wanita sahaja. Stokin ini pendek, berwarna putih, dan dibuat dengan menggunakan kain. Wanita Korea akan menggunakan stoking ini semasa di dalam rumah atau apabila memakai kasut untuk melindungi kaki mereka daripada kesejukan. Situasi ini tidak dapat dilihat di Malaysia kerana kebanyakan wanita di sini hanya berkaki ayam atau menggunakan selipar di dalam rumah. Tambahan pula, iklim di Malaysia yang tidak mempunyai musim sejuk menyebabkan penggunaan stokin menjadi umum dan tidak mempunyai tujuan yang khusus serta lebih banyak digunakan sama ada ketika bersukan mahupun berkerja. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan dua prosedur, iaitu prosedur pemindahan dan prosedur golss ekstrateks. Penterjemah menggunakan noka kaki dan menjelaskan 보선 (*poson*) ini sebagai pembuat kaki beralas kapas berwarna putih yang dipakai dengan baju Korea dan Kasut getah (Chung, 1988, p.6).

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM2	보선 <i>poson</i>	...melupakan tentang poson yang berlapik dan sebaliknya dengan wang.. *pembuat kaki beralas kapas berwarna putih yang dipakai dengan baju korea dan kasut getah

Analisis data UBK15 mendapati bahawa perkataan 𪛗 (*gus*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *upacara Shaman* dalam teks sasaran. Perkataan 𪛗 (*gus*) merupakan salah upacara dibuat oleh sami untuk menanggil roh. Dalam budaya Korea,

orang Korea mempercayai bahawa sami boleh berdoa kepada Tuhan, tanpa memerlukan perantaraan untuk menyelamatkan seseorang (suh, 2004, p.334). Jika seseorang ditimpa musibah, mereka akan bertemu sami untuk mendapatkan nasihat dan sami akan berdoa untuk meminta pertolongan Tuhan. Shamanisme merupakan cara yang digunakan untuk berkomunikasi atau berhubung dengan dewa atau semangat. Semangat-semangat ini wujud melalui roh nenek moyang atau pahlawan masa dahulu. Shaman (bomoh) menjadi saluran untuk manusia berhubung dengan pelbagai jenis semangat ghaib. Orang Korea menggelar shamanisme sebagai 무 (*mu*) sementara pengamalannya pula disebut sebagai 무당 (*mudang*). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan dua prosedur, iaitu prosedur pemindahan dan prosedur golss ekstrateks. Penterjemah menggunakan nota kaki dan menjelaskan 굿 (*gus*) ini sebagai upacara menyerapah yang dilakukan oleh seorang booh (Chung, 1988, p.2).

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBK15	굿 <i>gus</i>	<u>Kut...</u> <i>*upacara menyerapah yang dilakukan oleh seorang bomoh</i>

Hasil analisis data UBKS10 mendapati bahawa kata 리 (*ri*) diterjemah sebagai *ri* dalam teks sasaran. Dalam BK, makna 리 (*ri*) ialah unit jarak, iaitu jaraknya kira-kira 0.393km (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1949). Namun, pengkaji mendapati bahawa kata 리 (*ri*) ini didapati tidak mempunyai padanan maknanya dalam budaya masyarakat di Malaysia. Oleh itu, penterjemah menggunakan nota kaki dan menjelaskan perkataan ini sebagai sama jauh dengan satu pertiga batu. Situasi ini menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memahami maksud *ri* yang dinyatakan dalam teks. Pengkaji mendapati bahawa strategi penterjemahan berunsur asing, iaitu gabungan antara

prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS10	친여 리 <i>cheonyeo ri</i>	...berjalan lebih dari <i>seribu ri</i> dari Seoul ke Mujin * <i>sama jauh dengan satu pertiga batu</i>

5.3.4 Prosedur Pinjam Terjemah (*Calque*)

Berdasarkan analisis data UBM14 mendapati bahawa perkataan 국밥 (*gugbab*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *sup nasi* dalam teks sasaran. Dalam teks sumber pula, perkataan 국밥 (*gugbab*) adalah 국 (*gug*) (*sup*) + 밥 (*bab*) (*nasi*). Dalam budaya Korea, biasanya makanan ini dihidangkan bersama sup, nasi, dan beberapa lauk sampingan (Suh, 2004, p.347). Walau bagaimanapun, 국밥 (*gugbab*) ini dihidangkan bersama sup dengan nasi dalam satu mangkuk. Makanan ini dimakan panas-panas sebagai hidangan kepada orang ramai pada musim dingin. Berbanding dengan situasi di Malaysia, perkataan 국밥 (*gugbab*) sebenarnya tidak wujud dalam budaya makanan masyarakat di sini. Oleh itu, penterjemah hanya menterjemahkan perkataan ini sebagai *sup nasi*. Namun, hasil terjemahan ini kurang difahami oleh masyarakat Melayu. Pengkaji mendapati bahawa dalam menyampaikan mesej dengan lebih berkesan penterjemah sepatutnya menggunakan frasa *sup dicampur dengan nasi* berbanding *sup nasi*. Sup nasi dalam budaya masyarakat Malaysia adalah nasi yang dimakan bersama sup ayam, daging, atau sayur.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBM14	국밥 <i>gugbab</i>	“Minta dua mangkuk sup nasi ”

Hasil analisis data UBKS11 dalam kajian ini mendapati bahawa perkataan 음력 (*eumlyeog*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *takwim kamariah*. Perkataan 음력 (*eumlyeog*) ini merupakan sistem kalendar berasaskan perhitungan fasa bulan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4862). Dalam masyarakat Islam, kalendar Qamariah digunakan oleh bangsa Arab zaman dahulu adalah sama dengan kalendar Qamariah yang ada ketika ini. Mengikut kalender ini, dalam setahun ada dua belas bulan dan awal bulan ditentukan mengikut terbitnya hilal (bulan sabit pertama). Masyarakat Arab telah menetapkan bulan Muhar ram sebagai awal tahun bagi orang Islam. Berbeza dengan masyarakat Korea, mereka menggunakan kalendar solar dan kalendar lunar. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini mengikut kalender Islam. Pengkaji mendapati bahawa frasa *takwim kamariah* yang digunakan oleh penterjemah didapati menghasilkan terjemahan tepat dalam menyampaikan mesej yang terkandung dalam teks sumber.

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran
UBKS11	음력 <i>eumlyeog</i>	Hari yang ditetapkan adalah hari yang kedua puluh lapan pada bulan empat mengikut <u>takwim kamariah</u> .

5.4 Rumusan

Bab ini berkaitan dengan analisis strategi penterjemahan bagi menjawab objektif kajian yang kedua. Sebanyak 90 kes yang mengandungi unsur budaya Korea yang diperoleh melalui strategi penterjemahan dalam karya BK dan BM. Berdasarkan analisis yang telah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa terdapat teks terjemahan dari BK ke BM lebih cenderung diterjemahkan dengan prosedur tertentu menggunakan strategi penterjemahan budaya berunsur tempatan. Secara keseluruhannya, pengkaji mendapati bahawa perbezaan unsur budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran telah menimbulkan dua jenis penggunaan strategi yang telah diamalkan oleh penterjemah.

Kajian ini juga mendapati dalam penterjemahan unsur budaya, penterjemah karya ini lebih cenderung untuk menggunakan prosedur penyejagatan mutlak berbanding dengan prosedur penterjemahan yang lain. Hal ini berlaku mungkin disebabkan oleh kesukaran untuk mendapatkan makna yang paling tepat dan sepadan dengan teks sumber.

Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati bahawa kedua-dua strategi untuk menterjemah, iaitu penterjemahan berunsur tempatan dan penterjemahan berunsur asing berperanan sebagai strategi utama penterjemah untuk menyampaikan versi yang boleh dibaca dan difahami oleh pembaca sasaran. Hasil kajian ini menyokong pandangan yang menyatakan bahawa terjemahan ialah satu proses penulisan semula yang kompleks telah muncul dalam banyak situasi percanggahan teoritikal dan praktikal sepanjang sejarahnya. Perlu dinyatakan di sini bahawa proses menterjemah karya kesusasteraan itu sendiri merupakan satu cabaran kerana karya kesusasteraan tidak seperti genre lain. Penterjemah kesusasteraan harus menumpukan sedaya upaya segala usaha untuk memelihara mesej teks sumber.

BAB 6 : KEBOLEHTERJEMAHAN UNSUR BUDAYA BAHASA KOREA KE DALAM BAHASA MELAYU

6.1 Pendahuluan

Bab ini membincangkan kebolehterjemahan unsur budaya yang melibatkan bahan terjemahan BK-BM dengan menumpukan konteks persamaan dan perbezaan. Kebolehterjemahan meneliti bentuk bahan yang dapat diterjemahkan apabila adanya padanan yang sesuai atau paling hampir dengan maksud asal teks sumber. Hasil dapatan kajian yang diperoleh oleh pengkaji dalam proses pengumpulan data akan dianalisis dengan memperincikan setiap pandangan responden dan juga pandangan pengkaji.

Pandangan responden yang diambil dan dianalisis dari segi kebolehterjemahan unsur budaya dalam terjemahan BK dan BM dalam bab ini akan diperincikan mengikut kategori budaya. Hasil analisis akan dibandingkan dengan hasil dapatan pengkaji serta pandangan penterjemah mengikut unsur-unsur budaya berikut:

- i. Pandangan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi.
- ii. Pandangan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Material.
- iii. Pandangan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kepercayaan.
- iv. Pandangan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kawalan Sosial.
- v. Pandangan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Organisasi Sosial.
- vi. Pandangan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Gerak Isyarat dan tabiat.

Hasil persetujuan setiap individu daripada kumpulan-kumpulan responden tentang kebolehterjemahan untuk unsur budaya berlandaskan BK dan BM akan dijumlahkan dan diberikan nilai peratusan. Jumlah peratusan tersebut akan dibincangkan berdasarkan alasan yang dikemukakan oleh mereka.

6.2 Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi

Pengkaji telah menjalankan proses pengumpulan maklumat dan data di lapangan untuk mendapatkan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya ekologi BK-BM. Jadual 6.1 memaparkan hasil dan dapatan kajian berkaitan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya ekologi BK-BM.

Jadual 6.1 : Pandangan responden Kebolehterjemahan Budaya Ekologi

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Dapatan Dua Kumulan	
			Boleh Terjemah	Tidak Boleh Terjemah
UBE1	진달래꽃 <i>jindallaekkocho</i>	...serta disulami dengan <u>pokok renek</u> yang sedang berbunga warna merah jambu.	Orang Korea (OK) 9 Orang Malaysia (OM) 4	OK 6 OM 11
UBE2	단풍이 빨강계 타올랐다. <i>danpungi ppalgahge taollasda</i>	<u>Daun dan bunga yang berguguran di atas bukit-bukau yang berhampiran desa memperlihatkan suasana musim luruh.</u>	OK 5 OM 3	OK 10 OM 12
UBE3	왜솔방울 <i>waesolbangul</i>	yang ini <u>bulat seperti epal</u> , seperti ayah saudara sebelah ibunya juga.	OK 11 OM	OK 4 OM 15
UBE4	후박나무 <i>hubagnamue</i>	... di atas <u>pokok magnolia</u> di kawasan rumahnya.	OK 14 OM 15	OK 1 OM 0
UBE5	버드나무 <i>beodeunamu</i>	... bunyi serunai batang willow yang ditiup oleh kanak-kanak yang bermain di bawah	OK 15 OM 15	OK 0 OM 0

		<u>pokok willow</u> dekat...		
UBE6	감나무 <i>gamnamu</i>	..dan melihat ke arah <u>pokok persimmon</u> itu.	OK 15 OM 15	OK 0 OM 0
UBE7	진도견 <i>jindogyeon</i>	<u>Anjing</u> Suh Rang yang telah selama tiga tahun...	OK 14 OM 3	OK 1 OM 12
UBE8	두꺼비 <i>dukkeobi</i>	<u>Seekor katak</u> telah menetap di serambi rumah kami yang kotor selama beberapa hari...	OK 13 OM 14	OK 2 OM 1
UBE9	멧새 <i>messae</i>	...di pohon-pohon kayu itu untuk memikat <u>burung liar</u> .	OK 14 OM 12	OK 1 OM 3
UBE10	준마 <i>junma</i>	...dan dia berkejaran ke sana ke sini bagaikan <u>kuda yang cukup</u> <u>terlatih</u> di atas padang permainan.	OK 15 OM 15	OK 0 OM 0
UBE11	아지랑이 <i>Ajirangi</i>	Apabila <u>kabus musim</u> <u>bunga</u> sudah mula kelihatan walaupun masih jauh lagi,...	OK 7 OM 12	OK 8 OM 3
UBE12	솜 같은 눈송이가 펼 펼 내리고 있었 다 <i>som gateun nunsongiga peolpeol naeligo isseosda</i>	... dan <u>salji turun</u> <u>dengan kepingan</u> <u>yang besar</u> .	OK 14 OM 14	OK 1 OM 1
UBE13	엄동설한 <i>eomdongseolhan</i>	Dalam <u>keadaan</u> <u>musim dingin yang</u> <u>menggigit</u> ini, tiada pula tempat yang...	OK 7 OM 15	OK 8 OM 0
UBE14	당산 <i>dangsan</i>	Jeritan tangis seorang perempuan yang kudengar hingga ke <u>gunung di belakang</u> <u>desa</u> , datang dari arah rumahku.	OK 15 OM 13	OK 0 OM 2
UBE15	금강산 <i>geumgangsán</i>	...ke <u>Gunung</u> <u>Kumkang (intan)</u> untuk mendapatkan...	OK 6 OM 14	OK 9 OM 1
			OK 174 OM 164	OK 51 OM 61

Berdasarkan analisis yang dijalankan ke atas data dan butiran kajian, daripada 15 butiran kajian yang mengandungi unsur budaya ekologi, sebanyak 12 orang responden daripada OK dan 11 OM berpendapat bahawa unsur budaya ekologi daripada 15 butiran yang dianalisis tersebut adalah boleh diterjemah. Dapatan kajian juga memaparkan terdapat responden daripada OK dan OM yang menyatakan butiran-butiran analisis tidak boleh diterjemah. 3 OK dan 4 OM memberi pandangan bahawa unsur budaya ekologi dalam analisis butiran adalah tidak boleh diterjemah.

Analisis yang dijalankan ke atas butiran-butiran yang mengandungi unsur budaya ekologi dalam terjemahan BK-BM. 12 OK sebagai responden menyatakan pendapat bahawa 80% butiran kajian yang mengandungi unsur budaya ekologi dalam terjemahan BK-BM boleh diterjemah, bakinya 3 OK menyatakan yang mewakili 20% butiran yang berkaitan unsur budaya ekologi tidak boleh diterjemah. Berdasarkan analisis yang dijalankan pengkaji dalam analisis sebelum ini. Sebanyak 8 butiran atau 53.3% yang mengandungi unsur budaya ekologi adalah boleh diterjemah, dan bakinya 7 butiran atau 46.7% adalah tidak boleh diterjemah.

Oleh itu, berdasarkan analisis nisbah yang diperoleh di atas, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara antara dapatan kajian pengkaji dan pandangan responden OM yang melibatkan butiran yang boleh diterjemah dalam unsur budaya ekologi BK-BM. Seterusnya berpandukan analisis yang dijalankan yang melibatkan butiran unsur budaya ekologi ini dikemukakan juga alasan-alasan daripada responden yang dipecahkan seperti berikut:

- i) Alasan Orang Korea boleh terjemah.
- ii) Alasan Orang Malaysia boleh terjemah.
- iii) Alasan Orang Korea tidak boleh terjemah.
- iv) Alasan Orang Malaysia tidak boleh terjemah.

6.2.1 Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi

i) Alasan Orang Korea Boleh Terjemah

Alasan-alasan yang diberikan oleh responden daripada kalangan orang Korea tentang unsur budaya ekologi BK-BM yang boleh diterjemah berdasarkan jadual 6.2 yang dikemukakan. Jadual tersebut menunjukkan terdapat enam alasan yang diberikan oleh responden orang Korea yang menyatakan butiran-butiran kajian boleh diterjemah. Pertama, penggunaan kata pinjaman yang tepat. Responden OK menyatakan bahawa unsur budaya ekologi boleh diterjemah berdasarkan penggunaan kata pinjaman yang tepat dan sesuai dengan BK-BM. Butiran kajian seperti; data UBE4, UBE5 dan UBE6 ialah butiran boleh diterjemah kerana penggunaan kata pinjaman yang bertepatan antara BK-BM. Kedua, responden OK menyatakan bahawa setiap butiran mempunyai penerangan yang jelas dan difahami maksudnya antara BK-BM, seperti dalam data UBE12. Penerangan yang jelas dengan maksud yang hendak disampaikan dikelaskan sebagai boleh diterjemah oleh responden orang Korea. Ketiga, budaya ekologi boleh diterjemah oleh responden OK adalah berkaitan konotasi budaya sumber boleh disampaikan dan unsur yang bersifat perumpamaan. Dalam butiran kajian yang dianalisis, responden orang Korea boleh terjemah adalah seperti data UBE3. Keempat, alasan yang diberikan oleh responden OK dengan butiran budaya ekologi ini ialah makna fungsi yang boleh disampaikan. Makna yang boleh disampaikan ini adalah butiran atau ayat dan perkataan yang mengandungi unsur budaya ekologi itu boleh difahami dengan struktur bahasa yang jelas antara BK-BM. Contoh perkataan dalam butiran kajian, iaitu data UBE14. Kelima, unsur yang mempunyai persamaan konsep. Butiran dan ayat dalam BK-BM perlulah mempunyai konsep yang sama dalam struktur ayat yang melambangkan dan menerangkan budaya ekologi tersebut, seperti butiran kajian, iaitu data UBE10. Keenam, makna leksikal yang boleh disampaikan. Makna leksikal dalam unsur budaya ekologi yang boleh diterjemah dan boleh disampaikan

maksud perkataan dan ayat yang dinyatakan seperti butiran kajian, iaitu data UBE1, UBE7, UBE8 dan UBE9.

Jadual 6.2 : Alasan Orang Korea tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi

	Alasan	Data
1	Gunakan Kata Pinjaman yang Tepat	UBE4, UBE5, UBE6
2	Penerangan yang Jelas	UBE12
3	Konotasi Budaya Sumber Boleh Disampaikan	UBE3
4	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBE14
5	Mempunyai Konsep yang Sama	UBE10
6	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBE1, UBE7, UBE8, UBE9

ii) Alasan Orang Malaysia Boleh Terjemah

Jadual 6.3 berikut memaparkan alasan-alasan boleh terjemah responden OM dalam unsur budaya ekologi BK-BM. Berdasarkan jadual tersebut terdapat enam alasan boleh terjemah yang diberikan oleh responden OM. Pertama, penggunaan kata pinjaman yang tepat. Responden OM menyatakan bahawa unsur budaya ekologi boleh diterjemah berdasarkan penggunaan kata pinjaman yang tepat dan sesuai dengan BK-BM. Butiran kajian seperti; data UBE4, UBE5, UBE6 mempunyai kata pinjaman yang tepat, alasan ini juga dikongsi bersama-sama dengan responden orang Korea yang menyatakan unsur budaya ekologi ini boleh diterjemah. Kedua, butiran mengandungi penerangan yang jelas. Penerangan yang jelas adalah penting untuk menyampaikan maksud dan kefahaman terhadap butiran dan ayat yang hendak disampaikan. Contoh butiran yang diperakui boleh terjemah oleh responden OM adalah; data UBE13. Butiran tersebut dapat diterjemah kerana penerangannya yang jelas dalam menggambarkan unsur budaya

ekologi antara BK-BM. Ketiga, mempunyai makna fungsi yang boleh disampaikan. Alasan ini juga disepakati sama dengan responden orang Korea dengan contoh butiran analisis kajian seperti; data UBE14. Keempat, unsur dalam butiran perlu mempunyai konsep yang sama dalam BK-BM. Alasan ini dikongsi bersama dengan responden OK dengan contoh butiran yang dikemukakan seperti berikut; data UBE10. Kelima, makna leksikal yang boleh disampaikan. Responden OM juga memberikan alasan yang sama seperti responden orang Korea bahawa unsur budaya ekologi perlu mempunyai makna leksikal yang boleh disampaikan dengan jelas seperti contoh; data UBE8 dan UBE9. Alasan terakhir adalah perlu menepati makna konteks dalam butiran yang dinyatakan. Ketepatan makna dalam konteks ini merupakan butiran yang dinyatakan perlu mempunyai makna yang jelas dan difahami dan seterusnya boleh diterjemah dalam BK-BM, seperti contoh butiran yang dianalisis berikut; data UBE11, UBE12 dan UBE15.

Jadual 6.3 : Alasan Orang Malaysia tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi

	Alasan	Data
1	Gunakan kata pinjaman yang tepat	UBE4, UBE5, UBE6
2	Penerangan yang jelas	UBE133
3	Makna fungsi boleh disampaikan	UBE14
4	Menepati makna konteks	UBE10
5	Makna leksikal boleh disampaikan	UBE8, UBE9
6	Menepati makna konteks	UBE11, UBE12, UBE15

iii) Alasan Orang Korea Tidak Boleh Terjemah

Bersama-sama ini juga disertakan alasan-alasan responden OK yang menyatakan terdapat unsur budaya ekologi dalam BK-BM yang tidak boleh diterjemah. Responden

OK menggariskan tiga alasan yang menerangkan unsur budaya ekologi BK-BM yang tidak boleh diterjemah. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan dalam terjemahan BK-BM melibatkan unsur budaya ekologi. Contoh butiran kajian yang mempunyai makna budaya sumber yang tidak boleh disampaikan; data UBE2. Alasan kedua, konsep budaya sumber tidak diwujudkan dalam budaya sasaran. Konsep budaya yang dimaksudkan adalah budaya Korea tidak boleh diterjemahkan dalam budaya Melayu dengan contoh butiran yang diberikan berikut; data UBE11 Unsur budaya ekologi yang dinyatakan dalam contoh tersebut tidak dapat diterjemahkan dalam budaya Melayu. Ketiga, terdapat butiran-butiran yang kurang jelas dan hal ini tidak dapat diterjemahkan dengan baik ini, merujuk kepada contoh berikut; data UBE13.

Jadual 6.4 : Alasan Orang Korea tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBE2
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan Dalam Budaya Sasaran	UBE11
3	Kurang Jelas	UBE13

iv) Alasan Orang Malaysia Tidak Boleh Terjemah

Berdasarkan analisis kajian juga memperlihatkan responden OM memberikan alasan-alasan ketidakbolehterjemahan unsur budaya ekologi dalam BK-BM ini. Responden OM ini mengemukakan empat alasan bahawa unsur dan unsur budaya ekologi yang tidak boleh diterjemah. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan. Alasan ini adalah sama seperti diberikan oleh responden OK dan contohnya juga sama, iaitu data UBE2. Makna budaya sumber yang tidak boleh disampaikan ini adalah merujuk kepada unsur budaya OK yang tidak boleh diterjemah ke dalam budaya OM dan sebaliknya. Kedua, konsep budaya sumber tidak wujud.

Konsep budaya tidak wujud dalam unsur budaya ekologi yang dimaksudkan, iaitu budaya tersebut hanya terdapat dalam konteks budaya Korea, tetapi tidak terdapat dalam budaya Melayu. Dalam analisis kajian dan contoh yang diberikan; data UBE3, butiran tersebut tidak dapat diterjemah dalam budaya Melayu kerana tidak digunakan dan difahami mengikut konsep budaya Korea. Ketiga, makna kurang jelas. Kurang jelas yang dimaksudkan adalah frasa dan butiran analisis tidak jelas dan sukar untuk difahami seterusnya tidak boleh diterjemah. Contoh butiran dengan alasan kurang jelas adalah seperti berikut; data UBE7, yang dipetik daripada butiran penuh berikut, data UBE7. Keempat, konsep budaya yang berbeza. Konsep budaya antara masyarakat dan budaya Korea dan Melayu secara umumnya dilihat adalah berbeza dan hal ini merupakan salah satu alasan bahawa terdapat budaya ekologi antara kedua budaya ini tidak boleh diterjemah dengan baik.

Jadual 6.5 : Alasan Orang Malaysia tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBE2
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBE3
3	Kurang Jelas	UBE7
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBE1

6.2.2 Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi

Berdasarkan Jadual 6.6, analisis data dalam contoh pertama mendapati bahawa perkataan 진달래꽃 (*Jindallaekko*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai pokok renek dalam teks sasaran. Dalam teks sumber, perkataan 진달래꽃 (*Jindallaekko*) merujuk kepada sejenis bunga yang berbunga pada musim bunga di Korea (Suh, 2004, p.658). Namun, perkataan 진달래꽃 (*Jindallaekko*) ini didapati

tidak diterjemah dengan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana perkataan pokok renek membawa pokok yang kecil dan berbatang keras (*Kamus Dewan*, 2007, p.1314). Pokok ini juga merujuk kepada kumpulan utama tumbuhan dari segi saiz dan bentuk yang mempunyai batang berkayu yang lebih kecil daripada pokok. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 진달래꽃 (*Jindallaekko*). Oleh sebab iklim di Malaysia yang tidak mempunyai musim bunga, penanaman pokok renek di Malaysia lazimnya hanya untuk memberi keceriaan dan kecantikan pada landskap; dan ini boleh menarik perhatian serangga seperti pepatung, lebah, kupu-kupu dan burung yang membuat landskap akan kelihatan lebih hidup dan dinamik. Pengkaji mencadangkan bahawa perkataan pokok renek diterjemah kepada pokok Azalea kerana terdapat makna yang didukung oleh perkataan 진달래꽃 (*Jindallaekko*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan pokok renek.

Frasa 단풍이 빨강계 타올랐다 (*danpungi ppalgahge taollasda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai daun dan bunga yang berguguran di atas bukit-bukau yang berhampiran desa memperlihatkan suasana musim luruh oleh penterjemah teks sasaran. Semasa musim luruh di Korea, warna daun-daun berubah daripada warna hijau kepada warna merah atau kuning (Suh, 2004, p.29). Apabila warna daun-daun berubah, masyarakat Korea beranggapan bahawa musim luruh sudah tiba. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemahkan frasa 단풍이 빨강계 타올랐다 (*danpungi ppalgahge taollasda*) sebagai daun dan bunga yang berguguran di atas bukit-bukau yang berhampiran desa memperlihatkan suasana musim luruh. Namun, dalam terjemahan teks sasaran, pengkaji mendapati bahawa frasa 단풍이 빨강계 타올랐다 (*danpungi ppalgahge taollasda*) ini didapati tidak mempunyai padanan maknanya dalam budaya masyarakat di Malaysia. Situasi di Malaysia adalah berbeza

kerana negara ini tidak mengalami musim luruh. Oleh itu, rakyat Malaysia tidak pernah mengalami dan merasai keadaan musim luruh tersebut. Keadaan di negara Malaysia yang beriklim lembab sepanjang tahun dan ketiadaan musim luruh. Oleh itu, frasa ini tidak mempunyai padanan makna yang tepat bagi menggambarkan situasi tersebut.

Analisis data berdasarkan contoh kebolehterjemahan unsur budaya kategori ekologi mendapati bahawa perkataan 왜솔방울 (*waesolbangul*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai epal dalam teks sasaran. Perkataan 왜솔방울 (*waesolbangul*) dalam teks sumber merujuk kepada sejenis buah daripada pokok pine Korea (Suh, 2004, p.654). Hasil terjemahan yang terdapat dalam teks sumber pula mendapati bahawa perkataan 왜솔방울 (*waesolbangul*) ini merujuk kepada sesuatu objek yang berbentuk bulat. Menurut *Kamus Dewan* (2007), epal ialah sejenis pokok yang buahnya berbentuk bulat, berwarna hijau, merah atau kuning dan boleh dimakan (p.397). Walaupun tidak ada penanaman epal di Malaysia, namun buah-buahan tersebut berada dalam pasaran terbuka dan dijual dengan meluas di Malaysia. Oleh itu, penterjemah telah menterjemahkan kata ini sebagai epal. Pengkaji mendapati terdapatnya persamaan antara dua perkataan yang diterjemah itu dan dikategorikan sebagai terjemahan tepat.

Perkataan 후박나무 (*hubagnamue*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai pokok *Magnolia*. Perkataan 후박나무 (*hubagnamue*) dalam teks sumber merujuk kepada sejenis pokok yang berasal dari Korea. Pokok ini adalah spesies pokok malar hijau dalam kelas Magnoliopsida, sejenis Ranunculales dan daripada keluarga Lauraceae (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.7073). Dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini melalui bahasa Inggeris. Menurut *Kamus Dewan* (2007) perkataan *Magnolia* merupakan sejenis pokok daripada genus *Magnolia* yang bunganya besar, berwarna putih, kuning atau merah jambu, wangi dan kelihatan seperti berlilin (p.974). Pengkaji mendapati bahawa pengaplikasian kaedah ini

dapat mendekatkan dan memberi gambaran yang jelas kepada pembaca teks sasaran tentang budaya serta idea asal teks sumber. Oleh itu, frasa pokok *Magnolia* yang dinyatakan dalam teks sasaran merupakan terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya.

Hasil analisis data mendapati bahawa perkataan 버드나무 (*beodeunamu*) sebenarnya merujuk kepada pokok *willow*. Pengkaji mendapati bahawa 버드나무 (*beodeunamua*) merupakan spesies pokok yang mempunyai saiz dan kadar pertumbuhan yang berbeza-beza. Dari segi genusnya, terdapat kira-kira 350 spesies pokok ini yang boleh ditemui dan biasanya spesies ini mudah dijumpai di bahagian Utara Korea (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.2612). Dalam teks sasaran, perkataan ini diterjemahkan melalui bahasa Inggeris, iaitu pokok *willow*. Oleh itu, frasa pokok *willow* yang dinyatakan dalam teks sasaran adalah merupakan terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya walaupun dipinjam daripada bahasa Inggeris kerana konsep itu tidak terdapat dalam budaya Melayu.

Analisis data berdasarkan contoh kebolehterjemahan unsur budaya kategori ekologi mendapati bahawa perkataan 감나무 (*gamnamu*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai Pokok *Persimmon* dalam teks. Perkataan 감나무 (*gamnamu*) membawa maksud sejenis buah yang istimewa dan hanya boleh ditanam di Asia Timur, iaitu Korea, Cina, Jepun, dan sebagainya. Pokok ini hanya boleh ditanam di negara yang mengalami empat musim sahaja (Suh, 2004, p.651). Dalam teks sasaran, penterjemah menggunakan kata pinjaman, iaitu *Persimmon* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih kesan. Pengkaji mendapati terdapatnya persamaan antara dua perkataan yang diterjemah itu dan dikategorikan sebagai terjemahan tepat.

Di samping itu, analisis data berdasarkan contoh pula mendapati perkataan 진도견 (*jindogyeon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai anjing ke teks sasaran.

Pengkaji mendapati bahawa perkataan 진도견 (*jindogyeon*) dalam teks sumber membawa maksud sejenis baka anjing pemburu yang berasal dari Pulau Jindo, Korea Selatan (Suh , 2004, p.673). Namun, perkataan 진도견 (*jindogyeon*) ini didapati tidak dapat diterjemah dengan menggunakan perkataan yang sesuai. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 173. Pengkaji mencadangkan strategi penterjemahan berunsur asing iaitu, gabungan antara prosedur pemindahan dan glos ekstrateks (nota kaki) adalah lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Pada masa yang sama, perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai katak oleh penterjemah. Berdasarkan analisis yang dilakukan oleh pengkaji, perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*) merujuk kepada beberapa spesies amfibia yang khusus dan spesies katak ini mempunyai ciri-ciri fizikal yang agak berbeza daripada spesies katak biasa (Suh, 2004, p.671). Namun, pengkaji mendapati bahawa perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*) tidak diterjemah dengan menggunakan perkataan yang sesuai apabila penterjemah menterjemahnya ke dalam teks sasaran. Hal ini demikian kerana katak ialah sejenis binatang yang melompat, berkaki renang, berkulit licin, dan tidak berekor (*Kamus Dewan*, 2007, p.686). Katak ini didapati mempunyai ciri fizikal yang lebih besar dan mempunyai kulit tebal serta menggerutu. Jika dilihat dalam konteks budaya dan masyarakat Korea pula, masyarakat Korea mempercayai bahawa perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*) melambangkan perkara yang baik seperti kesuburan, kekayaan, dan nasib baik. Namun, bagi masyarakat Melayu, apa-apa spesis yang hidup dalam dua alam adalah haram untuk dimakan apatah lagi mempercayai tuah yang dibawa oleh spesis tersebut. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah secara langsung kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*). Pengkaji mencadangkan bahawa penterjemah sepatutnya menterjemah perkataan ini kepada katak puru kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 두꺼비 (*dukkeobi*) yang

tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan katak sahaja.

Berdasarkan contoh kesembilan pula, perkataan 멧새 (*messae*) merujuk kepada spesies burung passerine dari Asia Timur dan mempunyai genus *Emberiza* dalam keluarga *Emberizidae* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.2128). Perkataan 멧새 (*messae*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai burung liar. Namun, perkataan 멧새 (*messae*) didapati tidak dapat diterjemah dengan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana terdapatnya makna yang lebih luas yang didukung oleh perkataan ini. Perkataan ini didefinisikan sebagai spesis tidak boleh dipelihara (binatang), tidak jinak, buas, tidak dijaga (tumbuh-tumbuhan, dan terbiar) (*Kamus Dewan*, 2007, p.935). Burung tersebut membiak dengan banyaknya di Semenanjung Korea dan 멧새 (*messae*) ini sebenarnya tidak wujud dalam persekitaran budaya Malaysia. Hal ini dikaitkan dengan iklim di Malaysia menyekat pembiakannya. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah sepenuhnya kerana tidak terdapatnya padanan makna yang sesuai dan boleh dikaitkan dengan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 멧새 (*messae*). Pengkaji mencadangkan bahawa penggunaan nota kaki adalah lebih untuk menterjemah perkataan ini. Setelah pengaplikasian nota kaki, perkataan tersebut dapat dijelaskan dengan lebih tepat, iaitu sejenis burung burung Passerine Asia Timur yang mempunyai genus *Emberiza* dalam keluarga *Emberizida*.

Perkataan 준마 (*ujunma*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai kuda yang cukup terlatih dalam teks sasaran. Berdasarkan analisis data contoh ke-10 pula mendapati bahawa perkataan 준마 (*ujunma*) merupakan kata pinjaman daripada bahasa Cina, iaitu 駿馬 yang membawa makna 駿 (*amat pantas*) + 馬 (kuda). Jika frasa tersebut digabungkan, frasa ini membawa maksud kuda yang amat pantas (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5660). Namun, makna 준마 (*ujunma*) dalam teks sumber tidak boleh dapat diterjemahkan secara terjemahan yang tepat ke dalam teks sasaran.

Hal ini demikian kerana terdapatnya kesamaan perkataan kuda yang cukup terlatih. Namun kesamaan ini masih boleh diterima untuk menyampaikan mesej kerana kesamaan ini merupakan padanan yang terdekat bagi perkataan *준마 (ujunma)*.

Perkataan *아지랑이 (Ajirangi)* dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai kabus musim bunga dalam teks sasaran. Perkataan ini merujuk kepada satu fenomena optik semula jadi yang berlaku pada musim bunga. Semasa fenomena ini berlaku, sinaran cahaya matahari telah dipantulkan secara semula jadi sehingga menghasilkan gambaran seakan-akan objek jauh atau langit yang palsu. Semasa awal musim bunga atau musim panas di Korea, fenomena ini boleh dilihat, sama ada di atas jalan raya, padang dan rumput (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4019). Namun, perkataan *아지랑이 (Ajirangi)* ini didapati tidak diterjemah dengan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana perkataan kabus ialah wap air yang kelihatan seperti asap yang berada dekat muka bumi (biasanya pada waktu pagi) (*Kamus Dewan*, 2007, p.649). Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa penterjemah teks sasaran sepatutnya menggunakan kaedah nota kaki perlu digunakan untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber. Pengkaji mendapati bahawa penggunaan nota kaki ini dapat menambah dan memperkayakan pengetahuan pembaca sasaran terhadap budaya sumber.

Frasa *솜같은 눈송이가 펄펄 내리고 있었다 (som gat-eun nunsong-iga peolpeol naeligo iss-eosda)* dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *salji turun dengan kepingan yang besar* dalam teks sasaran. Frasa *솜같은 눈송이가 펄펄 내리고 있었다 (som gat-eun nunsong-iga peolpeol naeligo iss-eosda)* ialah situasi apabila turunnya salji lebat seperti kapas. Di Malaysia, fenomena musim salji tidak wujud memandangkan iklimnya yang lembab sepanjang tahun. Berdasarkan situasi ini, salji yang turun dengan lebat diibaratkan seperti sekeping kapas yang jatuh dari langit. Kapas

dan salji didapati mempunyai persamaan daripada unsur bentuk dan teksturnya. Oleh itu, pembaca teks sasaran dapat memperkembangkan daya imaginasi mereka terhadap penjelasan yang diberikan oleh penterjemah terhadap istilah-istilah dalam kebudayaan bahasa sumber. Berdasarkan dapatan kajian ini, pengkaji mendapati frasa salji turun dengan kepingan yang besar yang diterjemah oleh penterjemah adalah berbentuk terjemahan tepat dan sesuai dengan hasil terjemahannya.

Perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhan*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *keadaan musim dingin yang menggigit*. Pengkaji mendapati bahawa perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhanan*) ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Cina, iaitu 嚴冬雪寒 yang membawa makna 엄 (*keras*) + 동 (*musim dingin*) + 설 (*salji*) + 한 (*sejuk*), jika diterjemah ke dalam BK. Oleh itu, makna perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhan*) adalah *musim dingin yang sangat sejuk dan bersalji* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4260). Perkataan *menggigit* itu menunjukkan bahawa ketika turunnya salji, keadaan persekitaran sangat sejuk sehingga tidak dapat dikawal lagi. Tambahan pula, penterjemah menggambarkan situasi kesejukan tersebut seperti keadaan kesakitan akibat digigit kerana kebanyakan pembaca teks sasaran yang tidak pernah berhadapan dengan musim ini hanya beranggapan bahawa musim ini hanyalah kesejukan semata-mata. Namun, fenomena 엄동설한 (*eomdongseolhan*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana negara ini beriklim Khatulistiwa dan tidak berlakunya musim dingin di sini. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah perkataan 엄동설한 (*eomdongseolhan*) sebagai *keadaan musim dingin yang menggigit* untuk menyampaikan mesej yang lebih berkesan.

Perkataan 당산 (*dangsan*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *gunung di belakang desa*. Perkataan 당산 (*dangsan*) adalah salah satu kepercayaan rakyat Korea yang paling primitif, iaitu masyarakat kuno mempunyai rasa hormat terhadap gunung

dan bukit yang berhampiran dengan kampung mereka (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1436). Namun, perkataan 당산 (*dangsan*) ini didapati tidak diterjemah dengan menggunakan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 156. Pengkaji mendapati frasa gunung dan bukit yang jalan masuk ke kampung yang digunakan oleh penterjemah adalah sesuai bagi menyampaikan maksud dengan lebih berkesan.

Perkataan 금강산 (*geumgangsán*) dalam teks sumber telah diterjemahkan Gunung Kumkang (*intan*) dalam teks sasaran. Sebenarnya, perkataan 금강산 (*geumgangsán*) yang digunakan dalam terjemahan ini adalah merujuk kepada gunung yang terdapat di Korea Utara. Gunung tersebut yang mempunyai ketinggian 1.638 meter dan merupakan sebahagian daripada rangkaian Gunung Taebaek yang memanjang dari bahagian timur Korea Utara sehingga ke Korea Selatan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.825). Namun dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini secara terjemahan pengasingan, iaitu Gunung Kumkang (*intan*). Pengkaji mendapati bahawa perkataan tersebut melambangkan ciri-ciri istimewa geografi yang terdapat di negara Korea dan tidak ada dalam budaya masyarakat Malaysia. Sebaliknya, ciri-ciri geografi yang terdapat di Malaysia juga tidak didapati di Korea. Penterjemah teks sasaran telah menterjemah ciri-ciri geografi teks sumber dengan mengekalkan ciri-ciri istimewa itu. Pemadanan kata yang baik dan penguasaan budaya menyebabkan penterjemah lebih setia mengekalkan ciri-ciri asal geografi masyarakat Korea. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa Gunung Kumkang (*intan*) yang dinyatakan dalam teks sasaran adalah merupakan terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya.

Jadual 6.6 : Pandangan Pengkaji tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Ekologi

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Boleh Terjemahan
UBE1	진달래꽃 <i>jindallaekkocho</i>	...serta disulami dengan <u>pokok renek</u> yang sedang berbunga warna merah jambu.	X
UBE2	단풍이 빨강게 타올랐다. <i>danpungi ppalgahge taollasda</i>	<u>Daun dan bunga yang berguguran di atas bukit-bukau yang berhampiran desa memperlihatkan suasana musim luruh.</u>	X
UBE3	왜솔방울 <i>waesolbangul</i>	yang ini <u>bulat seperti epal</u> , seperti ayah saudara sebelah ibunya juga.	O
UBE4	후박나무 <i>hubagnamue</i>	... di atas <u>pokok magnolia</u> di kawasan rumahnya.	O
UBE5	버드나무 <i>beodeunamu</i>	...bunyi serunai batang willow yang ditiup oleh kanak-kanak yang bermain di bawah <u>pokok willow</u> dekat...	O
UBE6	감나무 <i>gamnamu</i>	..dan melihat ke arah <u>pokok persimmon</u> itu.	O
UBE7	진도견 <i>jindogyeon</i>	<u>Anjing</u> Suh Rang yang telah selama tiga tahun...	X
UBE8	두꺼비 <i>dukkeobi</i>	<u>Seekor katak</u> telah menetap di serambi rumah kami yang kotor selama beberapa hari...	O
UBE9	멧새 <i>messae</i>	...di pohon-pohon kayu itu untuk memikat <u>burung liar</u> .	X
UBE10	준마 <i>junma</i>	...dan dia berkejaran ke sana ke sini bagaikan <u>kuda yang cukup terlatih</u> di atas padang permainan.	O
UBE11	아지랑이 <i>Ajirangi</i>	Apabila <u>kabus musim bunga</u> sudah mula kelihatan walaupun masih jauh lagi,...	X
UBE12	솜 같은 눈송이가 펄펄 내리고 있었다 <i>som gateun nunsongiga peolpeol naeligo isseosda</i>	...dan <u>salji turun dengan kepingan yang besar.</u>	X
UBE13	엄동설한 <i>eomdongseolhan</i>	Dalam <u>keadaan musim dingin yang menggigit</u> ini,	O

		tiada pula tempat yang...	
UBE14	당산 <i>dangsan</i>	Jeritan tangis seorang perempuan yang kudengar hingga ke gunung di belakang desa , datang dari arah rumahku.	X
UBE15	금강산 <i>geumgangsán</i>	...ke Gunung Kumkang (intan) untuk mendapatkan...	O

6.3 Kebolehterjemahan Unsur Budaya Material

Pengkaji menjalankan proses pengumpulan maklumat dan data di lapangan sebelum ini untuk mendapatkan pandangan responden yang terdiri daripada orang Korea dan orang Melayu tentang kebolehterjemahan budaya material BK-BM. Jadual 6.7 memaparkan hasil dan dapatan kajian pengkaji berkaitan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya material BK-BM.

Jadual 6.7 : Pandangan Responden Kebolehterjemahan Unsur Budaya Material

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Dapatan Dua Kumulan	
			Boleh Terjemah	Tidak Boleh Terjemah
UBM1	도레소반 <i>dolesoban</i> beberapa jenis makanan yang diletak dalam dulang kecil .	OK 12 OM 2	OK 3 OM 13
UBM2	보선 <i>poson</i>	...melupakan tentang poson yang berlapis dan sebaliknya dengan wang.. *pembuat kaki beralas kapas berwarna putih yang dipakai dengan baju korea dan kasut getah	OK OM 1	OK 15 OM 14
UBM3	금비녀 비취비녀 <i>geumbinyeo bichwi binyeo</i>	Terdapat pin rambut yang dibuat daripada emas dan batu jed siap dengan rumbai-	OK 7 OM 15	OK 8 OM 0

		rumbai....		
UBM4	장롱 <i>janglong</i>	...dalam penjuru sebuah peti , atau barang antik ..	OK 0 OM 3	OK 15 OM 12
UBM5	수저 <i>sujeo ina geoleosda.</i>	Sudu digerakkan perlahan-lahan, walaupun meja itu penuh dengan berbagai jenis hidangan.	OK 2 OM 2	OK 13 OM 13
UBM6	연탄난로 <i>yeontannanlo</i>	...belah tangannya ke atas dapur arang batu lalu menggosok- gosokkan...	OK 8 OM 13	OK 7 OM 2
UBM7	가야금 <i>gayageum</i>	...untuk belajar bermain alat muzik iaitu ziter Korea , untuk mengisi..	OK 13 OM 14	OK 2 OM 1
UBM8	거문고 <i>geomungo</i>	Aku akan berbual-bual dengan saudaraku dan melupakan sitar dan bukuku.	OK 1 OM 2	OK 14 OM 13
UBM9	뽕과리 <i>kkwaengwali</i>	..dengan tiba-tiba kedengaran bunyi kenering kkwaengwari yang bising datang dari arah...	OK 0 OM 1	OK 15 OM 14
UBM10	아랫목 <i>alaesmog</i>	Kalaulah aku dapat memanaskan kakiku di lantai yang panas	OK 14 OM 14	OK 1 OM 1
UBM11	구들장 <i>gudeuljang</i>	Sungguh pun kepingan batu lantai bilik dalam rumah tersebut....di tengah- tengah bilik dan di bilik sebelah.	OK 13 OM 15	OK 2 OM 0
UBM12	대청마루 <i>daecheongmalu</i>	...terus berlari masuk ke ruang tamu rumahnya , memanggil isteri dan anaknyanya.	OK 12 OM 15	OK 3 OM 0

UBM13	술집 <i>suljib</i>	..kerja bersama Pok-I di <u>kedai arak</u> .	OK 15 OM 15	OK 0 OM 0
UBM14	국밥 <i>gugbab</i>	“Minta dua mangkuk <u>sup nasi</u> ”	OK 10 OM 11	OK 5 OM 4
UBM15	해장국 <i>haejanggug</i>	Bolehkah saya memesan <u>sup panas</u> ?	OK 0 OM 0	OK 15 OM 15
			OK 107 OM 123	OK 118 OM 102

Dapatan hasil analisis yang dijalankan ke atas data dan butiran kajian, daripada 15 butiran kajian yang mengandungi unsur budaya material, sebanyak 7 orang responden daripada OK dan 8 OM berpendapat bahawa unsur budaya material daripada 15 butiran yang dianalisis tersebut adalah boleh diterjemah, manakala bakinya menunjukkan terdapat responden daripada OK dan OM yang menyatakan butiran-butiran analisis tidak boleh diterjemah, iaitu terdiri daripada 8 OK dan 7 OM. Responden tersebut memberi pandangan bahawa unsur budaya material dalam analisis butiran adalah tidak boleh diterjemah dengan alasan yang disertakan.

Seterusnya analisis dijalankan ke atas butiran-butiran yang mengandungi unsur budaya material dalam terjemahan BK-BM. 7 OK sebagai responden menyatakan pendapat bahawa 46.7% butiran kajian yang mengandungi unsur budaya material dalam terjemahan BK-BM boleh diterjemah, bakinya 8 OK pula menyatakan pandangan bahawa 53.3% butiran yang berkaitan unsur budaya material tidak boleh diterjemah. Berdasarkan analisis yang dijalankan pengkaji dalam analisis sebelum ini (merujuk bab terdahulu). Sebanyak 8 butiran atau 53.3% yang mengandungi unsur budaya material adalah boleh diterjemah, dan bakinya 7 butiran atau 46.7% adalah tidak boleh diterjemah.

Oleh itu, berdasarkan analisis nisbah yang diperoleh di atas, menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang ketara antara dapatan kajian pengkaji dan pandangan responden OK dan OM yang melibatkan butiran yang boleh diterjemah dalam unsur budaya material BK-BM. Seterusnya berdasarkan analisis yang dijalankan merangkumi butiran mengandungi unsur budaya material ini disertakan juga alasan-alasan daripada responden orang Korea dan orang Melayu berikan.

6.3.1 Alasan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Material

i) Alasan Orang Korea Boleh Terjemah

Jadual 6.8 berikut mengemukakan alasan-alasan yang diperoleh dalam analisis yang dijalankan sebelum ini, alasan-alasan tersebut adalah menyokong pandangan responden OK boleh terjemah dalam budaya material antara BK-BM. Terdapat lima alasan yang dikemukakan oleh responden OK yang menyatakan unsur budaya material boleh diterjemah. Pertama, penerangan yang jelas. Penerangan yang jelas ini adalah merujuk kepada butiran yang dianalisis dapat difahami dan diterjemah antara BK-BM. Contoh butiran yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah seperti berikut; data UBM7. Kedua, alasan yang diberikan oleh responden OK adalah makna fungsi yang boleh disampaikan. Makna fungsi yang disampaikan dalam unsur budaya material ini adalah butiran yang dinyatakan dapat memberikan dan membawa makna bagi setiap fungsi yang diterjemahkan serta difahami dalam BK-BM. Contoh yang dapat diperhatikan dalam analisis butiran berkaitan unsur budaya material yang boleh diterjemah ini ialah data UBM6 dan UBM14. Ketiga, alasan yang diberikan adalah mempunyai konsep yang sama dan butiran berkaitan boleh diterjemah dalam BK-BM. Konsep yang sama ini merujuk kepada padanan dan persamaan dalam budaya material budaya Korea dan budaya Melayu. Berdasarkan contoh analisis butiran sebelum ini yang boleh diterjemah oleh responden orang Korea dalam budaya material seperti berikut, iaitu data UBM12. Keempat, makna leksikal boleh disampaikan, iaitu terdapat butiran-butiran yang boleh

diterjemah dalam unsur budaya material ini. Dalam hal ini, salah satu makna leksikal atau makna fungsi yang terdapat dalam butiran yang melibatkan budaya material tersebut boleh diterjemah ke dalam BK-BM. Berikut adalah sebahagian contoh makna leksikal boleh disampaikan dalam budaya material, iaitu data UBM10 dan UBM11. Alasan kelima yang diberikan ialah terjemahan yang tepat. Terjemahan yang tepat dalam unsur budaya material ini adalah menunjukkan butiran berkaitan boleh diterjemah secara terus dalam BK-BM. Contoh yang dikutip daripada analisis kajian yang dilakukan sebelum ini seperti berikut, iaitu data UBM1 dan UBM13.

Jadual 6.8 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Material yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBM7
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBM6, UBM14
3	Mempunyai Konsep yang Sama	UBM12
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBM10, UBM11
5	Terjemahan yang Tepat	UBM1, UBM13

ii) Alasan Orang Malaysia Boleh Terjemah

Responden OM memberikan alasan-alasan boleh terjemah terhadap butiran mengandungi unsur budaya material seperti yang dipaparkan dalam jadual 6.9. Responden OM mengemukakan lima alasan yang membenarkan butiran unsur budaya material ini boleh diterjemah. Pertama, perlu ada penerangan yang jelas. Penerangan yang jelas ini dilihat dari segi kejelasan unsur yang dinyatakan dan maksud yang disampaikan mudah difahami dan seterusnya diterjemah dalam BK-BM. Contoh yang dapat dilihat dengan jelas dalam butiran kajian adalah seperti data UBM3 dan UBM7. Kedua, mempunyai makna fungsi yang boleh disampaikan. Fungsi dan elemen sesuatu

unsur budaya itu perlulah mempunyai kejelasan dalam makna yang hendak disampaikan dan seterusnya boleh diterjemah dengan baik. Hal ini dapat dilihat melalui butiran kajian yang dianalisis, yang mengandungi kejelasan makna terhadap fungsi yang dibawanya seperti berikut, iaitu data UBM6. Responden OK juga mengemukakan alasan yang sama dalam kebolehterjemahan dalam unsur budaya material ini. Ketiga, responden OM juga memberi alasan yang sama seperti responden OK, iaitu setiap unsur budaya material itu perlu mempunyai konsep yang sama dan boleh diterjemah antara BK-BM. Konsep budaya yang sama dalam budaya Korea dan Melayu boleh diterjemah, seperti contoh yang diberikan oleh kedua-dua pihak responden ini, iaitu data UBM12. Keempat, dalam unsur budaya material ini perlu mempunyai leksikal yang boleh disampaikan. Kejelasan dan makna fungsi secara fizikal perlu jelas dan dapat disampaikan maksudnya. Seperti contoh yang dipetik dalam analisis butiran kajian, iaitu data UBM10 dan UBM11. Alasan keempat yang diberikan oleh responden OM ialah setiap butiran itu perlu mempunyai terjemahan yang tepat. Terjemahan yang tepat dengan subjek yang dijelaskan merupakan antara asas mudah dalam kebolehterjemahan dalam BK-BM dan seterusnya menyingkap dalam unsur budaya material ini. Berikut adalah contoh yang disisipkan yang mengandungi terjemahan yang tepat, iaitu data UBM13 dan UBM14.

Jadual 6.9 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Material yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBM3, UBM7
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBM6
3	Mempunyai Konsep yang Sama	UBM12
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBM10, UBM11

5	Terjemahan yang Tepat	UBM13, UBM14
---	-----------------------	--------------

iii) Alasan Orang Korea Tidak Boleh Terjemah

Alasan responden OK yang tidak boleh terjemah dinyatakan secara jelas dalam jadual 6.10. Responden OK memberikan empat alasan yang mendukung pandangan mereka mengenai ketidakbolehterjemahan dalam unsur budaya material yang dikaji. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan yang bermaksud ketidakjelasan sesuatu makna dalam unsur budaya material yang hendak dinyatakan, seperti subjek yang tiada predikatnya. Sebagai contoh dalam analisis kajian butiran berikut, iaitu data UBM4, peti yang dimaksudkan dan ini menunjukkan wujudnya makna sumber yang tidak boleh disampaikan dengan jelas. Kedua, unsur budaya material ini tidak boleh diterjemah oleh responden orang Korea kerana konsep budaya sumber yang tidak wujud. Konsep budaya peralatan makanan dalam budaya Korea tidak wujud dalam budaya Melayu, menjadikan unsur ini tidak boleh diterjemah dalam BK-BM. Seperti contoh yang diberikan berikut, iaitu data UBM5 dan UBM15, dengan merujuk butiran penuh 뜨적뜨적 수저를 놀리는 심란한 얼굴들에 비해 반찬만은 명절날 만큼이나 곁었다 - *Sudu digerakkan perlahan-lahan, walaupun meja itu penuh dengan berbagai jenis hidangan*. Ketiga, alasan ketidakbolehterjemahan yang diberikan adalah butiran dan unsur yang dikemukakan kurang jelas dari segi maksud dan fungsi yang hendak disampaikan. Berikut adalah contoh yang dipetik daripada analisis butiran yang tidak boleh diterjemah atas alasan frasa tersebut kurang jelas, iaitu data UBM2 dan UBM9. Keempat, konsep budaya yang berbeza antara OK dan OM. Unsur budaya material ini terdapat dalam budaya Korea dan tidak terdapat dalam budaya Melayu, menjadikan alasan butiran ini tidak boleh diterjemah; data UBM3 dan UBM8.

Jadual 6.10 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Material yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBM4
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBM5, UBM15
3	Kurang Jelas	UBM2, UBM9
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBM3, UBM8

iv) Alasan Orang Malaysia Tidak Boleh Terjemah

Berikut adalah alasan-alasan responden OM yang tidak boleh terjemah dinyatakan secara jelas dalam jadual 6.11. Responden OM memberikan empat alasan dengan pandangan mereka mengenai ketidakbolehterjemahan dalam unsur budaya material ini. Pertama, alasan yang diberikan adalah makna budaya sumber tidak boleh disampaikan. Makna budaya sumber tidak boleh disampaikan ini adalah ketidakjelasan sesuatu maksud dalam unsur material yang hendak dinyatakan, seperti subjek yang tiada predikatnya. Alasan ini adalah sama seperti responden orang Korea berikan sebelum ini. Merujuk contoh dalam analisis kajian butiran berikut, iaitu data UBM1, melihat kepada butiran penuh; 언제 그렇게 준비해 왔는지 외할머니의 도레소반 위에다 간단한음식 몇가지를 차리는 중이었다 - *nenek daripada sebelah ayah telah pun sepanjang pemergianku, menyediakan beberapa jenis makanan yang diletak dalam dulang kecil.* Kedua, budaya sumber yang tidak wujud. Konsep budaya dalam budaya Korea tidak wujud dalam budaya Melayu, menjadikan unsur ini tidak boleh diterjemah dalam BK-BM. Seperti contoh yang diberikan berikut, iaitu data UBM15, dengan merujuk butiran penuh 해장국도 시킬 수 있소? - *Boleh kah saya memesan sup panas?.* Ketiga, butiran dan unsur yang dikemukakan kurang jelas dari segi maksud dan fungsi yang hendak disampaikan. Maksud dan makna fungsi dalam preoses penterjemahan adalah antara

perkara yang diambil kira kerana untuk menjelaskan dalam perbezaan budaya yang wujud ini. Pandangan dan alasan ketidakbolehterjemahan oleh responden OM ini sama dengan pandangan yang diberikan oleh responden OK sebelum ini. Berikut adalah contoh yang dipetik daripada analisis butiran yang tidak boleh diterjemah atas alasan frasa tersebut yang kurang jelas, iaitu data UBM2 dan UBM9. Keempat, responden OM memberikan alasan ketidakbolehterjemahan dalam unsur budaya material ini kerana konsep budaya yang berbeza antara orang Korea dan Melayu. Unsur budaya material ini terdapat dalam budaya Korea dan tidak terdapat dalam budaya Melayu, menjadikan alasan butiran ini tidak boleh diterjemah, merujuk kepada analisis butiran berikut, iaitu data UBM5 dan UBM8.

Jadual 6.11 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Material yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBM1
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBM15
3	Kurang Jelas	UBM2, UBM9
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBM5, UBM8

6.3.2 Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Material

Analisis data mendapati perkataan 도레소반 (*dolesoban*) dalam contoh pertama pula telah diterjemahkan sebagai *dulang kecil* dalam teks. Perkataan 도레소반 (*dolesoban*) merupakan sebuah meja kecil yang digunakan untuk makan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3529). Dalam budaya Korea, masyarakatnya menggunakan meja kecil ini dan bersila di atas lantai semasa menjamu selera. Namun,

perkataan 도레소반 (*dolesoban*) ini didapati tidak diterjemah dengan perkataan yang sesuai dan tidak mempamerkan budaya Korea yang sebenarnya. Jika dikaji dari sudut maknanya, dulang ialah sejenis talam daripada kayu (kadang-kadang berkaki) (*Kamus Dewan*, 2007, p.370). Dalam budaya Melayu, fungsi dulang digunakan untuk menyajikan atau untuk mengangkat makanan. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 도레소반 (*dolesoban*). Pengkaji mencadangkan bahawa perkataan ini sepatutnya diterjemah kepada *meja makan kecil* kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 도레소반 (*dolesoban*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan *dulang kecil*.

Di samping itu, analisis berdasarkan contoh seterusnya mendapati bahawa mendapati perkataan 보선 (*poson*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *poson* dalam teks sasaran. Perkataan 보선 (*poson*) dalam teks sumber ini adalah stokin Korea (Suh, 2004, p.402). Stokin ini merupakan stokin yang dikhususkan kepada kaum wanita sahaja. Stokin ini pendek, berwarna putih, dan dibuat dengan menggunakan kain. Wanita Korea akan menggunakan stoking ini semasa di dalam rumah atau apabila memakai kasut untuk melindungi kaki mereka daripada kesejukan. Pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan yang digunakan oleh penterjemah teks sasaran adalah selari dengan maksudnya. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 215.

Analisis data contoh ketiga pula mendapati bahawa frasa 금비녀 비취비녀 (*geumbinyeo bichwi binyeo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *pin rambut*. Dalam teks sumber, 비녀 (*binyeo*) ialah cucuk sanggul rambut tradisional Korea yang digunakan oleh kaum wanita pada zaman dahulu dan diperbuat daripada emas, batu jed, perak, kayu, tulang, dan sebagainya (Suh, 2004, p.406). Namun, perkataan 비녀

(*binyeo*) didapati tidak diterjemah dengan menggunakan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 175. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa perkataan sepatutnya diterjemah adalah cukup sanggul kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan *비녀* (*binyeo*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan *pin rambut*.

Berdasarkan contoh keempat pula, analisis data mendapati perkataan *장롱* (*janglong*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *peti* dalam teks sasaran. Perkataan *장롱* (*janglong*) merupakan sebuah *peti* simpanan baju, selimut, dan sebagainya (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5215). Namun, perkataan *장롱* (*janglong*) didapati tidak diterjemah dengan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana *peti* ialah sejenis kotak yang besar dan bertutup (dibuat daripada kayu dan lain lain) (*Kamus Dewan*, 2007, p.1200). Dalam budaya Melayu, perkataan *peti* boleh mendukung pelbagai jenis dan makna, dan fungsi. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa perkataan yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *peti* sepatutnya digantikan kepada frasa *almari simpanan baju, selimut, dan sebagainya kerana perkataan yang diterjemah itu bersifat terlalu umum*.

Perkataan *수저* (*sujeo*) dalam teks sumber ini telah diterjemahkan sebagai *sudu*. Namun, perkataan *수저* (*sujeo*) ini sebenarnya membawa maksud *sudu* dan *penyepit* (Suh, 2004 p.469). Namun, *수저* (*sujeo*) ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia. Hal ini demikian kerana masyarakat Melayu hanya menggunakan tangan untuk makan. Penggunaan *sudu* dan *garfu* jarang digunakan kerana mereka lebih selesa makan menggunakan tangan sahaja. Tambahan pula, budaya orang Melayu yang lebih selesa untuk makan secara bersila dan budaya ini menyebabkan penggunaan *penyepit* kurang sesuai. Dalam teks sasaran, perkataan *sudu* boleh diterima pakai, tetapi padanan tersebut didapati masih kurang. Pengkaji mencadangkan bahawa perkataan tersebut

sepatutnya diterjemah kepada *sudu* dan penyepit kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 수저 (*sujeo*) dan tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan *sudu*.

Perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *dapur arang batu* dalam teks sasaran. Perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*) yang digunakan adalah merujuk kepada pemanas yang menggunakan briket (arang batu) sebagai bahan bakar (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4368). Pemanas ini digunakan untuk memanaskan sesuatu ruang pada musim dingin di Korea. Namun, perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*) didapati tidak diterjemah dengan menggunakan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana penterjemah hanya menterjemah perkataan ini sebagai *dapur arang batu* sahaja. Dalam budaya Melayu, *dapur arang batu* pernah digunakan secara meluas pada zaman dahulu sebagai *dapur* untuk memasak dan bukannya satu sistem pemanasan. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang bersesuaian yang dapat dikaitkan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*). Hal ini demikian kerana perkara yang ingin diterjemahkan daripada bahasa sumber itu tidak wujud dalam bahasa sasaran. Perkataan 연탄난로 (*yeontannanlo*) yang mendukung konsep kebudayaan orang Korea sememangnya tidak ada padanannya dalam BM. Tambahan pula, iklim di Korea terdiri daripada empat musim sedangkan iklim Malaysia hanyalah terdiri daripada satu musim. Musim sejuk hanya terdapat di negara Korea, tetapi tidak di Malaysia. Oleh itu, alat pemanas tidak digunakan dan diperlukan di Malaysia. Pengkaji mendapati bahawa *pemanas daripada briket (arang batu)* sebagai *bahan bakar* sepatutnya digunakan oleh penterjemah dalam menterjemah frasa ini untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Perkataan 가야금 (*gayageum*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *alat muzik iaitu ziter Korea* dalam teks sasaran. Alat muzik ini merupakan sejenis alat muzik gesek tradisional Korea, bertali 12 dan telah dicipta oleh seorang raja dari kerajaan Gaya (Suh, 2004, p.567). Alat ini sebenarnya tidak wujud dalam kategori alat muzik tradisional Malaysia. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah perkataan ini sebagai *alat muzik iaitu ziter Korea* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan. Pengkaji mendapati bahawa terdapatnya kelainan yang wujud akibat jarak budaya seperti yang dinyatakan oleh Nord (1997). Menurut Nord (1997), teks sasaran yang tidak sepadan dengan realiti budaya boleh menimbulkan masalah apabila penterjemah memberikan pandangan dalam menterjemah budaya sumber (p.89). Dalam hasil analisis data mendapati bahawa terjemahan perkataan ini menyebabkan pembaca teks sasaran terpaksa memadankannya dengan kefahaman mereka tersendiri. Namun, adakalanya pembaca teks sasaran gagal berbuat demikian kerana masalah kefahaman terhadap konsep yang tidak terdapat dalam budaya mereka. Oleh itu, setelah perkataan *Alat muzik iaitu ziter Korea ini* diterjemah dalam teks sasaran, hasil terjemahan adalah berbentuk terjemahan kurang. Oleh itu, pengkaji mencadangkan penggunaan nota kaki untuk menyampaikan mesej yang dibawa oleh teks sumber.

Perkataan perkataan 거문고 (*geomungo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai sitar dalam teks sasaran. Alat muzik 거문고 (*geomungo*) yang dimaksudkan merupakan sejenis alat muzik gesek tradisional yang dicipta oleh Wang Sanak (Suh, 2004, p.568). Namun, alat muzik ini merupakan adaptasi daripada sejenis alat muzik yang dinamakan Chilhyeongeum iaitu alat muzik Cina yang terdapat semasa zaman pemerintahan kerajaan Goguryeo. Alat muzik ini mempunyai ciri yang berbeza dengan alat muzik Korea yang lain, iaitu cirinya adalah bertali enam. Namun, hasil terjemahan perkataan 거문고 (*geomungo*) didapati tidak boleh diterjemah kepada perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana sitar ialah sejenis alat muzik bertali orang India yang

rupa bentuknya seakan-akan gitar dan dimainkan dengan memetik talinya (*Kamus Dewan*, 2007, p.1508). Oleh itu, pengkaji mencadangkan nota kaki, iaitu 거문고 (*geomungo*) adalah sebuah alat muzik tradisional dari Korea. Walaupun penggunaan nota kaki ini menyebabkan karya terjemahan kelihatan tebal, pengkaji mendapati kaedah ini adalah perlu. Hal ini demikian kerana penggunaan nota kaki dapat memberi maklumat tambahan yang diperlukan oleh pembaca kerana kehilangan maklumat boleh berlaku jika kaedah ini tidak diaplikasikan.

Perkataan 팽과리 (*kkwaenggwali*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *gong* dalam teks sasaran. Perkataan ini membawa maksud sejenis alat muzik Korea, iaitu *gong kecil*. Gong kecil Korea ini adalah alat muzik pukul yang dibuat daripada besi yang dicat dengan warna kuning dan berbentuk bulat. Tali pendek diletakkan di atasnya untuk memudahkan alat itu dipegang sebelah tangan semasa dimainkan. Gong ini dipegang dengan sebelah tangan dan dengan dipukul dengan kayu pemukul untuk mengeluarkan bunyi (Suh, 2004, p.569). Namun, hasil terjemahan perkataan 팽과리 (*kkwaenggwali*) didapati tidak boleh diterjemah kepada perkataan yang sesuai. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 213.

Analisis data mendapati perkataan perkataan 아랫목 (*alaesmog*) dalam contoh ke-10 pula telah diterjemahkan sebagai *lantai yang panas* dalam teks sasaran. Pada zaman dahulu, sebelum wujudnya pemanas elektrik masyarakat Korea menggunakan kayu bakar atau arang sebagai bahan bakar untuk memanaskan rumah pada musim dingin. Sistem pemanasan Korea tersebut disebut sebagai *ondol* yang terletak berhampiran dengan dapur. Oleh itu, lantai bilik yang dekat dengan dapur didapati lebih panas daripada lantai yang terdapat pada bahagian lain (Suh, 2004, p.417). Oleh itu, perkataan 아랫목 (*alaesmog*) merupakan bahagian lantai yang dekat dengan tempat pemanas tersebut. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak

terdapatnya padanan yang bersesuaian yang dapat dikaitkan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 아랫목 (*alaesmog*). Dapatan kajian ini adalah selari dengan pendapat Newmark (1988) yang menyatakan bahawa perbezaan antara fokus budaya bahasa sumber dengan bahasa sasaran menyebabkan berlakunya ketidakbolehterjemahan (p.94). Dalam hal ini, pemanas yang menghangatkan ruang tidak digunakan dalam budaya masyarakat Malaysia kerana iklim di negara ini tidak memerlukan alat tersebut. Malah, 아랫목 (*alaesmog*) yang merupakan bahagian lantai yang dekat dengan tempat pemanas juga tidak mungkin wujud dalam budaya masyarakat disini. Oleh itu, semakin besar jurang perbezaan budaya, semakin tinggi tahap ketidakbolehterjemahan teks sumber kepada teks sasaran. Penggunaan nota kaki adalah diperlukan untuk menerangkan perkataan 아랫목 (*alaesmog*) yang dirujuk sebagai kawasan *lantai yang paling panas berbanding lantai lain dalam sebuah bilik*.

Selain itu, berdasarkan analisis data pula mendapati bahawa perkataan 구들장 (*gudeuljang*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai kepingan *batu lantai bilik*. Perkataan 구들 (*gudeula*) ini adalah merujuk kepada sistem penghangat atau pemanas tradisional yang terdapat di Korea. Sistem ini dibina berdasarkan kepada kepingan batu-batu yang dikumpulkan yang disebut 구들장 (*gudeuljang*) (Suh, 2004, p.419). Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang bersesuaian yang dapat dikaitkan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 구들 (*gudeula*). Masalah ketidakbolehterjemahan ini berlaku kerana tidak wujudnya pertindihan budaya antara bahasa sumber dengan bahasa sasaran sehingga menyebabkan maklumat yang ingin disampaikan tidak dipindahkan dengan baik. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa perkataan yang sepatutnya digunakan dalam menyampaikan maksud hasil terjemahan ini sepatutnya adalah frasa *kepingan batu yang dijadikan lantai bilik*.

Perkataan 대청마루 (*daecheongmalu*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *ruang tamu rumahnya* dalam teks sasaran. 대청마루 (*daecheongmalu*) ialah ruang terbuka atau boleh disebut sebagai teres atau koridor yang beratap dan berfungsi menghubungkan ruang utama dengan bangunan depan yang menghadap ke halaman (Suh, 2004, p.417). Biasanya, 대청마루 (*daecheongmalu*) ini digunakan sebagai tempat untuk ahli keluarga untuk berkumpul dan beramah mesra. Namun, ruang ini tidak wujud dalam budaya masyarakat Malaysia. Masyarakat Malaysia selalunya menggunakan ruang tamu atau serambi untuk berkumpul atau meraikan tetamu. Serambi ialah selasar yang panjang biasanya bersambung dengan ibu rumah. (Kamus Dewan, p.1464) Walaupun makna 대청마루 (*daecheongmalu*) dalam teks sumber tidak boleh dapat diterjemahkan secara terjemahan yang tepat melalui kesamaan *ruang tamu rumahnya* ke dalam teks sasaran, namun kesamaan ini masih boleh diterima untuk menyampaikan mesej. Hal ini demikian kerana kesamaan ini merupakan padanan yang terdekat bagi perkataan 대청마루 (*daecheongmalu*).

Analisis data berdasarkan contoh kebolehterjemahan unsur budaya kategori budaya material mendapati bahawa perkataan 술집 (*suljib*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *kedai arak* dalam teks sasaran. Perkataan 술집 (*suljib*) dalam BK merupakan sebuah restoran yang menjual makanan dan minuman keras (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3708). Walaupun makna 술집 (*suljib*) dalam teks sumber tidak boleh dapat diterjemahkan secara terjemahan yang tepat, kesamaan ini masih boleh diterima untuk menyampaikan mesej. Dalam budaya Korea, meminum minuman keras adalah budaya masyarakatnya untuk merapatkan hubungan antara individu. Namun, situasi ini tidak wujud di Malaysia kerana Malaysia menggunakan kaedah yang lain untuk merapatkan hubungan sesama keluarga. Tambahan pula, untuk menjual arak, pekedai haruslah mempunyai lesen yang diberikan oleh pihak pemerintah. Malah, majoriti masyarakat di Malaysia adalah Islam budaya meminum minuman keras adalah

tidak terdapat dalam budaya masyarakat Islam dan menyebabkan hasil terjemahan menjadi rumit dan sukar. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu kedai arak sepatutnya digantikan kepada frasa *restoran yang menjual makanan dan minuman keras*.

Berdasarkan Jadual 6.12, analisis data dalam contoh mendapati bahawa perkataan 국밥 (*gugbab*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *sup nasi* dalam teks sasaran secara terjemahan pendomestikan. Dalam teks sumber, perkataan 국밥 (*gugbab*) adalah 국 (*gug*) (*sup*) + 밥 (*bab*) (*nasi*). Jika dilihat dalam budaya Korea pula, biasanya makanan ini dihidangkan bersama sup, nasi, dan beberapa lauk sampingan (Suh, 2004, p.347). Namun, perkataan 국밥 (*gugbab*) didapati tidak diterjemah dengan menggunakan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana penterjemah hanya diterjemah perkataan ini sebagai *sup nasi* sahaja. Menurut *Kamus Dewan* (2007: p.1070, 1556) nasi ialah beras yang telah ditanak atau dikukus dan sup ialah sejenis masakan yang mempunyai kuah yang banyak, iaitu diperbuat daripada ramuan-ramuan tertentu seperti daging, ikan, sayur, dan sebagainya. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang bersesuaian yang dapat dikaitkan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 국밥 (*gugbab*). Pengkaji mencadangkan bahawa perkataan ini sepatutnya diterjemah kepada *sup dicampur dengan nasi* kerana terdapatnya makna perkataan 국밥 (*gugbab*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan *sup nasi*.

Pada masa yang sama, perkataan 해장국 (*haejanggug*) pula telah diterjemahkan sebagai *sup panas* oleh penterjemah teks sasaran. Pengkaji mendapati bahawa perkataan 해장국 (*haejanggug*) ini merupakan kata majmuk, iaitu 해장 (*haejang*) yang digunakan untuk menghilangkan rasa sakit perut pada waktu bangun pagi. Situasi ini adalah bertepatan dengan budaya Korea kerana amalan meminum minuman keras pada

malam hari adalah serasi dengan masyarakatnya (Suh, 2004, p.353). Oleh itu, untuk menghilangkan rasa sakit mereka minum sup herba ini. Pengkaji mendapati bahawa makna 해장국 (*haejanggug*) ialah *sup untuk menghilangkan rasa sakit perut pada waktu bangun pagi hari setelah terlalu banyak minum minuman keras*. Namun, perkataan 해장국 (*haejanggug*) didapati tidak diterjemah dengan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana sup ialah sejenis masakan yang mempunyai kuah yang banyak, iaitu diperbuat daripada ramuan-ramuan tertentu seperti daging, ikan, sayur, dan sebagainya (*Kamus Dewan*, 2007, p.1546). Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 해장국 (*haejanggug*). Menu sup dalam masyarakat Malaysia kadang kala menjadi menu utama bukan hanya ketika sakit. Pengkaji mendapati bahawa kaedah penterjemahan berasaskan nota kaki perlu diaplikasikan untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih kesan. Frasa yang sesuai digunakan oleh penterjemah adalah *sup untuk menghilangkan rasa sakit perut pada waktu bangun pagi hari setelah terlalu banyak minuman keras* adalah lebih sesuai bagi menterjemahkan maksud perkataan ini.

Jadual 6.12 : Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Material

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Boleh Terjemahan
UBM1	도레소반 <i>dolesoban</i> beberapa jenis makanan yang diletak dalam dulang kecil .	X
UBM2	보선 <i>poson</i>	...melupakan tentang poson yang berlapis dan sebaliknya dengan wang.. *pembuat kaki beralas kapas berwarna putih yang dipakai dengan baju korea dan kasut getah	X

UBM3	금비녀 비취비녀 <i>geumbinyeo bichwi binyeo</i>	Terdapat pin rambut yang dibuat daripada emas dan batu jed siap dengan rumbai-rumbai....	O
UBM4	장롱 <i>janglong</i>	...dalam penjuru sebuah peti , atau barang antik ..	O
UBM5	수저 <i>sujeo ina geoleosda.</i>	Sudu digerakkan perlahan-lahan, walaupun meja itu penuh dengan berbagai jenis hidangan.	O
UBM6	연탄난로 <i>yeontannanlo</i>	...belah tangannya ke atas dapur arang batu lalu menggosok-gosokkan...	O
UBM7	가야금 <i>gayageum</i>	...untuk belajar bermain alat muzik iaitu ziter Korea , untuk mengisi..	X
UBM8	거문고 <i>geomungo</i>	Aku akan berbual-bual dengan saudaraku dan melupakan sitar dan bukuku.	O
UBM9	팽과리 <i>kkwaengwali</i>	..dengan tiba-tiba kedengaran bunyi kenering kkwaengwari yang bising datang dari arah...	X
UBM10	아랫목 <i>alaesmog</i>	Kalaulah aku dapat memanaskan kakiku di lantai yang panas	O
UBM11	구들장 <i>gudeuljang</i>	Sungguh pun kepingan batu lantai bilik dalam rumah tersebut....di tengah-tengah bilik dan di bilik sebelah.	X
UBM12	대청마루 <i>daecheongmalu</i>	...terus berlari masuk ke ruang tamu rumahnya , memanggil isteri dan anaknya.	X
UBM13	술집 <i>suljib</i>	..kerja bersama Pok-I di kedai arak .	O

UBM14	국밥 <i>gugbab</i>	“Minta dua mangkuk <u>sup nasi</u> ”	X
UBM15	해장국 <i>haejanggug</i>	Bolehkah saya memesan <u>sup panas</u> ?	O

6.4 Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kepercayaan

Pengkaji menyertakan analisis butiran kajian tentang kebolehterjemahan unsur budaya kepercayaan dalam proses pengumpulan maklumat dan data di lapangan sebelum ini. Ini adalah untuk mendapatkan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya kepercayaan dalam BK-BM. Jadual 6.13 memaparkan hasil dan dapatan kajian pengkaji berkaitan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya kepercayaan BK-BM.

Jadual 6.13 : Pandangan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kepercayaan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Dapatan Dua Kumulan	
			Boleh Terjemah	Tidak Boleh Terjemah
UBK1	개천에서 용마가 난 다는데 <i>gaecheoneseo yongmaga nandaneunde</i>	‘... <u>sebutir permata yang terjatuh ke lembah akan tetap memancarkan cahayanya</u> ,...	OK 10 OM 3	OK 5 OM 12
UBK2	인명은 제천 이랬다 고 <i>inmyeongeun jecheonilaessdago</i>	Hidup dan mati pemberian Yang Berkuasa dan Dia sahaja.	OK 15 OM 15	OK 0 OM 0
UBK3	언지든지 팔은 안으 로만 휘는 뱀이니 께 <i>eonjideunji paleun aneuloman hwineun</i>	Aku tahu. <u>Tangan selalunya membengkok ke dalam.</u>	OK 15 OM 13	OK 0 OM 2

	<i>bebinikke</i>			
UBK4	하늘이 무너져도 솟 아날 구멍이 있다니 간 <i>haneuli muneojyeodo sosanal gumeongi issdanikkan</i>	<u>Kalau langit runtuh sekalipun, mesti ada jalan keluar.</u>	OK 15 OM 14	OK 0 OM 1
UBK5	집가심 <i>jibgasim</i>	...untuk menyelamatkan <u>upacara kut yang khusus diadakan untuk menyelamatkan perjalanan si mati ke dunia lain.</u>	OK 6 OM 1	OK 9 OM 14
UBK6	키를 쓰고 동네를한 바퀴 돈 경험이 <i>kileul sseugo dongneleul han bakwi don gyeongheom</i>	Setelah <u>mengalami penghinaan yang perit mengelilingi desa sambil menutupi kepala dengan penampi padi sebagai hukuman membasahi tempat tidur.</u>	OK 15 OM 4	OK 0 OM 11
UBK7	부적 <i>bujeog</i>	...telah pergi menemui tukang tilik yang buta untuk mendapatkan <u>tangkal pelindung</u> sungguh pun mayat Chom-nye...	OK 15 OM 11	OK 0 OM 4
UBK8	머리 위로 연방 소 금을 뿌리면서 <i>meoliwilo yeonbang sogeumul ppulimyeonseo</i>	... <u>menaburkan garam berkali-kali di atas kepala</u> ayah sambil menangis teresak-esak,...	OK 15 OM 15	OK 0 OM 0
UBK9	아홉수가 원래 사납 다고 <i>ahobsuga wonlae sanabdago</i>	“orang selalu berkata <u>nombor Sembilan tidak membawa tuah...</u> ”	OK 10 OM 15	OK 5 OM 0
UBK10	길한날 <i>gilhannal</i>	...memintanya menetapkan <u>satu tarikh yang lain</u> bagi perkahwinan chom-nye	OK 0 OM 0	OK 15 OM 15

		itu.		
UBK11	무당 <i>mudang</i>	Muka si <u>mudang</u> jelas kelihatan walaupun lampu minyak berkedip-kedip.	OK 0 OM 0	OK 15 OM 15
UBK12	무당 <i>mudang</i>	..memanggil ahli sihir perempuan ke rumah mereka dan sedang mereka sibuk menguruskan upacara Shaman.	OK 10 OM 15	OK 5 OM 0
UBK13	이승에 한 <i>iseunge han</i>	.. yang mempunyai <u>rasa kurang senang terhadap dunia ini.</u>	OK 8 OM 13	OK 7 OM 2
UBK14	황천 <i>hwangcheon</i>	..pernah memelukku. Aku pergi. Aku hendak ke <u>nirwana.</u>	OK 5 OM 0	OK 10 OM 15
UBK15	굿 <i>gus</i>	<u>Kut...</u> <i>*upacara menyerapah yang dilakukan oleh seorang bomoh</i>	OK 15 OM 11	OK 0 OM 4
			OK 154 OM 130	OK 71 OM 95

Merujuk pada analisis yang dijalankan dan dapatan yang diperoleh ke atas data dan butiran kajian, daripada 15 butiran kajian yang mengandungi unsur budaya kepercayaan yang dikaji, sebanyak 10 orang responden daripada OK dan 9 OM berpendapat bahawa unsur budaya kepercayaan yang dianalisis tersebut adalah boleh diterjemah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat responden daripada OK dan OM yang menyatakan butiran-butiran analisis tidak boleh diterjemah yang terdiri daripada 5 OK dan 6 OM memberi pandangan bahawa unsur budaya kepercayaan dalam analisis butiran adalah tidak boleh diterjemah.

Analisis terhadap butiran-butiran yang mengandungi unsur budaya kepercayaan dalam terjemahan BK-BM. Pandangan responden dalam kalangan OK menyatakan pendapat bahawa 66.7% butiran kajian yang mengandungi unsur budaya kepercayaan dalam terjemahan BK-BM adalah boleh diterjemah, manakala bakinya, OK menyatakan 33.3% butiran yang berkaitan unsur budaya kepercayaan adalah tidak boleh diterjemah. Pandangan OM pula menunjukkan 60% mengatakan boleh diterjemah dan selebihnya iaitu 40% tidak boleh diterjemah. Berdasarkan analisis yang dijalankan pengkaji dalam analisis sebelum ini (merujuk bab terdahulu). Sebanyak 9 butiran atau 60% yang mengandungi unsur budaya kepercayaan adalah boleh diterjemah, dan bakinya 6 butiran atau 40% adalah tidak boleh diterjemah.

Oleh itu, berdasarkan analisis nisbah yang dipaparkan menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang sangat ketara antara dapatan kajian pengkaji dan pandangan responden OK dan OM yang melibatkan butiran yang boleh diterjemah dalam unsur budaya kepercayaan BK-BM. Seterusnya berdasarkan analisis yang dijalankan yang melibatkan butiran mengandungi unsur budaya kepercayaan ini disertakan juga alasan-alasan daripada responden yang dipecahkan kepada pandangan kedua-dua responden ini berikan.

6.4.1 Alasan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kepercayaan

i) Alasan Orang Korea boleh terjemah

Daripada alasan-alasan yang diberikan oleh responden daripada kalangan orang Korea tentang unsur budaya kepercayaan BK-BM yang boleh diterjemah berdasarkan jadual 6.14 yang dipaparkan. Jadual tersebut menunjukkan terdapat enam alasan yang diberikan oleh responden orang Korea yang menyatakan butiran-butiran kajian boleh diterjemah dalam unsur budaya kepercayaan. Pertama, dengan memberikan pandangan

bahawa penerangan yang jelas dan ini diletakkan sebagai alasan boleh terjemah. Responden OK menyatakan bahawa unsur budaya kepercayaan boleh diterjemah seandainya penerangan butiran tersebut jelas dan difahami serta bersesuaian dengan BK-BM. Butiran kajian yang dianalisis sebelum ini seperti berikut, iaitu data UBK6 dan UBK13 adalah butiran boleh diterjemah kerana kejelasan penerangannya antara BK-BM. Kedua, alasan yang diberikan oleh responden OK dengan butiran budaya kepercayaan ini adalah melihat kepada makna fungsi yang boleh disampaikan. Makna yang boleh disampaikan ini adalah butiran atau ayat dan perkataan yang mengandungi unsur budaya kepercayaan itu boleh difahami dengan struktur bahasa yang jelas antara BK-BM. Selain itu, penerangan yang jelas dengan maksud yang hendak disampaikan adalah dikelaskan sebagai boleh diterjemah oleh responden OK. Contoh ayat dalam butiran kajian, iaitu data UBK9. Ketiga, mempunyai konsep yang sama dengan budaya sasaran. Konsep budaya sasaran ini merujuk kepada budaya yang dituju atau difokuskan dalam analisis penterjemahan ini, dan dilihat boleh diterjemah sekiranya mempunyai konsep dan corak budaya yang sama. Sebagai contoh dalam butiran kajian yang dianalisis, responden OK boleh terjemah adalah seperti data UBK3 dan UBK4. Keempat, budaya kepercayaan boleh diterjemah oleh responden OK adalah berkaitan makna leksikal yang boleh disampaikan. Contoh analisis yang diperoleh berkaitan makna leksikal, iaitu data UBK7 dan UBK8. Alasan kelima, mempunyai terjemahan yang tepat. Butiran dalam unsur budaya kepercayaan dalam BK-BM perlulah mempunyai terjemahan yang tepat dan tidak bersandar kepada sebarang kiasan atau perumpamaan lain dalam melambangkan dan menerangkan budaya kepercayaan tersebut, seperti butiran kajian, iaitu data UBK2. Keenam, konsep budaya dalam bahasa sumber wujud dalam bahasa sasaran. Konsep budaya dalam bahasa sumber wujud dalam bahasa sasaran dalam unsur budaya kepercayaan yang boleh diterjemah dan boleh disampaikan maksud bahasa dengan perkataan dan ayat yang dinyatakan seperti

butiran kajian, iaitu data UBK1, UBK12 dan UBK15.

Jadual 6.14 : Alasan Orang Korea tentang budaya kepercayaan yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBK6, UBK13
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBK9
3	Mempunyai Konsep yang Sama Dengan Budaya Sasaran	UBK3, UBK4
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBK7, UBK8
5	Terjemahan yang Tepat	UBK2
6	Konsep Budaya Dalam Bahasa Sumber Wujud Dalam Bahasa Sasaran	UBK1, UBK12, UBK15

ii) Alasan Orang Malaysia Boleh Terjemah

Alasan-alasan yang diberikan oleh responden daripada kalangan OM tentang unsur budaya kepercayaan BK-BM yang boleh diterjemah berdasarkan jadual 6.15. Jadual tersebut memberikan lima alasan yang diberikan oleh responden OM yang menyatakan butiran-butiran boleh diterjemah dalam unsur budaya kepercayaan. Pertama, penerangan yang jelas. Responden OM menyatakan juga menyatakan bahawa unsur budaya kepercayaan boleh diterjemah sekiranya penerangan butiran tersebut jelas dan difahami serta bersesuaian dengan BK-BM, dan pandangan ini sama seperti yang diberikan oleh responden OK sebelum ini. Butiran kajian yang dianalisis sebelum ini seperti berikut, iaitu data UBK9 ini adalah butiran boleh diterjemah kerana kejelasan penerangannya antara BK-BM. Kedua, kandungan yang mempunyai konsep dan corak budaya yang sama dengan budaya sasaran. Budaya sasaran dalam kajian ini adalah merujuk antara

BK-BM. Konsep yang sama dengan budaya sasaran melalui butiran atau ayat dan perkataan yang mengandungi unsur budaya kepercayaan itu boleh difahami dengan budaya sasaran antara BK-BM. Contoh ayat dalam butiran kajian, iaitu data UBK3 dan UBK4. Ketiga, budaya kepercayaan boleh diterjemah oleh responden OM adalah berkaitan makna leksikal yang boleh disampaikan. Contoh analisis yang diperoleh berkaitan makna leksikal yang boleh disampaikan dalam BK-BM, iaitu data UBK7 dan UBK8. Alasan dan pandangan ketiga responden orang Melayu ini juga sama buah fikiran dengan responden OK. Alasan keempat, terjemahan yang tepat. Merujuk kepada butiran dalam unsur budaya kepercayaan dalam BK-BM perlulah mempunyai terjemahan yang tepat dan tidak bersandar kepada sebarang kiasan atau perumpamaan lain dalam melambangkan dan menerangkan budaya kepercayaan tersebut, seperti butiran kajian, iaitu data UBK2. Kelima, konsep yang sama dengan budaya sasaran. Konsep budaya sasaran ini merujuk kepada budaya yang dituju atau difokuskan dalam analisis penterjemahan ini, dan dilihat boleh diterjemah sekiranya mempunyai konsep dan corak budaya yang sama. Sebagai contoh dalam butiran kajian yang dianalisis, responden OM boleh terjemah juga adalah seperti data UBK12 dan UBK15.

Jadual 6.15 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Kepercayaan yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBK9
2	Mempunyai Konsep yang Sama Dengan Budaya Sasaran	UBK3, UBK4
3	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBK7, UBK8
4	Terjemahan yang Tepat	UBK2

5	Konsep Budaya Dalam Bahasa Sumber Wujud Dalam Bahasa Sasaran	UBK12, UBK15
---	--	--------------

iii) Alasan Orang Korea Tidak Boleh Terjemah

Alasan responden OK yang tidak boleh terjemah dinyatakan secara jelas dalam jadual 6.16. Responden orang Korea memberikan empat alasan dalam menyokong pandangan mereka mengenai ketidakbolehterjemahan dalam unsur budaya kepercayaan dalam kajian ini. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan yang bermaksud ketidakjelasan sesuatu makna dalam unsur kepercayaan yang hendak dinyatakan, seperti subjek yang tiada predikatnya dan tidak ada penerangan yang sewajarnya berkaitan dengan subjek unsur budaya yang diketengahkan. Sebagai contoh dalam analisis kajian butiran berikut, iaitu data UBK14, nirwana yang dimaksudkan dan ini menunjukkan wujudnya makna sumber yang tidak boleh disampaikan dengan jelas dan hanya bersendirian tanpa penerangan berkaitan. Kedua, konsep budaya sumber yang tidak wujud. Konsep budaya dalam budaya Korea tidak wujud dalam budaya Melayu, menjadikan unsur ini tidak boleh diterjemah dalam BK-BM. Seperti contoh yang diberikan berikut, iaitu data UBK5. Ketiga, butiran dan unsur yang dikemukakan kurang jelas dari segi maksud dan fungsi yang hendak disampaikan. Maksud dan makna fungsi dalam proses penterjemahan adalah antara perkara yang diambil kira kerana untuk menjelaskan perbezaan budaya yang wujud. Berikut adalah contoh yang dipetik daripada analisis butiran yang tidak boleh diterjemah atas alasan frasa tersebut kurang jelas, iaitu data UBK11, unsur ini hanya terdapat dalam budaya Korea dan tidak daapt diterjemah dalam budaya Melayu. Keempat, alasan konsep budaya yang berbeza antara orang Korea dan Melayu. Unsur budaya kepercayaan ini terdapat dalam budaya Korea dan tidak terdapat dalam budaya Melayu, menjadikan alasan butiran ini tidak boleh diterjemah, iaitu data UBK10.

Jadual 6.16 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Kepercayaan yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBK14
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBK5
3	Kurang Jelas	UBK11
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBK10

iv) Alasan Orang Malaysia Tidak Boleh Terjemah

Berikut adalah alasan-alasan responden OM yang tidak boleh terjemah dinyatakan secara jelas dalam jadual 6.17. Responden OM memberikan lima alasan dengan pandangan mereka mengenai ketidakbolehterjemahan dalam unsur budaya kepercayaan ini. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan, iaitu ketidakjelasan sesuatu makna dalam unsur kepercayaan yang dinyatakan, seperti subjek yang tiada predikatnya. Alasan ini adalah sama seperti responden OK berikan sebelum ini. Merujuk contoh dalam analisis kajian butiran berikut, iaitu data UBK14, perhatikan kepada butiran penuh; 마음만은 한맘 한 뜻다된것 아니였소. 나는가요. 황천으로나는가요. *pernah memelukku. Aku pergi. Aku hendak ke nirwana.* Kedua, konsep budaya sumber yang tidak wujud. Konsep budaya dalam budaya Korea tidak wujud dalam budaya Melayu, menjadikan unsur ini tidak boleh diterjemah dalam BK-BM. Seperti contoh yang diberikan berikut, iaitu data UBK5. Alasan yang sama ini juga digunakan oleh pihak kedua OK dalam memberikan penghujahan ketidakbolehterjemahan terhadap unsur budaya kepercayaan ini. Ketiga, butiran dan unsur budaya kepercayaan yang dikemukakan kurang jelas dari segi maksud dan fungsi yang hendak disampaikan. Maksud dan makna fungsi dalam penterjemahan adalah antara perkara yang diambil

kira untuk menjelaskan dalam perbezaan budaya yang wujud. Pandangan dan alasan ketidakbolehterjemahan oleh responden OM ini sama dengan pandangan yang diberikan oleh responden OK sebelum ini. Berikut adalah contoh yang dipetik daripada analisis butiran, iaitu data UBK6 dan UBK11. Keempat, konsep budaya yang berbeza antara orang Korea dan Melayu. Unsur budaya kepercayaan ini terdapat dalam budaya Korea dan tidak pula terdapat dalam budaya Melayu, menjadikan alasan butiran ini tidak boleh diterjemah, iaitu data UBK10. Kelima, responden OM memahami teks sumber yang diberikan. Kegagalan untuk memahami teks sumber kerana kandungan butiran tersebut tidak dapat diterjemahkan dalam budaya Melayu. Berikut adalah butiran yang dimaksudkan oleh responden orang Korea, iaitu data UBK1.

Jadual 6.17 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Kepercayaan yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBK14
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBK5
3	Kurang Jelas	UBK6, UBK11
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBK10
5	Tidak Faham Teks Sumber	UBK1

6.4.2 Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kepercayaan

Dalam analisis data melalui contoh pertama berdasarkan Jadual mendapati bahawa frasa 개천에서 용마가 난다는데 (*gaecheoneseo yongmaga nandaneunde*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *sebutir permata yang terjatuh ke lembah akan tetap memancarkan cahayanya*. Jika dilihat dalam teks sumber, frasa 개천에서 용마가 난다는데 (*gaecheoneseo yongmaga nandaneunde*) ini merupakan *naga* yang dilahirkan

dalam parit. Jika didalami maksudnya, frasa ini merujuk kepada pembalikan kehidupan (Lee, 2011, p.30). Maksudnya pembalikan kehidupan. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan strategi penerangan dan diterjemahkan sebagai *sebutir permata yang terjatuh ke lembah akan tetap memancarkan cahayanya*. Maksud peribahasa ini lebih kurang sama dengan teks sumber, tetapi tidak jelas. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 178.

Frasa 인명은 제천 이랬다고 (*inmyeongeun jecheonilaessdago*) melalui contoh kedua pula telah diterjemahkan sebagai *Hidup dan mati pemberian Yang Berkuasa dan Dia sahaja* oleh penterjemah teks sasaran. Frasa 인명은 제천 이랬다고 (*inmyeongeun jecheonilaessdago*) ini bermaksud bahawa kehidupan dan kematian seseorang insan bergantung kepada tuhan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4991). Dalam budaya Korea, orang Korea percaya bahawa ajal dan maut tidak boleh dikawal oleh kuasa manusia, tetapi ditentukan oleh Tuhan. Dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan frasa ini sebagai *Hidup dan mati pemberian Yang Berkuasa dan Dia sahaja*. Dalam budaya Melayu pula, kepercayaan hidup dan mati mereka hanya kepada Allah saja dan mereka tidak mempunyai kuasa untuk mengubah sesuatu yang telah ditentukan Allah. Perihal kematian ini telah ditentukan oleh Allah sebelum mereka dilahirkan. Pengkaji mendapat bahawa terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah ini merupakan terjemahan tepat kerana terdapatnya kesinoniman makna yang ingin disampaikan melalui unsur budaya dan padanan.

Frasa 언지든지 팔은 안으로만 휘는 뱀이니까 (*eonjideunji paleun aneuloman hwineun bebinikke*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *tangan selalunya membengkok ke dalam* teks sasaran. Dalam teks sumber, frasa ini sebenarnya merupakan peribahasa masyarakat Korea yang membawa maksud sesuatu situasi apabila seseorang menyebelahi dan menyokong pihak yang rapat dengannya seperti

keluarga atau kawan baik (Lee, 2011, p.506). Perlakuan ini dilakukan dalam semua perkara, tidak kira sama ada seseorang itu melakukan kebaikan atau keburukan. Situasi seperti ini adakalanya terdapat juga di Malaysia, sekiranya pihak tersebut mempunyai kepentingan terhadap diri sendiri atau sama lain. Terdapat beberapa peribahasa yang mendukung situasi ini. Contohnya, ‘tulang belakang’, dan ‘orang kanan’. Namun, dalam teks sasaran penterjemah telah menterjemahkan frasa ini sebagai *tangan selalunya membengkok ke dalam* sahaja tanpa menghuraikan maksud sebaliknya. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa kata-kata budaya atau budaya yang khusus apabila diterjemah dalam bentuk yang literal hanya mencatatkan maknanya sahaja, tanpa meneliti struktur fungsinya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa frasa ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh frasa 언지든지 팔은 안으로만 휘는 뱀이니까 (*eonjideunji paleun aneuloman hwineun bebinikke*). Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 179.

Frasa 하늘이 무너져도 솟아날 구멍이 있다니깐 (*haneuli muneojujeodo sosanal gumeongi issdanikkan*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *Kalau langit runtuh sekalipun, mesti ada jalan keluar*. Dalam teks sumber, frasa ini merupakan salah satu peribahasa masyarakat Korea yang popular. Dalam budaya Korea, orang Korea mempercayai bahawa jika seseorang ditimpa musibah atau masalah adanya penyelesaian atau jalan keluar, tidak kiralah walau sebesar manapun masalah tersebut (Lee, 2011, p.515). Dalam masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu terdapat peribahasa yang sama dengan peribahasa tersebut, iaitu *Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan*. Namun, penterjemah teks sasaran telah menterjemahkan frasa ini sebagai *Kalau langit runtuh sekalipun, mesti ada jalan keluar*. Terjemahan yang dihasilkan ini merupakan terjemahan tepat kerana mendukung makna yang terkandung dalam teks sumber.

Perkataan 집가심 (*jibgasim*) telah diterjemah kepada *upacara kut yang khusus diadakan untuk menyelamatkan perjalanan si mati ke dunia lain*. Upacara ini merupakan satu upacara keagamaan yang khusus dan diadakan untuk mendoakan perjalanan si mati ke dunia lain (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5845). Upacara ini dilakukan setelah jenazah si mati dikebumikan dan bertujuan untuk mengusir roh jahat. Dalam budaya Korea, orang Korea mempercayai bahawa wujudnya roh jahat disekelilingi mereka. Roh jahat inilah perlu diusir supaya tidak mengganggu kehidupan manusia. Dalam budaya masyarakat Malaysia yang beragama Islam, roh-roh jahat adalah datang daripada syaitan dan jin. Justeru, amalan mengusir roh jahat ini hanya boleh dilakukan oleh mereka yang mempunyai pengetahuan mendalam tentang Islam, iaitu ‘Ustaz’ dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran (Kitab suci Agama Islam). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah perkataan 집가심 (*jibgasim*) sebagai *upacara kut yang khusus diadakan untuk menyelamatkan perjalanan si mati ke dunia lain*. Namun, padanan tersebut didapati masih kurang kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 집가심 (*jibgasim*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan frasa *upacara kut yang khusus diadakan untuk menyelamatkan perjalanan si mati ke dunia lain*. Pengkaji mendapati perkataan ini lebih sesuai diterjemahkan sebagai upacara keagamaan yang dilakukan *setelah jenazah si mati dikebumikan untuk mengusir roh jahat* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Berdasarkan contoh keenam dalam jadual di atas, analisis data mendapati bahawa frasa 키를 쓰고 동네를 한 바퀴 돈 경험 (kileul sseugo dongneleul han bakwi don gyeongheom) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *mengalami penghinaan yang perit mengelilingi desa sambil menutupi kepala dengan penampi padi sebagai hukuman membasahi tempat tidur*. Dalam budaya Korea, apabila seorang budak terkencing di atas tempat tidurnya, dia akan menerima hukuman (*The Korean Standard*

Dictionary, 1999, p.6315). Bentuk hukuman yang dikenakan kepada kanak-kanak ini adalah mengelilingi desa. Semasa mengelilingi desa, kepala mereka akan ditutup penampi padi. Pada masa yang sama, mereka perlu pergi ke setiap rumah yang terdapat di desa itu. Setelah itu, mereka perlu meminta garam daripada setiap rumah jiran kerana dipercayai garam tersebut mampu membuang roh jahat dalam diri mereka. Bagi orang Malaysia, lazimnya mereka menggunakan kaedah rawatan tradisional atau petua-petua untuk mengatasi masalah tersebut. Dalam teks sasaran, penterjemah menterjemahkan frasa ini sebagai *mengalami penghinaan yang perit mengelilingi desa sambil menutupi kepala dengan penampi padi sebagai hukuman membasahi tempat tidur*. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pendapat yang dikemukakan oleh Larson (1984) tentang kebolehterjemahan budaya. Menurut Larson (1984), penterjemah perlu membina kefahaman terhadap kesepadanan bentuk dan fungsi (p.165). Hal ini demikian menunjukkan kefahaman yang menyeluruh adalah penting bagi mencari padanan kata yang sesuai. Padanan kata tersebut tidak semestinya berkaitan dengan faktor linguistik sahaja, tetapi bentuk fizikal perkataan itu sendiri. Pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan ini adalah tepat dan dapat menjelaskan budaya masyarakat Korea dengan baik.

Perkataan 부적 (*bujeog*) dalam teks sumber pula telah diterjemahkan sebagai *tangkal pelindung*. Kemudian, berdasarkan analisis data mendapati bahawa, perkataan 부적 (*bujeog*) merupakan aksesori yang di pakai oleh seseorang, tertera tulisan, rajah ataupun gambar yang dibawa ke mana-mana atau ditampal didinding sebagai azimat dan pelindung (Suh, 2004, p.344). Tangkal ini biasanya dibuat oleh bomoh atau dukun. Merujuk kepada *Kamus Dewan* pula, perkataan *tangkal* ini ialah sesuatu yang digunakan untuk menolak bala (penyakit, hantu, jin, dan lain lain) (*Kamus Dewan*, 2007, p.1601). Bagi orang Melayu di Malaysia, budaya pemakaian tangkal pelindung adalah tidak dibenarkan kerana dikhuatiri akan menyebabkan mereka terlalu bergantung

kepada tangkal tersebut bukannya Tuhan (Allah), sedangkan dalam Islam, perlindungan hanya datang dari Allah. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa Hasil terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah ini merupakan terjemahan tepat.

Seterusnya, hasil daripada analisis data mendapati bahawa frasa 머리 위로 연방 소금을 뿌리면서 (*meoliwilo yeonbang sogeumeul ppulimyeonseo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *menaburkan garam berkali-kali di atas kepala* dalam teks sasaran. Berdasarkan contoh ini, masyarakat Korea mempercayai bahawa mereka perlu menaburkan garam kepada seseorang untuk menghalau roh jahat yang mengganggu ketenteraman. Budaya yang sama juga diamalkan oleh orang Melayu di Malaysia. Roh-roh yang jahat dihalau dengan menaburkan garam dan bacaan ayat Al-Quran (Jabatan Mufti Negeri Melaka, 2012, p.7). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah menggunakan strategi penterjemahan literal dan telah menterjemahkan frasa ini sebagai *menaburkan garam berkali-kali di atas kepala*. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan yang digunakan dalam menterjemah teks sumber ke dalam teks sasaran mudah difahami, lancar, dan berbentuk bebas. Walaupun telah diterjemah kepada bahasa sasaran, pengkaji mendapati bahasa hasil terjemahan ini dapat mengekalkan unsur budaya yang terkandung dalam teks sumber. Pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan ini adalah tepat dan dapat menjelaskan budaya masyarakat Korea dengan baik.

Pada masa yang sama, frasa 아홉수가 원래 사납다고 (*ahobsuga wonlae sanabdago hademan*) pula telah diterjemahkan sebagai *nombor sembilan tidak membawa tuah* oleh penterjemah teks sasaran. Dalam budaya Korea, masyarakatnya mempercayai bahawa *nombor sembilan tidak membawa tuah* membawa nasib malang (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4030). Contohnya, jika seseorang lelaki berumur sembilan tahun, 19 tahun, 29 tahun dan sebagainya, mereka akan mengelakkan

diri daripada berkahwin atau berpindah rumah. Hal ini demikian kerana mereka beranggapan bahawa mereka akan menerima nasib malang jika berbuat sesuatu yang berkaitan dengan angka sembilan itu. Dalam budaya Melayu, kepercayaan seperti ini sama sekali tidak wujud dan mereka juga tidak digalakkan mempercayai unsur-unsur lain selain Tuhan (Allah). Namun, bagi masyarakat Cina di Malaysia, kepercayaan seperti ini juga diamalkan dan dipercayai oleh mereka. Pengkaji mendapati frasa 아홉 수가 원래 사납다고 (*ahobsuga wonlae sanabdago*) ini diterjemahkan *nombor sembilan yang membawa malang* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Perkataan 길한날 (*gilhannal*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai satu *tarikh yang lain* dalam teks sasaran. Namun, perkataan 길한날 (*gilhannal*) apabila diterjemahkan membawa maksud *satu tarikh yang membawa tuah* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.934). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah perkataan 길한날 (*gilhannal*) sebagai *satu tarikh yang lain*. perkataan 길한날 (*gilhannal*) setelah diterjemahkan membawa maksud satu tarikh yang membawa tuah (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.934). Dalam budaya Korea, apabila seseorang hendak pindah ke rumah baharu, berkahwin, dan sebagainya mereka akan mendapatkan tarikh yang sesuai daripada sami. Dalam kepercayaan masyarakat Melayu yang beragama Islam, tarikh-tarikh dalam kalendar Islam juga dikaitkan dengan beberapa keistimewaan dan kesucian. Terdapat hari-hari suci dan mulia yang digalakkan untuk dipenuhi dengan aktiviti-aktiviti yang berfaedah dan sesuai untuk mengadakan majlis-majlis tertentu. Bagi tujuan menyampaikan mesej dengan lebih berkesan lagi, pengkaji mendapati perkataan 길한날 (*gilhannal*) ini telah diterjemahkan kepada *tarikh yang membawa tuah*.

Analisis data berdasarkan contoh berikutnya pula mendapati bahawa perkataan 무당 (*mudang*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *mudang* juga ke teks sasaran. Perkataan 무당 (*mudang*) ini merujuk kepada perlakuan seorang, iaitu perlakuan menilik nasib, membaca jampi-jampi, dan mentera untuk orang yang sakit atau memerlukan bantuan (Suh, 2004, p.333). Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran hanya menterjemahkan perkataan *mudang* sahaja tanpa menghuraikan maksudnya. Menurut Venuti (1995), penterjemahan berunsur tempatan adalah pengurangan etnosentrik teks asing ke dalam nilai-nilai budaya sasaran (p.20). Dalam hal ini, penterjemah membawa unsur budayanya sendiri sehingga menyebabkan pembaca teks sasaran tidak memahami maksud *mudang* yang dinyatakan dalam teks sasaran. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa nota kaki didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Seterusnya, hasil daripada analisis data mendapati bahawa perkataan 무당 (*mudang*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *ahli sihir perempuan*. Perkataan ini membawa maksud bahawa upacara yang dilakukan untuk menilik nasib, membaca jampi-jampi, dan mentera untuk orang sakit atau memerlukan bantuan (Suh, 2004, p.333). Dalam budaya Malaysia, amalan sihir masih wujud sehingga kini, diamalkan oleh mereka yang membenci atau tidak puas hati terhadap seseorang, lalu menggunakan sihir untuk melemahkan orang yang dibenci itu. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran menterjemahkan perkataan 무당 (*mudang*) ini sebagai ahli sihir, tetapi hasil terjemahan ini didapati kurang tepat. Oleh sebab ini, pengkaji mendapati bahawa nota kaki didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber. Pengkaji juga mendapati bahawa penggunaan nota kaki ini dapat mempertahankan struktur formal asal sedekat mungkin supaya budaya sumber dapat difahami sejasasnya oleh pembaca sasaran.

Analisis data yang seterusnya mendapati bahawa frasa 이승에 한 (*iseunge han*) pula telah diterjemahkan sebagai *rasa kurang senang terhadap dunia ini* dalam teks. Menurut kepercayaan masyarakat Korea, jika seseorang telah meninggal dunia, tetapi mereka merasa kurang gembira dengan kehidupan yang sebelum ini, roh mereka tidak akan tenang (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6737). Roh si mati yang tidak tenang ini tidak boleh meneruskan perjalanan ke alam lain. Oleh itu, roh si mati yang tidak tenang ini akan mengganggu orang lain yang masih hidup. Berbeza dengan kepercayaan Agama Islam, selepas kematian mereka akan menemui Tuhan (Allah) untuk diperhitungkan segala amalan. Sama ada roh mereka tenang atau tidak, mereka tetap akan dapat balasan daripada Tuhan dan segala hubungan mereka dengan dunia akan terputus. Dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan frasa ini sebagai *rasa kurang senang terhadap dunia*. Oleh itu, kata budaya kategori kepercayaan ini dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran dan menepati konteks yang didukung oleh teks sumber. Situasi ini dikaitkan dengan kebolehterjemahan tanpa mengalami pengubahsuaian, sama ada tambahan nota kaki atau penerangan yang lebih lanjut. Pada masa yang sama, bentuk frasa, klausa atau ayat yang lebih panjang tidak pula digunakan untuk menunjukkan konsep frasa 이승에 한 (*iseunge han*) yang membawa maksud *rasa kurang senang terhadap dunia*. Pengubahsuaian dan penambahan, sama ada dalam bentuk adalah tidak perlu kerana adanya bentuk padanan langsung dalam bahasa sasaran yang selaras dengan bahasa sumber. Pengkaji juga mendapati bahawa penterjemah tidak perlu menggunakan strategi penerangan dan penghuraian yang panjang lebar untuk menyampaikan maksud perkataan budaya kepercayaan kerana hasil terjemahan ini menghasilkan terjemahan tepat.

Analisis data berdasarkan contoh dalam kebolehterjemahan unsur budaya kategori kepercayaan mendapati bahawa perkataan 황천 (*hwangcheon*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *nirwana* dalam teks sasaran. Perkataan 황천 (*hwangcheon*) ini

merupakan alam kematian. Dalam budaya Korea, orang Korea mempercayai bahawa setelah orang meninggal dunia, roh mereka berpindah ke alam lain yang kekal abadi (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.7034). Namun, pengkaji mendapati perkataan nirwana ini yang menterjemahkan perkataan 황천 (*hwangcheon*) adalah kurang tepat. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 197. Pengkaji mendapati perkataan 황천 (*hwangcheon*) ini sepatutnya diterjemahkan kepada alam barzakh untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan lagi.

Analisis data yang seterusnya mendapati bahawa perkataan 覘 (*gus*) pula telah diterjemahkan sebagai *upacara Shaman* dalam teks sasaran. Dalam budaya Korea, orang Korea mempercayai bahawa sami boleh berdoa kepada Tuhan, tanpa memerlukan perantaraan untuk menyelamatkan seseorang (suh, 2004, p.334). Jika seseorang ditimpa musibah, mereka akan bertemu sami untuk mendapatkan nasihat dan sami akan berdoa untuk meminta pertolongan Tuhan. Shamanisme merupakan cara yang digunakan untuk berkomunikasi atau berhubung dengan dewa atau semangat. Semangat-semangat ini wujud melalui roh nenek moyang atau pahlawan masa dahulu. Shaman (bomoh) menjadi saluran untuk manusia berhubung dengan pelbagai jenis semangat ghaib. Dalam budaya Melayu, amalan berjumpa bomoh masih lagi diamalkan untuk mendapatkan sesuatu yang diinginkan. Lazimnya, bomoh menggunakan perantara jin dan syaitan untuk memenuhi hajat seseorang. Oleh itu, Islam mengharamkan perbuatan seperti ini, iaitu menggunakan perantara jin dan syaitan. Dalam teks sasaran, penterjemah telah menggunakan nota kaki. Pengkaji mendapati bahawa nota kaki ini didapati sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Jadual 6.18 : Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kepercayaan

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Boleh Terjemahan
UBK1	개천에서 용마가 난다는 데 <i>gaecheoneseo yongmaga nandaneunde</i>	'... <u>sebutir permata yang terjatuh ke lembah akan tetap memancarkan cahayanya</u> ,...	X
UBK2	인명은 제천 이랬다고 <i>inmyeongeun jecheonilaessdago</i>	Hidup dan mati pemberian Yang Berkuasa dan Dia sahaja.	O
UBK3	언지든지 팔은 안으로만 휘는 뱀이니께 <i>eonjideunji paleun aneuloman hwineun bebinikke</i>	Aku tahu. <u>Tangan selalunya membengkok ke dalam.</u>	X
UBK4	하늘이 무너지도 솟아날 구멍이 있다니깐 <i>haneuli muneojyeodo sosanal gumeongi issdanikkan</i>	<u>Kalau langit runtuh sekalipun, mesti ada jalan keluar.</u>	O
UBK5	집가심 <i>jibgasim</i>	...untuk menyelamatkan <u>upacara kut yang khusus diadakan untuk menyelamatkan perjalanan si mati ke dunia lain.</u>	O
UBK6	키를 쓰고 동네를한바퀴 돈 경험이 <i>kileul sseugo dongneleul han bakwi don gyeongheom</i>	Setelah <u>mengalami penghinaan yang perit mengelilingi desa sambil menutupi kepala dengan penampi padi sebagai hukuman membasahi tempat tidur.</u>	O
UBK7	부적 <i>bujeog</i>	...telah pergi menemui tukang tilik yang buta untuk mendapatkan <u>tangkal pelindung</u> sungguh pun mayat Chom-nye...	O
UBK8	머리 위로 연방 소금을 뿌리면서 <i>meoliwilo yeonbang sogelum ppulimyeonseo</i>	... <u>menaburkan garam berkali-kali di atas kepala</u> ayah sambil menangis teresak-esak,...	O

UBK9	아홉수가 원래 사납다고 <i>ahobsuga wonlae sanabdago</i>	“orang selalu berkata <u>nombor Sembilan tidak membawa tuah...</u> ”	O
UBK10	길한날 <i>gilhannal</i>	...memintanya menetapkan <u>satu tarikh yang lain</u> bagi perkahwinan chom-nye itu.	X
UBK11	무당 <i>mudang</i>	Muka si <u>mudang</u> jelas kelihatan walaupun lampu minyak berkedip-kedip.	X
UBK12	무당 <i>mudang</i>	..memanggil <u>ahli sihir perempuan</u> ke rumah mereka dan sedang mereka sibuk menguruskan upacara Shaman.	X
UBK13	이승에 한 <i>iseunge han</i>	.. yang mempunyai <u>rasa kurang senang terhadap dunia ini.</u>	O
UBK14	황천 <i>hwangcheon</i>	..pernah memelukku. Aku pergi. Aku hendak ke <u>nirwana.</u>	O
UBK15	굿 <i>gus</i>	<u>Kut...</u> <i>*upacara menyerapah yang dilakukan oleh seorang bomoh</i>	O

6.5 Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kawalan Sosial

Penganalisan butiran kajian yang ditentukan ini juga mengkaji tentang kebolehterjemahan unsur budaya kawalan sosial dalam penyempurnaan pengumpulan maklumat dan data di lapangan. Ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya kawalan sosial dalam BK-BM. Jadual 6.19 memaparkan hasil analisis dan dapatan kajian pengkaji berkaitan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya kawalan sosial BK-BM.

Jadual 6.19 : Pandangan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kawalan Sosial

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Dapatan Dua Kumulan	
			Boleh Terjemah	Tidak Boleh Terjemah
UBKS1	해방 <i>haebang</i>	..selepas berlakunya <u>pembebasan bandar Seoul.</u>	OK 0 OM 10	OK 15 OM 5
UBKS2	내선일체 <i>Naeseonilche</i>	...bergantung kepada <u>penyatuan negara Jepun dengan negara Korea.</u>	OK 7 OM 15	OK 8 OM 0
UBKS3	사변 <i>sabyeon</i>	Tahun berikutnya, <u>peperangan</u> pun meletus.	OK 14 OM 12	OK 1 OM 3
UBKS4	삐라 <i>Ppila</i>	...mereka diumpam dengan janji pengampunan yang terdapat dalam <u>risalah sebaran tangan.</u>	OK 9 OM 10	OK 6 OM 5
UBKS5	3·1 독립운동 <i>3·1 doglibundong</i>	Selepas tercetusnya <u>kebangkitan semangat seluruh rakyat Korea untuk menuntut kemerdekaan daripada Jepun, pada 1 Mac 1919,</u> ramai penuntut Suh...	OK 12 OM 11	OK 3 OM 4
UBKS6	빨치산 <i>ppalchisan</i>	...walaupun barisan perang telah berundur ke utara dan para <u>penyokong komunis</u> masih mencerobohi dari semasa ke semasa dan membakar stesen polis di kota.	OK 6 OM 15	OK 9 OM 0

UBKS7	빨갱이집 <i>ppulgaengijib</i>	..dalam <u>rumah</u> <u>komunis</u> ,	OK 15 OM 15	OK 0 OM 0
UBKS8	삼팔선 <i>sampalseon</i>	...yang dibawanya bersama sebuah beg berwarna hitam semasa dia menyeberangi <u>garisan</u> <u>lintang 380°</u> .	OK 4 OM 3	OK 11 OM 12
UBKS9	통금사이렌 <i>tonggeum sailen</i>	<u>Siren menandakan</u> <u>perintah berkurung</u> berbunyi tepat sedang aku menarik selimut.	OK 12 OM 11	OK 3 OM 4
UBKS10	천여리 <i>cheonyeo ri</i>	...berjalanan lebih dari <i>seribu ri</i> dari Seoul ke Mujin * sama jauh dengan <i>satu pertiga batu</i>	OK 0 OM 1	OK 15 OM 14
UBKS11	음력 <i>eumlyeog</i>	Hari yang ditetapkan adalah hari yang kedua puluh lapan pada bulan empat mengikut <u>takwim</u> <u>kamariah</u> .	OK 4 OM 3	OK 11 OM 12
UBKS12	제사 <i>jesa</i>	..sebelum <u>upacara</u> <u>berkabung</u> yang kedua	OK 15 OM 13	OK 0 OM 2
UBKS13	위패 (位牌) <i>wipae</i>	...perarakan itu dengan dua <u>tanda</u> <u>peringatan</u> dipegang....	OK 15 OM 13	OK 0 OM 2
UBKS14	상주 <i>sangju</i>	Semasa upacara pengebumian ada dua keranda, tetapi hanya <u>seorang sahaja yang</u> <u>berkabung</u> , Tog-i.	OK 1 OM 13	OK 14 OM 2
UBKS15	꾸벅하면서 <i>kkubeoghameonseo</i>	Chung bangun berdiri lalu <u>tunduk</u> <u>menghormati orang</u> <u>tua itu</u> .	OK 14 OM 15	OK 1 OM

			OK 128 OM 160	OK 97 OM 65
--	--	--	------------------------	----------------------

Berdasarkan kepada analisis yang dijalankan dan dapatan yang diperoleh ke atas data dan butiran kajian tentang unsur budaya kawalan sosial, terdapat sebanyak 9 orang responden daripada OK dan 11 OM berpendapat bahawa unsur budaya kawalan sosial yang dianalisis tersebut adalah boleh diterjemah. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat responden daripada OK dan OM yang menyatakan butiran-butiran analisis tidak boleh diterjemah yang terdiri daripada 6 OK dan 4 OM dengan memberi pandangan bahawa unsur budaya kawalan sosial dalam analisis butiran adalah tidak boleh diterjemah.

Analisis terhadap butiran-butiran yang mengandungi unsur budaya kawalan sosial dalam terjemahan BK-BM. Responden daripada kalangan OK menyatakan pendapat bahawa 60% butiran kajian yang mengandungi unsur budaya kawalan sosial dalam terjemahan BK-BM adalah boleh diterjemah, manakala bakinya, OK menyatakan 40% butiran yang berkaitan unsur budaya kawalan sosial adalah tidak boleh diterjemah. Pandangan responden OM pula menunjukkan 73.3% memberi pandangan boleh diterjemah dan selebihnya iaitu 26.7% tidak boleh diterjemah. Berdasarkan analisis yang dijalankan pengkaji dalam analisis sebelum ini (merujuk bab terdahulu). Sebanyak 6 butiran atau 40% yang mengandungi unsur budaya kawalan sosial adalah boleh diterjemah, manakala bakinya 9 butiran atau 60% adalah tidak boleh diterjemah.

Oleh itu, berdasarkan analisis nisbah yang diperoleh di atas, menunjukkan terdapat perbezaan yang ketara antara dapatan kajian pengkaji dan pandangan responden OM yang melibatkan butiran yang tidak boleh diterjemah dalam unsur budaya kawalan sosial BK-BM. Seterusnya berpandukan analisis yang dijalankan melibatkan butiran mengandungi unsur budaya kawalan sosial ini dikemukakan juga alasan-alasan daripada

responden berikan.

6.5.1 Alasan Responden Tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kawalan Sosial.

i) Alasan Orang Korea Boleh Terjemah

Responden daripada kalangan orang Korea tentang unsur budaya kawalan sosial BK-BM yang boleh diterjemah dengan alasan-alasan yang dikemukakan berdasarkan jadual 6.20. Jadual tersebut menunjukkan terdapat tujuh alasan yang diberikan oleh responden orang Korea yang menyatakan butiran-butiran kajian boleh diterjemah dalam unsur budaya kawalan sosial. Pertamanya, penerangan yang jelas. Responden OK menyatakan bahawa unsur budaya kawalan sosial boleh diterjemah seandainya penerangan butiran tersebut perlu jelas dan difahami serta bersesuaian dengan BK-BM. Butiran kajian yang dianalisis sebelum ini seperti berikut, iaitu data UBKS5 dan UBKS15. Butiran yang dikemukakan adalah butiran boleh diterjemah kerana kejelasan penerangannya antara BK-BM. Kedua, makna fungsi yang boleh disampaikan. Makna yang boleh disampaikan ini adalah butiran atau ayat dan perkataan yang mengandungi unsur budaya kawalan sosial itu boleh difahami dengan struktur bahasa yang jelas antara BK-BM. Selain itu, penerangan yang jelas dengan maksud yang hendak disampaikan adalah dikelaskan sebagai boleh diterjemah oleh responden OK. Contoh yang terdapat dalam butiran kajian, iaitu data UBKS3. Ketiga, mempunyai konsep yang sama dengan budaya sasaran. Konsep budaya sasaran ini merujuk kepada budaya yang dituju atau difokuskan dalam analisis penterjemahan ini, dan dilihat boleh diterjemah seandainya terdapat konsep dan corak budaya yang sama. Sebagai contoh dalam butiran kajian yang dianalisis, responden OK boleh terjemah adalah seperti data UBKS9. Keempat, budaya kepercayaan boleh diterjemah oleh responden OK adalah berkaitan makna leksikal yang boleh disampaikan. Bersama dengan ini diberikan contoh analisis yang diperolehi berkaitan makna leksikal yang boleh disampaikan dalam BK-BM.

Berikut adalah butiran yang berkaitan dengan alasan responden ini berikan, iaitu data UBKS13. Kelima, perlunya mempunyai terjemahan yang tepat. Butiran dalam unsur budaya kawalan sosial dalam BK-BM perlulah mempunyai terjemahan yang tepat dan tidak bersandar kepada sebarang perkara atau perumpamaan lain dalam melambangkan dan menerangkan budaya kawalan sosial tersebut, seperti butiran kajian, iaitu data UBKS12. Keenam, konsep budaya dalam bahasa sumber wujud dalam bahasa sasaran. Konsep budaya dalam bahasa sumber wujud dalam bahasa sasaran dalam unsur budaya kawalan sosial yang boleh diterjemah dan boleh disampaikan maksud bahasa dengan perkataan yang dinyatakan seperti butiran kajian, iaitu data UBKS4. Alasan terakhir, iaitu konotasi yang boleh disampaikan.

Jadual 6.20 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Kawalan Sosial yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBKS5, UBKS15
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBKS3
3	Mempunyai Konsep yang Sama Dengan Budaya Sasaran	UBKS9
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBKS13
5	Terjemahan yang Tepat	UBKS12
6	Konsep Budaya Dalam Bahasa Sumber Wujud Dalam Bahasa Sasaran	UBKS4
7	Konotasi Boleh Disampaikan	UBKS7

ii) Alasan Orang Malaysia Boleh Terjemah

Responden daripada kalangan OM tentang unsur budaya kawalan sosial BK-BM yang boleh diterjemah dengan alasan-alasan yang dikemukakan berdasarkan jadual 6.21. Jadual tersebut menunjukkan terdapat tujuh alasan yang diberikan oleh responden orang Korea yang menyatakan butiran-butiran kajian boleh diterjemah dalam unsur budaya kawalan sosial. Alasan-alasan yang dikemukakan oleh responden OM ini sama pandangannya dengan responden OK sebelum ini. Pertamanya, pandangan bahawa penerangan yang jelas. Responden orang Melayu juga menyatakan bahawa unsur budaya kawalan sosial boleh diterjemah seandainya penerangan butiran tersebut perlu jelas dan difahami serta bersesuaian dengan BK-BM. Butiran kajian yang dianalisis sebelum ini seperti berikut, iaitu data UBKS2 dan UBKS5. Butiran yang dikemukakan adalah butiran boleh diterjemah kerana kejelasan penerangannya antara BK-BM. Kedua, makna fungsi yang boleh disampaikan. Makna yang boleh disampaikan ini adalah butiran atau ayat dan perkataan yang mengandungi unsur budaya kawalan sosial itu boleh difahami dengan struktur bahasa yang jelas antara BK-BM. Selain itu, penerangan yang jelas dengan maksud yang hendak disampaikan adalah dikelaskan sebagai boleh diterjemah oleh responden OM. Berikut adalah contoh yang terdapat dalam butiran kajian, iaitu data UBKS3, UBKS14 dan UBKS15. Ketiga, mempunyai konsep yang sama dengan budaya sasaran. Konsep budaya sasaran ini merujuk kepada budaya yang dituju atau difokuskan dalam analisis penterjemahan ini, dan dilihat boleh diterjemah seandainya terdapat konsep dan corak budaya yang sama. Sebagai contoh dalam butiran kajian yang dianalisis, responden OM boleh terjemah adalah seperti data UBKS9. Keempat, budaya kepercayaan boleh diterjemah oleh responden OM adalah berkaitan makna leksikal yang boleh disampaikan. Contoh analisis yang diperoleh berkaitan makna leksikal yang boleh disampaikan dalam BK-BM. Berikut adalah butiran yang berkaitan dengan alasan responden OM ini berikan, iaitu data UBKS13. Kelima,

terjemahan yang tepat. Butiran dalam unsur budaya kawalan sosial dalam BK-BM perlulah mempunyai terjemahan yang tepat dan tidak bersandar kepada sebarang perkara atau perumpamaan lain dalam melambangkan dan menerangkan budaya kawalan sosial tersebut, seperti butiran kajian, iaitu data UBKS1 dan UBKS12. Keenam, konsep budaya dalam bahasa sumber wujud dalam bahasa sasaran. Konsep budaya dalam bahasa sumber wujud dalam bahasa sasaran dalam unsur budaya kawalan sosial yang boleh diterjemah dan boleh disampaikan maksud bahasa dengan perkataan yang dinyatakan seperti butiran kajian, iaitu UBKS4 dan UBKS6. Alasan terakhir, iaitu konotasi yang boleh disampaikan.

Alasan-alasan dan pandangan yang diberikan oleh responden OK dan OM masing-masing mengemukakan alasan dan pandangan yang sama dalam menyokong kebolehterjemahan butiran-butiran kajian dalam unsur budaya kawalan sosial ini.

Jadual 6.21 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Kawalan Sosial yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBKS2, UBKS5
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBKS3, UBKS14, UBKS15
3	Mempunyai Konsep yang Sama Dengan Budaya Sasaran	UBKS9
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBKS13
5	Terjemahan yang Tepat	UBKS1, UBKS12
6	Konsep Budaya Dalam Bahasa Sumber Wujud Dalam Bahasa Sasaran	UBKS4, UBKS6
7	Konotasi Boleh Disampaikan	UBKS7

iii) Alasan Orang Korea Tidak Boleh Terjemah

Bersama-sama ini juga disertakan alasan-alasan responden OK yang menyatakan terdapat unsur budaya kawalan sosial dalam BK-BM yang tidak boleh diterjemah. Responden OK mengemukakan empat alasan yang menerangkan unsur budaya kawalan sosial BK-BM yang tidak boleh diterjemah. Pertama, mempunyai makna budaya sumber tidak boleh disampaikan dalam terjemahan BK-BM melibatkan unsur kawalan sosial ini. Berdasarkan kepada contoh butiran kajian yang mempunyai makna budaya sumber yang tidak boleh disampaikan, iaitu data UBKS2 dan UBKS14. Kedua, konsep budaya sumber tidak diwujudkan dalam budaya sasaran. Konsep budaya yang dimaksudkan adalah budaya Korea tidak boleh diterjemahkan dalam budaya Melayu dengan contoh butiran yang diberikan berikut, iaitu data UBKS6. Unsur budaya kawalan sosial yang dinyatakan dalam contoh tersebut tidak dapat diterjemahkan dalam budaya Melayu. Ketiga, responden terdapat butiran-butiran yang kurang jelas dan ini tidak dapat diterjemahkan dengan baik dalam unsur budaya ini, dengan merujuk kepada contoh berikut, iaitu data UBKS1, UBKS8 dan UBKS10. Keempat, konsep budaya yang berbeza antara budaya Korea dan Melayu.

Jadual 6.22 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Kawalan Sosial yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBKS2, UBKS14
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBKS6
3	Kurang Jelas	UBKS1, UBKS8, UBKS10
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBKS11

iv) Alasan Orang Malaysia Tidak Boleh Terjemah

Berdasarkan analisis kajian juga memperlihatkan responden OM memberikan alasan-alasan ketidakbolehterjemahan unsur budaya kawalan sosial dalam BK-BM ini. Responden OM ini mengemukakan dua alasan sahaja bahawa unsur dan unsur budaya kawalan sosial ini yang tidak boleh diterjemah. Pertama, butiran yang disampaikan kurang jelas. Alasan ini adalah sama seperti responden OK berikan dan dengan contoh yang sama, iaitu data UBKS8 dan UBKS10. Butiran budaya yang tidak boleh disampaikan kerana tidak jelas maksud dan keterangan yang dibawa, pada masa yang sama tidak boleh diterjemah dalam budaya OM dan sebaliknya. Kedua, konsep budaya yang berbeza. Konsep budaya yang berbeza dalam unsur budaya kawalan sosial yang dimaksudkan ini, iaitu budaya tersebut hanya terdapat dalam konteks budaya Korea, tetapi tidak terdapat dalam budaya Melayu. Dalam analisis kajian dan contoh yang diberikan, iaitu data UBKS11, butiran tersebut tidak dapat diterjemah dalam budaya Melayu kerana tidak digunakan dan difahami mengikut konsep budaya Korea.

Jadual 6.23 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Kawalan Sosial yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Kurang Jelas	UBKS8, UBKS10
2	Konsep Budaya yang Berbeza	UBKS11

6.5.2 Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kawalan Sosial

Berdasarkan contoh dalam jadual di atas, analisis data mendapati bahawa perkataan 해방 (*haebang*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *selepas berlakunya pembebasan bandar Seoul*. Dalam teks sumber, perkataan 해방 (*haebang*) ini dapat dikaitkan dengan semangat atau kebolehan individu untuk bertindak mengikut

kehendaknya sendiri (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6801). Namun, makna yang dibawa dalam teks sumber adalah merujuk kepada peristiwa yang berlaku pada 15 Ogos 1945. Semasa tarikh tersebut, Korea telah dibebaskan daripada kekuatan imperialis Jepun. Padanan dalam teks sasaran diberikan oleh penterjemah perkataan *pembebasan bandar Seoul* sebagai penjelasan terperinci. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *pembebasan bandar Seoul* sepatutnya digantikan kepada frasa *pembebasan daripada imperialis Jepun*. Oleh itu, konotasi yang mempengaruhi makna budaya kategori kawalan sosial adalah penting. Pengkaji mendapati bahawa *pembebasan daripada imperialis Jepun* itu didapati tidak mempunyai unsur konotasi budaya sehingga menyebabkannya lebih cenderung mengalami keadaan boleh terjemah.

Di samping itu, analisis data berdasarkan contoh kedua pula mendapati perkataan 내선일체 (*naeseon-ilche*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *penyatuan negara Jepun dengan negara Korea* ke dalam teks sasaran. 내선일체 (*naeseon-ilche*) merupakan salah satu gerakan untuk menghapuskan etnik di Korea. Pada 22 Ogos tahun 1910, kerajaan Korea telah menandatangani perjanjian untuk menggabungkan negara Korea dengan Jepun. Oleh sebab tidak ada pilihan lain, kerajaan Korea akhirnya menandatangani perjanjian dengan Jepun. Sejak saat itu, negara dan bangsa Korea berada di bawah penjajahan Jepun selama 36 tahun. Namun, pendudukan Jepun ke atas Korea berakhir pada tahun 1945, iaitu apabila tamatnya Perang Dunia Kedua. Selama 36 tahun, negara Jepun membuat gerakan penghapusan bangsa Korea. Namun, dalam teks sasaran penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *penyatuan negara Jepun dengan negara Korea*. Pengkaji mendapati bahawa frasa ini tidak boleh diterjemah secara langsung kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh, perkataan 내선일체 (*naeseon-ilche*). Pengkaji mendapati perkataan 내선일체 (*naeseon-ilche*) ini sepatutnya diterjemahkan

sebagai *gerakan penghapusan etnik* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Berdasarkan Jadual 6.24, analisis data dalam contoh mendapati bahawa perkataan 사변 (*sabyeon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai peperangan dalam teks sasaran. Dalam teks sumber, perkataan 사변 (*sabyeon*) merujuk kepada keadaan sebuah negara yang menyerang kepada negara lain, tanpa deklarasi (*proklamasi*) perang (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3123). Situasi ini dapat dikaitkan dengan keadaan politik yang meruncing pada 25 Jun, 1950 di Korea. Namun, perkataan 사변 (*sabyeon*) didapati boleh diterjemah dengan menggunakan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana *perkataan peperangan* didefinisikan sebagai perkelahian (pertempuran dan lain lain) dengan menggunakan senjata antara negeri dengan yang lain (*Kamus Dewan*, 2007, p.1178). Apabila pengkaji membandingkan antara dua perkataan daripada teks sumber dan teks sasaran, pengkaji mendapati bahawa terjemahan yang dihasilkan merupakan terjemahan tepat kerana terdapatnya unsur kebolehterjemahan. Oleh itu, kebolehterjemahan dapat diaplikasikan apabila teks sumber mempunyai unsur budaya sesuatu bangsa atau kaum yang menggunakan bahasa teks sasaran. Malah, perkataan yang dipilih oleh penterjemah, iaitu *peperangan* didapati mudah difahami oleh pembaca teks sasaran, tanpa perlu diterangkan dengan lebih jelas. Malah, jika pembaca teks sasaran tidak mengetahui tentang sejarah peperangan di Korea, mereka masih boleh memahami teks sasaran kerana padanang perkataan yang digunakan merujuk kepada perkara yang telah diketahui.

Analisis data mendapati perkataan 卍라 (*ppila*) dalam contoh pula telah diterjemahkan sebagai *risalah sebaran tangan* dalam teks sasaran. Sebenarnya, perkataan 卍라 (*ppila*) merupakan risalah perang saraf yang berbentuk buku kecil (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3080). Tujuan risalah ini disebarkan adalah untuk memburukkan kerajaan Korea Selatan. Risalah ini disebarkan ke seluruh Korea Selatan

oleh negara Korea Utara. Namun perkataan *risalah* ialah surat edaran (sisipan). Selain itu, perkataan ini juga merujuk kepada karangan (rencana) ringkas mengenai sesuatu perkara (*Kamus Dewan*, 2007, p.1335). Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini boleh diterjemah kerana terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan *삐라* (*ppila*). Namun, pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran menterjemahkan perkataan *삐라* (*ppila*) ini sebagai *risalah sebaran tangan*, hasil terjemahan ini didapati masih kurang tepat dan sukar difahami fungsinya oleh pembaca. Pengkaji mendapati perkataan *삐라* (*ppila*) ini perlu diterjemahkan sebagai *risalah perang saraf* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Seterusnya, hasil daripada analisis data mendapati bahawa perkataan 3•1 독립운동 (3•1 *doglib-undong*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *kebangkitan semangat seluruh rakyat Korea untuk menuntut kemerdekaan daripada Jepun, pada 1 Mac 1919*. Frasa yang dimaksudkan tadi merujuk kepada gerakan menuntut kemerdekaan daripada Jepun yang tercatat sebagai gerakan terbesar di Korea (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3252). Walaupun gerakan Kemerdekaan 1 Mac ini yang dilancarkan dengan keadaan terkawal, sama ada di dalam dan luar negara gerakan ini tidak memperoleh hasil yang maksimum seperti mana yang telah dirancangkan. Pada masa yang sama, gerakan ini memperlihatkan kepada dunia bahawa rakyat Korea memiliki tekad yang kuat untuk membebaskan negara daripada belenggu penjajah. Hasilnya, terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah adalah tepat.

Berdasarkan analisis data mendapati bahawa perkataan *빨치산* (*ppalchisan*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *penyokong komunis* dalam teks sasaran. Perkataan *빨치산* (*ppalchisan*) ini juga sebenarnya merupakan kata pinjaman daripada bahasa Rusia, iaitu *Parzisan*. Perkataan *빨치산* (*ppalchisan*) merujuk kepada gerila

adalah istilah yang digunakan untuk menggambarkan sekumpulan pejuang kecil yang menyokong komunis di Korea (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3045). Namun dalam teks sasaran, penterjemah hanya menterjemahkan perkataan ini sebagai penyokong komunis sahaja. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa unsur ini tidak boleh diterjemahkan melalui padanan perkataan *penyokong komunis*. Malah, pengkaji juga mendapati bahawa tidak terdapatnya hubungan yang jelas antara dua perkataan ini dan hasil terjemahan tersebut adalah tidak sesuai untuk menyampaikan mesej kepada pembaca sasaran. Keadaan ini membuktikan bahawa perkataan 빨치산 (*ppalchisan*) dalam teks sumber mengalami ketidakbolehterjemahan apabila mengambil kira faktor linguistik dan ekstralinguistik dalam konteks bahasa sasaran. Oleh itu, pengkaji mencadangkan penggunaan nota kaki untuk menyampaikan maksud terjemahan dengan lebih jelas. Penggunaan nota kaki tersebut perlulah menjelaskan perkataan 빨치산 (*ppalchisan*), iaitu *gerila merupakan istilah yang digunakan untuk menggambarkan sekumpulan pejuang kecil yang menyokong komunis di Korea. Mereka bekerja dengan pihak tentera Korea Utara semasa Perang Korea*. Penggunaan nota kaki didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber jika diterapkan unsur linguistik dan ekstralinguistik bagi dua bahasa yang berlainan kerana terdapatnya hubungan dua hala antara bahasa sumber dan bahasa sasaran.

Analisis data berdasarkan contoh kebolehterjemahan unsur budaya kategori budaya kawalan sosial mendapati bahawa perkataan 빨갱이집 (*ppulgaengijib*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *rumah komunis dalam teks sasaran*. Perkataan 빨갱이집 (*ppulgaengijib*) dalam teks sumber merujuk kepada maksud rumah merah. Dalam budaya Korea, warna merah melambangkan penyokong komunis (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3042). Namun penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *rumah komunis*. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah secara langsung kerana tidak terdapatnya padanan yang bersesuaian yang

dapat dikaitkan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 빨갱이집 (*ppulgaengijib*). Perkataan komunis ialah orang (golongan) yang menganut atau mengamalkan faham komunisme (*Kamus Dewan*, 2007, p. 812). Pengkaji mendapati perkataan 빨갱이집 (*ppulgaengijib*) ini diterjemahkan sebagai *Di dalam rumah terdapat seorang penyokong komunis tegar* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan. Pengkaji mendapati bahawa halangan yang menyebabkan ketidakbolehterjemahan perkataan ini adalah halangan budaya dan halangan semantik. Hal ini demikian kerana halangan budaya yang wujud dalam budaya sumber dapat dikaitkan dengan amalan budaya masyarakat Korea dan Malaysia yang berbeza. Dalam budaya Korea, warna merah melambangkan penyokong komunis, manakala dalam budaya masyarakat Malaysia warna merah hanyalah sekadar warna sahaja. Budaya dalam teks sumber tersebut didapati tidak wujud dalam budaya sasaran sehingga berlakunya situasi ketidakbolehterjemahan budaya untuk menerangkan sesuatu yang ingin diungkapkan. Dalam halangan semantik pula, pengkaji mendapati bahawa BK mempunyai caranya yang istimewa untuk menyampaikan sesuatu konsep sehingga menyebabkan jurang semantik dalam BM dan Korea. Kesannya, ada sesetengah perkataan dalam teks sumber tidak dapat diterjemahkan kerana tidak wujudnya kesepadanan makna yang didukung dalam teks sasaran.

Perkataan 삼팔선 (*sampalseon*) telah diterjemah kepada *garisan lintang 38*. Perkataan 삼팔선 (*sampalseon*) ialah satu garisan latitud yang terletak pada lintang 38 darjah sebelah utara garisan khatulistiwa Bumi (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3260). Paralel ke-38 sangat dalam antara Korea selatan dan Korea utara. Paralel ke-38 merupakan sempadan antara Korea Selatan dan Korea Utara. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran menterjemahkan perkataan 삼팔선 (*sampalseon*) ini sebagai *garisan lintang 38*, tetapi hasil terjemahan ini kurang tepat. Pengkaji mencadangkan bahawa nota kaki didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal

yang hendak disampaikan dalam teks sumber. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hasil terjemahan teks sumber kepada teks sasaran, walaupun menepati konteks teks sumber perlu diubahsuai dalam penterjemahan seperti menyertakan nota kaki dan penerangan lanjut dalam bentuk frasa, klausa, atau ayat yang lebih panjang. Pengubahsuaian tambahan ini didapati perlu kerana tidak ada bentuk padanan langsung dalam BM yang selaras sehinggakan penterjemah perlu menggunakan strategi penerangan dan penghuraian yang panjang lebar untuk menyampaikan maksud perkataan budaya kategori kawalan sosial.

Frasa 통금사이렌 (*ttaetong-geum sailen*) pula telah diterjemahkan sebagai *siren menandakan perintah berkurung* oleh penterjemah teks sasaran. Situasi ini dikaitkan dengan kejadian yang berlaku antara tahun 1945 hingga 1982. Ketika itu, penduduk Korea tidak boleh keluar dari rumah selama 4 jam, iaitu bermula pada pukul 12 tengah malam hingga 4 pagi (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6437). Pengkaji mendapati bahawa budaya ini tidak wujud lagi kini. Siren di Malaysia lazimnya merujuk kepada siren ambulans, polis, dan bomba. Namun, dalam teks sasaran penterjemah telah menterjemahkan frasa ini sebagai *siren menandakan perintah berkurung* sahaja tanpa menghuraikan maksud sebaliknya. Pengkaji mencadangkan bahawa nota kaki didapati lebih sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber.

Analisis data berdasarkan contoh dalam kebolehterjemahan unsur budaya kategori kawalan sosial mendapati bahawa perkataan 리 (*ri*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *ri* dalam teks sasaran. Dalam BK, makna 리 (*ri*) ialah unit jarak, iaitu jaraknya kira-kira 0.393 km (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1949). Namun, pengkaji mendapati bahawa kata 리 (*ri*) ini didapati tidak mempunyai padanan maknanya dalam budaya masyarakat di Malaysia. Oleh itu, penterjemah menggunakan nota kaki dan

menjelaskan perkataan ini sebagai sama jauh dengan satu pertiga batu. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pendapat yang dinyatakan oleh Aixelá (1996) yang menyatakan bahawa masalah yang dihadapi oleh terjemahan budaya adalah berkaitan dengan perkataan khusus budaya (p.58). Kata khusus budaya ini merupakan kata-kata yang mempunyai masalah penterjemahan fungsi dan konotasi yang didukung olehnya dalam teks sasaran.

Perkataan 음력 (*eumlyeog*) pula telah diterjemahkan sebagai *takwim kamariah* oleh penterjemah teks sasaran. Dalam teks sumber, perkataan 음력 (*eumlyeog*) ini merujuk kepada sistem kalendar berasaskan perhitungan fasa bulan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4862). Dalam teks sasaran, penterjemah telah menggunakan perkataan takwin kamariah dan boleh diterima sebagai hasil terjemahan yang tepat. Hal ini demikian kerana perkataan takwim ialah daftar hari bulan, *almanac*, kalendar (*Kamus Dewan*, 2007, p.1579). Perkataan kamariah pula merujuk kepada tahun yang dihitung menurut peredaran bulan (*Kamus Dewan*, 2007, p.665). Malah, hasil terjemahan ini didapati dapat mewakili perkataan daripada teks sumber dan hasil terjemahannya mudah difahami oleh pembaca. Apabila pengkaji membandingkan makna dua perkataan tersebut, pengkaji mendapati bahawa terjemahan yang dihasilkan merupakan terjemahan tepat kerana wujudnya keupayaan makna leksikal dan fungsi budaya daripada bahasa sumber kepada bahasa sasaran. Penterjemah teks sumber didapati berjaya mendapatkan padanan fungsi bagi sesuatu objek melalui ungkapan yang wujud dalam budaya serta amalan sociolinguistik bahasa sasaran.

Analisis data yang seterusnya mendapati bahawa perkataan 제사 (*jesa*) pula telah diterjemahkan sebagai *upacara berkabung* dalam teks sasaran. Perkataan ini merujuk kepada upacara menjamu roh orang yang telah mati (Suh, 2004, p.461). Dalam budaya Korea, jika seseorang meninggal dunia, keluarga si mati terutama anak lelaki sulung

akan membuat upacara untuk menjamu roh si mati pada setiap tahun berdasarkan tarikh kematiannya. Antara makanan yang dijamu kepada roh si mati adalah sup, nasi, daging, buah-buahan, dan sebagainya. Upacara ini dilakukan di rumah anak lelaki sulung si mati. Keadaan ini wujud dalam budaya Malaysia tetapi berbeza mengikut agama dan kepercayaan masing-masing. Agama Islam contohnya, akan mengadakan majlis untuk si mati setelah 40 hari kematiannya dan pada hari-hari yang lain, keluarga si mati digalakkan untuk menziarahi kubur. Penterjemah telah menterjemahnya frasa tersebut kepada upacara *berkabung* dan sifatnya lebih umum. Menurut *Kamus Dewan* (2007), perkataan *berkabung* adalah memakai kabung (tanda berdukacita) (p.648). Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu upacara *berkabung* sepatutnya digantikan kepada frasa *upacara menjamu roh orang yang telah mati*. Kelainan terjemahan timbul berpunca daripada perbezaan perspektif berkaitan definisi dan amatan kebolehterjemahan yang berkaitan penerapan unsur budaya bahasa sumber kepada budaya bahasa sasaran.

Di samping itu, analisis data berdasarkan contoh berikutnya pula mendapati bahawa perkataan 위패 (*wipae*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *tanda peringatan* ke teks sasaran. Perkataan 위패 (*wipae*) merujuk kepada sebuah kayu penanda untuk orang mati. Dalam budaya Korea, orang Korea membuat *kayu penanda* sebagai memperingati si mati (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4755). Kayu ini dituliskan nama si mati, tarikh kelahiran, dan tarikh kematiannya. Kayu ini berfungsi sebagai *kubur kecil* dan diletakkan di rumah, iaitu di atas sebuah rak. Rak tersebut mempunyai beberapa barisan dan kayu ini diletakkan di bahagian atas rak. Di tingkat berikutnya pula diletakkan gambar si mati. Apabila tibanya tarikh kematian si mati setiap tahun, upacara sembahyang akan dilakukan di hadapan tanda peringatan ini. Budaya ini juga wujud dalam masyarakat Melayu tetapi sedikit berbeza. Dalam BM terdapat perkataan 'batu nisan' yang bermaksud batu tanda pada kubur yang biasanya

mempunyai nama, tarikh disebabkan orang yang dikebumikan (*Kamus Dewan*, 2007, p.1082). Batu ini dibuat daripada batu bata dan didirikan di atas kubur si mati dengan ditulis nama dan tarikh kematian sebagai tanda peringatan. Namun, Islam lebih menggalakkan tanda peringatan ini hanya diekspresikan melalui doa untuk si mati. Namun dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *tanda peringatan*. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa perkataan tanda peringatan yang digunakan oleh penterjemah didapati menghasilkan terjemahan tepat dalam menyampaikan mesej yang terkandung dalam teks sumber.

Perkataan 상주 (*sangju*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *seorang sahaja yang berkabung*. Namun, perkataan 상주 (*sangju*) merujuk kepada maksud *seorang pemimpin yang memimpin atau mengetuai upacara perkabungan*. Dalam budaya Korea, perkataan 상주 (*sangju*) adalah terdiri daripada anak lelaki sulung (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3296). Dalam budaya Korea, perkataan 상주 (*sangju*) adalah terdiri daripada anak lelaki sulung. Namun, jika si mati hanya mempunyai anak perempuan, suami anaknya akan mengetuai upacara ini. Mereka yang menghadiri upacara kematian biasanya akan bersujud di hadapan gambar si mati dan *sangju* sebagai tanda penghormatan. Situasi ini juga dapat dikaitkan dengan kepentingan seseorang mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak lelaki dalam keluarga kerana merekalah yang akan mengetuai banyak upacara. Dalam budaya Melayu, tanggungjawab yang besar juga diletakkan kepada anak lelaki untuk memimpin keluarga. Mereka akan mengambil tugas sebagai bapa selepas kematian ayah. Dalam teks sumber, definisi berkabung adalah merujuk kepada perlakuan memakai kabung (tanda berdukacita). Perlakuan ini adalah untuk memperlihatkan tanda-tanda sedang berdukacita (*Kamus Dewan*, 2007, p.649). Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah sepenuhnya kerana tidak terdapatnya padanan makna yang sesuai dan boleh dikaitkan dengan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 상주 (*sangju*) kerana

tidak terdapat kesepadanan makna yang didukung oleh perkataan tersebut. Pengkaji mendapati perkataan 상주 (*sangju*) ini perlu diterjemahkan kepada *pemimpin yang memimpin upacara perkabungan* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan. Hal ini demikian kerana ketidakbolehterjemahan budaya yang didukung oleh perkataan tersebut adalah dikaitkan dengan situasi dalam teks sumber tidak dapat dicari padanan yang sama fungsi dalam konteks budaya bahasa sasaran. Pengkaji juga mendapati bahawa penterjemah gagal mendapatkan padanan perkataan bagi ungkapan yang langsung tidak wujud dalam budaya dan tabiat sosiolinguistik bahasa sasaran.

Selain itu, berdasarkan contoh seterusnya analisis data mendapati bahawa perkataan 꾸벅하면서 (*kkubeoghamyeonseo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *tunduk menghormati orang tua itu*. Perkataan 꾸벅하면서 (*kkubeoghamyeonseo*) ialah perbuatan menundukkan kepala (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1019). Amalan menundukkan kepala itu merupakan budaya yang dilakukan apabila orang muda berjumpa dengan orang yang tua. Selain daripada itu, sekiranya berjumpa antara satu sama lain, mereka akan juga akan menundukkan kepala sebagai tanda hormat. Mereka akan menundukkan kepala sebagai tanda hormat kepada orang yang lebih tua. Konsep ini tidak digunakan dalam budaya Melayu kerana biasanya masyarakat di sini akan bersalam-salaman sebagai tanda mengeratkan persahabatan dan memulakan perkenalan serta salam yang disertai dengan ciuman di tangan kepada mereka yang lebih tua. Dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *tunduk menghormati orang tua itu*. Terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah merupakan terjemahan tepat.

Jadual 6.24 : Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Kawalan Sosial

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Boleh Terjemahan
UBKS1	해방 <i>haebang</i>	..selepas berlakunya <u>pembebasan bandar Seoul.</u>	O
UBKS2	내선일체 <i>Naeseonilche</i>	...bergantung kepada <u>penyatuan negara Jepun dengan negara Korea.</u>	X
UBKS3	사변 <i>sabyeon</i>	Tahun berikutnya, <u>peperangan</u> pun meletus.	O
UBKS4	삐라 <i>Ppila</i>	...mereka diumpan dengan janji pengampunan yang terdapat dalam <u>risalah sebaran tangan.</u>	X
UBKS5	3.1 독립운동 <i>3•1 doglibundong</i>	Selepas tercetusnya <u>kebangkitan semangat seluruh rakyat Korea untuk menuntut kemerdekaan daripada Jepun, pada 1 Mac 1919,</u> ramai penuntut Suh...	O
UBKS6	빨치산 <i>ppalchisan</i>	...walaupun barisan perang telah berundur ke utara dan para <u>penyokong komunis</u> masih mencerobohi dari semasa ke semasa dan membakar stesen polis di kota.	X
UBKS7	빨갱이집 <i>ppulgaengjib</i>	..dalam <u>rumah komunis,</u>	X
UBKS8	삼팔선 <i>sampalseon</i>	...yang dibawanya bersama sebuah beg berwarna hitam semasa dia menyeberangi <u>garisan lintang 380°.</u>	X
UBKS9	통금사이렌 <i>tonggeum sailen</i>	<u>Siren menandakan perintah berkurung</u> berbunyi tepat sedang aku	X

		menarik selimut.	
UBKS10	천여리 <i>cheonyeo ri</i>	...berjalan lebih dari seribu ri dari Seoul ke Mujin * <i>sama jauh dengan satu pertiga batu</i>	O
UBKS11	음력 <i>eumlyeog</i>	Hari yang ditetapkan adalah hari yang kedua puluh lapan pada bulan empat mengikut <u>takwim kamariah</u> .	O
UBKS12	제사 <i>jesa</i>	..sebelum <u>upacara berkabung</u> yang kedua	X
UBKS13	위패 (位牌) <i>wipae</i>	...perarakan itu dengan dua <u>tanda peringatan</u> dipegang....	O
UBKS14	상주 <i>sangju</i>	Semasa upacara pengebumian ada dua keranda, tetapi hanya <u>seorang sahaja yang berkabung</u> , Tog-i.	X
UBKS15	꾸벅하면서 <i>kkubeoghamyeonseo</i>	Chung bangun berdiri lalu <u>tunduk menghormati orang tua itu</u> .	O

6.6 Kebolehterjemahan Budaya Organisasi Sosial

Butiran-butiran analisis kajian di lapangan juga mengkaji tentang kebolehterjemahan unsur budaya organisasi sosial dalam penyempurnaan pengumpulan maklumat dan data. Ini bertujuan untuk mendapatkan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya organisasi sosial dalam BK-BM. Jadual 6.25 memaparkan hasil analisis dan dapatan kajian pengkaji berkaitan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya organisasi sosial BK-BM.

Jadual 6.25 : Pandangan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Organisasi Sosial

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Dapatan Dua Kumulan	
			Boleh Terjemah	Tidak Boleh Terjemah
UBOS1	돌 <i>dol</i>	Anak mereka yang masih bayi dan baru <u>berumur setahun</u> itu adalah....	OK 15 OM 15	OK OM
UBOS2	반말 <i>banmal</i>	Janganlah menggunakan <u>bahasa yang kesat.</u>	OK 10 OM 8	OK 5 OM 7
UBOS3	지천명 <i>jicheonmyeong</i>	Apabila <u>usianya menjangkau lima puluh</u> tahun dia berhenti...	OK 15 OM 15	OK OM
UBOS4	나는 정가요 <i>naneun jeong-gayo</i>	<u>“Saya Chung”</u>	OK OM 2	OK 15 OM 13
UBOS5	후배 <i>hubae</i>	...yang <u>beberapa tahun lebih rendah dariku.</u>	OK 10 OM	OK 5 OM 15
UBOS6	하이칼라 신식 결혼 <i>haikalla sinsig gyeolhon</i>	<u>Upacara itu dilangsungkan di tempat lapang di desa itu mengikut adat istiadat Barat.</u>	OK 11 OM 13	OK 4 OM 2
UBOS7	서방님 <i>seobangnim</i>	Aduhai mak, ayah, datuk, nenek, <u>Pok-I</u> , adik-adik aku akan pergi.	OK 2 OM 3	OK 13 OM 12
UBOS8	사위 <i>sawi</i>	..yang anak perempuan dan bakal <u>menantunya.</u>	OK 15 OM 14	OK 0 OM 1
UBOS9	안사돈 <i>Ansadon</i>	Sejak pertengkaran dengan <u>besannya nenek daripada sebelah ibu</u> jarang-jarang sekali	OK OM 5	OK 15 OM 10

		membuka mulut .		
UBOS10	외할머니 <i>oehalmeoni</i>	Berkumpul di bilik tamu yang didiami oleh <u>nenekku</u>	OK 13 OM 15	OK 2 OM 0
UBOS11	외손자 <i>oesonja</i>	.. <u>cucu</u> yang berkulit putih...	OK 13 OM 15	OK 2 OM 0
UBOS12	외삼촌 <i>oesamchon</i>	Antaranya <u>ayah saudara sebelah ibuku</u> yang baru sahaja terkorban dalam pertempuran di perbatasan.	OK 0 OM 6	OK 15 OM 9
UBOS13	이모집 <i>imojib</i>di <u>rumah emak saudaranya</u> , dia hanya menghabiskan...	OK 15 OM 15	OK 0 OM 0
UBOS14	삼촌은 외삼촌 보다 세살 위였다 <i>samchoneun oesamchonboda sesal wiyeosdda</i>	<u>Pak cik daripada sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu.</u>	OK 14 OM 13	OK 1 OM 2
UBOS15	외갓집 식구들 <i>oegasjib siggudeul</i>	Di bilik dalam, semua ahli keluarga, kecuali <u>nenek dan mak cik daripada sebelah ibu</u> dan aku, berkumpul dan membincangkan sesuatu yang penting.	OK 13 OM 14	OK 2 OM 1
			OK 146 OM 153	OK 79 OM 72

Merujuk kepada analisis yang dijalankan dan dapatan yang diperoleh ke atas data dan butiran kajian tentang unsur budaya organisasi sosial, terdapat sejumlah 10 orang responden daripada OK dan 10 OM berpendapat bahawa unsur budaya organisasi sosial yang dianalisis tersebut adalah boleh diterjemah. Seterusnya kajian juga memaparkan

terdapat responden daripada OK dan OM yang menyatakan butiran-butiran analisis tidak boleh diterjemah yang terdiri daripada 5 OK dan 5 OM dengan memberi pandangan bahawa unsur budaya organisasi sosial dalam analisis butiran adalah tidak boleh diterjemah.

Analisis terhadap butiran-butiran yang mengandungi unsur budaya organisasi sosial dalam terjemahan BK-BM. Dapatan analisis menunjukkan pandangan responden dalam kalangan OK menyatakan pendapat bahawa 66.7% butiran kajian yang mengandungi unsur budaya organisasi sosial dalam terjemahan BK-BM adalah boleh diterjemah, manakala bakinya, OK menyatakan 33.3% butiran yang berkaitan unsur budaya organisasi sosial adalah tidak boleh diterjemah. Seterusnya melihat pandangan responden OM pula menunjukkan 66.7% memberikan pandangan boleh diterjemah dan selebihnya, iaitu 33.3% tidak boleh diterjemah. Berdasarkan analisis yang dijalankan pengkaji dalam analisis sebelum ini (merujuk bab terdahulu). Sebanyak 10 butiran atau 66.7% yang mengandungi unsur budaya organisasi sosial adalah boleh diterjemah, manakala bakinya 5 butiran atau 33.3% adalah tidak boleh diterjemah.

Oleh itu, berdasarkan analisis nisbah yang diperoleh di atas, menunjukkan tidak terdapat perbezaan, malahan menunjukkan nisbah 1:1, iaitu pandangan pengkaji dan responden daripada OK dan OM adalah sama dan selari. Perkara yang sama juga diperoleh daripada dapatan kajian pengkaji dan pandangan responden OK dan OM yang melibatkan butiran yang tidak boleh diterjemah dalam unsur budaya organisasi sosial BK-BM. Seterusnya berpandukan analisis yang dijalankan yang mana melibatkan butiran mengandungi unsur budaya kawalan sosial ini dikemukakan juga alasan-alasan daripada responden orang Korea dan orang Melayu seperti berikut.

6.6.1 Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Organisasi Sosial

i) Alasan Orang Korea Boleh Terjemah

Jadual 6.26 berikut mengemukakan alasan-alasan yang diperoleh dalam analisis yang dijalankan sebelum ini, alasan-alasan tersebut adalah menyokong pandangan responden OK boleh terjemah dalam budaya organisasi sosial antara BK-BM. Terdapat lima alasan yang dikemukakan oleh responden OK yang menyatakan unsur budaya organisasi sosial boleh diterjemah. Pertama, penerangan yang jelas, iaitu merujuk kepada butiran yang dianalisis dapat difahami dan diterjemah antara BK-BM. Contoh butiran yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah seperti berikut, iaitu data UBOS5, UBOS6 dan UBOS14. Kedua, makna fungsi yang boleh disampaikan, iaitu budaya organisasi sosial ini adalah butiran yang dinyatakan dapat memberikan dan membawa makna bagi setiap fungsi yang diterjemahkan serta difahami dalam BK-BM. Contoh yang dapat diperhatikan dalam analisis butiran berkaitan unsur budaya organisasi sosial yang boleh diterjemah ini, iaitu data UBOS2. Ketiga, mempunyai konsep yang sama dan butiran berkaitan boleh diterjemah dalam BK-BM merujuk kepada padanan dan persamaan dalam budaya organisasi sosial dalam budaya Korea dan budaya Melayu. Berdasarkan contoh analisis butiran sebelum ini yang boleh diterjemah oleh responden OK dalam budaya material seperti berikut, iaitu data UBOS15. Keempat, makna leksikal boleh disampaikan yang merujuk kepada butiran-butiran yang boleh diterjemah dalam unsur budaya organisasi sosial ini. Salah satu makna leksikal atau makna fungsi yang terdapat dalam butiran yang melibatkan budaya organisasi sosial boleh diterjemah ke dalam BK-BM adalah memadai sebagai boleh diterjemah. Berikut adalah sebahagian contoh makna leksikal boleh disampaikan dalam budaya organisasi sosial, iaitu data UBOS8, UBOS10, UBOS11 dan UBOS13. Kelima, terjemahan yang tepat yang membolehkan keterjemahan dilakukan yang menunjukkan butiran berkaitan boleh diterjemah secara terus dalam BK-BM. Contoh yang dikutip daripada analisis kajian

yang dilakukan sebelum ini seperti berikut, iaitu data UBOS1 dan UBOS3.

Jadual 6.26 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Organisasi Sosial yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBOS5, UBOS6, UBOS14
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBOS2
3	Mempunyai Konsep yang Sama Dengan Budaya Sasaran	UBOS15
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBOS8, UBOS10, UBOS11, UBOS13
5	Terjemahan yang Tepat	UBOS1, UBOS3

ii) Alasan Orang Malaysia Boleh Terjemah

Responden OM memberikan alasan-alasan boleh terjemah terhadap butiran mengandungi unsur budaya organisasi sosial seperti yang dipaparkan dalam jadual 6.27. Responden orang Melayu mengemukakan lima alasan yang membenarkan butiran unsur budaya organisasi ini boleh diterjemah. Pertama, perlu ada penerangan yang jelas. Penerangan yang jelas ini adalah dilihat kepada kejelasan unsur yang dinyatakan dan maksud yang disampaikan mudah difahami dan seterusnya diterjemah dalam BK-BM. Contoh yang dapat dilihat dengan jelas dalam butiran kajian, iaitu data UBOS6, UBOS14. Kedua, mempunyai makna fungsi yang boleh disampaikan. Fungsi dan elemen sesuatu unsur budaya itu perlulah mempunyai kejelasan dalam makna yang hendak disampaikan dan seterusnya boleh diterjemah dengan baik. Hal ini dapat dilihat melalui butiran kajian yang dianalisis, yang mengandungi kejelasan makna terhadap fungsi yang dibawanya seperti berikut, iaitu data UBOS2. Responden OK juga mengemukakan alasan yang sama dalam kebolehterjemahan dalam unsur budaya organisasi sosial ini. Ketiga, setiap unsur budaya organisasi sosial seperti ini perlu

mempunyai konsep yang sama dan boleh diterjemah antara BK-BM. Konsep budaya yang sama dalam budaya Korea dan Melayu secara analisisnya adalah boleh diterjemah, seperti contoh yang diberikan oleh kedua-dua pihak responden ini, iaitu data UBOS15. Keempat, dalam unsur budaya organisasi sosial ini juga perlu mempunyai makna leksikal yang boleh disampaikan. Kejelasan dan makna fungsi secara fizikal perlu jelas dan dapat disampaikan maksudnya, ini adalah boleh diterjemah. Seperti contoh yang dipetik dalam analisis butiran kajian berikut, iaitu UBOS8, UBOS10, UBOS11 dan UBOS13. Alasan kelima setiap butiran itu perlu mempunyai terjemahan yang tepat. Terjemahan yang tepat dengan subjek yang dijelaskan merupakan antara asas mudah dalam kebolehterjemahan dalam BK-BM dan seterusnya menyingkap dalam unsur budaya organisasi sosial yang dilihat ini. Berikut adalah contoh yang disisipkan yang mengandungi terjemahan yang tepat, iaitu data UBOS1 dan UBOS3.

Jadual 6.27 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Organisasi Sosial yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBOS6, UBOS14
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBOS2
3	Mempunyai Konsep yang Sama Dengan Budaya Sasaran	UBOS15
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBOS8, UBOS10, UBOS11, UBOS13
5	Terjemahan yang Tepat	UBOS1, UBOS3

iii) Alasan Orang Korea Tidak Boleh Terjemah

Responden OK bersama dengan alasan serta pandangan butiran kajian tidak boleh terjemah dinyatakan secara jelas dalam jadual 6.28. Responden OK memberikan empat alasan yang menguatkan pandangan mereka mengenai ketidakbolehterjemahan dalam

unsur budaya organisasi sosial dalam kajian ini. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan. Makna budaya sumber tidak boleh disampaikan ini adalah wujud ketidakjelasan sesuatu maksud dalam unsur budaya organisasi sosial yang hendak dinyatakan. Sebagai contoh dalam analisis kajian butiran berikut, iaitu data UBOS9. Kedua, unsur budaya organisasi sosial ini tidak boleh diterjemah oleh responden orang Korea kerana konsep budaya sumber yang tidak wujud. Konsep budaya dalam budaya Korea tidak wujud dalam budaya Melayu, menjadikan unsur ini tidak boleh diterjemah dalam BK-BM. Ketiga, butiran dan unsur yang dikemukakan kurang jelas dari segi maksud dan fungsi yang hendak disampaikan. Maksud dan makna fungsi dalam proses penterjemahan adalah antara perkara yang diambil kira kerana untuk menjelaskan dalam perbezaan budaya yang wujud ini. Berikut adalah contoh yang dipetik daripada analisis butiran yang tidak boleh diterjemah atas alasan frasa tersebut kurang jelas, iaitu data UBOS7. Keempat, konsep budaya yang berbeza antara orang Korea dan Melayu. Unsur budaya organisasi sosial ini terdapat dalam budaya Korea dan tidak terdapat dalam budaya Melayu, menjadikan alasan butiran ini tidak boleh diterjemah, iaitu data UBOS4.

Jadual 6.28 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Organisasi Sosial yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBOS9
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBOS12
3	Kurang Jelas	UBOS7
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBOS4

iv) Alasan Orang Malaysia Tidak Boleh Terjemah

Berdasarkan analisis kajian juga memperlihatkan responden OM memberikan alasan-alasan ketidakbolehterjemahan unsur budaya organisasi sosial dalam BK-BM ini. Responden OM ini mengemukakan empat alasan bahawa unsur dan unsur budaya organisasi yang tidak boleh diterjemah. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan. Alasan ini adalah sama seperti responden OK berikan dan dengan contoh yang sama, iaitu data UBOS5 dan UBOS9. Makna budaya sumber yang tidak boleh disampaikan ini adalah merujuk kepada terdapat budaya orang Korea yang tidak boleh diterjemah ke dalam budaya orang Melayu dan sebaliknya. Kedua, konsep budaya sumber tidak wujud. Konsep budaya tidak wujud dalam unsur budaya organisasi sosial yang dimaksudkan ini, iaitu budaya tersebut hanya terdapat dalam konteks budaya Korea, tetapi tidak terdapat dalam budaya Melayu. Ketiga, perkataan kurang jelas. Kurang jelas yang dimaksudkan adalah frasa dan butiran analisis tidak jelas dan sukar untuk difahami seterusnya tidak boleh diterjemah. Contoh butiran dengan alasan kurang jelas adalah seperti berikut, iaitu data UBOS7, yang dipetik daripada butiran penuh berikut; 아이구 어머니 아버지 할아버지 할머니 서방님 동생들 아나는가요 - *Aduhai mak, ayah, datuk, nenek, Pok-I, adik-adik aku akan pergi*. Keempat, konsep budaya yang berbeza. Konsep budaya antara masyarakat dan budaya Korea dan Melayu secara umumnya dilihat adalah berbeza, ini menjadi salah satu alasan bahawa terdapat budaya organisasi sosial antara kedua budaya ini tidak boleh diterjemah dengan baik.

Jadual 6.29 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Organisasi Sosial yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBOS5,UBOS9
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBOS12

3	Kurang Jelas	UBOS7
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBOS4

6.6.2 Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Organisasi Sosial

Perkataan 돌 (*dol*) telah diterjemah kepada berumur setahun. Perkataan 돌 (*dol*) ini dalam BK merujuk kepada hari ulang tahun yang pertama (Suh, 2004, p.455). Pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan yang digunakan oleh penterjemah teks sasaran adalah selari dengan maksudnya. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 161.

Perkataan 반말 (*banmal*) pula telah diterjemahkan sebagai *bahasa yang kesat* oleh penterjemah teks sasaran. Dalam BK, perkataan ini merujuk kepada bahasa santai atau bahasa yang digunakan dalam pergaulan seharian (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.2458). Dalam budaya Korea, penggunaan bahasa adalah berbeza terutamanya jika bahasa tersebut diucapkan kepada orang yang lebih berumur atau orang muda. Malah, kesopanan dan kehalusan bahasa yang digunakan dalam budaya masyarakat Malaysia, khususnya masyarakat Melayu juga dipentingkan semasa berkomunikasi dengan individu yang lebih berumur atau berpangkat. Dalam budaya Malaysia, situasi seperti ini dinamakan laras. Perbualan antara kawan atau kenalan menggunakan laras bahasa sosial. Kata dan ungkapan yang dipilih adalah yang digunakan sehari-hari. Dalam teks sasaran, frasa *bahasa yang kesat* boleh diterima pakai dan dikategorikan sebagai situasi boleh terjemah. Hal ini demikian kerana, perkataan kesat adalah tidak licin, kasar (apabila diraba) dan kering (tidak lembap) (*Kamus Dewan*, 2007, p.772). Namun, padanan tersebut didapati masih kurang kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 반말 (*banmal*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan frasa *bahasa yang kesat*. Pengkaji mencadangkan bahawa perkataan tersebut sepatutnya diterjemah kepada bahasa santai kerana terdapatnya kesamaan ciri

bahasa sehingga menyebabkan perkataan ini boleh diterjemah ke dalam bahasa sasaran. Bagi tujuan menyampaikan mesej dengan berkesan, penggunaan *bahasa santai* memudahkan rujukan terus berkaitan makna dapat ditafsir berkaitan perkataan berkenaan.

Di samping itu, analisis data berdasarkan contoh pula mendapati perkataan 지천명 (*jicheonmyeong*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *usianya menjangkau lima puluh* ke dalam teks sasaran. Sebenarnya, perkataan 지천명 (*jicheonmyeong*) ini merupakan kata pinjaman daripada bahasa Cina, iaitu 知天命 (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5781). Perkataan 지천명 (*jicheonmyeong*) ini membawa maksud *telah tahu pemerintahan daripada syurga* dan perkataan ini secara kiasannya adalah melambangkan seseorang yang berumur lima puluh tahun. Dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan perkataan 지천명 (*jicheonmyeong*) ini sebagai *usianya menjangkau lima puluh*. Pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan yang digunakan oleh penterjemah teks sasaran adalah selari dengan maksudnya. Pengkaji mendapati perkara ini wujud kerana terdapatnya padanan kata dalam bahasa sasaran yang mempunyai maksud yang sama dengan bahasa sumber. Namun, sedikit pengubahsuaian dilakukan untuk memperihalkan situasi tersebut supaya lebih jelas apabila disampaikan kepada pembaca sasaran.

Analisis data contoh mendapati bahawa frasa 나는 정가요 (*naneunjeong-gayo*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai Saya Chung. Frasa 나는 정가요 (*naneunjeong-gayo*) membawa maksud Nama keluarga saya Chung. Dalam budaya Korea, jika seseorang memperkenalkan diri kepada orang yang tidak mempunyai hubungan yang rapat, adakalanya mereka akan menyebut nama keluarga mereka sahaja. Situasi ini tidak wujud dalam budaya masyarakat Melayu. Mereka menggunakan nama sendiri sebagai identiti diri mereka sendiri tetapi budaya ini wujud dalam masyarakat

Cina di Malaysia. Namun penterjemah telah menterjemahkan frasa ini dengan lebih umum, iaitu *Saya Chung*. Pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *Saya Chung* sepatutnya digantikan kepada frasa *Nama keluarga saya Chung*. Oleh itu, situasi ini menunjukkan terdapat unsur ketidakbolehterjemahan semasa menterjemah frasa ini dalam bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana masalah ketidakbolehterjemahan ini wujud apabila terdapatnya makna budaya kata padanan dalam bahasa sasaran yang bertentangan dengan makna budaya kata asal dalam bahasa sumber. Pengkaji mendapati bahawa terdapatnya hubung jalin antara budaya dan bahasa kerana pengaplikasian latar belakang budaya masyarakat dengan faktor linguistik perlu diambil kira sebelum memilih perkataan dalam bahasa sasaran untuk diterjemah.

Di samping itu, analisis data berdasarkan contoh berikutnya pula mendapati bahawa perkataan 후배 (*hubae*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *beberapa tahun lebih rendah dariku* ke teks sasaran. Sebenarnya, perkataan 후배 (*hubae*) ini membawa maksud *seseorang yang lebih muda dari sekolah yang sama (junior)* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.7074). Pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan yang digunakan oleh penterjemah teks sasaran adalah selari dengan maksudnya. Hal ini telah dinyatakan dalam halaman 162. Pengkaji mencadangkan bahawa perkataan tersebut sepatutnya diterjemah kepada *beberapa tahun lebih muda dariku* kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 후배 (*hubae*) dan tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan frasa *beberapa tahun lebih rendah dariku*.

Analisis data mendapati bahawa frasa 하이칼라 신식 결혼 (*haikalla sinsig gyeolhon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Upacara itu dilangsungkan di tempat lapang di desa itu mengikut adat istiadat Barat melalui terjemahan*. Berdasarkan terjemahan 하이칼라 신식 결혼 (*haikalla sinsig gyeolhon*) ini dalam BM,

perkataan ini membawa maksud 하이칼라 (*haikalla*) (adat istiadat dari Barat), 신식 (*sinsig*) (*moden*), dan 결혼 (*gyeolhon*) (upacara perkahwinan). Jika digabungkan kesemua perkataan ini, frasa yang terhasil adalah *upacara perkahwinan moden yang mengikut adat istiadat dari Barat* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3837). Dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan frasa ini sebagai *Upacara itu dilangsungkan di tempat lapang di desa itu mengikut adat istiadat Barat*. Dalam masyarakat Malaysia, perkahwinan dijalankan mengikut adat istiadat kaum dan agama masing-masing. Contohnya, dalam masyarakat Melayu pasangan disahkan sebagai suami isteri mengikut syarak dalam upacara pernikahan yang dijalankan mengikut agama Islam, yang disebut sebagai ‘akad’. Kemudiannya, pasangan ini diraikan mengikut istiadat perkahwinan orang Melayu, iaitu upacara persandingan. Namun, bagi kaum-kaum lain di Malaysia, tidak ada halangan untuk mereka mempraktikkan adat perkahwinan barat. Berdasarkan penterjemahan yang dilakukan oleh penterjemah, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa penterjemahan tersebut adalah tepat dan berlakunya keadaan boleh terjemah kerana frasa *Upacara itu dilangsungkan di tempat lapang di desa itu mengikut adat istiadat Barat* menggambarkan upacara perkahwinan yang dilakukan mengikut cara Barat.

Perkataan 서방님 (*seobangnim*) telah diterjemah kepada *Pok-I*. Dalam BK, perkataan ini merujuk kepada *bahasa sopan yang diucapkan oleh suami*. Dalam sistem panggilan masyarakat Korea, isteri akan memanggil suaminya seperti 서방님 (*seobangnim*) atau 여보 (*yeobo*) (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3366). Dalam teks sasaran, penterjemah hanya menterjemah perkataan ini kepada nama suami watak sahaja. Menurut Levi-Strauss (2000), bahasa merupakan sebahagian daripada budaya kerana bahasa yang dipertuturkan oleh sesebuah masyarakat merupakan cerminan budaya masyarakat tersebut (p.402). Dalam budaya Melayu, tidak ada panggilan yang khusus buat suami. Lazimnya, mereka hanya menggunakan sistem

panggilan yang sama, iaitu ‘abang’ atau ‘sayang’. Situasi ini dapat dirujuk melalui perkataan 서방님 (*seobangnim*) yang diterjemah sebagai *Pok-I* sahaja. Pengkaji mendapati bahawa wujudnya masalah padanan kata dalam bahasa sasaran yang bertentangan dengan makna yang terdapat dalam budaya sumber. Padanan kata tersebut merupakan kata yang mempunyai makna yang tersirat dan bertentangan dengan budaya sasaran. Namun, hasil terjemahan daripada sinonim ini boleh terima pakai, tetapi untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan, pengkaji mendapati bahawa perkataan ini sepatutnya diterjemah kepada *suami*. Terjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah adalah bersifat kurang, tetapi masih boleh difahami oleh pembaca.

Seterusnya, analisis data juga mendapati bahawa perkataan 사위 (*sawi*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *menantunya*. Dalam teks sumber, perkataan 사위 (*sawi*) membawa maksud suami anak perempuan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3144). Dalam budaya Korea, setiap ahli keluarga yang mempunyai pertalian darah ada panggilan yang berbeza untuk menunjukkan kedudukan mereka dalam keluarga. Dalam budaya masyarakat Malaysia, budaya ini tidak wujud dan panggilan yang digunakan bersifat umum dan hanya menggunakan sistem panggilan nama sahaja. Namun, perkataan 사위 (*sawi*) didapati tidak diterjemah dengan menggunakan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana perkataan menantu didefinisikan sebagai isteri atau suami kepada anak sendiri (*Kamus Dewan*, 2007, p.1017). Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 사위 (*sawi*). Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa perkataan sepatutnya diterjemah adalah *menantu lelakinya* kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 사위 (*sawi*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan *menantunya*.

Analisis data dalam kajian ini mendapati berdasarkan contoh perkataan 안사돈 (*ansadon*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *besannya nenek daripada sebelah ibu*. Perkataan 안사돈 (*ansadon*) merujuk kepada ibu kepada menantu (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4048). Terdapat perbezaan antara panggilan yang digunakan untuk membezakan antara besan perempuan dan besan lelaki dalam budaya Korea. Di Korea panggilan 안사돈 (*ansadon*) bermaksud besan perempuan dan 바깥사돈 (*bakkatsadon*) bermaksud besan lelaki. Namun, perkataan 안사돈 (*ansadon*) didapati tidak diterjemah dengan menggunakan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana perkataan besan didefinisikan sebagai hubungan yang terjalin antara ibu bapa mentua dengan ibu bapa sendiri (*Kamus Dewan*, 2007, p.173). Lazimnya budaya Melayu menggunakan sistem panggilan rasmi, iaitu puan untuk besan perempuan atau encik untuk besan lelaki. Dalam hal ini, sistem panggilannya masih sama, sama ada dalam keluarga sendiri atau keluarga mertua. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 안사돈 (*ansadon*). Dalam menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan, pengkaji mendapati bahawa penterjemah sepatutnya menterjemahkan kata ini sebagai *besan perempuan*.

Perkataan 외할머니 (*oehalmeoni*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *nenekku*. Sebenarnya, perkataan 외할머니 (*oehalmeoni*) merujuk kepada nenek sebelah ibu (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4597). Dalam budaya Korea, terdapat perbezaan antara panggilan yang digunakan untuk membezakan antara ibu sebelah ayah dan ibu sebelah ibu. Namun, perkataan 외할머니 (*oehalmeoni*) didapati tidak diterjemah dengan menggunakan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana perkataan nenek membawa maksud orang tua kepada emak atau ayah (umumnya emak kepada ibu atau bapa) (*Kamus Dewan*, 2007, p.1076). Pengkaji mendapati bahawa

perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 외할머니 (*oehalmeoni*). Situasi ini tidak wujud dalam budaya di Malaysia. Sistem panggilannya tetap sama dan kadang-kadang dipengaruhi oleh dialek sesebuah negeri. Contohnya, di Perak panggilan nenek lebih sinonim dengan ‘Opah’ atau ‘mbah’, manakala di sesetengah negeri yang lain ada juga yang menggunakan panggilan ‘tok wan’ yang merujuk kepada nenek. Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa perkataan tersebut sepatutnya diterjemah kepada nenek sebelah ibu kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 외할머니 (*oehalmeoni*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan nenekku. Dalam masyarakat Malaysia, sistem panggilan yang digunakan adalah bersifat umum dan adakalanya mereka menambah sistem panggilan tersebut berdasarkan nama sahaja seperti Nenek Jah, Pak Cik Husin, dan sebagainya. Sistem panggilan ini bersifat lebih santai dan dapat membezakan susur galur keturunan, sama ada sebelah daripada sebelah bapa atau ibu. Situasi ini merujuk kepada ketidakbolehterjemahan kerana padanan budaya teks sumber tidak wujud dalam budaya teks sasaran. Hal ini dapat dikaitkan dengan ketidakwujudan rangkaian pemindahan mesej dalam hubungan bahasa, iaitu ada sesetengah perkara yang dinyatakan dalam bahasa sumber tidak dapat diungkapkan dalam bahasa sasaran. Malah, pengguna bahasa yang berbeza turut mempunyai persepsi dan pandangan mereka yang tersendiri terhadap budaya sehingga menyebabkan ada sesetengah unsur budaya mereka dirujuk sebagai sesuatu yang berbeza.

Analisis data mendapati perkataan 외손자 (*oesonja*) berikutnya pula telah diterjemahkan sebagai *cucu* dalam teks sasaran. Sebenarnya, perkataan ini bermaksud *cucu lelaki daripada anak perempuan* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4588). Dalam budaya Korea, panggilan ibu sebelah ayah dan ibu sebelah ibu adalah berbeza. Jika dibandingkan dengan budaya Malaysia, tidak terdapat sistem panggilan yang

husus untuk membezakan hubungan persaudaraan, sama ada daripada sebelah bapa atau ibu. Sistem panggilan yang digunakan oleh cucu kepada nenek dan nenek kepada cucu adalah sama dan bersifat umum. Namun dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan frasa ini dengan lebih umum, iaitu cucu. Hal ini demikian kerana cucu ialah keturunan peringkat kedua (iaitu seperingkat selepas anak), anak kepada anak seseorang (*Kamus Dewan*, 2007, p.291). Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 외손자 (*oesonja*). Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa perkataan sepatutnya diterjemah adalah *cucu lelaki daripada anak perempuan* kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 외손자 (*oesonja*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan *cucu*. Namun, situasi ketidakbolehterjemahan ini menyebabkan pembaca teks sasaran tidak dapat merujuk kepada susur galur keturunan yang dimaksudkan, sama ada daripada sebelah bapa atau ibu. Walau bagaimanapun, penterjemah didapati memilih untuk tidak mengekalkan budaya yang terdapat dalam teks sumber kerana perlu menyesuaikan dengan budaya sasaran.

Pada masa yang sama, perkataan 외삼촌 (*oesamchon*) pula telah diterjemahkan sebagai *ayah saudara sebelah ibuku* oleh penterjemah teks sasaran. Dalam teks sumber, perkataan ini sebenarnya membawa maksud *pak cik sebelah ibu* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4587). Namun dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *ayah saudara sebelah ibuku*. Hal ini demikian kerana saudara ialah orang yang sama ayah dan ibunya (ibu atau ayahnya sahaja yang sama) serta orang yang ada hubungan kekeluargaan (*Kamus Dewan*, 2007, p.1397). Dalam budaya Korea, panggilan mengikut pertalian darah antara ibu sebelah ayah dan ibu sebelah ibu adalah berbeza. Situasi ini tidak wujud dalam budaya Malaysia. Sistem panggilan mengikut pertalian darah sebelah ibu atau ayah adalah sama. Contohnya,

bapa saudara sulong sebelah ibu dan bapa digelar ‘Pak Long’, manakala bapa saudara yang kedua digelar ‘Pak Ngah’, yang ketiga pula digelar ‘Pak Uda’ dan begitulah sehingga yang akhir sekali digelar ‘Pak Su’. Sistem yang sama digunakan di sebelah ibu atau bapa. Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 외삼촌 (*oesamchon*). Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa perkataan sepatutnya diterjemah adalah pak cik sebelah ibu kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 외삼촌 (*oesamchon*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan frasa *ayah saudara sebelah ibuku*.

Perkataan 이모집 (*imojib*) pula telah diterjemahkan sebagai *rumah emak saudaranya* dalam teks sasaran secara terjemahan pedomestikan. Dalam teks sumber, perkataan ini sebenarnya membawa maksud *rumah mak cik sebelah ibu* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.49203). Namun dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan perkataan ini sebagai *rumah emak saudaranya*. Hal ini demikian kerana, emak ialah orang yang melahirkan seseorang, atau disebut sebagai ibu (*Kamus Dewan*, 2007, p.386). Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 이모집 (*imojib*). Oleh yang demikian, pengkaji mencadangkan bahawa perkataan sepatutnya diterjemah adalah *rumah mak cik sebelah ibu* kerana terdapatnya makna yang didukung oleh perkataan 이모집 (*imojib*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan frasa *rumah emak saudaranya*.

Seterusnya, hasil daripada analisis data mendapati bahawa frasa 삼촌은 외삼촌보다 세살 위였다 (*samchon-eun oesamchonboda sesal wiyeosda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *Pak cik daripada sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu*. Frasa ini sebenarnya bermaksud *Pak cik sebelah ayah*

berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu. Dalam budaya Korea, panggilan antara ibu sebelah ayah dengan ibu sebelah ibu adalah berbeza, tetapi dalam budaya masyarakat Malaysia, situasi ini tidak wujud. Walaupun tahap umur yang berbeza, sistem panggilan yang sama lazimnya digunakan bagi sebelah ibu atau ayah. Namun, frasa 삼촌은 외삼촌보다 세살 위였다 (*samchon-eun oesamchonboda sesal wiyeosda*) didapati tidak diterjemah dengan menggunakan padanan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana perkataan pak cik didefinisikan sebagai bapa saudara yang termuda (*Kamus Dewan*, 2007, p.1115). Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *Pak cik daripada sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu* sepatunya digantikan kepada frasa *Pak cik sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu.*

Analisis data berdasarkan contoh terakhir dalam kebolehterjemahan unsur budaya kategori organisasi sosial mendapati bahawa frasa 외갓집 식구들 (*oegasjib siggudeul*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *nenek dan mak cik daripada sebelah ibu* dalam teks sasaran secara terjemahan pendomestikan daripada teks sumber. Frasa 외갓집 식구들 (*oegasjib siggudeul*) ialah keluarga sebelah ibu (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.4577). Dalam budaya Korea, semua panggilan dalam keluarga adalah berbeza. Namun, situasi ini didapati tidak wujud dalam budaya masyarakat Malaysia kerana sistem panggilan adalah bersifat sangat umum. Dalam teks sasaran, frasa *nenek dan mak cik daripada sebelah ibu* boleh diterjemah, tetapi padanan tersebut didapati masih kurang. Pengkaji mendapati bahawa frasa ini sepatutnya digantikan kepada *ahli keluarga sebelah ibu* untuk menyampaikan mesej dengan lebih berkesan.

Jadual 6.30 : Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Organisasi Sosial

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Boleh Terjemahan
UBOS1	돌 <i>dol</i>	Anak mereka yang masih bayi dan baru <u>berumur setahun</u> itu adalah....	O
UBOS2	반말 <i>banmal</i>	Janganlah menggunakan <u>bahasa yang kesat.</u>	O
UBOS3	지천명 <i>jicheonmyeong</i>	Apabila <u>usianya menjangkau lima puluh</u> tahun dia berhenti...	O
UBOS4	나는 정가요 <i>naneun jeong-gayo</i>	“Saya Chung”	X
UBOS5	후배 <i>hubae</i>	...yang <u>beberapa tahun lebih rendah dariku.</u>	O
UBOS6	하이칼라 신식 결혼 <i>haikalla sinsig gyeolhon</i>	<u>Upacara itu dilangsungkan di tempat lapang di desa itu mengikut adat istiadat Barat.</u>	O
UBOS7	서방님 <i>seobangnim</i>	Aduhai mak, ayah, datuk, nenek, <u>Pok-I</u> , adik-adik aku akan pergi.	O
UBOS8	사위 <i>sawi</i>	..yang anak perempuan dan bakal <u>menantunya.</u>	O
UBOS9	안사돈 <i>Ansadon</i>	Sejak pertengkaran dengan <u>besannya nenek daripada sebelah ibu</u> jarang-jarang sekali membuka mulut .	O
UBOS10	외할머니 <i>oehalmeoni</i>	Berkumpul di bilik tamu yang didiami oleh <u>nenekku....</u>	X
UBOS11	외손자 <i>oesonja</i>	.. <u>cucu</u> yang berkulit putih...	X

UBOS12	외삼촌 <i>oesamchon</i>	Antaranya <u>ayah saudara sebelah ibuku</u> yang baru sahaja terkorban dalam pertempuran di perbatasan.	X
UBOS13	이모집 <i>imojib</i>di <u>rumah emak saudaranya</u> , dia hanya menghabiskan...	X
UBOS14	삼촌은 외삼촌 보다 세살 위였다 <i>samchoneun oesamchonboda sesal wiyeosda</i>	<u>Pak cik daripada sebelah ayah berusia tiga tahun lebih tua daripada pak cik sebelah ibu.</u>	O
UBOS15	외갓집 식구들 <i>oegasjib siggudeul</i>	Di bilik dalam, semua ahli keluarga, kecuali <u>nenek dan mak cik daripada sebelah ibu</u> dan aku, berkumpul dan membincangkan sesuatu yang penting.	O

6.7 Kebolehterjemahan Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat

Unsur terakhir yang dimuatkan dalam analisis kajian adalah melihat kepada unsur gerak isyarat dan tabiat. Butiran-butiran yang berkaitan unsur ini disertakan dalam proses pengumpulan maklumat dan data untuk mendapatkan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya gerak isyarat dan tabiat BK-BM. Jadual 6.31 memaparkan hasil dan dapatan kajian pengkaji berkaitan pandangan responden tentang kebolehterjemahan budaya gerak isyarat dan tabiat BK-BM.

Jadual 6.31 : Pandangan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Dapatan Dua Kumulan	
			Boleh Terjemah	Tidak Boleh Terjemah
UBGT1	온몸이 얼었어요 <i>onmomi eoleosseoyo</i>	<u>Seluruh badanku kaku kesejukan.</u>	OK 15 OM 15	OK OM
UBGT2	혀를 짹짹 갈겼다	Dia <u>mengecapkan</u>	OK 15	OK

	<i>hyeoleul jjigjig galgyeossda</i>	<u>lidahnya tanda tidak senang.</u>	OM 13	OM 2
UBGT3	죽어 넘어진 송장이 개치우 듯 꾸러져 나가는 것을 <i>jugeo neomeojin songjangi gae chiudeus kkulyeojyeo naganeun geoseul</i>	Apabila Dr. Lee In- guk melihat <u>mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu</u> , dia berasa	OK 15 OM 13	OK OM 2
UBGT4	마누라를 개패듯 때 려 잡던데 <i>manulaleul gae paedeus ttaelyeo jabdeonde</i>	“Mulut Sei Chon tu berbuih-buih.Dia <u>memukul isterinya seperti memukul anjing.</u>	OK 15 OM 13	OK 0 OM 2
UBGT5	손가락으로 술상을 두드리기 <i>songalageulo sulsangeul dudeuligi</i>	Kakitangan Pejabat Cukai itu mula <u>bergendang di atas meja.</u>	OK 15 OM 13	OK OM 2
UBGT6	얼굴에 찬물을뿜어 대는등 <i>eolgule chanmuleul ppumeodaeneundeung</i>	seluruh keluarga berkumpul di bilik dalam untuk mengurut kaki tangannya serta <u>merenjiskan air sejuk ke mukanya</u> untuk memulihkannya.	OK 15 OM 10	OK OM 5
UBGT7	흰 형겁을 머리에 질끈동이고 <i>huin heonggeopeul meolie jilkkeun dongigo</i>	<u>Pada dahi ibu terlilit sejalur kain putih</u> seperti kamu lakukan ketika bersukan di sekolah.	OK 14 OM 12	OK 1 OM 3
UBGT8	부하를 개돼지처럼 다루고 <i>buhaleul gaedwaejicheoleom dalugo</i>	...yang <u>memperlakukan askarnya seperti haiwan.</u>	OK 15 OM 12	OK 0 OM 3
UBGT9	사발로마구 들이켰 다 <i>saballo magu deulikyeossda</i>	...mengelilingi unggun api <u>meminum makkolli seperti ikan,</u> menggogok minuman tersebut...	OK 9 OM 5	OK 6 OM 10
UBGT10	풀쭈어 개 좋은일만	Dia begitu terkilan,	OK 11	OK 4

	한 것만 같은 <i>pul ssueo gae joheun ilman han geosman gateun</i>	<u>lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama.</u>	OM 14	OM 1
UBGT11	백팔십도로전환 <i>baegpalsib dolo jeonhwan</i>	..dengan musuhnya <u>berubah betul</u> seperti ini?	OK 11 OM 13	OK 4 OM 2
UBGT12	술을 많이 하시나요 <i>suleul manhi hasinayo</i>	Saudara <u>kaki botol ke?</u>	OK 15 OM 10	OK 0 OM 5
UBGT13	채어서야 <i>chaeoseoya</i>	“tidak mungkin, dia mungkin <u>telah dikecewakan</u> oleh seorang lelaki”	OK 14 OM 5	OK 1 OM 10
UBGT14	돌아버렸대 <i>dolabeolyeossdae</i>	“Dia terlalu sangat belajar sehingga dia <u>hilang ingatan</u> ”	OK 2 OM	OK 13 OM 15
UBGT15	어디 이놈 잠시 좀 만져보자 <i>eodi inom jamsi jom manjyeoboja</i>	<u>Sekarang aku nak merasa intanku.</u>	OK 2 OM 2	OK 13 OM 13
			OK 183 OM 150	OK 42 OM 75

Berpendukan kepada dapatan analisis yang dipaparkan dalam jadual berikut, menunjukkan dapatan yang diperoleh ke atas data dan butiran kajian tentang unsur budaya gerak isyarat dan tabiat, terdapat sebanyak 12 orang responden daripada OK dan 10 OM berpendapat bahawa unsur budaya gerak isyarat dan tabiat yang dianalisis tersebut adalah boleh diterjemah, manakala bakinya, masing-masing 3 OK dan 5 OM sebagai responden menyatakan butiran-butiran analisis melibatkan unsur budaya gerak isyarat dan tabiat adalah tidak boleh diterjemah.

Analisis terhadap butiran-butiran yang mengandungi unsur budaya gerak isyarat dan tabiat dalam terjemahan BK-BM. Dapatan hasil analisis menunjukkan pandangan responden daripada kalangan OK menyatakan pendapat bahawa 80% butiran kajian

yang mengandungi unsur budaya gerak isyarat dan tabiat dalam terjemahan BK-BM adalah boleh diterjemah, manakala bakinya, OK menyatakan 20% butiran yang berkaitan unsur budaya gerak isyarat dan tabiat adalah tidak boleh diterjemah. Seterusnya melihat pandangan responden OM pula menunjukkan 66.7% memberi pandangan boleh diterjemah dan selebihnya, iaitu 33.3% tidak boleh diterjemah. Berdasarkan analisis yang dijalankan pengkaji dalam analisis sebelum ini (merujuk bab terdahulu). Sebanyak 7 butiran atau 46.7% yang mengandungi unsur budaya gerak isyarat dan tabiat adalah boleh diterjemah, manakala bakinya 8 butiran atau 53.3% pula adalah tidak boleh diterjemah.

Oleh itu, berdasarkan analisis nisbah yang diperoleh di atas, menunjukkan terdapat perbezaan yang besar antara pengkaji dan responden OK yang melibatkan butiran yang tidak boleh diterjemah. Perkara yang sama juga dapat dilihat tetapi dengan perbezaan nisbah yang lebih kecil daripada dapatan kajian pengkaji dan pandangan responden OK dan OM yang melibatkan butiran yang boleh diterjemah dan tidak boleh diterjemah dalam unsur budaya gerak isyarat dan tabiat BK-BM. Seterusnya berpandukan analisis yang dijalankan yang mana melibatkan butiran mengandungi unsur budaya kawalan sosial ini dikemukakan juga alasan-alasan daripada responden yang dipecahkan seperti huraian berikutnya.

6.7.1 Alasan Responden tentang Kebolehterjemahan Unsur Budaya Gerak Isyarat dan tabiat

i) Alasan Orang Korea Boleh Terjemah

Jadual 6.32 menunjukkan alasan-alasan yang diberikan dan diperoleh dalam analisis yang dijalankan sebelum ini, alasan-alasan tersebut adalah menyokong pandangan responden OK boleh terjemah dalam budaya gerak isyarat dan tabiat antara BK-BM. Lima alasan yang diketengahkan oleh responden OK yang menyatakan dan menyokong

unsur budaya gerak isyarat dan tabiat boleh diterjemah. Pertama, penerangan yang jelas. Penerangan yang jelas ini adalah merujuk kepada butiran yang dianalisis dapat difahami dan diterjemah antara BK-BM. Contoh butiran yang dapat dilihat dalam kajian ini adalah seperti berikut, iaitu data UBGT11. Kedua, alasan yang diberikan oleh responden OK adalah makna fungsi yang boleh disampaikan. Makna fungsi yang disampaikan dalam unsur budaya gerak isyarat dan tabiat ini adalah butiran yang dinyatakan dapat memberikan dan membawa makna bagi setiap fungsi yang diterjemahkan serta difahami dalam BK-BM. Contoh yang dapat diperhatikan dalam analisis butiran berkaitan unsur budaya gerak isyarat dan tabiat yang boleh diterjemah ini ialah, iaitu data UBGT1, UBGT5, UBGT8, UBGT9 dan UBGT13. Ketiga, konsep yang sama dengan budaya sasaran dan butiran berkaitan boleh diterjemah dalam BK-BM. Konsep yang sama ini merujuk kepada padanan dan persamaan dalam budaya gerak isyarat dan tabiat dalam budaya Korea dan budaya Melayu. Berdasarkan contoh analisis butiran sebelum ini yang boleh diterjemah oleh responden OK dalam gerak isyarat dan tabiat seperti berikut, iaitu data UBGT2, UBGT3, UBGT10 dan UBGT12. Keempat, makna leksikal yang boleh disampaikan. Salah satu makna leksikal atau makna fungsi yang terdapat dalam butiran yang melibatkan gerak isyarat dan tabiat boleh diterjemah ke dalam BK-BM adalah dikira memadai sebagai boleh diterjemah. Berikut adalah sebahagian contoh makna leksikal boleh disampaikan dalam budaya gerak isyarat dan tabiat, iaitu data UBGT4 dan UBGT7. Kelima, terjemahan yang tepat yang membolehkan keterjemahan dilakukan. Terjemahan yang tepat dalam unsur gerak isyarat dan tabiat ini adalah menunjukkan butiran berkaitan boleh diterjemah secara terus dalam BK-BM. Contoh butiran yang diambil daripada analisis kajian yang dilakukan sebelum ini seperti berikut, iaitu data UBGT6.

Jadual 6.32 : Alasan Orang Malaysia tentang budaya Gerak Isyarat dan Tabiat yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBGT11
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBGT1, UBGT5, UBGT8, UBGT9, UBGT13
3	Mempunyai Konsep yang Sama Dengan Budaya Sasaran	UBGT2, UBGT3, UBGT10, UBGT12
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBGT4, UBGT7
5	Terjemahan yang Tepat	UBGT6D

ii) Alasan Orang Malaysia Boleh Terjemah

Responden OM memberikan alasan-alasan boleh terjemah terhadap butiran mengandungi unsur budaya gerak isyarat dan tabiat seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6.33. Responden OM mengemukakan lima alasan yang menyatakan butiran unsur budaya gerak isyarat dan tabiat ini boleh diterjemah. Pertama, perlu ada penerangan yang jelas. Penerangan yang jelas ini adalah dilihat kepada kejelasan unsur yang dinyatakan dan maksud yang disampaikan mudah difahami dan seterusnya diterjemah dalam BK-BM. Contoh yang dapat dilihat dengan jelas dalam butiran kajian, iaitu data UBGT11. Kedua, mempunyai makna fungsi yang boleh disampaikan. Fungsi dan elemen sesuatu unsur budaya itu perlulah mempunyai kejelasan dalam makna yang hendak disampaikan dan seterusnya boleh diterjemah dengan baik. Perkara ini dapat dilihat melalui butiran kajian yang dianalisis, yang mengandungi kejelasan makna terhadap fungsi yang dibawanya seperti berikut, iaitu data UBGT1 dan UBGT8. Responden orang Korea juga mengemukakan alasan yang sama dalam kebolehterjemahan dalam unsur budaya gerak isyarat dan tabiat ini. Ketiga, setiap unsur budaya gerak isyarat dan tabiat seperti ini perlu mempunyai konsep yang sama dan

boleh diterjemah antara BK-BM. Konsep budaya yang sama dalam budaya Korea dan Melayu secara analisisnya adalah boleh diterjemah, seperti contoh yang diberikan oleh kedua-dua pihak responden ini, iaitu data UBGT2, UBGT3, UBGT10 dan UBGT12. Keempat, dalam unsur budaya gerak isyarat dan tabiat ini juga perlu mempunyai makna leksikal yang boleh disampaikan. Kejelasan dan makna fungsi secara fizikal perlu jelas dan dapat disampaikan maksudnya, ini adalah boleh diterjemah. Seperti contoh yang dipetik dalam analisis butiran kajian berikut, iaitu data UBGT4, UBGT5 dan UBGT7. Kelima, setiap butiran itu perlu mempunyai terjemahan yang tepat. Terjemahan yang tepat dengan subjek yang dijelaskan merupakan antara asas mudah dalam kebolehterjemahan dalam BK-BM dan seterusnya menyingkap dalam unsur budaya gerak isyarat dan tabiat yang dilihat ini. Berikut adalah contoh yang disisipkan yang mengandungi terjemahan yang tepat, iaitu data UBGT6.

Jadual 6.33 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat yang Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Penerangan yang Jelas	UBGT11
2	Makna Fungsi Boleh Disampaikan	UBGT1, UBGT8
3	Mempunyai Konsep yang Sama Dengan Budaya Sasaran	UBGT2, UBGT3, UBGT10, UBGT12
4	Makna Leksikal Boleh Disampaikan	UBGT4, UBGT5, UBGT7
5	Terjemahan yang Tepat	UBGT6

iii) Alasan Orang Korea Tidak Boleh Terjemah

Responden OK bersama dengan alasan serta pandangan butiran kajian tidak boleh terjemah dinyatakan secara jelas dalam jadual 6.34. Responden OK memberikan dua alasan yang mengiringi pandangan mereka mengenai ketidakbolehterjemahan dalam

unsur budaya gerak isyarat dan tabiat dalam kajian ini. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan. Makna budaya sumber tidak boleh disampaikan ini adalah wujud ketidakjelasan sesuatu maksud dalam unsur gerak isyarat dan tabiat yang hendak dinyatakan. Sebagai contoh dalam analisis kajian butiran berikut, iaitu data UBG14. Kedua, budaya sumber yang tidak wujud. Konsep budaya dalam budaya Korea tidak wujud dalam budaya Melayu, menjadikan unsur ini tidak boleh diterjemah dalam BK-BM. Butiran analisis yang tidak boleh terjemah dengan alasan ini seperti berikut, iaitu data UBG15.

Jadual 6.34 : Alasan Orang Korea tentang Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBGT14
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBGT15

iv) Alasan Orang Malaysia Tidak Boleh Terjemah

Berdasarkan analisis kajian juga terhadap responden OM memberikan alasan-alasan ketidakbolehterjemahan unsur budaya gerak isyarat dan tabiat dalam BK-BM ini. Responden OM ini mengemukakan empat alasan bahawa unsur dan unsur budaya gerak isyarat dan tabiat yang tidak boleh diterjemah. Pertama, makna budaya sumber tidak boleh disampaikan. Alasan ini adalah sama seperti responden OK berikan dan dengan contoh yang sama, iaitu data UBG14. Makna budaya sumber yang tidak boleh disampaikan ini adalah merujuk kepada budaya orang Korea yang tidak boleh diterjemah ke dalam budaya orang Melayu dan sebaliknya. Kedua, konsep budaya sumber tidak wujud. Konsep budaya tidak wujud dalam unsur budaya gerak isyarat dan tabiat yang dimaksudkan ini, iaitu budaya tersebut hanya terdapat dalam konteks

budaya Korea, tetapi tidak terdapat dalam budaya Melayu. Contoh butiran kajian yang telah dianalisis, iaitu data UBGT15. Ketiga, penggunaan perkataan kurang jelas yang merujuk kepada frasa dan butiran analisis tidak jelas dan sukar untuk difahami seterusnya tidak boleh diterjemah. Contoh butiran dengan alasan kurang jelas adalah seperti berikut, iaitu data UBGT9, yang dipetik daripada butiran penuh berikut; 사발로 마구 들이켰다 - *meminum makkolli seperti ikan*. Keempat, konsep budaya yang berbeza. Konsep budaya antara masyarakat dan budaya Korea dan Melayu secara umumnya dilihat adalah berbeza. Hal ini menjadi salah satu alasan bahawa terdapat budaya organisasi sosial antara kedua budaya ini tidak boleh diterjemah dengan baik, dengan contoh yang diberikan berikut, iaitu data UBGT13.

Jadual 6.35 : Alasan Orang Malaysia tentang Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat yang Tidak Boleh Terjemah

	Alasan	Data
1	Makna Budaya Sumber Tidak Boleh Disampaikan	UBGT14
2	Konsep Budaya Sumber Tidak Diwujudkan	UBGT15
3	Kurang Jelas	UBGT9
4	Konsep Budaya yang Berbeza	UBGT13

6.7.2 Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat

Analisis data dalam contoh pertama mendapati bahawa frasa 온 몸이 얼었어요 (*onmomi eoleosseoyo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *seluruh badanku kaku kesejukan* dalam teks. Jika diterjemah secara literal, perkataan 온 몸이 얼었어요 (*onmomi eoleosseoyo*) ialah *badan sudah beku*. Pada musim dingin, suhu yang rendah menyebabkan kesejukan yang melampau sehingga badan perlu dilapisi dengan baju yang tebal. Namun dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemah frasa ini sebagai

seluruh badanku kaku kesejukan. Hasil kajian ini didapati selari dengan pendapat Bao (2004) yang menyatakan bahawa dalam konteks tertentu, makna tersurat sesuatu kata adalah berbeza dengan makna tersiratnya. Dalam konteks hasil kajian ini, objek yang sama, iaitu musim sejuk dalam budaya sumber merupakan sesuatu yang berbeza dalam budaya sasaran. Hal ini demikian kerana dalam budaya sumber musim dingin dapat difahami keadaannya oleh pembaca teks sumber, namun tidak dalam pembaca sasaran. Di Malaysia, musim sejuk tidak wujud tetapi situasi sejuk yang dibayangkan hanya apabila tiba. Oleh itu, tafsiran makna yang dinyatakan adalah berbeza sama sekali antara dua budaya dan bahasa yang berlainan. Hasil terjemahkan ini ialah terjemahan kurang, namun masih boleh diterima padanannya.

Frasa 혀를 찌찌 갈궂다 (*hyeoleul jjigjjig galgyeossda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *mengecapkan lidahnya tanda tidak senang* dalam teks sasaran. Perbuatan ini merujuk kepada sesuatu perlakuan apabila seseorang mendecap-decapkan lidahnya untuk menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap seseorang. Dalam budaya Korea, jika orang Korea tidak berpuas hati kepada orang lain, mereka sering mendecap-decap lidah mereka sebagai tanda protes (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.6876). Namun penterjemah telah menterjemahkan frasa ini sebagai *mengecapkan lidahnya tanda tidak senang*, tetapi hasil terjemahan ini kurang tepat. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa yang digunakan oleh penterjemah, iaitu *mengecapkan lidahnya tanda tidak senang* sepatutnya digantikan kepada frasa *mendecap-decap lidahnya sebagai tanda kurang puas hati* bagi menunjukkan tujuan sebenar perlakuan itu dilakukan. Dalam situasi ini, ketidakbolehterjemahan berlaku kerana ketiadaan padanan yang sesuai pada peringkat perkataan. Setelah analisis data dilakukan, pengkaji mendapati bahawa keadaan ini wujud disebabkan konsep yang wujud dalam bahasa sumber tidak ada padanan kata dalam bahasa sasaran untuk menamakannya. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pendapat Newmark (1988)

yang menyatakan bahawa apabila komuniti bahasa berfokus kepada budaya khusus, kewujudan perkataan yang menandakan keistimewaan bahasa masyarakat tersebut akan jelas kelihatan. Dalam hal ini, perbuatan mendecapkan lidah didapati merupakan budaya khusus masyarakat Korea untuk menunjukkan tanda protes kepada sesuatu yang tidak disukai oleh mereka. Namun, situasi ini tidak berlaku dalam budaya masyarakat Malaysia kerana masyarakat negara ini menggunakan perbuatan atau perkataan yang berlapik jika tidak puas hati kepada seseorang. Oleh itu, ketidakbolehterjemahan belaku apabila wujudnya jurang perbezaan antara fokus budaya sumber dengan budaya sasaran. Jurang budaya antara masyarakat Korea dengan masyarakat Malaysia yang besar menyebabkan kesukaran menterjemah dengan menggunakan padanan budaya dan perkataan yang sesuai.

Berdasarkan contoh ketiga pula, analisis data mendapati frasa 죽어 넘어진 송장이 개 치우듯 꾸러져 나가는 것을 (*jugeo neomeojin songjangi gae chiudeus kkulyeojyeo naganeun geoseul*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu* dalam teks sasaran. Berkas kayu yang dimaksudkan dalam frasa tersebut adalah benda-benda yang diikat dalam satu ikatan. Situasi ini bermaksud bahawa mayat-mayat yang disebutkan dalam teks dikumpulkan dan diikat menjadi satu. Namun, frasa ini membawa maksud mayat dibungkus dan keluar seperti anjing dalam terjemahan teks sumber. Berdasarkan terjemahan yang dilakukan oleh penterjemah teks sasaran, frasa mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu telah diterjemah secara literal. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa hasil terjemahan yang dilakukan tidak selari dengan makna asal dalam teks sumber. Situasi ini menyebabkan berlakunya terjemahan kurang, namun masih boleh diterima padanannya. Oleh itu, fungsi frasa *mayat dibungkus dan keluar seperti anjing* dalam teks sumber walaupun diterjemah kepada *mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu* dapat mengekalkan maklumat daripada teks asal. Penterjemahan dilakukan sedekat mungkin dengan teks sasaran,

tanpa menjejaskan maksud asal yang ingin disampaikan.

Pada masa yang sama, frasa *마누라를 개 패듯 때려 잡던데* (*mulgu manulaleul gae paedeus ttaelyeo jabdeonde*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *memukul isterinya seperti memukul anjing* oleh penterjemah teks sasaran. Dalam budaya Korea, jika seseorang memukul orang lain tanpa belas kasihan, mereka dikatakan seperti memukul seekor anjing. Jika diterangkan perlakuan ini, memukul seperti anjing bermaksud memukul tanpa henti dan tanpa belas kasihan kerana pihak yang dipukulnya itu tidak dapat melawan (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.182). Situasi ini sebenarnya tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana perbuatan tersebut dianggap sebagai tidak berperikemanusiaan dan si pelakunya akan disamakan seperti haiwan srta dikenakan tindakan undang-undang. Oleh itu, masyarakat Malaysia tidak boleh memahami makna frasa ini dengan mendalam. Hal ini demikian kerana perbezaan budaya dan bahasa yang wujud antara BK dengan BM menyebabkan wujudnya jurang ketidakbolehterjemahan yang tinggi. Situasi ini dapat diatasi jika penterjemah mempunyai kemahiran menterjemah unsur budaya dan bahasa dengan menggunakan padanan perkataan yang sedekat mungkin dengan teks sumber. Pengkaji mendapati bahawa dalam menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan, frasa ini sepatutnya diterjemah sebagai *memukul tanpa belas kasihan*.

Selain itu, hasil analisis data juga mendapati bahawa mendapati frasa *손가락으로 술상을 두드리기* (*songalageulo sulsangeul dudeuligi*) dalam teks sumber telah diterjemahkan *bergendang* di atas meja dalam teks sasaran. Perbuatan ini bermaksud apabila seseorang mengetuk-menetuk meja yang diletakkan minuman keras dengan menggunakan hujung jari. Dalam budaya Korea, apabila seseorang minum minum arak, mereka akan minum sambil menyanyi dan kemudiannya mengetuk meja dengan menggunakan hujung jari. Perbuatan ini tidak wujud dalam budaya Malaysia

terutamanya dalam masyarakat Melayu kerana mereka tidak minum arak. Dalam teks sasaran, penterjemahan telah menterjemah frasa ini dengan sangat umum. Pengkaji mendapati frasa 손가락으로 술상을 두드리기 (*songalag-eulo sulsang-eul dudeuligi*) ini telah diterjemahkan kepada *mengetuk meja minuman keras dengan menggunakan hujung jari* untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan.

Frasa 얼굴에 찬물을 뿜어대는등 (*eolgule chanmuleul ppumeodaeneundeung*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *merenjiskan air sejuk ke mukanya*. Sebenarnya, frasa ini bermaksud perbuatan *meminum air dingin dan menyemburnya ke muka orang yang sedang pengsan bertujuan untuk menyedarkan orang tersebut*. Dalam budaya Korea, jika seseorang jatuh pengsan, orang lain akan meminum air dingin, lalu menyemburkan ke mukanya untuk menyedarkannya. Dalam budaya Malaysia, perbuatan ini tidak wujud kerana kaedah yang digunakan untuk menyedarkan seseorang yang pengsan adalah menyapukan air ke mukanya sahaja. Dalam teks sasaran penterjemah telah menterjemahkan frasa ini sebagai *merenjiskan air sejuk kemukanya sahaja*. Pengkaji mendapati bahawa *Minum air dingin, lalu menyemburkan ke muka seseorang yang pengsan untuk menyedarkannya* merupakan terjemahan yang sepatutnya diterjemah untuk menyampaikan maklumat dengan yang lebih berkesan.

Hasil analisis data mendapati bahawa frasa 흰 형겁을 머리에 질끈 동이고 (*huin heong-geopeul meolie jilkkeun dongigo*) sebenarnya merujuk kepada *Pada dahi ibu terlilit sejalur kain putih* apabila diterjemah. Situasi ini dilakukan apabila seseorang melilit kepalanya dengan sehelai kain putih (*The Korean Standard Dictionary, 1999, p.1655*). Dalam budaya Korea, jika seseorang sakit pada bahagian kepala atau badan, mereka akan melilit bahagian itu kain putih pada bahagian yang sakit itu. Masyarakat Korea percaya bahawa dengan melilit kain putih di bahagian itu, kesakitan dapat dikurangkan. Dalam teks sasaran, penterjemah telah menterjemahkan frasa ini tanpa

menghuraikan maksud sebaliknya. Hal ini demikian kerana perlakuan melilit kepala dengan kain putih uuntuk mengurangkan kesakitan tidak wujud dalam budaya sasaran. Pengkaji mencadangkan bahawa penterjemah sepatutnya menggantikan perkataan dalam budaya sumber dengan unsur budaya bahasa sasaran yang mempunyai makna yang hampir sama kepada pembaca sasaran untuk menyampaikan mesej dengan yang lebih berkesan. Oleh itu, frasa ini sepatutnya diterjemahkan sebagai *Pada kepala dililit dengan sejalur kain putih untuk meringankan kesakitan.*

Seterusnya, hasil analisis data juga mendapati bahawa frasa 부하를 개돼지처럼 다루고 (*buhaleul gaedwaejicheoleom dalugo*) dalam teks sumber telah diterjemahkan *memperlakukan askarnya seperti haiwan* dalam teks sasaran. Maksud 부하를 개돼지처럼 다루고 (*buhaleul gaedwaejicheoleom dalugo*) ini dalam BK ialah *memperlakukan askarnya seperti anjing dan babi*. Dalam budaya Korea jika seseorang memperlakukan orang lain secara kasar dan tidak berperikemanusiaan, mereka dikatakan seperti memperlakukan seseorang seperti anjing dan khinzir (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.189). Dalam budaya Melayu, situasi yang sama juga wujud. Orang yang tidak berperikemanusiaan akan disamakan dengan haiwan. Oleh itu, hasil terjemahan yang terdapat dalam teks sasaran adalah bersifat sangat umum, tetapi masih boleh diterima pakai. Namun, pengkaji mendapati bahawa frasa yang sesuai digunakan untuk memberikan hasil terjemahan yang baik adalah *memperlakukan askarnya tanpa perikemanusiaan* adalah lebih sesuai dengan teks ini. Hal ini demikian kerana strategi penterjemahan yang sepatutnya digunakan oleh penterjemah adalah menggunakan bahasa sumber yang khusus dengan perkataan yang lebih umum sifatnya dalam bahasa sasaran.

Pada masa yang sama, frasa 사발로 마구 들이켰다 (*saballo magu deulikyeosda*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *meminum seperti ikan* oleh penterjemah

teks sasaran. Jika frasa 사발로 마구 들이켰다 (*saballo magu deulikyeosda*) ini diterjemah kepada BM, perbuatan ini bermaksud *meminum sesuatu dengan mangkok secara meneguk*. Dalam budaya Korea, orang yang meminum sesuatu secara tergesa-gesa, mereka dikatakan telah minum secara meneguk (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1755). Di Malaysia terdapat juga situasi seperti ini, iaitu meneguk minuman secara tergesa-gesa tetapi menggunakan gelas atau cawan, kerana budaya Melayu tidak menggunakan mangkuk untuk minum atau menghirup. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah telah menterjemah frasa ini sebagai meminum seperti ikan. Frasa *meminum seperti ikan* yang dihasilkan ini adalah bersifat terjemahan kurang. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa penterjemah perlu menterjemah frasa ini sebagai *meneguk minuman daripada mangkuk*. Pengkaji mendapati bahawa wujudnya masalah semasa memindahkan simbol budaya yang melibatkan faktor intralinguistik dan ekstralinguistik. Faktor intralinguistik yang melibatkan bahasa dapat dipindahkan, tetapi faktor ekstralinguistik yang melibatkan budaya gagal diterjemah oleh penterjemah. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa frasa 사발로 마구 들이켰다 (*saballo magu deulikyeosda*) sepatutnya diterjemah kepada frasa *meneguk minuman daripada mangkuk*.

Frasa 풀썩어 개 좋은 일 만한 것만 같은 (*pul ssueo gae joheun ilman han geosman gateun*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama* dalam teks sasaran. Dalam teks sumber, frasa ini merujuk kepada bubur yang dimasak dan diberikan kepada anjing. Dalam budaya Korea, orang Korea menggunakan frasa ini untuk merujuk kepada seseorang yang rajin bekerja, tetapi orang yang lain mendapat hasil (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.3942). Pada masa yang sama, dalam budaya masyarakat Malaysia frasa ini digunakan sebagai peribahasa yang mempunyai maksud yang tersirat. Frasa ini juga digunakan dalam peribahasa Melayu dan mendukung maksud yang sama. Maksud yang didukung oleh frasa ini adalah sangat tepat dengan hasil terjemahan dalam teks sasaran. Oleh itu,

penterjemahan yang dihasilkan oleh penterjemah, iaitu lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama. Frasa *lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama* merupakan terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya. Situasi ini menunjukkan bahawa frasa tersebut boleh diterjemah ke dalam teks sasaran. Dapatan kajian ini adalah selari dengan pendapat Baker (1998) yang menyatakan bahawa terjemahan merupakan satu konsep yang bersifat operatif, iaitu melibatkan tahap kebolehterjemahan merupakan penentu kepada keputusan dan kaedah penterjemahan (p.273). Dalam kajian ini, pengkaji mendapati bahawa tahap kebolehterjemahan yang tinggi dalam teks sumber menyebabkan penterjemah telah menggunakan peribahasa untuk menyampaikan maksud frasa teks sumber. Penterjemah telah menyesuaikan hasil terjemahan teks sumber dengan bahasa dan budaya masyarakat sasaran tanpa perlu memberi penjelasan yang mendalam tentang frasa ini.

Analisis data seterusnya mendapati bahawa frasa 백팔십 도로 전환 (*baegpalsib dolo jeonhwan*) dalam contoh kedua pula telah diterjemahkan sebagai *berubah betul* dalam teks sasaran. Dalam BK, situasi ini bermaksud berubah 180 darjah (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.2603). Dalam budaya Korea pula, perubahan ini dengan melambangkan seseorang atau sesuatu yang berubah dengan sebenar-benarnya. Oleh itu, penterjemah telah menterjemahkan frasa ini sebagai *berubah betul*. Pengkaji mendapati terdapatnya persamaan antara dua perkataan yang diterjemah itu dan dikategorikan sebagai terjemahan tepat. Pengkaji mendapati bahawa frasa *berubah betul* merupakan frasa yang tepat kerana jika penterjemah mengekalkan maksud berubah 180 darjah daripada budaya sumber, hasil terjemahannya agak mengelirukan. Hal ini demikian kerana jika sesuatu perubahan berlaku, situasi ini disebut dengan frasa berubah 360 darjah dalam budaya sasaran. Sebaliknya, dalam budaya sumber perubahan 360 darjah itu dikaitkan dengan tindakan seseorang yang telah berubah, tetapi kembali ke tindakan asalnya. Oleh itu, terjemahan secara tidak langsung daripada teks sumber ke dalam

bahasa sasaran akan menyebabkan hasil terjemahan kurang tepat dan tidak mengekalkan budaya sasaran.

Hasil analisis data mendapati bahawa menterjemahkan frasa 술을 많이 하시나요 (*suleul manhi hasinayo*) sebenarnya merujuk kepada *kaki botol ke* apabila diterjemah. Jika diterjemah secara harfiah, frasa 술을 많이 하시나요 (*suleul manhi hasinayo*) ini membawa maksud *meminum minuman keras dengan banyak*. Oleh itu, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa makna dalam teks sumber adalah selari dengan terjemahan yang dilakukan dalam teks sasaran. Dalam budaya Malaysia, seseorang yang meminum minuman keras dengan banyak dan kerap, mereka akan diberikan gelaran sebagai *kaki botol*. Hasil terjemahan ini merupakan terjemahan tepat dan boleh diterima padanannya. Dapatan kajian ini didapati selari dengan pendapat Liu (1999) yang menyatakan bahawa pengguna bahasa yang berlainan, tetapi mempunyai asas rujukan material yang sama dikatakan mempunyai struktur *isomorf* yang sama. Menurutnya, struktur isomorf ini dirujuk kepada struktur asas pemikiran antara manusia yang membolehkan pertukaran lambang bahasa yang berbeza. Oleh itu, pengkaji mendapati bahawa wujudnya struktur isomorf yang sama dalam masyarakat Korea dan Malaysia sehingga menyebabkan mereka mempunyai struktur rujukan material yang sama, walaupun dalam bahasa yang berbeza. Kesannya, struktur isomorf yang sama ini membolehkan perhubungan minda berlaku dan pemindahan mesej berjalan lancar sehingga membolehkan kebolehterjemahan dilakukan.

Analisis data mendapati perkataan 채어써야 (*chaeeseoya*) dalam contoh kelapan pula telah diterjemahkan sebagai frasa *telah dikecewakan* dalam teks sasaran. Perkataan ini di dalam BK bermaksud *menyepak seseorang*. Dalam budaya Korea, jika sebelah pihak tidak menyukai antara satu sama lain, mereka akan menggunakan bahasa kesat ini, iaitu *sepak dia* (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.5920). Situasi ini bermaksud

apabila seseorang tidak menyukai orang lain yang dianggap lawannya, mereka akan menyingkirkan orang tersebut dalam kehidupan. Hal ini kadang kala juga wujud dalam budaya Malaysia, iaitu seseorang yang tidak disukai akan disingkirkan secara halus atau kasar. Namun, perkataan 채어서야 (*chaeoseoya*) ini didapati tidak diterjemah dengan perkataan yang sesuai. Hal ini demikian kerana perkataan kecewa didefinisikan sebagai (berasa) dukacita kerana tidak tercapai cita-cita (harapan, kehendak, dan sebagainya) (*Kamus Dewan*, 2007, p.698). Pengkaji mendapati bahawa perkataan ini tidak boleh diterjemah kerana tidak terdapatnya padanan yang sesuai berkaitan unsur budaya dan fungsi yang didukung oleh perkataan 채어서야 (*chaeoseoya*). Pengkaji mencadangkan bahawa frasa telah dikecewakan diterjemah kepada singkirkan diakerna terdapat makna yang didukung oleh perkataan 채어서야 (*chaeoseoya*) yang tidak dapat diterjemah sepenuhnya melalui padanan perkataan telah dikecewakan.

Seterusnya, dapatan kajian ini mendapati bahawa perkataan 돌아버렸대 (*dolabeolyeossdae*) dalam teks sumber telah diterjemahkan sebagai *hilang ingatan* yang cukup terlatih dalam teks sasaran. Sebenarnya, makna 돌아버렸대 (*dolabeolyeossdae*) ialah *memusingkan* dalam BK (*The Korean Standard Dictionary*, 1999, p.1614). Di Korea, orang gila dilabel dengan frasa *kepala berpusing* manakala dalam BM, terdapat beberapa simpulan bahasa yang mendukung maksud orang gila, seperti ‘masuk air’, ‘tiga suku’ dan sebagainya. Hal ini demikian kerana simpulan bahasa merupakan bahasa kiasan yang digunakan untuk menyampaikan sesuatu maksud. Namun, pengkaji mendapati bahawa padanan frasa dalam teks sasaran yang diberikan oleh penterjemah, iaitu frasa *hilangan ingatan* didapati bersifat sangat umum. Oleh itu, pengkaji mencadangkan bahawa frasa yang sepatutnya digunakan oleh penterjemah *hilang ingatan* sepatutnya digantikan kepada frasa menjadi orang gila. Hal ini demikian kerana perkataan gila didefinisikan bahawa tidak sihat atau tidak waras fikirannya (otaknya, ingatannya), penyakit tidak sihat otak (*Kamus Dewan*, 2007, p.473). Gila juga terdapat

dalam pelbagai bentuk, sama ada dalam bentuk kekerasan fizikal atau secara mental.

Berdasarkan contoh berikutnya pula, analisis data mendapati frasa 어디 이놈 잠시 줌 만져 보자 (*eodi inom jamsi jom manjyeoboja*) dalam teks sumber diterjemahkan sebagai *Sekarang aku nak merasa intanku* dalam teks sasaran. Sebenarnya, situasi ini merupakan satu perlakuan untuk menggambarkan kemesraan antara orang tua dengan kanak-kanak lelaki. Dalam hal ini, orang dewasa atau orang tua biasanya memanggil seorang kanak-kanak lelaki untuk bergurau dengan menyatakan bahawa mereka ingin merasa ‘buah’ (alat sulit lelaki) mereka. Bagi budaya Korea, orang lelaki adalah individu penting sebagai ketua dalam sesebuah keluarga. Walau bagaimanapun, keadaan ini dilakukan oleh orang dewasa sebagai gurauan dan bukanlah bermaksud seksual. Situasi ini tidak wujud dalam budaya Malaysia kerana tidak sesuai dengan budaya masyarakatnya. Keadaan ini tidak berlaku kerana hal tersebut dianggap terlalu sensitif kerana melibatkan bahagian intim seseorang lelaki mahupun perempuan. Tambahan pula, masyarakat Malaysia mengamalkan budaya yang bersopan dan menjaga batas pergaulan antara lelaki dan wanita. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah diterjemakan sebagai *Sekarang aku nak merasa intanku*, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa makna dalam teks sumber adalah selari dengan terjemahan yang dilakukan dalam teks sasaran dan wujudnya situasi kebolehterjemahan. Pengkaji mendapati bahawa penterjemah teks sasaran menggunakan bahasa kiasan, iaitu intan bagi merujuk kepada bahagian alat sulit. Penterjemah didapati cuba menyesuaikan penggunaan bahasa dengan budaya yang didukung oleh masyarakat budaya sasaran. Namun, apabila penterjemah menggunakan frasa *Sekarang aku nak merasa intanku*, maka akan berlaku kekeliruan apabila perkataan ‘merasa’ boleh disalah tafsir sebagai sesuatu yang bersifat seksual atau lucah. Oleh itu, pengkaji mencadangkan perkataan ‘merasa’ boleh digantikan dengan perkataan ‘menyentuh’ dalam frasa tersebut. Hal ini demikian kerana maksud perkataan merasa adalah mengalami rasa dengan lidah (*Kamus*

Jadual 6.36 : Pandangan Pengkaji Kebolehterjemahan Unsur Budaya Gerak Isyarat dan Tabiat

Data	Teks Sumber	Teks Sasaran	Boleh Terjemahan
UBGT1	온몸이 얼었어요 <i>onmomi eoleosseoyo</i>	<u>Seluruh badanku kaku kesejukan.</u>	O
UBGT2	혀를 짹짹 갈겼다 <i>hyeoleul jjigjjig galgyeossda</i>	Dia <u>mengecapkan lidahnya tanda tidak senang.</u>	X
UBGT3	죽어 넘어진 송장이 개치우 듯 꾸러져 나가는 것을 <i>jugeo neomeojin songjangi gae chiudeus kkulyeojyeo naganeun geoseul</i>	Apabila Dr. Lee In-guk melihat <u>mayat dibungkus dan keluar seperti berkas kayu</u> , dia berasa	O
UBGT4	마누라를 개패듯 때려 잡 던데 <i>manulaleul gae paedeus ttaelyeo jabdeonde</i>	“Mulut Sei Chon tu berbuih-buih. Dia <u>memukul isterinya seperti memukul anjing.</u>	X
UBGT5	손가락으로 술상을 두드 리기 <i>songalageulo sulsangeul dudeuligi</i>	Kakitangan Pejabat Cukai itu mula <u>bergendang di atas meja.</u>	X
UBGT6	얼굴에 찬물을뿜어대는등 <i>eolgule channmuleul ppumeodaeneundeung</i>	seluruh keluarga berkumpul di bilik dalam untuk mengurut kaki tangannya serta <u>merenjiskan air sejuk ke mukanya</u> untuk memulihkannya.	X
UBGT7	흰 형겁을 머리에 질끈동 이고 <i>huin heonggeopeul meolie jilkkeun dongigo</i>	<u>Pada dahi ibu terlilit sejalur kain putih</u> seperti kamu lakukan ketika bersukan di sekolah.	X
UBGT8	부하를 개돼지처럼 다루 고 <i>buhaleul gaedwaejicheoleom dalugo</i>	...yang <u>memperlakukan askarnya seperti haiwan.</u>	O
UBGT9	사발로마구 들이켰다 <i>saballo magu deulikyeossda</i>	...mengelilingi unggun api <u>meminum makkolli seperti</u>	X

		ikan , menggogok minuman tersebut...	
UBGT10	풀쭈어 개 좋은일만 한 것만 같은 <i>pul ssueo gae joheun ilman han geosman gateun</i>	Dia begitu terkilan, lembu yang punya susu, sapi yang dapat nama.	O
UBGT11	백팔십도로 전환 <i>baegpalsib dolo jeonhwan</i>	..dengan musuhnya berubah betul seperti ini?	O
UBGT12	술을 많이 하시나요 <i>suleul manhi hasinayo</i>	Saudara kaki botol ke?	O
UBGT13	채어서야 <i>chaeeseoya</i>	“tidak mungkin, dia mungkin telah dikecewakan oleh seorang lelaki”	X
UBGT14	돌아버렸대 <i>dolabeolyeossdae</i>	“Dia terlalu sangat belajar sehingga dia hilang ingatan ”	X
UBGT15	어디 이놈 잠시 좀 만져 보자 <i>eodi inom jamsi jom manjyeoboja</i>	Sekarang aku nak merasa intanku.	O

6.8 Rumusan

Dalam bab ini, pengkaji telah menghuraikan kebolehterjemahan unsur budaya yang melibatkan bahan terjemahan BK-BM dengan menumpukan konteks alasan kebolehterjemahan. Perbincangan secara menyeluruh berdasarkan dapatan kajian dan sejauh mana objektif kajian ini telah tercapai. Ternyata, alasan-alasan yang dikemukakan oleh responden adalah bersifat pelbagai dan tidak konsisten. Hal ini berlaku kerana tidak ada satu paksi yang tetap dalam menentukan kebolehterjemahan unsur budaya dalam terjemahan BK dan BM.

Alasan-alasan kebolehterjemahan unsur budaya dalam terjemahan BK dan BM yang diperlihatkan adalah berbeza antara dapatan kajian reponden OK, responden OM dan pengkaji. Pengkaji mendapati bahawa perbezaan yang berlaku dipengaruhi oleh faktor kefahaman, struktur bahasa, budaya dan ilmu penterjemahan daripada setiap responden.

Sebagai rumusan, pengkaji mendapati bahawa jika penterjemah ingin menghasilkan sebuah teks terjemahan yang berfungsi dengan baik dan berkesan, mereka harus melakukan penelitian terlebih dahulu tentang perkataan unsur budaya terhadap teks yang akan diterjemahkan. Umumnya, perhatian wajar mesti diberikan terhadap teks sumber, tujuan terjemahan dan pembaca sasaran dalam kerja terjemahan dan tidak harus dipinggirkan.

Kajian menunjukkan bahawa responden kelihatan lebih cenderung menyatakan bahawa unsur budaya dalam BK adalah boleh diterjemah ke dalam BM, walaupun perbezaan alasan berlaku. Akhir sekali, pengkaji mendapati bahawa responden telah mengemukakan beberapa alasan yang kelihatan tidak konsisten untuk menyokong dakwaan mereka tentang kebolehterjemahan unsur budaya BK ke dalam BK.

BAB 7 : KESIMPULAN

7.1 Pendahuluan

Dalam bab ini, pengkaji membincangkan dapatan kajian secara menyeluruh terhadap teks terjemahan yang telah dianalisis, iaitu “삼포 가는 길 (Perjalanan ke Samp’o)”. Dapatan kajian ini telah diambil daripada perbincangan dalam Bab 4, 5 dan 6 yang membentangkan dapatan dan analisis secara kualitatif terhadap unsur budaya dalam terjemahan. Hal ini selaras dengan objektif kajian, iaitu, 1) mengenal pasti unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp’o) 2) menganalisis strategi penterjemahan unsur budaya yang digunakan dalam dalam teks BK (삼포 가는 길) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp’o); dan 3) menghuraikan kebolehterjemahan unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp’o). Oleh itu, menerusi objektif dan hasil dapatan tersebut, pengkaji mengemukakan suatu rumusan tentang kajian ini serta mengutarakan cadangan-cadangan untuk kajian-kajian selanjutnya bagi memperbanyakkan lagi kajian dan penyelidikan mengenai budaya dalam terjemahan pada masa hadapan.

7.2 Implikasi Dapatan Kajian

Kajian ini menganalisis unsur budaya dalam teks terjemahan dalam BK dan BM, iaitu Antropologi *Perjalanan ke Samp’o* (삼포 가는 길). Dalam kajian ini, pengkaji menghuraikan tentang unsur budaya dalam teks terjemahan dalam BK dan BM dan mendapati bahawa terdapat banyak unsur budaya yang digunakan dengan meluasnya oleh penterjemah. Kajian yang dijalankan ini berpandu kepada tiga persoalan kajian yang telah digariskan oleh pengkaji, iaitu jenis unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) (*samp’oganeungil*) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp’o), strategi

penterjemahan unsur budaya yang digunakan dan penghuraian kebolehterjemahan unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) (*samp'oganeungil*) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o).

Pengkaji merumuskan berkenaan perkara-perkara yang menjadi pokok perbincangan dalam kajian ini. Kesemua perkara dasar dalam kajian ini telah disentuh secara menyeluruh. Oleh itu, dalam bab ini pengkaji memberikan rumusan yang lebih jelas bagi menyimpulkan analisis berdasarkan bab 4,5, dan 6.

7.2.1 Jenis Unsur Budaya dalam Teks BK (삼포 가는 길) dan Terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o)

Pengkaji telah mengklasifikasikan kategori budaya melalui beberapa pendekatan, iaitu klasifikasi Keesing (1958), klasifikasi Newmark (1988) dan klasifikasi Katan (2012). Daripada tiga klasifikasi ini, pengkaji memilih 6 kategori budaya untuk menganalisis bahan-bahan teks yang telah dikenal pasti. Pengkaji merumuskan bahawa terdapat pelbagai jenis unsur budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o). Unsur budaya ini dikategorikan melalui beberapa pendekatan, iaitu klasifikasi Keesing (1958), klasifikasi Newmark (1988) dan klasifikasi Katan (2012) yang merangkumi kategori ekologi yang dibahagikan kepada flora, fauna, iklim, dan muka bumi. Seterusnya ialah budaya material yang diklasifikasikan kepada artifak, alat muzik, kediaman, dan makanan. Dalam kategori budaya kepercayaan pula, pengkaji mendapati bahawa terdapat penggunaan peribahasa dan juga kepercayaan karut manakala dalam kategori budaya kawalan sosial, didapati bahawa terdapat penterjemahan unsur ideologi, undang-undang, dan etika dan moral. Dalam kategori budaya organisasi sosial pula, pengkaji mengelaskannya kepada umur, perkahwinan, dan keluarga. Kategori budaya yang terakhir ialah gerak isyarat dan tabiat. Jumlah data yang dianalisis bagi ke semua kategori budaya dalam teks BK (삼포 가는 길) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o) ialah 90 kes.

Dalam kajian ini, untuk mengklasifikasi unsur budaya, pengkaji mengubah suai pendekatan daripada 3 sarjana. Hal ini demikian kerana budaya Korea mempunyai banyak komponen, iaitu Konfusianisme, persaudaraan (*kinship*), perang, bahasa dan sebagainya. Pemilihan kategori sesuai bagi sesuatu penterjemahan bergantung dengan pelbagai jenis faktor seperti masyarakat, sejarah, bahasa, agama dan unsur budaya yang diterapkan. Terdapat pelbagai cara untuk menterjemah, terutamanya yang melibatkan teks sastera yang mempunyai unsur budaya dalamnya.

Rumusan daripada analisis penterjemahan jenis unsur budaya dalam teks sebagaimana yang ditonjolkan dalam korpus kajian ini sekali gus menggambarkan kepelbagaian *facade* dan dimensi dalam meneliti unsur budaya material dan bukan material. Mengikut konteks kefahaman budaya oleh Keesing (1958), Newmark (1988) dan Katan (2012), pengkaji telah memaparkan beberapa fenomena yang berlaku dalam proses terjemahan bagi unsur budaya yang membahaskan unsur ekologi, budaya material, kepercayaan, kawalan sosial, organisasi sosial, gerak isyarat dan tabiat.

7.2.2 Strategi Penterjemahan Unsur Budaya yang Digunakan dalam Teks BK

(삼포 가는 길) dan Terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o)

Seterusnya, pengkaji merumuskan strategi penterjemahan unsur budaya yang digunakan dalam teks kajian. Analisis yang dilakukan oleh pengkaji adalah dapatan analisis yang telah dijalankan ke atas data-data terkumpul yang mengandungi unsur budaya daripada teks terjemahan. Analisis prosedur penterjemahan dalam kajian ini berpandukan prosedur penterjemahan yang digagaskan oleh Newmark (1988) dan Aixelá (1996). Berdasarkan analisis strategi yang dijalankan ke atas terjemahan teks, pengkaji telah menganalisis 90 kes unsur budaya BK dan BM yang melibatkan strategi penterjemahan berunsur tempatan dan strategi penterjemahan berunsur asing. Jumlah penggunaan strategi penterjemahan berunsur tempatan dan penterjemahan berunsur

asing, iaitu 62 kes daripada penterjemahan berunsur tempatan dan 28 kes daripada penterjemahan berunsur asing.

Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji merumuskan bahawa prosedur penterjemahan yang berunsur tempatan terdiri daripada penyejagatan mutlak 29 kes, penyejagatan terbatas sebanyak 16 kes, pencairan 7 kes, naturalisasi 6 kes, pengguguran sebanyak 2 kes dan sinonim dengan 2 jumlah kes. Prosedur penyejagatan mutlak mencatat jumlah kes tertinggi. Ini menunjukkan penterjemah lebih cenderung dan selesa menggunakan prosedur ini apabila gagal menemui unsur budaya yang dikenali atau bercadang hendak menyingkirkan konotasi asing dan mahukan rujukan yang umum. Contohnya, terdapat beberapa perkataan unsur budaya dalam BK yang bentuk dan fungsinya tidak wujud sama sekali dalam dunia pandangan Melayu lebih cenderung ditangani dengan prosedur ini.

Selain itu, terdapat juga prosedur yang membenarkan penterjemah menggunakan rujukan yang dimiliki dalam teks sumber dengan syarat rujukan itu dekat unsur dengan budaya sasaran, iaitu penyejagatan terbatas. Namun, pengkaji berpendapat kadang kala terdapat hasil terjemahannya kurang tepat atau salah. Contohnya, dalam perang Korea antara Korea Selatan dengan Korea Utara, telah timbul perkataan ideologi, iaitu demokrasi dan komunis. Perkataan tersebut juga terdapat dalam bahasa dan budaya di Korea. Oleh itu, penterjemah telah menterjemah teks ini berdasarkan prosedur pencairan, iaitu dengan mengurangkan kekuatan sesuatu perkataan, pernyataan ataupun sesuatu idea untuk mudah difahami oleh pembaca teks sasaran.

Secara keseluruhannya, strategi penterjemahan unsur budaya antara BK dengan BM bergantung pada penyelidikan makna sebenar yang didukung oleh budaya dalam BK. Kegagalan berbuat demikian akan menyebabkan kesilapan dalam pemilihan strategi penterjemahan sekali gus membawa kesan kepada pemahaman pembaca terhadap

perkataan yang dirujuk.

Dalam strategi penterjemahan berunsur asing pula, terdapat 16 kes bagi prosedur glos intrateks, prosedur pemindahan dengan jumlah kesnya ialah 7, prosedur glos ekstrateks dengan jumlah kesnya ialah 3, dan prosedur *calque* pula 2 kes. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji merumuskan beberapa perkara berkaitan prosedur penterjemahan unsur asing. Berdasarkan analisis yang dilakukan, pengkaji merumuskan bahawa perkataan dan frasa unsur budaya dalam BK yang bentuk dan fungsinya tidak wujud sama sekali dalam dunia pandangan Malaysia lebih cenderung ditangani dengan prosedur glos intrateks untuk mengelakkan masalah ketaksaan maka penterjemah boleh menggunakan penerangan tambahan dalam teks sasaran.

Situasi ketidakbolehterjemahan dikaitkan dengan kemahiran penterjemah dalam menterjemah teks unsur budaya. Proses menterjemah memerlukan penguasaan yang baik dalam memahami budaya bahasa sumber dan sasaran. Hal ini demikian kerana salah tafsir bahasa atau sesuatu lambang budaya menyebabkan hasil terjemahan kurang sempurna. Oleh itu, dalam kajian ini pengkaji mencadangkan prosedur glos ekstrateks (nota kaki) sesuai untuk menyampaikan mesej asal yang hendak disampaikan dalam teks sumber. Malah, penggunaan prosedur glos ekstrateks (nota kaki) ini didapati dapat membaiki kekurangan yang terdapat dalam hasil terjemahan teks sasaran kerana adakalanya tidak terdapat padanan perkataan yang tepat dalam menyampaikan maklumat daripada teks sumber.

Kesimpulannya, pengkaji merumuskan bahawa prosedur penterjemahan unsur asing dan tempatan dalam kajian ini sepenuhnya bergantung kepada keupayaan penterjemah tersebut untuk menyampaikan keseluruhan maksud yang terkandung dalam teks sumber. Pengetahuan yang mendalam tentang budaya dan bahasa sasaran juga sangat penting bagi menepati maksud yang ingin disampaikan. Selain itu, dalam prosedur

penterjemahan unsur budaya, terdapat pelbagai prosedur yang digunakan dan tidak terikat kepada satu-satu prosedur sahaja. Prosedur penterjemahan yang sesuai untuk menangani unsur budaya adalah pelbagai dan bergantung pada keupayaan penterjemah dan prosedur tersebut untuk menyampaikan keseluruhan maksud yang terkandung dalam teks sumber.

7.2.3 Huraian Kebolehterjemahan Unsur Budaya dalam Teks BK (삼포 가는 길) dan terjemahan dalam BM (Perjalanan ke Samp'o)

Seterusnya, pengkaji merumuskan kebolehterjemahan unsur budaya berdasarkan soal selidik yang dilakukan ke atas sekumpulan orang Korea dan kumpulan orang Melayu, iaitu kumpulan pelajar Korea dan kumpulan pelajar Malaysia yang berpendidikan BK dan BM serta berpengetahuan tentang budaya negara tersebut. Dapatan kajian menunjukkan bahawa daripada kebolehterjemahan 90 kes kategori unsur budaya, terdapat hanya 45 kes, iaitu 50% yang budayanya boleh terjemah, manakala 45 kes, iaitu 50% yang budayanya mengalami masalah tidak boleh terjemah. Responden daripada orang Korea mendapati bahawa 60 kes yang boleh diterjemah dengan peratusannya 67 % dan 30 kes tidak boleh diterjemah dengan peratusannya 33%. Dapatan responden dalam kalangan orang Malaysia pula mendapati bahawa 59 kes boleh terjemah, dengan peratusannya ialah 66%, manakala 31 kes tidak boleh terjemah dengan peratusannya ialah 34%. Bagi pengkaji sendiri, kadar boleh terjemah ialah 45 kes dengan peratusannya 50% manakala tidak boleh terjemah pula ialah 45 kes mewakili 50%.

Hasil dapatan soal selidik yang dibuat ke atas kumpulan orang Korea dan kumpulan orang Malaysia, iaitu kumpulan pelajar Korea dan kumpulan pelajar Malaysia yang berpendidikan BK dan BM serta berpengetahuan tentang budaya negara tersebut, pengkaji mendapati bahawa pandangan responden orang Korea dan orang

Malaysia agak sama. Namun, terdapat beberapa kes yang berbeza pandangan antara orang Korea dengan orang Malaysia. Pada pendapat pengkaji, perbezaan pandangan ini disebabkan oleh latar belakang pendidikan, masyarakat, dan agamadan kepercayaan yang berbeza.

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa unsur budaya dalam BK yang turut wujud dalam jaringan budaya dan komunikasi dalam BM. Unsur budaya dalam 45 kes yang tidak boleh terjemah disebabkan oleh budaya dalam BK yang langsung tidak wujud dalam jaringan budaya dan komunikasi BM.

Berdasarkan soal selidik yang dilakukan oleh pengkaji terhadap aspek kebolehterjemahan, pengkaji membuat kesimpulan bahawa aspek tingkah laku kebolehterjemahan budaya dapat dirumuskan seperti berikut:

- 1) Terdapat persamaan unsur budaya dan BK yang turut diamalkan dalam budaya dan BM yang masih boleh diterjemah dengan tepat melalui prosedur penterjemahan.
- 2) Unsur budaya dan BK yang tidak wujud dalam skop budaya dan BM tetapi terdapat unsur bahasa dan budaya dalam BM yang sinonim dalam BK masih boleh diterjemahkan.
- 3) Kebolehterjemahan unsur budaya dilihat terbatas pada bentuknya. Hal ini bermaksud, bentuk yang digunakan dalam teks sumber dapat diterjemahkan. Namun, fungsi yang diungkapkan dalam teks sumber tidak dapat diterjemahkan kerana fungsi yang digunakan dalam teks sumber yang tidak dapat diterjemahkan ini tidak wujud dalam skop budaya dan BM.
- 4) Fungsi yang tidak dapat diterjemahkan melalui penterjemahan literal dan prosedur pemindahan, lazimnya akan menggunakan prosedur penyejagatan mutlak atau prosedur glos intrateks untuk meningkatkan kebolehterjemahan.
- 5) Aspek makna dalam fenomena alam dan zaman yang diwakili oleh sesuatu unsur budaya dalam bahasa sumber tidak dapat diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran.

Pengkaji juga merumuskan bahawa responden, iaitu orang Korea dan orang Malaysia kelihatan lebih cenderung menyatakan bahawa unsur budaya BK adalah lebih bersifat boleh terjemah ke dalam BM. Responden telah mengemukakan beberapa alasan yang kelihatan tidak konsisten untuk menyokong dakwaan mereka tentang kebolehterjemahan unsur budaya BK ke dalam BM. Terdapat kelainan yang ketara antara dapatan kajian pengkaji dalam bab 6, pandangan responden dengan pandangan pengkaji tentang kebolehterjemahan unsur budaya dalam terjemahan BK-BM. Hal ini demikian kerana wujudnya perbezaan fahaman antara pengkaji, responden tentang konsep kebolehterjemahan.

Secara tuntasnya, bukan kesemua unsur budaya dan BK mengalami keadaan tidak boleh terjemah ke dalam BM. Hal ini jelas menunjukkan bahawa di samping adanya perbezaan pandangan dunia antara masyarakat Korea dan masyarakat Melayu, terdapat juga persamaan. Bagaimanapun, persekitaran hidup masyarakat Korea dan Melayu di Malaysia yang semakin hari semakin berkongsi unsur budaya yang 'serupa' akan membolehkan lebih banyak tabiat budaya tabiat masyarakat Korea diketahui dan difahami oleh orang Malaysia. Keadaan ini akan meningkatkan tahap kebolehterjemahan unsur budaya tersebut.

7.3 Cadangan Kajian Selanjutnya

Ketika analisis data dijalankan, pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kelemahan dan kesilapan yang telah dilakukan oleh penterjemah sewaktu proses penterjemahan unsur budaya dalam teks sastera. Antara kelemahan dan kesilapan tersebut ialah terjemahan yang menggunakan pelbagai istilah berlainan bagi merujuk kosa kata yang sama, cenderung menterjemahkan unsur budaya yang tersasar daripada maksud yang sepatutnya, menterjemahkan perkataan dan frasa yang kurang tepat serta bertentangan dengan maksud perkataan sebenar. Hal-hal sedemikian boleh

mengakibatkan timbulnya kekeliruan pada pembaca sasaran, sekali gus mengganggu kefahaman mereka untuk memahami unsur budaya yang ingin disampaikan oleh penulis teks sastera. Oleh itu, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan dan usaha pembaikan untuk menghasilkan sebuah teks terjemahan yang berfungsi dengan baik dan berkesan.

Pertama, sarjana-sarjana Korea dan Malaysia dalam bidang terjemahan perlu berusaha memperbanyakkan bahan-bahan ilmiah yang berkaitan terjemahan bahasa Korea-Melayu, seperti melalui penulisan dan penerbitan berilmiah. Berdasarkan kajian kepustakaan, didapati bahawa buku ilmiah berkaitan terjemahan bahasa Korea-Melayu adalah sangat terhad. Jumlah karya dalam bidang teori dan pendekatan terjemahan bahasa Korea-Melayu masih terlalu kecil, sekali gus merumitkan para sarjana untuk mendapatkan bahan rujukan bagi tujuan panduan atau penyelidikan.

Kedua, menyedari bahawa masalah penterjemahan berkaitan unsur budaya merupakan masalah utama dalam penterjemahan, kajian ini mencadangkan supaya pihak-pihak berwajib seperti ITBM dan DBP mempergiatkan latihan, pembelajaran dan perkongsian ilmu yang dapat dilaksanakan menerusi persidangan, seminar dan bengkel ataupun kursus-kursus terjemahan. Antara isu-isu yang harus diberi tumpuan ialah masalah budaya, aspek lexis dan unsur budaya, masalah makna, dan pendekatan yang digunakan penterjemahan seperti penterjemahan berunsur tempatan dan penterjemahan berunsur asing. Selain itu, penterjemah juga perlu didedahkan dengan contoh-contoh terjemahan yang baik untuk mengenal pasti terjemahan yang bermutu dan terjemahan yang lemah, serta mempelajari teknik dan strategi yang baik dalam proses terjemahan. Perkongsian ilmu serta latihan yang diadakan akan membawakan kemajuan dan kepesatan dalam bidang penterjemahan, selain meningkatkan kemahiran dan seni menterjemah dalam kalangan para peserta.

Ketiga, penterjemah harus melakukan penyelidikan yang menyeluruh terhadap teks yang akan diterjemahkan sebelum dan selepas proses terjemahan. Penyelidikan tersebut bukan sahaja dalam unsur bahasa, malah meliputi seluruh skop dalam bahasa sumber dan bahasa sasaran. Penyelidikan ini adalah penting bagi mengelakkan kelompongan pengetahuan penterjemah terhadap budaya dalam bahasa sasaran, sekali gus memberi kesan kepada kefahaman pembaca terhadap hasil terjemahan. Antara kesilapan-kesilapan yang biasa dilakukan ialah terjemahan yang menggunakan pelbagai istilah berlainan bagi merujuk kosa kata yang sama, cenderung menterjemahkan dialog yang tersasar daripada maksud yang sebenar serta menterjemahkan perkataan unsur budaya yang kurang tepat dan berlawanan dengan makna sebenar. Kesilapan-kesilapan tersebut boleh menimbulkan kekeliruan kepada pembaca, sekali gus mengganggu kefahaman mereka dalam memahami jalan cerita sebenar pada teks sastera yang diterjemahkan.

Keempat, memandangkan penterjemah adalah pengantara yang diharapkan untuk menyampaikan maksud teks asal dalam bahasa sasaran dengan tepat, maka penterjemah sepatutnya lebih peka terhadap perkembangan semasa dalam bidang penterjemahan. Perkembangan tersebut meliputi aspek teknologi, bahan-bahan kajian dan terbitan, isu-isu semasa dan sebagainya. Kepekaan mereka terhadap dunia penterjemahan dapat membantu meningkatkan mutu terjemahan, sekali gus memperkaya disiplin ilmu dalam bidang penterjemahan.

Kelima, penterjemahan unsur budaya merupakan salah satu cabang dalam bidang penterjemahan yang menuntut kepakaran yang tinggi daripada para penterjemah. Oleh yang demikian, untuk memastikan para penterjemah mempunyai kepakaran yang tinggi, maka pengkaji mencadangkan supaya kursus-kursus, persidangan, seminar dan bengkel berkaitan kemahiran terjemahan dapat dipertingkatkan dengan memberi tumpuan kepada masalah budaya, aspek lexis dan unsur budaya, masalah-masalah makna, dan

pendekatan-pendekatan dalam bidang terjemahan. Selain itu, penterjemah juga disarankan untuk mengkaji contoh-contoh terjemahan yang berkualiti bagi mempelajari teknik dan strategi yang baik, serta mengenal pasti terjemahan yang berkualiti dan terjemahan yang mengandungi kesilapan. Program-program sedemikian dapat membantu membina kepakaran dalam kalangan penterjemah. Apabila sudah memperoleh kepakaran, ilmu-ilmu tersebut perlu disebarluaskan sama ada dalam bentuk lisan mahupun tulisan. Oleh hal yang demikian, para sarjana disarankan agar lebih aktif dalam bidang penulisan dan penerbitan bahan ilmiah berkaitan bidang terjemahan. Maka, sudah tiba masanya bagi pihak-pihak seperti LTIK, HUFS, BUFS ITBM, PPM dan DBP, meningkatkan usaha dan kerjasama dalam bidang penulisan dan penerbitan, sekali gus menyebarkan kepakaran terjemahan.

Keenam, berdasarkan kajian kepustakaan, didapati Korea dan Malaysia kekurangan penyunting yang pakar dan mantap dari segi penguasaan kedua-dua bahasa dan budaya. Kesannya, sesebuah terjemahan mungkin disunting oleh penyunting yang hanya memahami bahasa sumber tetapi tidak memahami bahasa sasaran. Oleh hal yang demikian, pihak-pihak berwajib juga perlu mempersiapkan penyunting dwi-bahasa dan dwi-budaya yang mampu menyunting manuskrip terjemahan dengan teliti dan cermat supaya kualiti manuskrip terjemahan dapat ditingkatkan.

Akhir sekali, kerjasama daripada pihak kerajaan juga sangat penting dalam membuka ruang dan peluang kepada penterjemah-penterjemah muda supaya bakat mereka dapat diasuh dan diasah semenjak awal. Tenaga dan idea penterjemah muda lazimnya selalu 'segar' dan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya. Selain itu, khidmat kepakaran daripada ahli-ahli akademik seperti pensyarah universiti yang mempunyai kepakaran dalam bidang terjemahan juga penting untuk berkerjasama dan membimbing para penterjemah muda dengan kepakaran ilmu yang mereka miliki. Dengan gabungan

kepakaran ahli akademik berpengalaman dan idea segar penterjemah muda, terjemahan dapat dihasilkan dengan berkualiti.

7.4 Rumusan

Sebagai kesimpulan, terjemahan ialah "satu proses penulisan semula kompleks yang telah muncul dalam banyak situasi percanggahan teori dan praktikal dalam sejarah" (Aixelá, 1996, p.52). Kedua-dua strategi untuk menterjemah bahasa, iaitu penterjemahan berunsur tempatan dan penterjemahan berunsur asing, berperanan sebagai matlamat utama penterjemah, yakni menyampaikan versi yang boleh dibaca kepada pembaca sasaran. Tidak dinafikan bahawa menterjemah karya kesusasteraan merupakan satu cabaran kerana proses penterjemahannya tidak seperti genre yang lain. Penterjemah bukan sahaja harus memelihara mesej teks sumber, malahan lebih penting daripada itu penterjemah itu sendiri juga seorang artis yang menghasilkan nilai tambah dalam hasil seni. Pengkaji berpendapat dengan menggunakan penterjemahan berunsur asing, sesuatu terjemahan akan memberi peluang kepada pembaca Korea-Malaysia untuk mengalami gaya hidup Korea pada zaman tersebut. Namun begitu, dalam beberapa kes, penterjemahan berunsur tempatan juga boleh dijadikan sebagai satu pilihan yang tidak dapat dielakkan dalam terjemahan sebegini.

RUJUKAN

- Abdul Hadi Abdullah. (1988). *Kajian makna dalam penterjemahan*. Kuala Lumpur : Falkuti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Abdul Rahman Haji Abdullah. (2006). *Sejarah dan kebudayaan Asia Tenggara tradisional* . Kuala Lumpur : Karisma Publications.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2001/2010). *Teori dan teknik terjemahan*. Kuala Lumpur : PTS Publication.
- Abdullah Hassan & Ainon Mohd. (2006). *Koleksi terindah peribahasa Melayu*. Kuala Lumpur : PTS Publication.
- Aixelá, J. F. (1996). Culture-specific items in translation. *Translation, power, subversion*. (pp. 52-78). Britain : Multilingual Matters Ltd.
- An, S. J. (2002). *Literary translation from Korean into English: a study in criteria*. Seoul : Ebesco Publishing.
- Ana, F. G. (2012). Translating culture: problems, strategies and practical realities. *Art and Subversion*. No. 1 - Year 3.
- Ang, L. H., & Yong. S. C. (2011). *Masalah sosiobudaya dalam penterjemahan karya Melayu ke bahasa Cina*. Pulau Pinang : Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Asmah Haji Omar. (2002). *Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Baker, Mona. (1992). *In other words: A coursebook on translation*. London : Routledge.
- Baker, Mona., & Malmkjær, Kirsten. (1998/2011). *Routledge encyclopedia of translation studies*. London & New York : Routledge.
- Bao, H. N., & Bao, A. (2004). *Zhong guo wen hua yu han yng fan yi [budya china dan terjemahan bahasa Cina-bahasa Inggeris]*. Beijing : Wai wen cua ban she.
- Baral, K. C. (2009). Translating the oral: translatability and cultural dynamics. *Indian Folklore Research Journal*, 9, 27-35.

- Bassnett, S. (1980/2005). *Translation studies, revised editions* (1991). London : Routledge.
- Beekman, J., & Callow, J. (1974). *Translating the Word of God*. Grand Rapids, MI: Zondervan.
- Bell, R. T. (1998). Psychological/cognitive approaches. In M. Baker (Ed), *Routledge encyclopedia of translation studies*. London & New York: Routledge.
- Benjamin, W. (2000). The task of the translator. In Venuti, Lawrence (Eds). *The translation studies reader* (pp. 15–25). London : Routledge.
- Brown, J. D. (2001). *Using surveys in language programs*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Bryman, A. (2001). *Social Research Methods*. Oxford : Oxford University Press.
- Catford, J. C. (1965). *A linguistic theory of translation: An essay in applied linguistics*. London : Oxford University Press.
- Catford, J. C. (1996). *A linguistic theory of translation*. London : Oxford University Press.
- Chun, T. H. (2003). Hubungan Korea-Arab-alam Melayu dalam zaman kerajaan Silla. *Jurnal Peradaban Melayu*. Tanjong malim : Institut Peradaban Meayu, University Pendidikan Sultan Idris.
- Chung, Y. R. (1988). *Antologi Cerpen Korea Selepas Perang Dunia Kedua Perjalanan ke Samp'o*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Cohen, A.D. (1998). *Strategies in learning and using a second language*. Longman: London and New York.
- Dörnyei, Z. (2003). Attitudes, Orientations and Motivations in Language Learning: Advances. *Theory, Research and Applications*. *Language Learning*, 53, 1: 3-32.
- Duranti, A. (1997). *Linguistic anthropology*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Finlay, I. F. (1971). *Translating, the English*. Edinburgh : University Press.
- Geertz, C. (1973). *The interpretation of cultures*. New York : Basic Books.

- Gibbs, R. W. Jr. (1994). *The poetics of mind: figurative thought, language, and understanding*. Cambridge : Cambridge University Press.
- Goh, B. C. (2011). *한국의 종교현황*. 서울 : 문화체육관광부
- Goh, S. S. (2007). *Kebolehterjemahan aspek-aspek budaya dalam terjemahan "Shui Hu Zhuan"*. Pulau Pinang : Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Goh, S. S., & Mashudi Kader. (2008). Kelainan amatan tentang kebolehterjemahan: kes bahasa Cina kepada bahasa Malaysia. *Jurnal Alam dan Tamadun Melayu*. 26, 27-62.
- Goh, Y. S., & Azman Che Mat. (2009). Penterjemahan dan budaya. *Prosiding persidangan penterjemahan antarabangsa ke-12. kelestarian bidang penterjemahan* (pp. 358-375). Kuala Lumpur : Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Goh, S . S (2012). *Bahasa Cina Bahasa Melayu Kebolehterjemahan Budaya*. Pulau Piang : Penerbit Univeriti Sains Malaysia.
- Graedler, A. L. (2000). Cultural shock. Retrieved From <http://www.hf.uio.no/iba/nettkurs/translation/grammar/top7culture.html>.
- Haddad, S. (2003). *The science of translation: toward a theory of translating genre*. Damascus : Damascus University Press.
- Halloran, M. (2006). *Translating james joyce: culture-specific items in translation*. Retrieved from: <http://french.chass.utoronto.ca/SESDEF/miroir/halloran.pdf>.
- Haslina Haroon, & Hasuria Che Omar. (2013). *Asas terjemahan dan interpretasi*. Pulau Pinang : Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Hatim, B & Munday, J. (2004). *Translation: An Advanced Resource Book*. London : Routledge.
- Haliza Mohd. Riji. (2000). *Prinsip dan amalan dalam perubatan Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Harvey, M. (2000). *A beginner's course in legal translation: the case of culture-bound terms*. Bern/ Genève : ASTTI/ETI.

- Haviland, W. A. (1996). *Cultural anthropology*. San Diego : Harcourt Brace College Publishers.
- Hervey, S., & Higgins, I. (1992). *Thinking translation*. London & New York : Routledge.
- Hodge, B., & Louie, K. (1998). *The politics of chinese language and culture*, London : Routledge.
- Hoed . H. B. (2006). *Penerjemahan dan kebudayaan*. Jakarta : Kiblat Buku Utama.
- Holzwarth, H. (2009). Penerjemahan novel siddhartha ke dalam bahasa Melayu. *Jurnal Penerjemah*, XI, 26-39.
- Hou-Keat Khong. (2009). *Problems in translating a local Malay novel, empangan to spanish by a non-mother tongue speaker* (pp. 385 – 398). Kuala Lumpur : Persatuan Penerjemah Malaysia.
- House, J. (2000). Linguistic relativity and translation. *explorations in linguistics Ed.*, (pp.69-88). Amsterdam/Philadelphia : John Benjamins Publishing Company.
- Institut Pendidikan Guru. (2011). *Perterjemahan bahasa Melayu:sejarah, teori, dan pendekatan*. Cyberjaya : Kementerian Pelajaran Malaysia. Rertieved form <https://afiqekie.files.wordpress.com/2012/12/modul-bmm3112-topik-9-iankaka.pdf>.
- Iser, W. (1995). On translatability : variables of interpretation. In W. Riehle and H. Keiper (eds), *Tagungsberichte des anglistentags verbands deutscher anglisten*, Bd. 16 (pp. 299–310). Tübingen : Niemeyer.
- Jaaskelainen, R. (1999). *Tapping the process: an explorative study of cognitive and effective factors involved in translating*. Joensuu : University of Joensuu Publications in Humanities.
- Jaaskelainen, R. (2005). *Translation studies: what are they?* Retrieved from <http://www.hum.expertise.workshop>.
- Jabatan Mufti Negeri Melaka. (2012). *Garis panduan. amalan pengubatan dan perbomohan menurut Islam*. Rertieved form http://www.muftimelaka.gov.my/jmm.pdf/Pengubatan_Islam_Perbomohan_Melaka.pdf.
- James, K. (2002). Cultural implications for translation. *Translation Journal*, 6 (4).

- John, C., & John, B. (1974). *Translating the word of god: with scripture and topical indexes*. Michigan : Zondervan.
- Kamus Dewan*. (2007). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Katan, D. (2012). *Translating cultures: An introduction for translators, interpreters, and mediators*. Manchester : St. Jerome Publishing.
- Katan, D. (2013). In the encyclopedia of applied linguistics in chapelle, C. A., (Eds.) *Cultural approaches to translation* . London : Wiley-Blackwell
- Keesing, F. M. (1958). *Cultural anthropology. the science of custom*. Holt : Rinehart & Winston.
- Khairunisah Sayed Ibrahim. (2008). *Unsur budaya dalam koleksi terjemahan cerita jenaka bahasa Melayu - bahasa Jerman : satu analisis*. Kuala Lumpur : Falkuti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Kim, J. H. (2010). *A study on Korea-Arabic translation of advertisement texts: with focus on culture-specific terms*. Seoul : Hankuk University of Foreign Studies.
- Kim, J, W. (2013). Korean tradition of translation: from the gabu reform to the present. *번역학연구*. 14(3), 41-63.
- Kim, H. C. (2001). 韓國文學作品의 外國語 翻譯 狀況과 改善 方向에 대한 考察 (한국 문학 작품의 외국어 번역 상황과 개선 방향에 대한 고찰). *대한민국학술원논문집*, (40), 서울 : 대한민국학술원.
- Kolers, P. A. (1973). Translation and bilingualism in *George A.M.* (Eds.), *Communication, language, and meaning, psychological perspectives* (pp. 280-290). New York : Basic Books, Inc. Publishers.
- Krings, H. P. (1986). Translation problems and translation strategies of advanced German learners of French (12). In House and Blum-Kulka, *Interlingual and Intercultural Communication*. (pp.263-275). Germany : Gunter Narr Verlag Tubingen.
- Kruger, H. (2012). The translation of cultural aspects in South African children's literature in Afrikaans and English: a micro-analysis. *Studies in Translatology*, 21 (2), 156-181.
- Larson, M. L. (1984). *Meaning-based translation : A guide to cross-language equivalence*. London : University Press of America.

- Lee, G. W. (2013). *The way to vitalize Korea-China publication contents exchange*. Seoul : Hankuk University of Foreign Studies.
- Lee, S. J. (2010). Cultural translation : A case study of Kyeongbokgung palace. *번역학연구*, 11(1), 311-337.
- Lee, V. (2014). Knowledge of word connotations in the translation of culture-specific lexis: findings from a pilot study. *번역학연구*, 15(4), 223-250 .
- Lefevere, & Bassnett M. S.(eds). (1990). *Translation, history and culture*. London : Croom Helm. Ltd.
- Levi-Strauss, C. (2000). Linguistics and anthropology. in Burke, Lucy (Eds.), *The routledge language and cultural theory reader* (pp. 401-409). London : Routledge.
- Levy, J (1967). Translation as a decision process. dalam : *To honour Roman Jakobson. Essays on the occasion of his 70th birthday*, vol.2. The Hague : Mouton.
- Li Q., & Guo, J. H. (2013). Translation, cross-cultural interpretation, and world literatures. *Comparative Literature and Culture*, 15(6). 2-8.
- Liao, C. (2005). Translatability and cultural difference: Toward an ethics of “real” translation. *Literary and Cultural Studies* 31(2) , 145-69.
- Lindfors, A. M. (2001). Respect or ridicule: translation strategies and the images of a foreign culture. *Helsinki English Studies*, 1, 29.
- Loescher, W. (1991). *Translation performance, translation process and translation strategies*. Tuebingen : Guten Narr.
- Magdi Wahbah. (1974). *A dictionnary of literary term (English-French-Arabic) with french and arabic indexes*. Libraire Du Libon : Beirut.
- Mcarthur, T. B. (1992). *The Oxford companion to the English language*. Oxford : University Press.
- Meetham, A. R., & Hudson, R. A. (1972). *Encyclopedia of information, linguistics, and control* . Oxford : Pergamon.
- Mohammad Salehi (2012). Reflections on culture, language and translation. *Journal of Academic and Applied Studies*, 2(5), 76- 85.

- Mojtaba Moradi, & Hossain Mohammad Sadeghi. (2014). Translation of culture-specific phrases in the holy quran. *Theory and Practice in Language Studies*, 4(8), 1735-1746.
- Munday, J. (2001). *Introducing translation studies : Theories and applications*. London : Routledge.
- Newmark, P. (1981). *Approaches to translation*. Oxford : Pergamon.
- Newmark, P. (1988). *A textbook of translation*. London. London : Prentice Hall International.
- Nida, A. E. (1963). *Bible translating and the science of linguistics*. *Babel*, 9/1-2(1963).
- Nida, A. E. (1964). *Toward a science of translation*. Leiden : E.J. Brill.
- Nida, A. E., & Charles, R. T. (1969). *The theory and practice of translation*. Leiden : E.J.Brill.
- Nida, A E., & Charles, R. T. (2003). *The theory and practice of translation*. Leiden: E.J.Brill.
- Nord, C. (1997). *Translating as a purposeful activity: Functionalist approaches explained*. Manchester : St. Jerome Publishing.
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying, Sharifah Fakhriah Syed Ahmad, & Zuraidah A. Majid. (2014). *Budaya dan pembelajaran*. Selangor : Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Rorhazlina, Rokiah Awang & Haslina Haroon. (2013). Strategi Penterjemahan Elemen Budaya Bukan Material dalam Terjemahan Teks Bukan Fiksi. *Prosiding Persidangan Penterjemahan Antarabangsa ke-14*. (pp. 284-302). Kuala Lumpur : Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Norizah Arbi. (2000). Perkembangan dan fungsi terjemahan sebelum merdeka. *Jurnal Dewan Bahasa*. 44(9), 975-988.
- Oxford University. (2010). *Oxford advanced learner's dictionary of current English*. London : Oxford University Press.
- Puteri Roslina. (2012). *Meneroka penterjemahan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur : Penerbit Univeristi Malaya.

- Reiss, K. (2000). *Translation criticism: the potentials and limitations : Categories and criteria for translation quality assessment*. New York : St. Jerome Publishing Ltd.
- Sager. (1983). Quality and standards the evaluation of translation. Picken, C. (ed.). *The translator's handbook* (pp. 121-128). London : Aslib.
- Sapir, E. (2000). The status of linguistics as a science In Burke, Lucy (Eds.). *The routledge language and cultural theory reader* (pp. 395-400). London : Routledge.
- Schleimacher, Friedrich. (1838/1963). On the different methods of translating, In André Lefevere (ed. & trans.) (1977), *Translating literature: The German tradition from Luther to Rosenzweig*. Assen & Amsterdam : Van Gorcum.
- Sekaran, U. (2003). *Research Methods for Business: A Skill Building Approach*. New York : John Willey & Sons, Inc.
- Seyed Mohammad Hosseini, & Maasoum Hoda Davtalab. (2011). An analysis of culture-specific items in the persian translation of “dubliners” based on newmark’s model. *Theory and Practice in Language Studies*, 1(12), 1767-1779.
- Sharifah Haji Malek (1995). *Usaha-usaha penterjemahan di Malaysia*. Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Starnowski, M. (2012). A study of cultural translation and the problem of language – based on the Korean translation of the polish epic poem pan tadeusz. *세계문학비교연구*, 38(봄), 477-508.
- Suh, C. S. (2004). *An encyclopedia of Korean culture*. Seoul : Hansebon.
- Sun, Y. (2014) Cross-cultural translation: attitudes, feelings and affective interactions. *Neohelicon Journal*. 41, 275–292.
- Taylor, E. B. (1871/1974). *Primitive culture. Jilid 1*. New York : Gordon Press.
- The Korean Standard Dictionary*. (1999). Seoul : National Institute of Korean Language Doosan Donga.
- Venuti, L. (1995). *The translator's invisibility : A history of translation*. London : Routledge.
- Venuti, L. (1998). *Strategies of translation*. In M. Baker (eds.) Routledge encyclopedia

of translation. London & New York: Routledge.

Venuti, L. (2000). *The translation studies reader*. London. New York : Routledge.

Vermeer, H. J. (2000). Skopos and commission in translation action. In Venuti, L., & Lawrence. (Eds.). *The translation studies reader* (pp.221-232). London : Routledge.

Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (1958/1995). *Comparative Stylistics of French and English : A methodology for translation*. Amsterdam & Philadelphia : John Benjamins.

Vinay, J. P., & Darbelnet, J. (2000). A methodology for translation. In L. Venuti (Eds.), *The translation studies reader* (pp. 84–93). London : Routledge.

Woods, P. (2006). *Successful Writing for Qualitative Researchers*. London : Routledge.

University of Malaya